

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 10**

**Rabu**

**6 April 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka  
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 26)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 62)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 6 April 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN**

1. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kementerian bercadang mewajibkan pemeriksaan kesihatan, khususnya, penghidap AIDS di kalangan pasangan yang bakal melangsungkan perkahwinan sebagaimana yang telah diamalkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan diikuti oleh Kerajaan Negeri Perlis.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM hanyalah bertindak sebagai penyelaras hal ehwal pentadbiran agama Islam bagi seluruh negara. Kerajaan memang amat menggalakkan pasangan yang akan mendirikan rumah tangga untuk menjalani pemeriksaan kesihatan, khususnya bagi penghidap AIDS sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor. Kerajaan Negeri Perlis masih lagi dalam peringkat pelaksanaan.

Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan tahap kesihatan pasangan tersebut, di samping mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan penyakit tersebut dari terus berjangkit kepada pasangan mereka selepas berkahwin. Kerajaan tidak boleh mewajibkan pemeriksaan, memandangkan pentadbiran dan urusan nikah kahwin adalah di bawah kuasa agama, yang mana kuasa agama ini berada di bawah kuasa kerajaan negeri, maka terpulang kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan berdasarkan kebaikan atau tanda aras apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor. Terima kasih.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Kita tahu bahawa buat masa sekarang ini dianggarkan lebih kurang 60 ribu orang di negara kita telah dijangkiti oleh HIV dan AIDS dan dianggarkan lebih kurang 7 ribu kes-kes baru dan 6 ribu kematian dianggarkan setahun bagi menjelang tahun 2010. Kita juga dapati bahawa 50% daripada penghidap HIV adalah golongan remaja serta belia di bawah umur 28 tahun. Kebanyakan penghuni-penghuni di pusat serenti yang terlibat dengan dadah ialah golongan belia dan mereka juga merupakan golongan yang belum berkahwin. Apabila keluar nanti mereka pasti, dengan izin, berkahwin dan mereka tidak menceritakan berkenaan sakit-sakit yang mereka dapat.

Soalan tambahannya ialah kalau dikatakan bahawa pihak kerajaan tidak mencadang dan tidak boleh, sebab ia merupakan bidang kuasa kerajaan negeri, siapakah yang akan bertanggungjawab bagi memastikan generasi yang akan datang bebas daripada AIDS. Adakah kita ini hendak jadi macam Botswana, satu daripada empat orang penduduknya terlibat dengan AIDS? Saya rasa ini menjaga keturunan juga merupakan satu daripada lima tuntutan *makasi assyariah* yang kita perlu perjuangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat! Yang Berhormat! Minta penjelasan sedikit. Apakah kesan positif daripada pelaksanaan dasar ini di negeri tersebut?

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita dapati bahawa pertambahan dengan kita membuatkan ujian-ujian tadi.... Ini, saya pula menjawab [*Ketawa*] Alhamdulillah, apabila kita membuat kajian bahawa HIV yang terlibat di Johor kita dapati bahawa golongan mereka yang datang untuk membuat ujian HIV pada peringkat yang mendaftar kahwin, kita dapati 1.6% atau 2% yang disahkan positif, berbanding dengan 0.02% yang kita wajibkan dalam mereka yang mendapat pemeriksaan *attenuator*. Jadi, Insya-Allah kita dapat pengurangan dalam tempoh tiga tahun yang dijalankan di negeri Johor sebanyak lebih kurang 28%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maklumat ini senang untuk membolehkan Yang Berhormat untuk menjawab, ya. [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Pahat kerana telah menjawab bagi pihak saya. Yang Berhormat, sebenarnya pada persoalan tambahan yang dikatakan tadi, saya bersetuju bahawa memang banyak kes-

kes yang baru tetapi Yang Berhormat tidak boleh lupa bahawa walau pun pasangan telah diuji dan didapati positif HIV, tidak semestinya bagi pasangan ada positif HIV akan berjangkit kepada anak-anak mereka. Kalau kita merujuk kepada statistik yang ada daripada negeri Johor, seramai 125 orang daripada remaja yang telah menjalani ujian dan disahkan positif HIV, 80 orang daripada mereka tetap meneruskan perkahwinan. Jadi, ini soal peribadi yang kita tidak boleh menghalang mereka daripada terus berkahwin. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita tahu bahawa AIDS adalah satu perkara macam tsunami yang akan jadi tidak lama lagi. Untuk orang-orang yang bukan Islam, apakah pandangan kerajaan untuk mengatasi masalah yang juga terlibat kepada orang-orang yang bukan Islam, terutamanya yang kerap kali pergi ke negeri-negeri, melawat negeri-negeri yang ada AIDS, seperti di Thailand dan sebagainya. Apakah rancangan yang tertentu untuk orang-orang bukan Islam?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Kita, seperti mana tadi Yang Berhormat, memang kerajaan menggalakkan tetapi kerajaan tidak boleh mewajibkan. Kerajaan menggalakkan pada setiap pasangan sebelum berkahwin melalui ujian HIV ini tadi, tetapi tidak boleh diwajibkan. Jadi, di sini kadang-kadang bagi mereka yang positif, macam saya katakan tadi, Yang Berhormat, mereka akan meneruskan perkahwinan. Cuma sesi-sesi kaunseling juga kita adakan, misalnya bagi pasangan yang meneruskan juga perkahwinan kita akan mewajibkan mereka untuk melalui satu sesi kaunseling yang berkaitan dengan virus HIV dan apakah perkara-perkara yang akan berlaku kepada pasangan yang ada *positif* dan juga bagaimana hendak mengelakkan daripada terus berjangkit seperti pemakaian *kondom* dan sebagainya. Terima kasih.

**Dr. Rozaidah binti Talib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Kementerian Kesihatan kepada saya tentang bilangan kes transmisi virus HIV dari ibu mengandung kepada bayi di dalam kandungan di negara ini, dimaklumkan bahawa sebelum tahun 1998 ada hanya 60 kes, tetapi dari 1998 hingga September 2004, ia melonjak kepada 392 kes. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya jika saya katakan bahawa jika pemeriksaan kesihatan diwajibkan sebelum seseorang itu berkahwin sekurang-

kurangnya ia menjadi faktor penghalang ataupun *deterrent factor*, dengan izin, bagi seseorang itu daripada terlibat dengan aktiviti yang berisiko tinggi terhadap HIV dan seterusnya menghalang *transmisi* kepada isteri dan bayi dalam kandungan yang tidak berdosa. Sekian.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Setuju. Terima kasih. *[Ketawa]*

2. **Datuk haji Abdul Ghafur Haji Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan semua barangan yang diimport dari luar negara halal digunakan oleh orang Islam.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada tidak mewajibkan pihak pengeluar, pengimport atau peniaga untuk menandakan apa-apa barang makanan sebagai halal. Oleh itu, pihak-pihak berkenaan mempunyai pilihan untuk menggunakan perbendaharaan halal atau pun tidak. Namun begitu, sekiranya perbendaharaan halaldigunakan, pihak-pihak terbabit perlulah memastikan ianya halal sebagaimana ditakrifkan di bawah Perintah Perihal Perdagangan Penggunaan Perbendaharaan Halal 1975.

Kerajaan tidak mengeluarkan sijil bagi memperakui kehalalan sesuatu barang makanan yang diimport. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan pengguna memilih makanan diimport yang halal, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengiktiraf pengesahan halal yang dikeluarkan oleh 42 badan pertubuhan Islam antarabangsa dari 22 buah negara dan ini boleh dijadikan panduan kepada orang Islam memilih barangan makanan halal. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Hebat nampaknya ini Kementerian Dalam Negeri dan Ha Ehwal Pengguna. Hebat kerana persoalan saya barang-barang yang diimport, jadi, kalau 1000 kilang, 1000 peniaga import barang, siapa yang pastikan waktu dia masuk? Ini saya mahu tahu sebab apa kita tidak boleh kata, kalau sangsi jangan pakai. Sampai bila? Kita mahu pasti sekiranya barang yang diimport sama ada makanan atau bukan makanan, ia mesti ditaruk logo 'halal'. Jadi siapa yang menentukan halal haram ini? Adakah penguatkuasaan itu disema tempat *entry*, mereka ada bersedia untuk taruk logo halal atau tidak? Atau pegawai-pegawai yang

menentukan halal atau bukan halal ini bukan sembarangan pegawai. Kalau dia bukan *scientist*, dia tidak tahu. Apa ini barang yang di campur dalam barang-barang ini.

Kementerian mungkin tidak ada kepakaran. Jadi, kita mahu kementerian ini ada kepakaran kerana yang masuk ini dipastikan waktu dia masuk sebelum diedarkan kepada orang ramai, dia tentukan ini halal atau ini tidak halal. Bukan kita kata, "Ooh kalau hukum Islam kata, kita sangsi tidak boleh pakai" Ini masalah, ini masalah. Jadi, kita minta penjelasan yang tepat daripada kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, procedure.

**Dato' S. Veersingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar tentang masalah ini dan sentiasa kita mengambil tindakan. Sebagaimana yang disebutkan baru-baru ini, Kabinet telah pun menyerahkan sebagai *lead* agency, dengan izin, untuk menguatkuasakan undang-undang tentang perkara ini kepada kementerian saya. Kalau kita ada bilangan pemeriksaan, dulu 2003, sampai 96 kali, 2004 - 342 kali. Bagi tahun ini sahaja seluruh kementerian, pihak penguat kuasa telah mengambil tindakan untuk memeriksa semua logo-logo halal di semua tempat di mana peperiksaan telah dilakukan sebanyak 2,356 kali. Ini menunjukkan bahawa kita begitu sedar tentang pentingnya kita mengadakan *enforcement* dan kes yang kita dapat adalah sebanyak 20. Maknanya, ada orang yang masih menipu menggunakan logo 'Halal'.

Maka, kerajaan akan mengambil tindakan yang serius tentang hal ini. Berkaitan import daripada luar negara, seperti yang saya sebut tadi, ia diiktiraf sebagai halal oleh Persatuan Islam di negara masing-masing dan apabila kita import dan kita juga menentukan bahawa pegawai JAKIM atau pegawai *enforcement* dengan JAKIM melawat ke negara-negara berkenaan, seperti New Zealand, Australia, di mana kita membeli daging, kita menentukan ia disembelih mengikut syarak. Juga negara India.

Ada juga beberapa kilang di negara India, kita kata, kita tidak akan membeli daging dari situ sebab kita syak tidak mengikut syarak. Jadi, kita sentiasa menentukan. Tetapi kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, yang begitu prihatin. Kita akan terus mengambil tindakan, cari jalan-jalan baru supaya semua barang-barang yang dijual itu adalah halal, jika disebut 'Halal'. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

3. **Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah kesan positif dan negatif dari pindaan Perlembagaan mengenai bekalan air dan apakah fungsi utama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dalam memastikan rakyat mendapat bekalan air bersih dengan harga yang kompetitif.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 dan 18 Januari 2005, serta oleh Dewan Negara pada 19 Januari 2005, adalah bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan berkongsi sama dalam pengurusan perkhidmatan air negara, di mana Kerajaan Persekutuan akan terlibat dalam pengurusan yang berkaitan dengan rawatan hingga pengebilan, manakala sumber air dan kawasan tadahan akan kekal di bawah kuasa kerajaan negeri.

Penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan perkhidmatan air adalah mendesak bagi menangani pelbagai masalah yang berkaitan dengan industri air. Antaranya:

- (i) urus tadbir serta penguatkuasaan yang lemah;
- (ii) kadar kos perkhidmatan air yang tinggi;
- (iii) perbezaan kadar tarif air antara negeri yang sangat ketara; dan
- (iv) kadar air tidak terhasil (NRW) yang tinggi.

Pindaan Perlembagaan ini juga adalah perlu bagi memberi laluan kepada penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mengawal selia industri perkhidmatan air termasuk sektor pembetulan. Sebagai sebuah badan kawal selia, tanggungjawab SPAN antara lainnya termasuk:

- (i) melesenkan kepada operator-operator perkhidmatan air;
- (ii) penetapan spesifikasi teknikal dan kualiti yang perlu dipatuhi oleh pelesen-pelesen;
- (iii) penetapan kadar tarif air; dan
- (iv) penguatkuasaan ke atas prestasi operator-operator perkhidmatan air.

Dengan wujudnya SPAN sebagai sebuah badan kawal selia di peringkat nasional, tahap perkhidmatan serta kualiti bekalan air dapat dipantau dan dibandingkan antara satu negeri dengan yang lain melalui konsep kawal selia secara perbandingan,

*comparative regulation*. Dua kerangka perundangan, iaitu Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (IPA) dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan digubal bagi memastikan SPAN dapat berfungsi secara efisien.

Dari segi penetapan tarif air pula, SPAN akan memastikan sebarang permohonan tarif tidak akan dinaikkan secara automatik tetapi melalui satu proses yang telus. Dalam mempertimbangkan kenaikan kadar tarif air, SPAN akan memastikan yang ia akan melalui satu proses penilaian yang rapi, telus dan terbuka dan juga mengambil kira aspek-aspek seperti perubahan dalam hasil, *revenue*, perbelanjaan, kapasiti dan kadar pembelian air secara pukal, BSR, memenuhi piawaian prestasi dari segi sasaran penurunan air tidak terhasil, NRW dan kos pengagihan, *distribution cost*. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Saya merasakan begitu yakin usaha Kerajaan Pusat untuk memastikan rakyat mendapat bekalan air bersih dengan harga yang sangat kompetitif. Dengan terpindanya Jadual 9, Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan Bekalan air dan penubuhan SPAN. Bagaimanakah kementerian boleh memastikan punca bekalan air mentah ataupun kawasan tadahan hujan tidak dimusnahkan oleh perbuatan manusia, seperti menjalankan kegiatan pembalakan yang tidak terkawal, seperti yang dilaporkan di negeri Kelantan, yang mana boleh menyebabkan berlakunya pencemaran kepada sungai, akibat hakisan yang teruk terjadi di kawasan tadahan yang diceroboh.

Dan, bagaimanakah kementerian ataupun Kerajaan Pusat untuk memastikan kawasan tadahan ini dijaga dengan baik sedangkan kawasan ini terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri? Kalaulah sesetengah kerajaan negeri tidak bertanggungjawab, yang mana mementingkan golongan tertentu sahaja tanpa memikirkan hak rakyat dan keperluan rakyat, sudah pasti kos untuk rawatan air yang tercemar ini juga tinggi dan ini sudah pasti kos ataupun tarif air bersih sudah pasti akan naik. Ini juga akan menimbulkan masalah kepada Kerajaan Malaysia yang prihatin kepada rakyat sebagaimana untuk kepentingan pengguna air bersih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Ir. Shaari bin Hassan:** Apakah tindakan kementerian dalam soal ini? Sekian, terima kasih.



**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat. Satu soalan yang begitu panjang. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, berhubung dengan isu air mentah, masih lagi terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, walaupun setelah berlaku pindaan Perlembagaan. Dengan kata lain, kerajaan negeri akan menggunakan wang royalti yang dibayar oleh operator air nanti kepada kerajaan negeri untuk penjagaan kawasan tadahan air dan juga kualiti air mentah.

Di masa yang sama, kementerian ini juga akan mencadangkan kepada kerajaan melalui Kabinet supaya diwujudkan satu dana untuk menjaga kawasan tadahan hujan. Dana ini bertindak sebagaimana yang ada di dalam telekomunikasi sekarang ini, yang mana sejumlah wang diperuntukkan, di ambil daripada operator-operator yang akan menjalani operasi industri air nanti dan diletakkan dalam satu dana. Dana ini digunakan untuk membantu penjagaan air di kawasan tadahan.

Yang ketiganya, kementerian ini juga mencadangkan kepada Kabinet supaya dipertimbangkan negeri-negeri yang telah banyak berkorban, iaitu menjaga kawasan-kawasan hutan mereka, menghalang pembalakan dengan memberi peruntukan melalui kementerian lain. Sebagai contoh, melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta jawapan yang cukup tepat daripada Yang Berhormat. Pertamanya, apabila SPAN ditubuhkan, urusan air akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Adakah ini akan memastikan bahawa keseluruhan negara kita ini, termasuk di kawasan luar bandar yang masih belum mempunyai bekalan air bersih ini akan diatasi oleh pihak SPAN? Satu.

Yang keduanya, penswastaan ataupun pengurusan air yang telah diadakan pada masa kini oleh syarikat-syarikat yang telah dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri. Apakah mereka mesti mematuhi dan apakah boleh bagi mereka untuk menurunkan harga kos 'ayak', terutama sekali untuk kegunaan masyarakat?

**Beberapa Ahli:** Air.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Air. Ha! Air. *[Ketawa]* Jadi, bolehkah harga air ini diperturunkan. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Arau, geli bila saya kata air, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cakap 'ayak', dengan izin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh! 'Ayak', dengan izin. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya minta jaminan supaya sekarang ini kerajaan negeri berhutang daripada Kerajaan Persekutuan kerana hendak membuat bekalan 'ayak', air, 'ayak' ...

**Seorang Ahli:** Dengan izin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dengan izin, kepada kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, bila SPAN ambil alih adakah masalah ini akan diselesaikan supaya rakyat mendapat nikmat daripada penubuhan SPAN ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Melihat daripada soalan, ada dua soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Yang pertamanya, Yang Berhormat bagi Jerai inginkan jawapan, adakah dengan penubuhan SPAN nanti bekalan air akan dapat dikecapi oleh seluruh rakyat di negara ini.

Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Jerai, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini bukanlah satu operator dalam industri air ini tetapi merupakan satu suruhanjaya yang akan mengawal selia dari segala urusan operasi air, tidak kira di negeri-negeri mana, dari Perlis, Kedah, Kelantan, Perak dan sebagainya. Maka ia bertindak sebagai operator dan SPAN juga akan meminta supaya dikekalkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah meneruskan usaha-usaha membekalkan air ke kawasan-kawasan luar bandar. Itu soalan Yang Berhormat, yang pertama.

Dan, yang keduanya berhubung dengan tidak ada kenaikan tarif yang Yang Berhormat cadangkan. Apakah jaminan apabila ditubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini supaya kadar tarif air, kalau boleh turun? Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat di Dewan ini bahawa dengan adanya SPAN nanti, mana-mana pengusaha air ataupun operator air tidak akan dapat menaikkan tarif air sesuka hati,

sebagaimana kadang-kadang cara penswastaan lain, yang mana di dalam penswastaan itu tertulis, setelah tiga tahun mereka akan dapat 10 peratus, 7 peratus dan sebagainya.

Tetapi dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, mana-mana syarikat yang menjalankan operasi air ini, mereka diminta menghantar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini sekurang-kurangnya setahun daripada cadangan mereka untuk meminta kenaikan tarif. Di sinilah SPAN akan menganalisis secara terperinci sama ada kesesuaian ada untuk membenarkan mereka untuk menaikkan tarif. Jika kesesuaian itu ada, maka barulah dibenarkan. Kalau tidak, ia akan berhenti di situ.

Kerana sebelum juga SPAN memutuskan ada kenaikan tarif, mereka juga akan melalui satu forum pengguna, *water forum*, yang mana ada pengguna di dalamnya dan juga pemain-pemain dari industri air, yang duduk dalam *water forum* ini. Mereka sudah pasti akan memberi pandangan-pandangan mereka, sama ada kesesuaian ada untuk kenaikan tarif untuk pada masa-masa yang akan datang. Saya harap jawapan saya ini serba sedikit menyenangkan hati Yang Berhormat bagi jerei, khususnya. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa beliau tidak tahu menahu mengenai keputusan Kabinet untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan untuk dua rang undang-undang. Yang ada disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai (IPA) Industri Perkhidmatan Air dan (SPAN) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Beliau ada sehari untuk semak perkara ini tentu tahu bahawa Kabinet pada 19 Januari, sehari selepas perbahasan di Dewan yang mulia ini, di mana atas desakan saya, Yang Berhormat Menteri ada buat jaminan akan bawa perkara ini kepada Kabinet bahawa Kabinet ada buat keputusan untuk menubuhkan *Parliamentary Select Committee* mengenai dua rang undang-undang air itu.

Dan, kenapa? Sekarang bolehkah Yang Berhormat memberitahu kenapa keputusan ini diketepikan? Adakah ini menunjukkan bahawa kuasa dan pengaruh syarikat-syarikat air lebih besar daripada pengguna-pengguna? Kalau begitu, bukankah ini bererti bahawa untuk masa depan, bahawa kepentingan pengguna akan dikorbankan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat. Walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan asal tetapi saya nyatakan, semalam saya telah menerangkan. Kalau kita melihat *Hansard* pada 18 Januari, yang mana Yang Berhormat Menteri hanya menyatakan, beliau bersetuju dengan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini supaya satu *select committee* diwujudkan untuk memberi penerangan dari segi penubuhan SPAN dan juga untuk rang undang-undang IPA nanti.

Tetapi setelah dibawa ke Kabinet, saya beritahu semalam saya tidak tahu perkembangan yang berlaku di Kabinet kerana adalah satu rahsia kerajaan segala perbincangan itu didedahkan kepada orang ramai. Cuma saya dimaklumkan selepas mesyuarat Kabinet bahawa Kabinet membuat keputusan tidak perlu diwujudkan *select committee* dan saya sudah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini semalam bahawa Kabinet telah membuat keputusan itu.

Maka, walaupun tidak diadakan *select committee*, tetapi kementerian ini telah mengambil satu sikap yang proaktif, turun ke setiap negeri, memberi penerangan berhubung dengan pengambilalihan kuasa ini ataupun perkongsian kuasa antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat berhubung dengan industri air ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**4. Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah ketetapan dan kejituan 'coral mapping' bagi semua taman laut di Malaysia. Apakah kementerian bercadang menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk memastikan 'coral mapping' dilaksanakan untuk semua pulau di 221 taman laut kita memandangkan ia adalah sangat penting bagi aktiviti pelancongan negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, pemetaan karang atau dengan izin '*coral mapping*' yang telah dijalankan di kawasan terumbu karang taman-taman laut Malaysia mempunyai tahap ketepatan dan kejituan yang agak tinggi kerana sistem yang digunakan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bertanggungjawab di dalam pengurusan dan pemeliharaan *eco-system* batu-batu karang, buat masa kini hanya 40 buah pulau-pulau yang telah diwartakan sebagai taman laut Malaysia pada tahun 1994.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat program '*coral mapping*' adalah di antara program yang dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan di samping peruntukan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan itu, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga mempunyai peruntukan daripada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut bagi menampung keperluan dalam pengurusan taman-taman laut Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di antara khazanah utama negara selain daripada *bio-diversity* yang ada di darat, fauna dan flora ialah *our coral diversity*. Ini adalah satu khazanah besar yang tidak diterokai dan merupakan tarikan besar kepada para pelancong yang datang ke negara ini.

Tetapi dari pengalaman saya apa yang ada sekarang ini *coral mapping* atau pemetaan *coral* ini tidak dilakukan secara terperinci. Sistem yang dipakai di negara ini sekarang hanyalah menggunakan *eco-sounder*, menggunakan perahu kecil, kemudian para penyelam akan turun menyelam, tetapi tidak ada satu sistem digital *coral mapping* bagi keseluruhan taman laut. Taman laut pula berada di bawah jagaan Kementerian Pertanian, tetapi alam sekitar berada di bawah Kementerian Sumber Asli.

Soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan bercadang untuk memastikan bahawa bagi membolehkan kita mengetahui di mana *coral* ini berada, kita mesti mengadakan satu sistem digital *coral mapping, coordinated* kepada tanda-tanda arah dan juga tanda-tanda ukur di darat supaya membolehkan ia suatu pemetaan yang secara keseluruhan dibuat. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya jangan menunggu Rancangan Malaysia Kesembilan kerana soal pelancongan ini adalah merupakan sumber hasil yang utama kepada negara.

Kalau kita ada satu sistem *coral mapping* yang teratur, saya yakin para pelancong akan dapat mengenal pasti *the exact location of the coral* dan kita boleh pergi melawat, membuat *diving* dan sebagainya untuk membolehkan ia dinikmati. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, rakan seperjuangan dari Negeri Cik Siti Wan Kembang. Saya tahu Y.B. Ketereh ini memang pakar hidrografi daripada Kanada dan sememangnya arif dengan *coral-coral* tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Saya memandang perkara ini sebagai satu cadangan yang amat baik sekali. Tetapi kalau kita hendak buat tahun ini, kita sudah hendak habis duit saya rasa, lapan bulan lagi Rancangan Malaysia Kesembilan akan mula, insya-Allah pihak kementerian akan melaksanakan program *coral mapping* dengan kaedah-kaedah dan teknologi yang terkini. Terima kasih.

**5. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah Program Rumah Mesra Rakyat disalurkan melalui Ahli Dewan Undangan Negeri dan bukan melalui Ahli Dewan Rakyat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Berkenaan dengan Rumah Mesra Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, semua borang permohonan Program Rumah Mesra Rakyat bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sarawak diedarkan oleh Syarikat Perumahan Negara melalui Ahli Parlimen dan juga Ahli Undangan Negeri. Bagaimana pun bagi negeri Sabah, borang permohonan tersebut disalurkan melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah untuk diagihkan kepada semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih belum memperolehi borang permohonan Rumah Mesra Rakyat bolehlah menulis terus kepada SPNB untuk mendapatkannya atau menulis terus kepada Pengerusinya Ahli Parlimen Putrajaya untuk mendapatkan borang itu.

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak membangkitkan perkara ini dengan tujuan yang negatif ataupun tidak bermakna ADUN-ADUN yang berkenaan mengagih borang-borang rumah mesra itu dengan cara yang tidak baik atau adil. Tetapi agak tidak munasabah apabila borang-borang ini diagihkan, Ahli-ahli Parlimen di Sabah banyak dimaklumkan di saat-saat yang terakhir.

Saya sendiri hanya diberi dua kuota tetapi terpaksa terima juga..... dukacita. Kalau boleh berilah kuota kepada ADUN, tetapi janganlah lupa kepada Ahli Parlimen pula. Program ini *is after all* dengan izin program Kerajaan Persekutuan. Kalau tidak pun maklumkan awal kepada Ahli Parlimen. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikutkan rekod yang ada, Program Rumah Mesra di Semenanjung telah dimulakan pada tahun 2003. Tetapi bagi Sabah dan Sarawak mulai tahun ini, tahun 2005. Yang saya lihat di sini peruntukannya masih banyak lagi dan tidak perlu diadakan kuota sebenarnya. Perkara ini bolehlah kita bincangkan seperti yang telah saya sebutkan tadi dengan ahli bersama-sama kita di sini *Chairmannya*, kita bincang dan saya kira beliau bersimpati dengan kita.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Untuk makluman, sebenarnya di Sarawak, apa yang telah kami difahamkan ialah bahawa SPNB telah melantik Suruhanjaya Perumahan Sarawak untuk mengendalikan Rancangan Rumah Mesra Rakyat dan tidak melalui Ahli Parlimen.

Ini adalah suatu kenyataan yang harus kita selidiki dan siasati. Setakat ini Suruhanjaya Perumahan Sarawak belum mengadakan taklimat atau rundingan dengan Ahli-ahli Parlimen. Kalau dapat pihak kementerian membuat satu arahan ataupun perbincangan supaya Suruhanjaya Perumahan Sarawak dapat mengadakan taklimat kepada semua ADUN dan Ahli Parlimen bagaimana bantuan-bantuan ini dapat disalurkan secara berkesan kepada rakyat yang memerlukan. Mohon penjelasan terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat ini baru pagi saya dapat tahu. Tentang program ini di Sarawak ada perbezaan sedikit dan saya ambil perhatian dan saya berharap SPNB akan menjalankan tugas ini untuk mengadakan taklimat kepada semua sekali Ahli Parlimen dan ADUN Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat cukuplah. Yang Berhormat akan memberikan taklimat ya?

**6. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang kementerian ke arah memperkasakan ekonomi orang-orang asli di seluruh negara amnya dan kawasan Cameron Highlands khususnya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki Lafe]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Cameron Highlands. Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa mencari jalan untuk membangunkan masyarakat Orang Asli. Misalnya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM257.5 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk melaksanakan projek-projek pembangunan jangka panjang dan jangka pendek, iaitu yang meliputi pembangunan prasarana asas, pendidikan dan minda, ekonomi dan juga pembasmian kemiskinan.

Di bawah Program Pembangunan Ekonomi bagi meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli, tumpuan diberikan kepada aktiviti pertanian secara ladang. Sehingga kini seluas 30,000 hektar tanah Orang Asli telah dibangunkan untuk projek tanaman kelapa sawit dan juga getah. Hasil daripada program ini seramai lebih 10,000 peserta telah menerima pendapatan minimum RM300 sebulan melalui hasil ladang yang diuruskan oleh RISDA dan FELCRA.

Kerajaan menjangkakan pendapatan bulanan peserta Orang Asli akan meningkat kepada sekurang-kurangnya RM600 hingga RM1,000 sebulan kerana kebanyakan ladang-ladang terbabit telah pun matang. Selain daripada Program Pembangunan Ekonomi Pertanian, kementerian menerusi JHEOA turut mengadakan program jangka pendek bagi melibatkan masyarakat Orang Asli dalam bidang perniagaan.

Sejumlah 171 usahawan telah dibantu melalui Skim Bantuan Usahawan yang diwujudkan di bawah RMK-8. Bantuan usahawan yang diberikan melalui pemberian geran adalah seperti pembinaan ruang niaga di kampung-kampung, bantuan mesin jahit, mesin pemprosesan, kursus keusahawanan, bantuan input pertanian, ternakan dan sebagainya. Sehingga kini JHEOA telah membelanjakan sebanyak RM11 juta di bawah Program Bimbingan Usahawan, projek pengembangan dan juga pembinaan ruang niaga untuk membangunkan usahawan Orang Asli.

Berhubung dengan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Orang Asli di kawasan Cameron Highlands – JHEOA telah dengan kerjasama dengan Lembaga



Pertubuhan Peladang atau LPP telah mengusahakan projek tanaman sayur-sayuran seluas 20 ekar yang masih berjalan dan memberi pulangan yang memuaskan. Projek ini adalah merupakan projek pembangunan jangka pendek kerana pembangunan tanah di kawasan tersebut tertakluk kepada garis panduan Rancangan Pembangunan Tanah Tinggi.

Bagi Program Pembangunan Ekonomi jangka panjang, JHEOA dengan kerjasama agensi RISDA dan juga FELCRA telah merancang untuk membangunkan projek tanaman sawit di Sungai Padi, Kuala Lipis berhampiran dengan penempatan Orang Asli Cameron Highlands. Dengan ini mereka yang terlibat tidak perlu berpindah ke penempatan baru sebaliknya mereka boleh terus menetap di kampung asal mereka.

Setiap peserta akan diperuntukkan sebanyak enam ekar dan rancangan ini adalah ke arah dasar pemberian milik tanah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Projek ini akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa satu yang melibatkan 136 hektar, di mana 50 orang Orang Asli akan mendapat manfaat dan fasa kedua akan melibatkan 283 hektar tanah, di mana 113 orang akan terlibat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun pelbagai perancangan ataupun langkah telah diambil di Cameron Highlands, tetapi saya rasa keberkesanannya secara ikhlas masih boleh dipersoalkan.

Saya rasakan di Pahang ada 53,000 Orang Asli dan separuh daripadanya tinggal di kawasan Cameron Highlands dan walaupun JHEOA telah berusaha memajukan warga asli melalui pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas, namun masalah utama yang mengekang kemajuan Orang Asli ini, pertama dari segi sikap yang memerlukan satu pengorientasian semula.

Persepsi mereka terhadap perubahan persekitaran dan juga lunas-lunas budaya, kepercayaan yang sedia ada mengekang pembangunan ekonomi ataupun kemudahan yang kita bagi. Ketidakupayaan mereka memajukan sektor pendidikan kerana keibubapaan yang rapuh menjadi isu yang besar. Kurangnya peluang untuk dapat menganjakkan ekonomi sara diri kepada ekonomi yang boleh membawa pendapatan yang terjamin dan mampat.

Soalan tambahan saya, apakah rancangan kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memperkasa proses modal insan dan perubahan minda, dan berapakah jumlah wang diperuntukkan untuk tujuan itu bukan untuk tujuan pembangunan prasarana. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands yang begitu prihatin kepada masyarakat Orang Asli. Memang saya setuju kepada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat. Inilah masalah yang kita hadapi bukan sahaja di kalangan masyarakat Orang Asli, tetapi saya ingat oleh semua masyarakat bumiputera dari segi sikap kerajaan memang menghadapi masalah. Inilah tumpuan yang kita akan ambil kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Walaupun saya tidak ada *break down* dengan izin dari segi peruntukan, tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah memohon sebanyak RM529,744,890.

Jadi, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan memberi tumpuan kepada empat jenis program di mana program penempatan semula merupakan sambungan daripada RMK-8. Begitu juga ada ciri-ciri yang akan merubah sikap mereka ini. Yang kedua, kita juga akan meneruskan dengan program peningkatan pendapatan (PPP). Yang ketiga, program sosial akan juga diberi penekanan kali iaitu di bidang pendidikan, pelajaran, kesihatan, tadika. Yang keempat, ini merupakan program baru yang kita berharap akan dapat menjawab masalah yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu program perubahan minda tetapi ini masih lagi menunggu kelulusan dan program ini untuk makluman semua sebelum ini adalah dijalankan di bawah program sosial. Kita berharap dengan memperkenalkan program baru ini tumpuan akan diberi kepada program-program, aktiviti-aktiviti di mana kita akan cuba menukarkan tabiat dan sebagainya di kalangan Orang Asli. Sekian.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu sebab kesulitan kita untuk membangunkan ekonomi Orang Asli ialah keengganan mereka keluar daripada kawasan di mana mereka tinggal. Tetapi sebenarnya ini satu peluang juga kerana di kawasan mereka tinggal di kawasan hutan mempunyai potensi untuk kita menggalakkan mereka ini menanam pokok-pokok tumbuhan hutan yang boleh dijadikan tanaman herba. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk menggalakkan masyarakat Orang Asli supaya lebih aktif dan menumpukan kepada

tanaman pokok-pokok herba yang sekarang ini mempunyai potensi bukan sahaja untuk pasaran dalam negeri tetapi juga untuk pasaran luar negeri. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang kita pun tahu perkara ini ataupun program menanam herba ini merupakan satu bidang yang berpotensi. Tetapi kita juga sedar bahawa bidang ini masih lagi merupakan bidang yang baru di dalam negara kita dan memang ada di kalangan kampung-kampung Orang Asli dan memang sudah pun berkecimpung dalam bidang ini, misalnya Rembau, Negeri Sembilan yang saya tahu kerana saya telah melawat tempat itu, memang selepas mereka menanam pokok-pokok herba dan juga satu daripadanya pokok petai yang ditanam di situ dan mereka telah mendapat pendapatan yang lumayan. Pegawai daerah di Rembau sendiri telah memberitahu saya bahawa mereka dengan pendapatan itu mereka akan menubuhkan satu dana untuk menolong mereka. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai kemerosotan di dalam perkhidmatan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana untuk kategori 'Airline of The Year' bagi tahun 2004, MAS hanya mampu menduduki tempat ke-8 berbanding tahun 2003 di tempat keempat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Sky Tracks Quality Survey penurunan kedudukan Penerbangan Malaysia di dalam kategori Airline of The Year adalah disebabkan penurunan di dalam kedudukan MAS bagi kelas pertama dan kelas perniagaan. Menurut Sky Tracks produk MAS bagi kelas premium tidak berubah untuk beberapa tahun sedangkan syarikat-syarikat penerbangan lain telah pun memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan yang baru.

Walau bagaimanapun, MAS yakin bahawa kedudukan MAS akan bertambah baik dengan pengenalan produk baru oleh MAS seperti tempat duduk baru (*sleepers seat*) dalam pesawat Boeing 747 dan juga Boeing 777 dan sistem hiburan dalam penerbangan yang canggih, *set menu* yang baru dan kemudahan internet jalur lebar dalam penerbangan. MAS mempunyai program pengubahsuaian kabin kelas pertama dan business secara berperingkat supaya tidak menjejaskan operasi keseluruhan MAS.

Jumlah pesawat yang akan diubahsuaikan ialah 15 pesawat – Boeing 777 Siri 200 dan 17 pesawat Boeing 747 Siri 400. Boeing 777 Siri 200 yang pertama yang telah diubahsuaikan telah digunakan di dalam perkhidmatan pada 13 Disember 2004. Setakat ini empat buah 777 Siri 200 telah pun diubahsuaikan dan sedang digunakan di dalam perkhidmatan. Semua kerja ubahsuai dijangka siap pada 30 September 2006. Boeing 747 Siri 400 yang pertama siap diubahsuai telah digunakan di dalam perkhidmatan pada 29 Mac 2005. Setakat ini hanya pesawat ini yang telah siap diubahsuai. Pesawat-pesawat B747 Siri 400 yang lain dijangka siap diubahsuai keseluruhannya pada 31 Julai 2006. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari Kuching ke kawasan berdekatan ataupun pergi Semenanjung kita tidak boleh berjalan kaki, kena naik kapal terbang. Jadi, kita dari Sabah dan Sarawak memang naik kapal terbang selalulah. Semenjak berpuluh tahun ini makanan dalam penerbangan MAS daripada Kuching, sama ada daripada KK, daripada Kuching ke Kuala Lumpur itu tidak ada perubahan, tak pernah tukar. Saya sudah tulis sepuluh kali di borang MAS untuk buat kompelin, *customer survey* itu dan tulis secara peribadi kepada MAS, pertukaran pun tidak ada.

Yang kedua, *delay, cancel flight* itu jadi lumrah, hendak bertanding dengan Air Asia, siapa yang banyak *delay*, siapa yang banyak *cancellation*. Jadi, amat betullah Sky Tracks ini.

Yang ketiga, kalau kita lihat kelas ekonomi, kelas ekonomi kita ini macam orang Malaysia orang bangsa *pigmy*. Kalau orang macam saya, macam Yang Berhormat bagi Arau memang tidak boleh masuk ekonomi kelas, dia punya tempat cukup sempit. Jadi, kalau kita pergi ke tempat lain kita tengok ruangnya lebih besar sedikit. Jadi, orang Malaysia sudah makanannya elok, sudah sihat, negara sudah membangun, dia punya badan pun besar dan tinggi, jadi kena diubahsuai. Jadi, kenapakah ini tidak juga dilihat supaya mempertingkatkan prestasi Syarikat MAS ini daripada *survey* sebagaimana yang dibuat oleh Sky Tracks. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak menafikan pelbagai kelemahan yang berlaku terutamanya dalam penerbangan MAS dalam negara kita atau *internal flight*. Kita baru-baru ini pihak

kementerian telah mengadakan satu pertemuan dengan pihak MAS untuk berbincang tentang apakah cara-cara untuk kita meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MAS di dalam negara kita ini. Di peringkat *international* ini, dengan izin, memang kita mendapat satu cabaran yang begitu hebat apabila kita terpaksa bersaing dengan kapal terbang yang lebih hebat di dunia ini termasuk dari segi penerbangan Emirates yang sekarang memberi satu cabaran yang begitu hebat terhadap penerbangan MAS kita ini.

Tetapi dalam segi *internalnya* memang kita selama ini mencapai sedikit ataupun berhadapan dengan satu kerugian dari segi penerbangan di sebelah kawasan-kawasan pedalaman atau domestik di Sabah dan Sarawak. Kita menerima pandangan Yang Berhormat ini dan kelemahan-kelemahan yang berada pada MAS. Tetapi di pihak kementerian akan sentiasa menyampaikan apa yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita di dalam Dewan ini dan juga dari segi perkhidmatan MAS keseluruhannya. Insya-Allah, kita akan cuba sedaya upaya mempertingkatkan lagi dari segi mutu perkhidmatan MAS dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup mengenai mutu perkhidmatan MAS dan pihak Menteri sudah pun berjanji untuk meningkatkan mutu. Jadi, kita berubah ke soalan lain.

8. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang dibekalkan untuk mempertingkatkan bekalan elektrik di Lembah Klang; dan
- (b) apakah rancangan yang akan diambil untuk mengatasi gangguan elektrik di Lembah Klang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM258 juta bagi tahun kewangan 2004-2005 untuk mempertingkatkan bekalan elektrik di Lembah Klang. Antara usaha-usaha yang sedang diambil oleh TNB bagi menjamin bekalan elektrik yang stabil serta mengelak dari berlakunya gangguan bekalan elektrik yang kerap di Lembah Klang adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan Projek *Central Area Reinforcement* (CAR) untuk mengukuhkan dan memperbaiki daya harap rangkaian grid di kawasan tengah. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2007. Dengan sianya projek ini penggunaan stesen 'switch' di stesen-stesen jana kuasa Pelabuhan Klang akan lebih fleksibel dan stabil.
- (ii) menubuhkan Pusat Kawalan Beban Nasional (NLDC) yang baru yang dilengkapi dengan sistem yang canggih serta menggunakan teknologi terkini bagi menggantikan pusat berkenaan yang sedia ada. Projek ini sedang dalam peringkat reka bentuk dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2007.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap perancangan untuk mengatasi gangguan bekalan elektrik di Lembah Klang tetapi memakan masa panjang. Di antara masa ini sampai satu tahun akan datang mungkin ada lagi gangguan elektrik, maka akan menjejaskan negeri Selangor sebagai negeri maju yang akan diumumkan pada hujung tahun ini. Jadi, akan hilang kepercayaan kepada pelabur asing kerana ia cukup gangguan tenaga elektrik, maka di antara masa ini, apa tindakan jangka pendek boleh diatasi supaya tidak ada gangguan lagi sepanjang masa tahun yang datang ini. Jaminan ini patut diberi, jadi, apa tindakannya.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat meminta satu jaminan supaya tidak ada gangguan langsung sementara hendak menunggu siapnya Projek Central Area Reinforcement, satu jaminan yang begitu sukar untuk diberi kepada Yang Berhormat. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Serdang dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain, pertamanya Tenaga Nasional Berhad sentiasa menjalankan urusan *maintenance* yang berkala dan melihat perjalanan operasi bekalan elektrik di Lembah Klang termasuklah dari segi pembekalan generationnya yang kebanyakan datang daripada Pelabuhan Klang.

Kedua, sistem gridnya untuk memantapkan lagi sistem gridnya supaya mempunyai kekuatan dan *capacity* yang cukup. Ketiga, adalah dari segi pengagihan ke kawasan-kawasan perumahan dan juga kawasan-kawasan perdagangan. Usaha-usaha

*maintenance* ini, usaha-usaha memperbaiki kemudahan-kemudahan sedia ini sentiasa dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad supaya masyarakat tak kira sama ada di Lembah Klang dan juga di seluruh negara mendapat khidmat daripada Tenaga Nasional Berhad dengan bekalan yang berkualiti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya mengaitkan soalan tambahan saya dengan peristiwa hitam pada 13 Januari 2005 yang melibatkan sekali kawasan Lembah Klang seperti soalan utama daripada Yang Berhormat bagi Serdang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian pada 13 Januari ini adalah merupakan satu peristiwa yang mungkin tidak akan berlaku jika TNB ataupun syarikat yang mengeluarkan tenaga di negara kita ini memberikan perhatian kepada faktor-faktor pemasangan di dalam Tenaga Nasional Bhd. dan kita akui dua jenis gangguan bekalan, satu, gangguan berkala ataupun dipanggil *shutdown* - henti tugas, dan satu lagi adalah *breakdown* yang tidak dijangkakan oleh pengguna-pengguna ataupun pembekal tenaga.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari perancangan Tenaga Nasional Bhd. untuk membina CARS, menambah baik pusat *National Load Dispatch Centre* dan sebagainya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya dapat lihat tidak ada pun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang sikap ataupun kepakaran dan pengetahuan yang perlu dibekalkan kepada pekerja-pekerja Tenaga Nasional Bhd., di mana kalau kita lihat kejadian pada 13 Januari itu boleh dielakkan jika pekerja-pekerja dan pakar-pakar yang ada dalam Tenaga Nasional Bhd. dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang cukup bagaimana untuk mengelak kejadian berlaku pada 13 Januari tersebut. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang susahnyanya kalau soalan itu ditanyakan oleh bekas jurutera Tenaga Nasional Bhd. sendiri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Tenaga Nasional Bhd. sentiasa menjalankan latihan-latihan kepada pegawai-pegawai yang diberi tugas mengendalikan operasi Tenaga Nasional Bhd. Di samping memberi latihan-latihan khusus Tenaga Nasional Bhd. juga menghantar pegawai-pegawai tertentu ke seberang laut sekiranya

kepakaran-kepakaran dalam bidang tertentu diperlukan untuk menjalankan operasi dalam perbekalan elektrik ini.

Di samping itu Tenaga Nasional Bhd. selalu mengadakan seminar-seminar yang membincangkan dari segi kualiti dan yang terbaru kira-kira 10 hari yang lalu Tenaga Nasional Bhd. telah mengadakan satu seminar bersama SIRIM yang membincangkan bagaimana untuk memperkukuhkan dan memperbaiki kualiti bekalan elektrik di negara ini.

Di samping itu, untuk memastikan kestabilan tenaga elektrik kita juga memperkenalkan cara-cara baru seperti *N minus One* (N-1), *N minus Two* (N-2), - ini perkara-perkara teknikal yang saya yakin dua tiga orang Ahli Yang Berhormat sahaja yang faham N-1 dan N-2 ini, yang mana N-1 dan N-2 ini - maknanya di dalam sesuatu alat (*equipment*) itu kalau hanya satu alat daripada *equipment* itu tidak berfungsi, *equipment* itu masih boleh digunakan. N-2 ini, kalau satu *equipment* itu banyak alatnya, kalau dua daripada alat itu tidak berfungsi pada ketika itu, *equipment* itu masih boleh digunakan.

Inilah usaha-usaha yang dijalankan oleh Tenaga Nasional Bhd. supaya dapat memberikan bekalan yang lebih berkualiti di masa akan datang kepada rakyat di negara ini. Sekian. Terima kasih.

**9. Tuan Haji Markiman Bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan setakat manakah kejayaan Kementerian menyelesaikan isu-isu kesesakan di lokap di balai-balai polis.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat yang menanyakan soalan ini. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri menyedari sememangnya terdapat kesesakan di lokap-lokap polis di seluruh negara terutamanya di bandar-bandar besar, ada yang terdapat keadaan yang begitu kritikal.

Bagi mengatasi masalah ini, kementerian telah pun melaksanakan pengubahsuaian beberapa bangunan lama untuk dijadikan lokap pusat sementara dan juga membangunkan lokap-lokap pusat yang baru. Tujuan mewujudkan lokap-lokap pusat ini ialah supaya tahanan di lokap-lokap polis yang sesak dapat dipindah dan



dikumpulkan di lokap-lokap pusat yang dibina di kawasan-kawasan itu, di bandar-bandar besar sementara menanti proses siasatan terhadap mereka diselesaikan.

Tempat-tempat yang telah dilaksanakan berkaitan dengan pengubahsuaian bangunan-bangunan lama dijadikan pusat lokap sementara seperti di Kedah, Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah, Selangor dan Pahang yang mana menelan belanja sebanyak RM3.2 juta. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ada empat pusat lokap sementara akan dibina iaitu di Jinjang, Kuala Lumpur; Bayan Lepas, Pulau Pinang; Shah Alam di Selangor dan Kulai di Johor. Sementara itu pembinaan balai-balai polis pada masa akan datang akan mengambil kira kesesuaian lokap bagi menampung kapasiti yang berlebihan ini.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, kita sering didedahkan dengan berita-berita sensasi berkenaan dengan tahanan yang lepas lari daripada lokap polis dan kita juga didedahkan dengan berita-berita sensasi berkenaan bukan sekali tahanan itu dapat lari malah dua tiga kali seperti yang berlaku di kawasan Puchong misalnya.

Kita juga mengetahui bahawa lokap-lokap yang sedia ada di balai polis ini tidak dapat menampung bilangan tahanan yang dibuat oleh pegawai-pegawai polis, lokap yang boleh dimuatkan dengan 10 orang diisi dengan 30 atau 40 orang tahanan. Kita juga sedar bahawa apabila berlaku pelarian daripada lokap ini yang selalu mendapat tindakan ialah anggota polis kerana berlaku kecuaiannya di peringkat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah punca-punca yang dikenal pasti yang menyumbang kepada kejadian tahanan lari daripada lokap polis ini, dan jika pihak kementerian mempunyai maklumat atau data pada pagi ini saya ingin mengetahui berapakah bilangan tahanan yang lari disebabkan oleh kecuaiannya anggota itu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Punca tahanan lari, selain daripada kecuaiannya yang dilakukan oleh pegawai polis, faktor yang sering dieksploitasi oleh orang-orang tahanan yang berjaya melarikan diri adalah dari kelemahan struktur dan fizikal

lokap itu sendiri, di mana lokap polis sebagaimana yang sedia maklum, kebanyakannya dibina semenjak tahun 50-an dan masih digunakan sehingga sekarang.

Struktur atas sesebuah lokap adalah terdiri daripada dinding yang dibuat daripada batu, pintu dibuat daripada besi bulat yang dikimpal ataupun *welding* dengan izin, menegak dengan jarak 6 inci setiap satu, ketinggian lebih kurang 8 - 15 kaki dan bahan-bahan ini walaupun dicat baru, tetapi dari segi ketahanannya mudah dapat dibolos oleh tahanan-tahanan yang ada di dalam lokap itu. Ini adalah juga merupakan faktor yang memberi masalah kepada polis di mana tahanan-tahanan polis dapat bolos daripada lokap.

Dari segi angka, berkaitan dengan jumlah tahanan yang lari daripada lokap yang disebabkan kecuaiannya angka yang saya ada jumlahnya ialah 8 orang, yang mana pecahannya:-

Tahun 2000 - 1 orang

Tahun 2001 - 2 orang

Tahun 2002 - 4 orang

Tahun 2003 - 1 orang

Tahun 2004 - tiada kes.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soal Jawab Lisan diakhiri sekarang.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL**

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”  
**[5 April 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi menyambung jawapannya.

**11.10 pagi.**

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kali yang ketiga saya berdiri pada pagi ini untuk meneruskan jawapan berhubung dengan titah ucapan yang dibentangkan tempoh hari. Saya ingin menyambung jawapan yang telah saya kemukakan semalam.

Selain daripada mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai peringkat negeri dalam usaha untuk menggubal rang undang-undang.....

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua. *[Memandang ke arah Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi]* Sekejap, sekejap. Sebentar sahaja.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sebelum bermula?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Sebelum bermula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya dalam menyambung bagi hari semalam. Jadi, kami ingat apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertamanya, sebelum saya pergi kepada soal Jawatankuasa Pilihan, saya perhatikan pada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari semalam tidak merujuk kepada pandangan saya yang telah saya sampaikan apabila saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada hari Isnin.

Saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa, sama ada kementerian Yang Berhormat telah menghantar pegawai-pegawai mengikuti perbahasan pada hari Isnin ataupun hanya terhad untuk meneliti pandangan dan perbahasan yang berlaku minggu yang lalu, dan hari Isnin dianggap tidak penting, kerana sebenarnya kita berbahas sampai kepada hari Isnin. Jadi, saya lihat bahawa apabila Yang Berhormat merujuk kepada soal Jawatankuasa Pilihan yang dicadangkan, nama Bahagian Johor Bahru tidak disebut. Saya menimbulkan perkara ini pada hari Isnin dan sebagai Ahli Parlimen bagi Johor Bahru saya bercadang untuk bercakap pada peringkat akhir pada setiap perbahasan.

Jadi saya berharap pertamanya dari segi ini Yang Berhormat boleh minta kepada pegawai-pegawai di kementerian, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi Yang Berhormat juga mewakili kementerian - bukan mewakili Menteri sahaja tetapi mewakili kementerian, dan minta kepada pegawai-pegawai kementerian untuk hadir pada hari yang terakhir dalam sesi perbahasan - mana-mana perbahasan yang berlaku dalam Dewan ini.

Yang kedua, saya lihat juga bahawa dalam masa Menteri Kerja Raya menjawab soalan, Menteri datang dengan bantuan daripada Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Pengarah. Jadi, di ketika itu adakah dalam masa sekarang ini iaitu dalam masa Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, adakah Ketua Setiausaha Kementerian hadir sekali dalam ....[Tepuk] ataupun adakah kerana Yang Berhormat ini seorang Timbalan Menteri, jadi tidak perlu ada sokongan kuat daripada kementerian? Oleh kerana Yang Berhormat seperti saya katakan mewakili kementerian bukan mewakili diri sendiri atau mewakili Menteri dan tentulah saya rasa apa? Ketak?

*[Disampuk]* Kementerian ..... *[Ketawa]* Kementerian ini harus menghantar pegawai-pegawai tertinggi, sama ada Menteri menjawab atau Timbalan Menteri menjawab dan bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan kepada kami semua bahawa pandangan ini akan disampaikan kepada pihak Menteri dan juga kepada pihak kementerian supaya tidaklah nanti Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri menjawab dalam keadaan perseorangan. Kami tahu Yang Berhormat boleh menjawab dan mempunyai kemampuan menjawab.

Kepada soal pokok - sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung perbahasan - berhubung dengan Jawatankuasa Pilihan ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa mengikut *Hansard* memang, Menteri dalam perbahasan pada bulan Januari kata dia akan merujuk kepada Kabinet untuk mendapat kelulusan Kabinet supaya perkara ini dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan, itu betul dan Kabinet membuat keputusan bahawa tidak perlu kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan. Tetapi yang dibagikan sebagai satu alasannya ialah kerana ini mengambil masa yang lama. Kami tidak boleh terima alasan itu dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan sampaikan kepada pihak Menteri atau pihak kementerian untuk disampaikan balik kepada Jemaah Menteri bahawa kami tidak boleh menerima alasan bahawa ia memerlukan masa yang lama. *[Tepuk]*

Ini kerana pada kali ini tidak perlu pergi ke Sabah atau Sarawak untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pihak-pihak yang berminat tentang soal rang undang-undang yang bakal dibentangkan di Parlimen.

Kita hanya mungkin perlu enam bulan dan kalau Menteri tidak mahu jadi pengerusi kepada Jawatankuasa Pilihan ini kami percaya bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai tenaga, usaha, keupayaan, usia yang muda, berwawasan dan berkebolehan untuk menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Pilihan ini dan kita boleh melakukan kerja-kerja Jawatankuasa Pilihan ini dalam masa enam bulan. Bagi tempoh enam bulan kerana yang mustahak dan kami rasa bahawa Jawatankuasa Pilihan Parlimen bukan hendak menyusahkan kementerian, bukan hendak menyusahkan kerajaan tetapi kami hendak membantu dan di samping membantu itu membuka ruang bagi rakyat dan kumpulan-kumpulan yang berminat untuk

menyampaikan pandangan di dalam Jawatankuasa Pilihan yang kami cadangkan dalam perbahasan pada bulan Januari yang lalu.

Jadi saya berharaplah bagi pihak rakan-rakan saya bahawa Jawatankuasa Pilihan ini boleh dilaksanakan dalam tempoh masa enam bulan, bagi tempoh masa enam bulan dengan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tanpa Menteri kalau Menteri sibuk kerana banyak kerja. Bagi tanggungjawab ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berharap Yang Berhormat akan bawa pandangan ini kepada Menteri, tegaskan bahawa ini satu pandangan yang serius, permintaan yang serius yang datang daripada Ahli-ahli Parlimen yang memang hendak membantu kerajaan menentukan agar rang undang-undang ini diberitahu kepada rakyat dan kumpulan yang berminat kerana akhirnya kalau Kementerian Yang Berhormat hanya berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Ini kita berunding dengan pihak-pihak yang sebenarnya yang telah menimbulkan masalah *legacy problem* seperti mana Yang Berhormat cakap. Ini kumpulan yang menimbulkan masalah - pegawai-pegawai kerajaan dan kerajaan negeri yang menimbulkan masalah. Kerajaan Persekutuan hendak ambil alih kerana hendak menyelesaikan masalah tetapi kumpulan yang berkepentingan besar sebenarnya ialah pengguna dan rakyat dan harus kita memberikan peluang kepada kumpulan yang besar ini yang berkepentingan lebih besar daripada kerajaan negeri untuk memberikan pendapat dan pandangan mereka.

Setujunyalah dan sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk disampaikan kepada Mesyuarat Kabinet dan kalau ada pegawai-pegawai di sini ambillah apa yang saya cakap ini sebagai pandangan yang telah dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini dan pandangan sebahagian besar kalau tidak majoritilah termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat di hujung-hujung sana pun [*sambil mengunjukkan jari ke arah Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Pembangkang*], kawan-kawan kita ini. Mereka pun bersetuju dengan pandangan saya. Betul tak?

**Semua Ahli:** Setuju.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Semua bersetuju dan kira ini adalah pandangan majoriti.

**Cik Fong Po Kuan:** [*Menyampuk*]

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Suara yang manis itu pun bersetuju. *[Ketawa]*  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, semua jawapan dalam Dewan yang mulia ini adalah atas nama Menteri. Jadi sokongan latarnya pun mestilah begitu juga sama ada yang datang Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Yang keduanya kalau boleh silalah Yang Berhormat Timbalan Menteri respons kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Johor Baru sama ada dalam ucapan beliau dahulu mahu sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan mesyuarat*]

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Saya tidak dapat menafikan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru sebentar, tetapi permintaan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Johor Baru tidaklah begitu besar. Yang Berhormat meminta supaya saya menyampaikan segala yang telah diutarakan, segala yang telah diucapkan oleh beliau tadi kepada Yang Berhormat Menteri. Insya-Allah, perkara ini saya akan sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri apabila perjumpaan Post Kabinet petang ini kerana inilah permintaan Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat kementerian ini juga sentiasa menghantar dua orang pegawai setiap hari untuk mendengar segala ucapan dan perbahasan berhubung dengan Titah Ucapan ataupun apa-apa jua perbahasan yang ada di Dewan ini yang berkaitan dengan kementerian ini. Sekiranya kadang-kadang mungkin ada yang tertinggal mungkin yang berlaku di mana pegawai cuba merangkumi tajuk itu di bawah satu tajuk yang sesuai dan mungkin terlupa menyebut daripada bahagian mana. Saya mewakili kementerian mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat dan saya minta maaf sekiranya tertinggal beberapa perkara dari segi menyebut bahagian Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Saya percaya dan saya faham yang antara yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru ada menyatakan

dari segi *Select Committee* pada hari itu dan saya *take note on that matter*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua orang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat Ipoh Timor silakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Penjelasan. Kita sokong sepenuhnya apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru tetapi sebenarnya apa yang kita perlu bukan sahaja menyampaikan suara di Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Menteri tetapi kalau boleh saya cadangkan bahawa jawapan Yang Berhormat Menteri atau kementerian ini ditangguhkan sehingga Yang Berhormat Menteri sendiri boleh datang ke Dewan yang mulia ini untuk memberikan satu jawapan yang autoritatif kerana di Dewan yang mulia ini adalah tempat keputusan perlu dibuat sama ada satu jaminan dibuat khasnya mengenai penubuhan satu *Parliamentary Select Committee* dan kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kata bahawa tidak tahu bahawa Kabinet ada buat keputusan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan.

Apabila kita boleh baca dalam surat khabar *New Straits Times*, bukan *Malaysia Kini*. Kita tahu siapa itu *New Straits Times* autoritatif untuk Barisan Nasional di mana ada kata dengan izin "*Speak up on water tariff - public urged - "Those who are worried about escalating water tariffs once the Government takes over water management should write to Parliament. Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Nazri Aziz said today. "Send your opinions and suggestions to the Parliamentary Select Committee which is going to be set up soon. We can't guarantee that water tariffs won't go up, but perhaps the public could suggest ways to keep tariffs low, or mechanisms for monitoring the management of water supply". Nazri said.*

*The Parliamentary Select Committee will seek public and industry feedback on two Bills – the Water Industry Bill and the National Water Services Commission Bill which will be tabled for the first reading when Parliament reconvenes for the March 21 sitting.*

*"The committee will take into account the public's views, so that the issue of water will not be burdensome to the people. If something in the Bills is unacceptable to*



*the public, then this will be dropped”, said Nazri, who is also Minister in charge of Parliament.*

*To be headed by Energy, Water and Communications Minister Datuk Seri Lim Keng Yaik, the committee will comprise six other MPs, who will be selected after the Bills have been tabled. Of these, two members would come from the Opposition – one each from DAP and PAS, Nazri said.*

*Even though this was still two months away, the public could start sending in their opinions now, so that the committee could start work as soon as it was appointed.*

Dalam laporan itu ada kata bahawa tempoh yang diberikan enam bulan yang ada disebut oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Johor Bahru pun ada tanya dan beliau ada beri balasan *when contacted Backbenchers Club President, Datuk Shahrir Samad lauded the move . The government should be open and transparence, it should receiv from all quarters* dan sehari Dewan yang mulia, Parlimen ini dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong ada laporan Bernama - *Water Democracy and Federal Control an issue in Malaysian Debate* di mana ciri utama ialah *session* Parlimen ini ialah penubuhan Jawatankuasa Pilihan mengenai dua rang undang-undang mengenai air - Industri Perkhidmatan Air dan SPAN.

Di sini kita mahu tanya dengan izin, *who has taken Parliament and the people of Malaysia for a ride?* Ini tidak boleh dinafikan. Adakah Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri *taken the Parliament for a ride* atau adakah Yang Berhormat Menteri Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi *taken Parliament and rakyat for a ride*. Kita tidak boleh kata ini tak betul! Kenapa keputusan yang dibuat oleh Kabinet 19hb Januari sehari selepas perbahasan dalam Dewan yang *mulia ini di mana saya cadang dan Ahli-ahli Barisan Nasional ada mencadangkan Select Committee* di mana cadangan saya untuk rujuk Rang Undang-undang Perlembagaan, pindaan kepada Perlembagaan kepada *Parliamentary Select Committee* ditolak tetapi ada jaminan Yang Berhormat Menteri bawa ke Kabinet. Dan inilah bukti di mana Kabinet telah buat satu keputusan. Kita mahu tahu kenapa keputusan itu diketepikan. Adalah ini menunjukkan bahawa dalam perkara penswastaaan (privatization) air yang bernilai mungkin RM60 bilion ringgit, “blue gold” di mana ada syarikat-syarikat air sama ada Puncak Niaga, Runhill atau apa yang ada kuasa yang lebih daripada pengguna-pengguna yang biasa. Bukankah kita

ada beri jaminan bahawa diberitahu dua rang undang-undang air ini akan dibawa ke Dewan pada sesi ini akan diluluskan sebelum Dewan ditangguhkan, ertinya dalam tempoh tiga minggu. Tetapi kita belum lihat rang undang-undang ini. *First reading* pun belum dikemukakan.

Kenapa syarikat-syarikat swasta air boleh ada masa yang begitu panjang untuk memberi input mengenai rang undang-undang penswastaan air tetapi rakyat dan Ahli-ahli Parlimen *in the dark* tidak boleh beri apa-apa input, oleh kerana tidak tahu rangka itu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa setuju kita tangguhkan jawapan ini, boleh jawab perkara-perkara lain tetapi mengenai air minta Yang Berhormat Menteri datang selepas Kabinet oleh kerana hari ini dan hari esok masih dalam jawapan-jawapan di Kabinet bahawa Menteri sendiri datang beri penjelasan kenapa keputusan Kabinet 19hb Januari untuk mengadakan satu *Parliamentary Select Committee* diketepikan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berbahas begitu panjang sebentar tadi. Sebagaimana yang saya nyatakan saya hendak terangkan semula kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Semalam yang saya katakan bukan saya tidak tahu berhubung dengan *Select Committee* ini. Saya katakan semalam bahawa sepengetahuan saya di dalam *Hansard* mengatakan Yang Berhormat Menteri akan mencadangkan kepada Kabinet supaya diwujudkan satu *Select Committee*. Itu pun cadangan kalau tidak silap saya daripada Yang Berhormat bagi Santubong. Kemudian dia kata Yang Berhormat Ipoh Timor pun *copycat, something like that*. Kemudian setelah dipersetujui Menteri telah membawa perkara ini ke Kabinet dan Kabinet menolak buat sementara waktu atas alasan-alasan yang saya tidak ketahui. Itu sebab yang saya kata saya tidak ketahui.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dengar jawapan dahulu.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Dengar dahulu. Menteri bercakap atas tiket *capacity* dia sebagai Menteri tetapi di dalam Kabinet, Kabinet berkuasa menentukan sama ada diluluskan atau tidak. Bukan individu sebagai Menteri tetapi Kabinet membuat keputusan memutuskan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Menteri dan Timbalan Menteri cakap palsu. Ini serius bukan main-main. Kita mahu sama ada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sudah buat satu kenyataan yang palsu apabila kata bahawa Kabinet sudah meluluskan penubuhan *Parliamentary Select Committee, has the minister lied?*

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya katakan kalau Yang Berhormat hendak marah-marah tidak ke mana. Saya katakan Menteri secara peribadi bersetuju tetapi apabila dibawa kepada Kabinet, Kabinet menolak. Tetapi Yang Berhormat bagi Johor Bahru kata supaya dicadangkan semula. Itu akan saya lakukan dicadangkan semula kepada pihak Menteri supaya dibawa kepada Kabinet untuk dipertimbangkan supaya kalau boleh diadakan *Select Committee*, itu yang kita minta secara rasional. Cara mudah saya terangkan. Ini ayat yang paling teratur yang saya boleh terangkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Biarlah kita teruskan. Tetapi dalam masa yang sama saya ingin maklumkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi jalan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** ....tidaklah kementerian ini menidakkan pandangan-pandangan mana-mana pihak sama ada kerajaan negeri mahupun NGO. Baru-baru ini pada tarikh 31hb Mac yang lalu kalau tidak silap saya di mana kementerian ini telah berjumpa dengan NGO termasuk juga daripada pihak industri - FOMCA untuk bertukar-tukar pandangan bertanyakan kepada mereka apakah pandangan mereka dari segi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan juga rang undang-undang misalnya. . Ini yang dilakukan oleh kementerian ini tetapi sekiranya Yang Berhormat termasuk daripada Ipoh Timor tidak berpuas hati, apabila ada persoalan-persoalan lain yang perlu dijawab saya akan maklumkan kepada Menteri tetapi kalau boleh biarlah Menteri hadir untuk menjawab soalan kepada Ipoh Timor berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sebagai seorang yang lama saya menghormati cara Yang Berhormat dan saya harap Yang Berhormat

boleh sama-sama kita mencari penyelesaian dan kebaikan untuk negara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu *make life* ..... dengan izin,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri jalan?.

**Tuan Lim Kit Siang:** Timbalan Menteri tidak boleh elak daripada isu ini sama ada ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya minta izin. Saya tidak mahu *make life difficult* untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi ini satu perkara yang penting, kita tidak boleh elak dan lari daripada kenyataan bahawa seorang menteri sudah membuat kenyataan kepada Ahli-ahli Parlimen, kepada orang ramai menjemput mereka kemukakan pandangan mereka kepada satu *Parliamentary Select Committee* yang akan diadakan. Saya bukan pembela Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tetapi saya percaya dia tidak akan buat kenyataan palsu kalau Kabinet tidak buat satu keputusan. Apa yang berlaku semestinya ialah satu keputusan ada dibuat tetapi sebaliknya telah diketepikan. Kita ada hak tahu apa yang berlaku, tidak boleh lari daripada perkara itu.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, semalam saya juga sempat berjumpa dengan Yang Berhormat bagi Padang Rengas, dia cakap dengan saya bahawa dia menyokong dari segi *Select Committee* tetapi pada perbincangan di dalam Kabinet, *if I'm not mistaken, he told me yesterday*, dia kata dia tidak hadir dalam mesyuarat Kabinet pada hari itu, *that's what I was told yesterday*. Sebab itu kalau boleh nanti bila Yang Berhormat bagi Padang Rengas hadir, Yang Berhormat sama-sama kita tanya *whether it's true or not* dia tidak hadir sebab itu dia kata yang dia tidak tahu mengapakah Kabinet menolak dari segi ini.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Ini yang terbaik saya boleh bagi jawapan.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tidak payah, cukuplah, biar saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat Batu Gajah. Batu Gajah, sila duduk, dia tidak bagi. Yang Berhormat teruskan jawapan dengan isu-isu yang lain.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Selain dari mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai peringkat negeri dalam usaha menggubal kedua-dua rang undang-undang iaitu Industri Perkhidmatan Air dan juga rang undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) beberapa siri rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri juga diadakan yang melibatkan perbincangan dan taklimat kepada ketua-ketua kerajaan negeri termasuk Ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri. Rundingan telah diadakan dengan negeri-negeri Terengganu pada 27 Februari 2005 .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi saya ada minta satu *ruling* ...

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** ..... Kelantan pada 28 Februari 2005 ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat .....

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** ..... Kedah dan Perlis pada 8 Mac 2005, Negeri Sembilan pada 12 Mac 2005, Perak pada 14 Mac 2005, Melaka pada 25 Mac 2005 dan Johor pada 26 Mac 2005. Kesemua pemimpin negeri yang telah dilawati menerima baik cadangan pengambilalihan pengurusan air oleh Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Mengetuk mikrofon meminta laluan*]

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sekejap ya, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sementara itu penjelasan yang serupa juga telah disampaikan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada 7 Februari 2005.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of Order, Point of Order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *Point of Order*, yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta *ruling* tadi , saya minta *ruling* daripada ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *Point of ruling* yang ke berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi saya ada minta supaya dalam urusan mesyuarat bahawa isu mengenai jawapan kementerian berkenaan tidak ditamatkan, khasnya mengenai air sehingga Yang Berhormat Menteri sendiri boleh datang untuk menjawab oleh sebab kita ada lagi dua hari untuk sesi menjawab, bolehkan satu *ruling* dibuat bahawa ini dibenarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Itu bukan *Point of Order*, Yang Berhormat, tak ada .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta satu *ruling* supaya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Itu permintaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Permintaan, *just* satu *ruling* bahawa ini dibenarkan oleh sebab Parlimen satu tempat yang tertinggi untuk jawapan yang memuaskan hati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat, itu bukan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah satu *ruling* dibuat dan ini dibenarkan supaya Menteri datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Itu bukan *Point of Order*, Yang Berhormat, itu permintaan Yang Berhormat supaya menteri datang menjawab. Itu terpulang kepada kementerian untuk menjawab, meminta penjelasan daripada kementerian.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sementara itu penjelasan yang serupa juga telah disampaikan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada 7 Februari 2005 serta Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 15 Mac 2005 dan Mesyuarat *Pre-Council* Majlis Raja-raja Kali Ke 202 pada tarikh yang sama. Penjelasan juga telah diberi ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak pada 23 Mac 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh pula telah menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan meneliti model penswastan pengurusan air di Pulau Pinang kerana ia boleh dianggap sebagai model yang berjaya. Kementerian bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa model penswastan

pengurusan bekalan air di Pulau Pinang adalah di antara yang berjaya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana tidak sahaja melihat kepada masalah dalam penswastan bekalan air malah sudi berkongsi kejayaan penswastan bekalan air negara seperti mana yang terjadi di Pulau Pinang.

Faktor utama kejayaan penswastan pengurusan air di Pulau Pinang ialah penggunaan beberapa kaedah pengurusan seperti *Water Revenue Management System (WRM)* dan *Meter Management System (MMS)* oleh pihak operator iaitu Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Melalui penggunaan WRM, PBA dapat memastikan kutipan hasil dapat dibuat bagi setiap bil yang dikeluarkan. Faktor ini menyumbangkan kepada kadar kutipan hasil yang tinggi oleh PBA iaitu mencecah 98 peratus sementara MMS pula dapat membantu PBA mengurangkan kehilangan hasil yang berpunca daripada meter air yang rosak dan tidak berfungsi dengan baik. Melalui MMS, PBA dapat mengesan dan menukar meter air yang berusia lebih dari lima tahun. Melalui cara ini, kehilangan fizikal (*physical losses*) dapat dikurangkan. Faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan penswastan pengurusan bekalan air di Pulau Pinang ialah:

- (i) keupayaan PBA mengurangkan kadar NRW hingga ke tahap 20 peratus, iaitu tahap terendah di negara ini dan penubuhan dua pusat aduan pengguna yang dikenali sebagai *Consumer Contact Center (CCC)* yang cekap dan berkesan untuk menangani aduan pengguna serta menawarkan perkhidmatan kaunter bagi tujuan pembayaran bil, semakan bil dan juga perkhidmatan secara *online*.

Sehubungan dengan ini, kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) apabila ditubuhkan kelak akan mengambil kira *best-practice* yang diamalkan oleh PBA dalam merangka petunjuk prestasi utama (*key performance indicators*) atau KPI pengurusan bekalan air negara. KPI tersebut akan digunakan sebagai *benchmark* untuk mengukur prestasi pengurusan bekalan air bagi semua operator, syarikat atau Jabatan Bekalan Air di seluruh negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tebrau bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Silakan.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari ucapan petang semalam, ucapan Timbalan Menteri petang semalam, saya dapati dalam melaksanakan rancangan-rancangan penyediaan air dan tenaga kepada rakyat, khasnya dalam perbincangan rancangan yang disediakan untuk Sabah dan Sarawak, saya mendapat indikator bahawa kementerian mengutamakan kawasan-kawasan yang terpencil dan mundur, yang agak mundur dan terpencil dalam membekalkan bekalan air dan tenaga.

Saya hendak bertanya, selepas penswastaan itu, adakah dasar ini masih diamalkan iaitu dianggap sebagai *social obligation* untuk membekalkan air kepada kawasan-kawasan yang terpencil. Saya beri satu contoh, di kawasan saya, di Kampung Pasir Salang, satu kampung Orang Asli yang mempunyai penduduk seramai 120 orang penduduk Orang Asli sehingga hari ini masih belum ada bekalan air minum dan juga tidak mempunyai bekalan elektrik. Mereka bertanya mengapa sebegitu lama mereka telah menunggu. Kini sudah berapa tahun kita mencapai Kemerdekaan tetapi Orang-orang Asli ini masih tidak mempunyai bekalan air minum dan tenaga, dan tidak termasuk jalan.

Saya hendak tanya adakah kementerian mempunyai rancangan khas untuk membantu Orang-orang Asli di kawasan-kawasan kampung Orang-orang Asli seperti ini dengan menganggap membekalkan perkhidmatan air dan tenaga sebagai *social obligation* selain daripada mencari keuntungan. Minta penjelasan Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat walaupun kita ada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara nanti yang hanya bertindak sebagai satu Suruhanjaya ataupun kawal selia. Tetapi jangan lupa sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dari segi membekalkan bekalan air di luar bandar, membekalkan elektrik ke kawasan luar bandar, kerajaan juga seperti Yang Berhormat sama-sama bertanggungjawab, kerajaan akan memastikan bahawa segala bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar di teruskan di bawah



Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Itu adalah jaminan pihak kerajaan bukan sahaja kepada Yang Berhormat malah kepada seluruh rakyat negara ini. Ini harus saya tegaskan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat tidak perlu khuatir sama ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menghentikan usaha-usaha untuk membekalkan air dan elektrik di kawasan luar bandar

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula.....**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** .....sebentar biar saya teruskan dahulu. Ahli Yang Berhormat bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula meminta kerajaan supaya mempertimbangkan saluran paip dasar laut kepada dalam RM.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** OK, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Silakan Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Sebentar tadi Timbalan Menteri ada memuji-muji akan pihak Bekalan Air Pulau Pinang (PBA). Saya ingin membawa satu kelemahan PBA iaitu apabila kita lewat membayar bil air atau tidak membayar bil air, maka PBA akan menghantarkan satu surat peringatan - surat merah di mana *consumer-consumer* dikenakan caj RM1.00 untuk setiap tunggakan di dikeluarkan. Di atas kad merah atau peringatan ini tidak tercatat hari bulan bila itu di hantar dan Pejabat Pos pun tiada cop Pejabat Pos yang menunjukkan tarikh bil itu di hantar keluar. Ada kemungkinan besar kalau saya telah lewat membayar bil ini, katalah saya bayar pagi ini tetapi bil itu sampai kepada tangan saya dua hari kemudian. Kemungkinan besar bil itu petang ini baru di hantar atau esok pagi baru di hantar, saya tiada bukti untuk membela saya bahawa saya telah membayar bil itu sehari sebelum peringatan itu dikeluarkan.

Adakah Yang Berhormat akan memperingatkan PBA supaya segala surat-menyerat perlu ada hari bulan dan tarikh supaya apabila ada kekeliruan kita boleh semak dengan PBA? Sekian.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat. Saya ambil maklum berhubung perkara ini kerana saya kurang mengetahui berhubung dengan isu itu. Walau bagaimanapun saya akan melihat perkara ini secara terperinci akan aduan Yang Berhormat.

Dari segi memuji tadi, Yang Berhormat, bukanlah kata ia terlalu baik tetapi setakat hari ini ia adalah yang terbaik di kalangan yang ada tetapi masih lagi ada *room to improve*. Inilah yang berlaku di PBA, Pulau Pinang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula meminta kerajaan supaya mempertimbangkan saluran paip dasar laut kedua dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menampung keperluan bekalan air bersih yang semakin meningkat di Labuan. [*Memandang ke arah tempat duduk Ahli Yang Berhormat bagi Labuan*]. Ahli Yang Berhormat bagi Labuan tidak ada. Walaupun tidak ada kita akan beri dia hadiah.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan sedang meneliti cadangan Projek Pembinaan Loji Air Beaufort Fasa 2 dan pemasangan saluran air dasar Laut Martil 1200mm yang baru dari Loji Air Beaufort ke Labuan sepanjang 50km dan paip utama 800mm sepanjang 10km dari rumah pam ke Loji Jalan Kolam. Projek ini secara keseluruhannya bernilai RM200 juta. Sistem paip ini turut melibatkan pembinaan dua tangki air konkrit berkapasiti 18 juta liter di Labuan termasuk rumah pam dan kelengkapannya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang memberi pertimbangan kepada projek tersebut. Walau bagaimanapun masih belum ada keputusan mengenainya seperti juga projek-projek baru lain yang dicadangkan untuk Rancangan Malaysia Ke-9. Pihak kerajaan bagaimanapun mengkategorikan projek ini sebagai salah satu dari keutamaan. Kerajaan Persekutuan juga menyedari akan keperluan air bersih yang semakin meningkat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Dungun pula ingin mengetahui apakah rancangan yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan kemudahan ICT di negara ini. Beliau turut mencadangkan beberapa langkah yang perlu dilaksanakan dalam menangani masalah jurang digital antara bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pelbagai inisiatif telah diambil oleh kementerian ini dalam usaha untuk merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar. Di antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:-

- **Penyediaan kemudahan ICT ke sekolah-sekolah.**

Dalam menyediakan kemudahan ICT ke sekolah-sekolah kerajaan sedang melaksanakan Projek Rangkaian *School Net*. Inisiatif ini merupakan kerjasama antara kementerian ini dan Kementerian Pelajaran dan telah dimulakan dalam tahun 2004. Projek Rangkaian *School Net* ini menghubungkan ke semua 10,000 buah sekolah di seluruh negara dalam satu rangkaian *internet* yang terurus dan selamat. Adalah dijangkakan melalui Rangkaian *School Net* ini peluang untuk menyediakan sistem pengajaran dan pembelajaran akan dapat di tingkatkan kerana kemudahan pembelajaran tidak lagi terhad ke dalam darjah kelas, dengan dilengkapi kemudahan makmal dan komputer. Projek ini dijangka dapat memberi manfaat kepada lima juta pelajar di seluruh negara.

- **Meningkatkan kadar pemilikan komputer**

Dalam meningkatkan kadar pemilikan komputer sama ada bagi isi rumah ataupun pelajar, kementerian ini dengan kerjasama PIKOM telah mempromosikan komputer peribadi PC mampu milik *entry level* yang mempunyai kemampuan *internet*, di mana purata harga di tawarkan ialah antara RM998 hingga RM1350. Sebanyak 11,255 unit telah terjual dalam tempoh promosi selama dua bulan Mac 2004 hingga ke April 2004. Kementerian ini bersama-sama dengan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan PIKOM sedang mengkaji meneruskan pelaksanaan program ini.

- **Mewujudkan Pusat Komuniti ICT**

Dalam mewujudkan Pusat ICT Komuniti beberapa agensi kerajaan telah mengambil inisiatif yang berkaitan bagi kementerian ini. Dua projek utama adalah Program Pemberian

Perkhidmatan Sejagat (USP) dan program *Internet* Desa. Di bawah program USP kerajaan kementerian ini telah menyediakan infrastruktur *internet* komputer menggunakan pelbagai teknologi sama ada menggunakan v-set ataupun ADSL. Sehingga tahun 2004 pelaksanaan projek USP telah disiapkan bagi 220 buah Sekolah Rendah Kebangsaan di Sabah dan Sarawak, 365 buah Klinik Kesihatan Desa dan 357 buah Perpustakaan Daerah dan Desa di seluruh negara. Satu lagi projek USP adalah yang dijalankan melalui sumbangan pihak industri di mana dana yang diperolehi dari sumbangan syarikat-syarikat telekomunikasi diuruskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Melalui dana projek tersebut SKMM telah membekalkan perkhidmatan komunikasi melalui talian tetap 500 talian individu dan 30 talian awam di kawasan-kawasan kampung dan pendalaman.

- **Program *Internet* Desa**

Dalam usaha menyediakan Pusat-pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT Komuniti di luar bandar kementerian ini juga telah melaksanakan pusat-pusat *internet* desa (PID) di Pejabat-pejabat Pos. Sehingga kini sejumlah 42 lokasi PID sedang beroperasi di semua negeri di seluruh negara di mana kemudahan *internet* komputer dan latihan asas ICT diberikan secara percuma. Kementerian juga telah melantik penyelia dan penolong penyelia bagi setiap PID bagi tujuan menguruskan PID serta memberikan latihan kepada komuniti luar bandar secara berterusan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta sedikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya, dulu di sini sekarang di sana, tentang internet desa ini, saya

hendak tanya sedikit, sekarang ini ada pegawai yang dilantik secara kontrak, setiap kawasan parlimen kalau tidak siap saya, dua orang secara kontrak, bukan tetap dan mungkin kemudian akan diserapkan. Sekarang ini kita lihat bagaimana masalah pengangguran di kalangan siswazah yang begitu ramai, apakah pihak Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk melihat perkara ini untuk menempatkan seberapa ramai siswazah yang menganggur ini dalam program mengendalikan internet desa ini kerana saya lihat sambutan daripada kalangan penduduk bukan sahaja pelajar-pelajar sekolah yang memerlukan teknologi bermaklumat ini. Jadi apakah Kementerian bercadang untuk menggunakan tenaga di kalangan siswazah menganggur ini yang begitu ramai, dilatih mereka di bawah program ini dan sekali gus dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menghadapi masalah pengangguran di kalangan siswazah ini.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut atas pandangan itu. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah pun menjalankan usaha-usaha itu, yang mana pada hari ini, dua orang dilantik di setiap Pusat Internet Desa (PID). Satu sebagai penyelia dan satu lagi sebagai penolong penyelia.

Penyelia adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai ijazah untuk membantu mereka yang mempunyai ijazah, tetapi tidak memiliki pekerjaan dan sebagai penolong penyelia biasanya diambil di kalangan yang memiliki diploma. Ini dilakukan oleh Kementerian ini. Cuma, hendak mengambil lebih ramai daripada itu, mungkin ada kekangan-kekangan kewangan yang tidak membolehkan Kementerian ini mengambil lebih ramai daripada itu untuk sesuatu Pusat Internet Desa. Sehingga akhir Disember 2004 seramai....

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat. Dungun dengan Padang Terap.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Boleh? Boleh sikit?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sila.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih kerana menjawab masalah Dungun Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak tanya sebagai tambahan

kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tentang sistem komunikasi yang berada di luar-luar bandar, yang masih tidak ada suatu sistem teknologi pun. Sebagai contoh, mungkin di kawasan saya ada lapan kampung yang memang tidak ada apa jua sistem. Jadi, walaupun kita hendak menyediakan prasarana ICT ini, sama ada kepada pelajar ataupun kepada orang kampung, sekolah-sekolah dan sebagainya, ia tidak mungkin dapat dilaksanakan.

Jadi, berkemungkinan ada di kawasan luar bandar, di dalam negara kita, masih tidak ada penyediaan apa jua bentuk sistem yang ada ini. Jadi, saya hendak tanya apakah kementerian telah meletakkan satu jangka masa supaya kita dapat menyediakan sistem ini di seluruh negara dalam berapa tahun akan datang? Setahun, dua tahun, tiga tahun dan sebagainya. Kalau tidak, ianya akan kita melihat dalam bentuk yang kita senantiasa bercakap tentang *digital divide* yang macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, akan terus berlaku kerenggangan yang makin besar. Kita pun tengok melalui beberapa kementerian dan kerajaan kita sendiri pun menyatakan supaya ICT ini diorientasikan kepada semua iaitu *ICT for all*.

Jadi, kita berterima kasih kepada kerajaan terutama sekali melalui beberapa kementerian seperti kita ada *lab computer* dan sebagainya. Tetapi, kalau kita melihat peluang untuk anak-anak kita di bandar jauh lebih baik daripada luar bandar dan supaya tidak berlaku diskriminasi seperti ini, kita berharap apakah suatu program luar biasa yang harus kita rangka supaya di luar bandar atau di bandar kita mendapat peluang yang sama. Kalau kita tengok contoh, di negara-negara yang telah agak berjaya seperti di India, suasana ini tidak berlaku di Delhi umpamanya tetapi berlaku di Hyderabad, di Bangalore yang kawasannya batu-batan yang tidak maju seperti di Delhi.

Jadi, apakah kaedah-kaedah yang seperti ini tidak boleh di*transform* ataupun dipelajari oleh negara kita supaya kawasan-kawasan luar bandar yang tidak langsung dilihat sebagai berpotensi, kita potensikan perkara ini supaya berlaku, apa yang kita namakan *ICT for all* ini. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun yang begitu prihatin berhubung dengan masyarakat luar bandar. Kementerian ini sebagaimana yang kita ketahui, sentiasa peka supaya tidak berlaku jurang digital yang besar antara masyarakat bandar dan luar bandar. Oleh itu, kementerian ini

mengadakan sebagaimana saya nyatakan, *school net* kerana setidak-tidaknya dapat menghubungkan sekolah-sekolah sama ada di luar bandar ataupun bandar antara satu sama lain dan targetnya sebagaimana saya katakan, adalah untuk mendapat RM10,000.

Hari ini, untuk makluman Yang Berhormat, kita telah mencapai lebih daripada 8,000 buah sekolah di negara ini yang telah dihubungkan secara *school net* dan satu lagi sekiranya kawasan itu langsung tidak mendapat kemudahan-kemudahan komunikasi sebagaimana Yang Berhormat katakan. Mungkin kawasan Yang Berhormat juga termasuk mendapat bantuan daripada Tabung *Universal Service Provision Fund* iaitu Tabung Perkhidmatan Sejangat. Saya yakin kawasan Yang Berhormat adalah salah satu kawasan yang dimasukkan di dalam kawasan itu. Itulah yang boleh saya sampaikan kepada Yang Berhormat.

Sehingga akhir Disember 2004, seramai lebih 100,000 orang komuniti telah menggunakan kemudahan di PID sementara lebih 90,000 orang komuniti telah diberikan latihan asas ICT dan Internet. Adalah didapati pelaksanaan Pusat Internet Desa telah berjaya merubah tahap sosioekonomi penduduk luar bandar terutamanya usahawan kecil tempatan. Perkara ini dapat dilihat apabila PID telah menyediakan peluang untuk mempromosikan hasil keluaran perkhidmatan usahawan tempatan melalui laman-laman web yang disediakan di setiap PID.

- **Pelan Jalur Lebar Negara.**

Bagi menyokong perkembangan industri komunikasi negara, pembangunan infrastruktur komunikasi terus dilaksanakan melalui pelaksanaan Pelan Jalur Lebar Negara yang bertujuan menyediakan infrastruktur komunikasi berkapasiti tinggi, *broadband* berasaskan ICT untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi negara dan produktiviti ke arah mencapai keekonomi melalui program ini. Kerajaan berhasrat mewujudkan paras kritikal, *critical mass* sebanyak RM1.3 juta sambungan jalur lebar pada tahun 2006 dan RM2.8 juta sambungan jalur lebar pada tahun 2008. Bagi merealisasikan aspirasi dan matlamat tersebut, antara strategi utama kerajaan ialah menghubungkan komuniti-komuniti untuk mengumpul permintaan dan

menyediakan insentif-insentif sebagai rangsangan untuk menggalakkan kapasiti bekalan.

Antara kumpulan komuniti yang telah dikenal pasti sebagai pemangkin kepada usaha-usaha meningkatkan permintaan terhadap akses jalur lebar melalui pelaksanaan program-program menghubungkan komuniti meliputi jabatan kerajaan, sekolah, universiti dan industri penyelidikan, hospital dan klinik, perpustakaan dan pusat Internet komuniti.

- **menyediakan kemudahan komunikasi dijadikan sebagai salah satu kemudahan infrastruktur asas.**

Bagi mengiktirafkan kemudahan komunikasi sebagai kemudahan asas, KTAK sedang bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha meminda beberapa undang-undang dan perundangan kecil di bawah bidang kuasa KPKT. Selain itu, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 juga dicadangkan dipinda untuk mensyaratkan supaya pemaju perumahan menyediakan kemudahan komunikasi sebelum Sijil Layak Menduduki dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan kerajaan tempatan.

**Dato' Razali bin Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin melihat satu cadangan dan mengemukakan satu cadangan dalam konteks *net working* ataupun dalam dunia digital ini untuk kita melihat bahawa satu gejala baru yang boleh membawa kepada kemiskinan adalah berpunca daripada masalah gejala jurang perbezaan digital ini. Mungkin dapat difikirkan strategi di bawah kementerian ini supaya mengambil kira pembasmian kemiskinan dengan memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti dan talian-talian dalam konteks merapatkan *digital gap* ini sebab dalam perkembangan mutakhir ini, malah dalam perkembangan akan datang, faktor *digital gap* ini akan membawa kepada satu lagi permasalahan baru iaitu permasalahan kemiskinan. Terima kasih.



**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bagi pihak kementerian, strategi yang dirangka oleh pihak kementerian adalah untuk menghubungkan komuniti dengan komuniti. Dengan itu, kementerian mengadakan perkhidmatan Pelan Jalur Lebar ini di sekolah-sekolah, sekolah luar bandar dan sekolah bandar yang kita gabungkan lebih kurang 10,000 buah sekolah di seluruh Malaysia ini supaya mereka ini ada perkhidmatan Pelan Jalur Lebar.

Di antaranya juga diadakan di perpustakaan-perpustakaan dan juga di pusat-pusat kesihatan supaya ini boleh menghubungkan antara masyarakat luar bandar dengan bandar. Ini adalah strategi terbaik yang difikirkan oleh pihak kementerian. Sekiranya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang petah bercakap ada pandangan-pandangan yang lebih bernas dan beridea, bagi pihak kementerian kami sentiasa terbuka untuk menerima pandangan Yang Berhormat supaya boleh diketengahkan untuk kebaikan bersama. Ya, Yang Berhormat bagi Labuan selamat sampai. Terima kasih.

*[Dato' Suhaili bin Abdul Rahman berjalan masuk ke dalam Dewan].*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mempersoalkan sedikit kenyataan Yang Berhormat, kenapa Cuma memilih cuma 10,000 sekolah, seolah-olah berpilih-pilih, seolah-olah ada diskriminasi, kenapa tidak digabungkan sekolah-sekolah termasuk di Kinabatangan. Saya rasa tidak satu pun yang masuk dalam 10,000 ini. Jadi saya mahu tahu kenapa tidak terpilih. Apa justifikasi kementerian hanya memilih hanya 10,000, macam dipilih begitu sahaja, di kawasan-kawasan bandar sahaja, bukannya ini satu diskriminasi kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sebenarnya dari segi pemilihan ini tidak ira kawasan mana-mana pun, saya yakin kawasan Yang Berhormat Kinabatangan pun termasuk dalam perkara ini kecuali kawasan Yang Berhormat itu tidak ada bekalan elektrik kerana 10,000 ini memang tujuannya untuk membuat sambungan kepada

sekolah-sekolah ini dan setakat ini kami telah mencapai lebih daripada 8,000, yang baki 1,000 ini ada masalah teknikal lain antaranya bekalan elektrik di sekolah-sekolah ini tidak sepenuh masa, tidak 24 jam dan masalah-masalah lain yang perlu kami atasi dahulu sebelum dapat dihubungkan *school net*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih, sesuai dengan kementerian Yang Berhormat iaitu menjaga api. Memang inilah masalah dia, bukan lagi 24 jam, satu jam pun tidak ada. Itu sebab kita bertanya, bila kementerian ini bertindak untuk mengadakan pembekalan elektrik luar bandar ini, supaya jurang digital ini tidak lagi diwar-warkan di Dewan yang mulia ini, supaya pelajar-pelajar luar bandar juga menikmati kemudahan asas seperti di bandar-bandar. Kita tidak mahu membandarkan luar bandar, kita mahu membandarkan masyarakat luar bandar. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Berhubung dengan bekalan elektrik, semalam saya telah menjawab agak panjang berhubung bekalan elektrik di Sabah, yang mana, apa yang telah dilakukan oleh SESB untuk memperbaiki, untuk meningkatkan mutu bekalan di Sabah.

**Cik Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Jadi, saya tidak hendak ke sana lagi, cukuplah saya katakan bahawa kementerian telah mensasarkan dalam tahun 2007 supaya kemudahan tenaga elektrik di negeri Sabah akan meningkat dengan mendadak, cuma dari segi luar bandar.....

**Cik Fong Po Kuan:** Ketam mengajar anaknya berjalan dengan baik.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Ia masih lagi terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta Penjelasan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Ya, silakan.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan berkenaan meluaskan komunikasi, menggalakkan penggunaan internet, dengan pelbagai peruntukan akan diberi untuk memastikan internet dapat digunakan bukan

sahaja di bandar dan juga di desa. Apakah pihak kementerian akan memastikan peribahasa ini, '*Seperti ketam mengajar anaknya berjalan dengan baik*', tidak terpakai dalam sistem kementerian ini?

Saya hendak tahu sekadar mana, sejauh manakah pihak kementerian akan memantau kementerian-kementerian lain dan jabatan-jabatan lain agar mempunyai kecenderungan atau memastikan laman web mereka atau mereka diajar, dilatih menggunakan internet juga? Jadi, jangan kata hendak ajar pelajar belajar sahaja. Pihak kementerian bagaimana? Saya hendak tahu. Sebab saya baru melawati laman web Kementerian Kewangan. Tarikh kemas kini terakhir 22 Januari. Kementerian Luar Negeri, *last updated February 3, 3 Februari*.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***Mempengerusikan mesyuarat***]

Jadi, bagaimanakah kita hendak pastikan orang muda kita lebih cenderung guna internet di era globalisasi, apabila pihak kementerian sendiri, kerajaan sendiri tidak mempunyai ke arah cenderung terhadap aspek ini. Sebab sudah banyak kali saya cuba hendak dapatkan maklumat, selalu tidak *update* atau *page cannot be found*, *page cancelled*, pelbagai masalah. Jadi, janganlah, dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan kementerian yang lain juga *IT Literate* dan lebih cenderung menggunakan internet. Sekian Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, janganlah marah saya

**Cik Fong Po Kuan:** Tidak marahlah! *[Tanpa pembesar suara]*

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian ini juga ada *ICT Week* yang mana kita menggalakkan penggunaan ICT dan sebagainya. Sekiranya Yang Berhormat, ingin kita mencadangkan kepada kementerian-kementerian lain supaya lebih *IT SAVY*, maka kementerian ini akan melakukan itu dan kita akan maklumkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Bergantung kepada permintaan. Kalau permintaan memerlukan masa yang panjang, saya panjang kalau tidak saya ada lagi *four more pages to go*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini pun terpulang kepada Timbalan Menteri yang menjawab.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Okeylah saya tutup pintu buat sementara waktu. Saya akan *take notes* apa yang dikata oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rasah pula telah merujuk kepada laporan akhbar *Star* mengenai kemungkinan pihak ASTRO akan menyiarkan program sukan lumba kuda secara langsung melalui *Channel 501* pada bulan April ini. Beliau bertanya apakah kementerian ini peka dengan cadangan ASTRO ini?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini maklum bahawa pihak ASTRO akan menyiarkan secara langsung sukan lumba kuda dari Selangor *Equestrian and Sports Center* (STC) pada 9 April 2005 dan 16 April 2005 melalui *Channel 501*. Pihak ASTRO telah memohon kelulusan kementerian ini pada 12 September 2003, untuk menyiarkan secara langsung sukan lumba kuda melalui saluran langganan khas stesen berkenaan dari masa ke semasa dan ianya disiarkan secara *Encrypted*. Dengan kaedah penyiaran ini hanya pelanggan-pelanggan khas sahaja yang dapat menonton siaran langsung itu, dan ianya tidak melibatkan penonton ASTRO secara umum.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Kemaman dan Sabak Bernam juga, berminat untuk perkhidmatan stesen TV swasta di negara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyatakan bahawa perwujudan TV swasta, khususnya NTV7 pada asalnya adalah untuk menyediakan liputan TV untuk Sabah dan Sarawak mengikut syarat lesen. Akan tetapi perkhidmatannya jauh daripada syarat lesen berkenaan. Beliau juga berpendapat, siaran TV perlu melaporkan segera kejadian bencana alam dan hendaklah disiarkan selama 24 jam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan CASP 1 yang diberikan kepada NTV7 Sdn. Bhd. membenarkan liputan siaran ke seluruh negara. Berkenaan bahan kandungan pula, walaupun pada mulanya aspirasi memantapkan integrasi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung diberi perhatian istimewa oleh NTV7, ia bukanlah syarat khusus yang termaktub dalam

Lesen CASP 1. Walau bagaimanapun, NTV7 pada masa ini mempunyai siaran berita khas untuk Sabah dan Sarawak yang disiarkan dari studio beritanya di Kuching Sarawak.

Mengikut Lesen CASP 1, yang berkuat kuasa 1 Julai 2000, semua stesen televisyen swasta sememangnya dibenarkan bersiaran 24 jam sehari. Setakat ini, pihak Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia berpendapat bahawa komitmen dan kecekapan stesen televisyen swasta dalam melaporkan kejadian bencana alam dan berita tergepar adalah memuaskan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam pula ingin mengetahui, apakah peranan kementerian dalam menapis siaran TV, filem, iklan terutamanya dari luar negara kerana beliau bimbang kegagalan membuat demikian akan membawa impak negatif seperti gejala sosial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan CASP mempunyai syarat yang ketat sebelum ia dibenarkan menyiarkan kesemua bahan kandungan termasuk dari luar negara. Berdasarkan syarat khas Lesen 14, bagi pemegang-pemegang Lesen Sijil CASP semua bahan kandungan termasuk filem dan iklan perlu mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem (LPF), sebelum ditayangkan kepada umum. Pemantauan kandungan dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang bekerjasama rapat dengan Lembaga Penapisan Filem (LPF) serta agensi kerajaan yang lain.

Kegagalan untuk mendapat sijil penapisan LPF bagi semua kandungan, sama ada dari dalam atau luar negara adalah kesalahan yang dianggap serius dan tindakan penguat kuasa seperti denda atau pergantungan pembatalan lesen boleh diambil oleh SKMM di bawah Seksyen 242 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Tuan Yang di-Pertua menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kemaman yang ingin tahu mengenai tindakan yang perlu diambil untuk menjadikan stesen TV Malaysia sebagai agen penyebaran berita ke seluruh dunia seperti CNN, BBC dan Asia One.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, pihak Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertanggungjawab melesenkan dan mengawal selia pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan yang menyiarkan siaran di Malaysia. Pihak

SKMM tidak menghalang sebarang stesen TV swasta untuk meluaskan perkhidmatan mereka dengan menjadi agen penyebaran berita Malaysia ke seluruh dunia.

Ini bergantung sepenuhnya kepada kebolehan, kemahiran serta strategi perniagaan stesen-stesen tersebut. Bagi pihak yang bersedia untuk menjadi agen penyebaran berita, mereka perlu mendapat kelulusan atau cara laluan untuk menyiarkan berita berkenaan di negara-negara lain. Pada masa ini tiada stesen penyiar TV swasta yang menyediakan saluran berita khusus secara berterusan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, ingin mengetahui mengenai perancangan pihak kementerian dalam menangani isu liputan telefon selular, terutamanya di negeri Sabah. Sukacita saya jelaskan di sini, bahawa kerajaan telah dan sedang melaksanakan Program Time One dan Time Two, T2 dalam usaha meningkatkan liputan perkhidmatan telefon bimbit atau selular ke seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak. Program T 1 meliputi kawasan-kawasan Putrajaya, Cyberjaya, Kuala Lumpur, laluan utama yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Putrajaya sehingga ke KLIA.

Pencapaian Program T1 adalah memuaskan, di mana sebanyak 142 tapak atau 66% telah disempurnakan, manakala Program T2 pula meliputi, bandar-bandar utama, kawasan perindustrian, pusat pelancongan, laluan kereta api dan jalan raya utama di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak. Program yang akan mengambil masa 2 tahun ini, akan melibatkan pembinaan 1,650 menara telekomunikasi baru dan pemasangan 4,448 stesen pemancar. Selain pembinaan menara, Perayauan Domestik.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Usaha Kementerian begitu prihatin untuk memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada rakyat. Saya tidak menyalahkan Kementerian termasuk Timbalan Menteri rakan saya ini. memang bijak menangani isu-isu seumpama. Tetapi mungkin saya Yang Berhormat boleh memanggil operator-operator selular ini bertanya apa logik dia, adakah masuk akal daripada bandar hingga ke tujuh kilometer tidak ada *service* seumpama ini. Di perumahan-perumahan, perumahan Taman Sunyen di Sandakan. Tidak ada. Saya

sudah suarakan ini dua tahun lalu, tetapi tidak ada tindakan. Bukankah ini merupakan satu kegagalan bagi operator-operator telefon selular ini untuk memberi perkhidmatan terbaik dan dalam ucapan saya, saya ingin memetik balik.

Saya mematuhi arahan Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong memberi akhir tahun ini kepada semua operator telefon selular untuk memberi perkhidmatan di seluruh tempat. Kalau ini tidak ada saya akan menyuarakan perkara yang sama dan saya akan menulis surat kepada Sri Paduka Baginda terhadap kegagalan mereka ini. Tidak masuk akal Yang Berhormat, tujuh kilometer daripada bandar tidak ada servis telefon seumpama ini. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya bersetuju 100% dengan Yang Berhormat. Memang benar banyak lagi kawasan-kawasan yang masih belum mendapat liputan. Tetapi alasan-alasan yang diberi oleh operator-operator telefon ini kerana kawasan-kawasan itu tidak ekonomi, tetapi pihak kementerian pada hari ini telah menekankan kepada operator-operator telefon mudah alih ini supaya memastikan bahawa kawasan-kawasan walaupun tidak ekonomi diadakan liputan. Sebab itu diberi masa *Time 1* dan *Time 2*. Insyallah, bukan hujung tahun I Yang Berhormat, hujung 2006, sekiranya bekalan ini tidak sempurna, maka Yang Berhormat bolehlah tulis surat kepada Sri Paduka Baginda menyatakan ketidakpuashatian Yang Berhormat. Itu mungkin tidak sampai 100% liputan, tetapi percayalah dalam 2006, sehingga penghujung tahun ini lebih banyak, lebih baik liputan akan kita kecapai di negara ini. Selain pembinaan menara, perayaan domestik....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ledang bangun.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sekejap sahaja. *One line*. Selain daripada pembinaan menara, perayaan domestik, *domestic rooming* akan turut dikenalkan di 21 kawasan terpencil yang telah dikenalpasti. Silakan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Tentang menara. Pertama, saya hendak sebut, saya berjalan dari Khairah ke Iskandariah melalui lebuhraya. Satu pengalaman. Saya tidak nampak

menara, tetapi *rooming* 100%, satu perjalanan yang jauh lebih kurang dua jam. Saya berjalan juga di negara China dengan Yang Berhormat Teluk Intan, lebuhraya. Tidak beberapa nampak, maksud saya tidak beberapa nampak menara, tetapi kalau saya berjalan dalam negara Malaysia, sepanjang lebuhraya penuh dengan menara dan kepada saya mencatatkan pemandangan.

Apakah Kementerian ada strategi untuk mengurangkan pembinaan menara. Besok terlalu banyak menara mungkin kita perlu menggunakan puncak-puncak lain yang tidak perlu menara, kerana sudah pasti ia mencatatkan pemandangan. Banyak menyebukan. Tetapi pada masa lama dia meningkatkan *rooming* yang efisien seperti di negara-negara lain. Sekian terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian ini juga telah mencadangkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia supaya memantau dari segi kecantikan sesuatu tempat. Kadang-kadang pihak MC-MC atau Suruhanjaya memberitahu TELCO ini mendapat masalah untuk mendapat tapak untuk mendirikan *tower* di kawasan-kawasan sesuai. Kadang-kadang itu yang kita nampak celah-celah bangunan, di tepi-tepi, sudut-sudut rumah kedai dan sebagainya. Tetapi pada hari ini, Kementerian ini telah berbincang dengan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Rumah Tempatan bagaimana untuk mengatasi dari segi pemandangan, kecantikan supaya kalau boleh janganlah nampak sangat *plate* ini, merata-rata tempat yang dianggap akan *eye sore* tidak menarik minat para pelancong. Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan jawapan saya, bagaimana mencapai sasaran Program T 2, kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta.....

**Dr. James Dawos Mamit:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada tiga orang Ahli Yang Berhormat bangun.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, teruskan.



**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Bagi mencapai projek sasaran Projek T 2, kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta untuk melantik sebuah syarikat milik sokongan Kerajaan Negeri, *State Back Company* atau SBC untuk dilesenkan sebagai pemberi kemudahan rangkaian atau *Network Facilities Provider Indual Licensy* NFP 1 bagaimana pembinaan merana dan struktur pemancar telekomunikasi di negara masing-masing. Mereka juga perlu melantik agensi setempat atau *one stop centers* OSC bagaimana membantu syarikat pemberi perkhidmatan selular dalam urusan mendapatkan kelulusan daripada perkara berkuasa tempatan PBT dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi pembinaan menara dan struktur pemancar telekomunikasi.

Langkah-langkah yang diambil diharap dapat mempercepatkan lagi pembinaan menara telekomunikasi dan seterusnya dapat meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan telefon selular di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan

**Beberapa Ahli:** Amboi

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, apakah isu berkenaan dengan pos Malaysia bukan di bawah bidang kementerian yang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dapatkan kebenaran baru.....

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohon, sebab saya takut nanti timbalan Menteri terus duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan takut, dia tidak lari.

**Cik Fong Po Kuan:** Lepas itu dia kata, sudah habis. Saya tidak ada peluang untuk bangkit.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Jangan takut.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tanya. Mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat berikan laluan kepada dia?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Belum, belum, belum, belum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum lagi, sila duduk.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Belum, belum. Saya tidak duduk dahulu Yang Berhormat. Saya pun hendak bagaimana dekat dia nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Setakat Ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya bagi pada Alor Gajahlah, dia hendak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Alor Gajah tidak ada, Batu Gajah.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Batu Gajah, tetapi dia tidak payahlah hendak marah-marah. Cakap perlahan-lahan, kita dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah, perlahan-perlahan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Cik Fong Po Kuan:** *[Ketawa]* Yang Berhormat, bukan saya hendak marah-marah, tetapi hendak ingat-ingatkan. Persoalannya mengapakah isu yang saya bangkitkan berkenaan Pos Malaysia, bukankah ini di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Timbalan Menteri di bawah Kementerian Ini. Inilah masalahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cara Yang Berhormat berucap memang garang.

*[Ketawa]*

**Cik Fong Po Kuan:** Itulah persepsi individu, harus terimalah pelbagai bentuk, ada orang berucap pelbagai bentuk, haruslah terima. Asalkan saya tidak mengeluarkan perkataan *unparliamentary* biadab atau kurang sopan. Harus terimalah, belajar terima. Yang Berhormat Timbalan Menteri, inilah masalahnya, Menteri tidak hadir, Timbalan Menteri tidak hadir, Setiausaha Parlimen tidak hadir berdasarkan kepada kakitangan. Isu berkenaan dengan Pos Malaysia mengapakah telah saya bangkitkan tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pohon penjelasan, mengapakah isu ini berlaku? Ini adalah Dewan yang tertinggi di mana pihak kerajaan mestilah menjalankan tugas, *accountable*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Cukuplah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi macam isu air, saya takut dia kata sampaikan kepada Menteri,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** ...kami bangkit di sini, dia kata kakitangan akan sampaikan kepada Timbalan Menteri, Timbalan Menteri kata.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah....

**Cik Fong Po Kuan:** .... saya akan sampaikan kepada Menteri, lepas itu tiada khabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat baiklah. Cukup. Timbalan Menteri sila jawab. Timbalan Menteri sila jawab.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, berhubung dengan isu Yang Berhormat, saya akan lihat isu Yang Berhormat secara peribadi.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya membantah Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan harus dijawab sekarang. Mengapakah kena ditangguh-tangguhkan? Apa yang berlaku?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya akan jawab secara peribadi....

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohon satu jawapan kepada apa yang telah saya bangkitkan atau beri peluang. Kita menghentikan peraturan mesyuarat, biar saya bangkitkan ucapan saya sekali lagi.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** *How come you can answer me in private*, isu rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat akan berikan jawapan secara bertulis.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Ya, saya akan berikan jawapan secara bertulis.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya membantah Tuan Yang di-Pertua. Saya membantah, ini tidak boleh berlaku.....

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sekiranya terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak sempat menjawabnya saya mohon maaf.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:**...kepada ahli-ahli Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tidak menerima.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya berjanji bahawa Kementerian Air, Tanaga dan Telekomunikasi akan mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya untuk .....

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tidak menerima, saya membantah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,

**Cik Fong Po Kuan:** Saya membantah Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ..yang mana satu

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** ..... menangani masalah yang berkaitan termasuk masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga yang telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu Peraturan Mesyuarat?

**Cik Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cari sekarang.

**Cik Fong Po Kuan:** Biarlah masa saya untuk cari.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Baru hendak cari Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, tidak apa.

**Cik Fong Po Kuan:** Tetapi I jelas apabila isu-isu yang dibangkitkan sama ada Menteri yang meliputi, sama ada Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen harus menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawapan telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Cik Fong Po Kuan:** Apa jawapan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dengar, dengar. Sila duduk Yang Berhormat. Yang tidak dapat jawab, tindakan akan diambil. Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tidak boleh terima Tuan Yang di-Pertua, ini begitu spesifik, Pos Malaysia mengenai kenaikan harga, mengapa ini boleh tertinggal? Saya tidak boleh terima kata ini. *This is a failure in caring of duty*, dengan izin. Gagal menjalankan tanggungjawab. Menteri tidak hadir, Timbalan Menteri tidak hadir, Setiausaha Parlimen tidak hadir lepas itu segala kakitangan tidak hadir.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** *Don't get so emotional.*

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tidak boleh terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk.

**Cik Fong Po Kuan:** ...kecuali menghentikan mesyuarat membenarkan saya untuk membangkitkan apa yang saya sudah bangkit dahulu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** ...agar Menteri boleh jawab. Saya pohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya boleh putuskan, jawapan akan diberikan kepada Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan:** Bagaimana boleh begitu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri akan berikan jawapan kepada dia?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Ya, okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini telah gagalkan fungsi Parlimen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah.

**Cik Fong Po Kuan:** Tidak boleh di dalam Dewan ini di mana Menteri tidak jalankan tanggungjawab dan Tuan Yang di-Pertua cuba selamatkan dia, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, bukan selamatkan. Saya sudah buat satu keputusan supaya satu jawapan akan diberikan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah oleh Timbalan Menteri secara bertulis.

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya bangkitkan itu begitu jelas. Saya pohon mengapakah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau kementerian telah tertinggal apa yang saya bangkitkan? Saya pohon. Adakah semasa saya bangkitkan tiada pegawai dan kakitangan kementerian di sini? Saya pohon satu jawapan. Saya pohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehkah Yang Berhormat berikan jawapan?

**Cik Fong Po Kuan:** Ini perkara spesifik mengenai Pos Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Sila duduk, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Atau tangguhkan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Atau tangguhkan mesyuarat, saya cadang mungkin tangguhkan mesyuarat lima minit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak boleh tangguh.

**Cik Fong Po Kuan:** ...saya boleh bagi teks ucapan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin jawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah?

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohon tangguhkan lima minit.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya pasti dan saya bagi jaminan saya akan jawab secara bertulis dalam masa seminggu dari sekarang.

**Cik Fong Po Kuan:** Itu bukan alasan. Apa sebab kena bertulis? Saya pohon apa sebab? Apa sebab kena bertulis.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Cik Fong Po Kuan:** Apa sebab isu yang saya bangkitkan begitu terang... Apa sebab Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun? *[Ketawa]* Saya bangun berkenaan isu jawapan saya tidak dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohon mesyuarat ditangguhkan lima minit, saya boleh bagi teks ucapan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, agar dia boleh sediakan jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah...

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dalam perkara ini, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju, terima atau tidak terima, keputusan saya sudah buat dan keputusan ini muktamad. *[Disampuk]* Ada usul.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk. Bagi saya peluang..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlu, tidak perlu.

**Seorang Ahli:** Bagi dia peluanglah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlu, Yang Berhormat bagi Sri Gading duduk. Keputusan muktamad. Sila duduk. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat bagi Sri Gading, duduk.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.23 tgh.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamisyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang saya jemput Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**Tuan Mah Siew Kong:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan di mana Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen diarahkan untuk menjawab segala pertanyaan atau ucapan-ucapan semua Ahli Yang Berhormat secara bertulis dan tidak payah jawab. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap atas Peraturan Mesyuarat mana yang Yang Berhormat kemukakan?

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah kata yang beliau tidak dapat jawab. Dia sendiri bukan sahaja terangkan, dia juga minta maaf.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi saya peluang bercakap sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak cakap apa?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah ialah isu nasional, bukan soal Pembangkang dan sebagainya. Jadi jawapan harus diberi....

**Beberapa Ahli:** Ya.



**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...untuk rakyat faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Itu sebab saya...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi ini jadi satu pengajaran, Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...kepada kementerian-kementerian yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Nantilah, biarlah saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebab, itu sebab Yang Berhormat ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sekejaplah, sekejaplah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa, kita kesuntukan masa. Itu sebab saya buat keputusan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya mengarahkan..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya mengarahkan sebab saya sendiri pun ada mendengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Itu sebab saya arahkan dan membuat keputusan, soalan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....isu yang dibangkitkan adalah isu nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ...yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah itu perlu diberi jawapan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi biarlah kerajaan jawab, supaya orang tidak akan berkata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, cukup, cukup, Yang Berhormat .

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ... kerajaan kita tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup, saya bersetuju.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi satu pengajaran kepada kementerian-kementerian yang lain ambil perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen sama ada kerajaan atau Pembangkang dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mesti dijawab supaya rakyat tahu. Keputusan Parlimen ini penting bagi rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat, Yang Berhormat, bolehkah..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kita kena kaji. Kalau yang remeh-remeh itu tidak payah jawab, tidak apalah, tetapi yang penting...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tolong patuhi Peraturan Mesyuarat, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini pandangan sayalah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, saya berterima kasih.

**Cik Fong Po Kuan:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua saya merayu sekali lagi agar Dewan ini ditangguhkan, saya sedia untuk memberikan kerjasama..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** ...dan membenarkan teks ucapan saya kepada Timbalan Menteri untuk menyediakan jawapan. Saya pohonlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Kalau boleh, 10 minitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlu, tidak apa.

**Cik Fong Po Kuan:** Atau 5 minitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawapan saya senang.

**Cik Fong Po Kuan:** Isu-isu Pos Malaysia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya rayulah agar semua ahli tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau benarkan saya habiskan dahulu...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat.

**Cik Fong Po Kuan:** ...supaya semua ahli...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Peraturan Mesyuarat, duduklah.

**Cik Fong Po Kuan:** Dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sila duduk.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat ini. Dia bercakap tidak apa.

**Cik Fong Po Kuan:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba menjalankan tanggungjawab saya dengan sebaik-baiknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tunggu sampai 7.30, saya sediakan teks sebab ini isu yang saya sendiri mengalaminya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, okey.

**Cik Fong Po Kuan:** ... dan orang luar mengalaminya. Jadi saya pohon satu jawapan diberi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat berikan kerjasama kepada saya. Sila duduk, saya boleh jawab. Saya boleh jawab.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang dikatakan atau disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah memang ada tercatat. Yang Berhormat boleh rujuk kepada *Hansard* dan sediakan jawapan dan berikan jawapan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah dalam masa seminggu secara bertulis. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Cik Fong Po Kuan:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** Dengan izin, kalau boleh, jawapan diberikan kepada setiap ahli dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** Kalau boleh, jawapan diberi kepada setiap ahli. Saya rasa..

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya pun mahu tahu.

**Cik Fong Po Kuan:** Sebab saya rasa isu Pos Malaysia ini, kadar itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan minta lebihlah. Keputusan sudah dibuat, saya memang seorang yang munasabah.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Keputusan sudah dibuat, berikan kerjasama kepada saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya fikir dia sudah menjawab daripada malam tadi, jadi sudah berapa jam dia berikan jawapan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila. Jangan buang masa lagi.

**12.27 tgh.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Mah Siew Kong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa beberapa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dibangkitkan di Dewan ini dan di dalam sesi pertanyaan lisan mulai 23 Mac 2005 hingga 5 April 2005.

Perkara yang telah ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan diberi jawapan semasa sesi pertanyaan lisan adalah seperti:

- (i) langkah-langkah kerajaan memajukan industri automobil negara;
- (ii) syarat-syarat kelulusan, *approved permit* (AP) dan jumlah AP yang diluluskan;
- (iii) jumlah pelaburan FDI ke negara ini; dan
- (iv) langkah-langkah meningkatkan sektor industri di Sabah dan juga faedah-faedah yang diperolehi oleh rakyat dengan penyertaan negara di dalam AFTA.

Semua pertanyaan lisan seperti yang disebut telah diberi jawapan semasa sesi soal jawab pertanyaan lisan. Walau bagaimanapun saya akan menjelaskan isu-isu yang tidak diliputi semasa sesi pertanyaan lisan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut membangkitkan isu berkaitan kemungkinan lambakan atau *dumping* kereta buatan luar negara terhadap industri automatik negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Lau Yeng Peng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Mah Siew Kong:** Nanti saya habiskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar terdapat lambakan kereta import di negara ini kerana mengikut maklumat yang ada, harga kereta yang diimport dijual pada harga yang lebih tinggi berbanding dengan harga jualan di negara asal. Ya, sila.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai lambakan ataupun *dumping* kereta ini, bagi pendapat saya, ini adalah berasaskan kepada penyalahgunaan AP ataupun

*Approve Permit* yang telah saya bangkitkan minggu lepas iaitu *dumping* memang berlaku kerana pengimport-pengimport kereta ini, mereka menyalahgunakan AP dengan mengisytiharkan ataupun menetapkan harga yang lebih rendah ataupun *under declare* di mana ini telah menyebabkan pendapatan kerajaan dan sebagainya telah menurun dari segi duti import. Bagi saya lambakan ini memang berlaku kereta daripada Korea, Jepun dan juga baru-baru ini negara China. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai isu lambakan kereta ini?

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih. Jawapan untuk masalah AP telah dijawab hari itu dan saya tidak akan ulangi. Tetapi saya hendak....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya yang membangkitkan perkara itu dalam perbahasan saya. Yang Berhormat mengatakan bahawa berdasarkan laporan. Apakah mereka yang mendapat laporan itu atau mengumpulkan laporan kepada Yang Berhormat, turun ke bawah pergi melihat secara peribadi? Yang Berhormat hanya berdasarkan laporan, amat menyedihkan. Tetapi kalau Yang Berhormat berdasarkan laporan mereka itu, mereka pergi lihat dengan sendiri bahawa benar-benar tidak berlaku, kita boleh terima. Tetapi apa sebaliknya berlaku kalau benar perkara yang kita bangkitkan itu berlaku. Jadi adakah Yang Berhormat selepas ini akan berbincang dengan pegawai atau Yang Berhormat sendiri akan turun ke bawah untuk melihat keadaan yang sebenar?

Yang Berhormat mengatakan hanya berdasarkan laporan. Laporan itu adakah berdasarkan laporan sahaja atau mereka benar-benar pergi melihat keadaan yang sebenar berlaku? Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat selepas ini akan memanggil pihak yang berkenaan untuk sama-sama turun ke bawah untuk melihat keadaan yang sebenar? Itu sahaja yang kita hendak. Kalau ya, bila? Kalau tidak, kenapa? Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak menjelaskan bahawa kerajaan kita mempunyai Akta Anti Lambakan untuk mencegah kereta terpakai asing ataupun yang baru dan kerajaan akan mengambil tindakan. Mengikut akta ini, jika *anti-dumping* terhadap pengeksport asing, mereka

menjual kereta dengan harga jualan lebih murah misalnya di negara mereka berbanding dengan harga jualan di negara kita - itulah syarat pertama. Yang kedua, mengikut akta jika industri tempatannya mengalami kemudaratan atau *injury* yang disebabkan oleh barangan yang diberi subsidi atau dilambak, pihak berhak mengemukakan petisyen kepada kerajaan untuk mengambil tindakan anti lambakan.

Mengenai tuduhan bahawa ada beberapa negara yang mungkin *under declare* seperti Yang Berhormat memberi cadangan untuk kita *check*. Di sini saya hendak menegaskan bahawa mana-mana industri misalnya Proton atau pengeluar kereta yang lain, jika mendapati bahawa kereta yang diimport, *under declare* dan diberi subsidi, dia boleh membuat petisyen mengikut akta. Saya hendak menegaskan bahawa kementerian kita telah adakan dialog dan *briefing* kepada Proton dan pengeluar-pengeluar kereta nasional dan membuat *briefing* bahawa jika ada, kita akan ambil tindakan. Saya di sini hendak memberitahu bahawa sampai hari ini tidak ada pengeluar kereta yang membuat apa-apa komplain secara *official* sebab..

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembuat kereta tidak akan komplain, yang komplain wakil rakyat lebih-lebih lagi Ahli Parlimen kerana kita tengok, Proton betapa susahnyanya kita hendak jual di luar negara. Sebagai contoh negara China, mudahkah bagi kereta Proton hendak dijual dekat negeri China? Tetapi negara China punya kereta – Cherry ini mudah-mudah sahaja masuk ke Malaysia. Begitu juga dengan negara-negara lain. Yang kita punya barang ini susah hendak jual di negeri orang, orang punya barang, senang-senang sahaja masuk ke negara kita. Mengapa ini berlaku? Itu hendak minta strategi kementerian, apa tujuannya? Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Mengikut Peraturan AFTA dan juga WTO, bila kita hendak mengenakan duti *dumping* atau melarang kereta ini masuk, kita mesti ada bukti atas dua syarat yang saya maklumkan kepada Yang Berhormat. So, yang pentingnya syaratnya syarikat yang mengeluarkan motor di Malaysia hendaklah menunjukkan bahawa ia ada *injury* dan dia hendaklah membuat petisyen kepada kita supaya kita

dapat mengambil tindakan. Yang kedua, saya juga hendak menegaskan bahawa *under declaration*, dia bayar duti import dan amaunnya adalah ditentukan di Kastam dan bukan ditentukan oleh MITI. Dia buat *declaration* itu. Jika ada bukti bahawa ini adalah palsu dan saya memberi jaminan bahawa tentu kita akan mengambil tindakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun lagi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit lagi, boleh ya?

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Kalabakan atau Ketereh?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang mana satu? Terima kasih, sedikit sahaja Yang Berhormat. Sabar sedikit Yang Berhormat ya.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Balik-balik ke sini, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Betul, kita akui ada akta, ada undang-undang dan sebagainya tetapi sejauh mana kita menguatkuasakan undang-undang dan akta ini. Itu satu. Yang kedua, saya percaya kalau kompelin ini dibuat oleh mereka, nama mereka akan *diblacklistkan*, dengan izin, sudah tentu nama mereka tidak lagi harum semerbak dalam MITI. Maka sebab itu, kami inilah wakil-wakil rakyat yang menyuarakan hasrat rakyat. Oleh sebab itu, saya meminta satu penjelasan daripada Yang Berhormat supaya boleh atau tidak Yang Berhormat balik menyiasat perkara ini? Kalau tadi Yang Berhormat mengatakan itu berdasarkan laporan pegawai, tetapi kita minta, okey kita gunakan perkataan 'merayu' secara lebih berbunga, merayu supaya Yang Berhormat menyiasat balik perkara ini. Apakah benar lambakan ke atas kereta-kereta daripada luar negara ini sebenarnya berlaku sebab pernah seorang daripada pegawai tertinggi dalam kereta Proton sendiri, walaupun dia tidak bercakap, senyum kambingnya itu kita boleh tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kalabakan, boleh rehat, duduk sekejap, bagi dia habis.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sekejap, saya habiskan sedikit Yang Berhormat ya, bagi Timbalan Pengerusi cakap dahulu, karang baru naik. Jadi maknanya dari senyuman Ketua Eksekutif Proton tadi, dia itu hendak bercakap



tetapi orang kata ibarat 'telan mati mak, luah mati bapa.' Di situ kita sudah tahu bahawa memang berlaku. Jadi apa salahnya Yang Berhormat mengatakan okey , lepas ini kita siasat, kemudian kita laporkan balik kepada Parlimen, itu yang kita minta. Ya, sekali lagi boleh, bila? Kalau tidak boleh, kenapa? Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak jawab Kalabakan ya?

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu jawapan dahulu.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Sekalilah Tuan Yang di-Pertua, jadi sekali dia jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nanti dia terlupa, susah, duduklah.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Dia sudah bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagi laluan? Okey, sila.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kementerian, kita bawa isu dalam Dewan, dia mahu minta report, lapor. Kenapa Dewan yang mulia ini kalau kita sudah bawa, ini dianggap sebagai satu pengaduan, laporkan dan ambil tindakan. Ini lebih rasmi daripada surat yang dikirim daripada orang luar. Jadi kita minta, kalau kita bercakap di sini, kemudian Menteri kata nanti bikin laporan, bagus orang tidak usah duduk di sini, kita kurangkan sahaja Ahli Dewan Rakyat ini, buang masa, buang duit kerajaan untuk bayar gaji. Lantik Menteri sahaja, jadi kita tulis terus pergi kepada Menteri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita meminta supaya apabila Dewan Rakyat dimaklumkan oleh wakil-wakil rakyat, maka kementerian mesti siasat, bukan mahu minta laporan, siasat terus. Ini kita minta, Ahli-ahli Dewan Rakyat ini meminta, kalau dibawa ke mari, terus siasat. Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih dan saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa ini pandangan yang kita telah dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab itu, kita telah mengadakan mesyuarat *briefing* dengan

pengeluar-pengeluar motor negara dan untuk mengambil tindakan, kita hendak menunjukkan bahawa ada kemudaratan (*injury*) kepada industri kita di sini. Oleh itu, kita hendak dapatkan maklumat dari pengeluar-pengeluar kereta.

Tadi seperti Yang Berhormat bagi Larut cakap, mungkin pihak PROTON dia tidak beritahu secara rasmi dia ada masalah ini. Walau bagaimana pun saya berterima kasih di atas pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat yang begitu penting. Saya akan mengambil pandangan ini kerana kita akan membuat siasatan tetapi saya sekali lagi menegaskan bahawa pihak PROTON dan lain-lain walaupun ada *briefing* kita tidak *blacklist* siapa yang membuat kompelin kerana ini adalah begitu penting dan bila kita ada *briefing*, kita bertanya adakah ini benar dan kita tidak dapat satu kompelin yang rasmi dan saya hendak beritahu masalah yang kita hadapi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, ini kompelinlah ini, Yang Berhormat. Hendak tunggu mana lagi! Ini Parlimen, Yang Berhormat.

**Dato' Mah Siew Keong:** So, ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi saya minta kalau boleh, kalau boleh Yang Berhormat kereta nasional ini kereta kita, kereta negara, kita yang buat. Untung, untung kita...

**Seorang ahli:** Kebanggaan kita.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kebanggaan kita kebanggaan negara, maruah bangsa kita tetapi kalau kita sendiri tidak melihat kebanggaan kita ini diragut oleh orang lain dengan semudah-mudahnya ke dalam negara kita ini amat malang sekalilah. Ini mintalah sedikit perhatian daripada MITI kalau setakat hendak tunggu kompelin, kita sudah bawa ke dalam Parlimen. Ini adalah merupakan kompelin, aduan yang rasmi, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mah Siew Keong:** Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kita akan ambil perhatian dan cukuplah ini...*[Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan oleh Ahli-ahli Parlimen]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dato' Mah Siew Keong:** Cukuplah ini, ini sudah kira cukup!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja!

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya minta sedikit sahaja Yang Berhormat, dalam konteks perbahasan yang kita buat pada pagi ini ialah di bawah bidang kuasa ataupun kuasa yang berbangkit daripada *anti-dumping low*. Tetapi undang-undang *anti-dumping* itu membuat satu garis panduan ataupun mekanisme yang khusus, kompelin hanya diterima daripada pihak yang berkenaan iaitu industri itu sendiri. Dalam keadaan kompelin yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen di sini, adakah kita bercadang untuk meminda *anti-dumping low* itu supaya orang lain boleh berhak membawa perkara ini kepada *authority* sebagai kementerian ataupun pihak-pihak lain kerana *anti-dumping low* itu sendiri menghadkan garis panduan dan menghadkan mekanisme untuk membawa soalan *anti-dumping* ini kepada pihak *authority* ataupun pihak sama ada mahkamah ataupun pihak kerajaan. Kalau undang-undang ini tidak dipinda jawapan Yang Berhormat itu tadi memang cukup tepat kerana orang lain tidak berhak walaupun di Parlimen. Soalannya hanya boleh dibangkit oleh industri yang *effected by the dumping*. Macam mana pandangan Yang Berhormat tentang undang-undang ini?

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab bagi pihak saya. Tetapi akta *anti-dumping* itu mesti selaras dengan undang-undang WTO di mana hanya *injured party* yang boleh membuat *petition*. Sebab kita hendak negara lain membuka pasaran untuk kita, kita juga hendak membuka pasaran kita untuk negara lain, kita tidak boleh ambil tindakan sewajarnya yang kita hendak, kita hendaklah mengikut undang-undang. Walau bagaimana pun oleh kerana banyak cadangan dan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan mengkaji perkara ini dengan lebih teliti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Subang Jaya membangkitkan isu mengenai pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 2006 ke 2020 yang menunjukkan peranan penting sektor perindustrian...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan

**Dato' Mah Siew Keong:** Berkaitan dengan apa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Mahu tanya soal tadi, berbalik sedikit. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih. Saya hendak tanya siapa yang *injured party* ini? Kalau dilihat negara kita yang *injured* ini bukan lagi *injured* sudah mahu mati sudah...

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** apabila bersaing tanpa ada kawalan. Saya mahu penjelasan Yang Berhormat, adakah negara kita ini tergulung dalam *injured party* seperti Yang Berhormat cakapkan tadi ataupun tidak, dan kalau tidak negara manakah yang *injured* tadi ini? Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Sebenarnya *injured party*, dari sudut mengikut undang-undang ia adalah industri kereta kerana kita tengok dari secara *general*, ada pembeli kereta, dia lebih suka, dia cakap bila kereta murah datang, dia dapat membeli kereta dengan lebih murah harganya. Ia tidak dapat dibuat secara *general*. So, mesti ada parti seperti pengeluar kereta PROTON dan pengeluar nasional yang lain sebab kepada pengguna dia hendak membeli dengan lebih murah, bukan? Okey, terima kasih. Baik saya teruskan ya.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perkilangan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2004, sektor ini menyumbang 31% kepada KDNK 78% jumlah eksport dan 28% pekerjaan. IMP3 adalah dirangka untuk tempoh 15 tahun selaras dengan Wawasan 2020. IMP3 menggariskan hala tuju, strategi dan dasar pembangunan perindustrian bagi memastikan pencapaian objektif menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong menyentuh isu dalam usaha menjadikan pengeluar terbesar makanan Halal Hub serta meningkatkan R&D dalam sektor pengeluaran makanan halal dengan menubuhkan makmal penyelidikan khas di peringkat kebangsaan. Dalam usaha untuk menjadi pengeluar terbesar makanan halal, Jemaah Menteri telah melantik MITI untuk menerajui penyelarasan strategi dan program pembangunan bersepadu Halal Hub melalui penekanan kepada peranan kementerian, perundangan, sistem, pembangunan institusi, standard dan akreditasi dan penglibatan industri. Berhubung usaha pendidikan R&D di dalam sektor

pengeluaran makanan halal, Makmal Penyelidikan Khas Kebangsaan akan diwujudkan sebagai pusat analisis dan penyelidikan makanan halal. Cadangan ini telah dimasukkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke dalam RMK-9 untuk dibangunkan di Nilai, Negeri Sembilan di atas tanah seluas 20 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat bagi Kepong....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Santubong.

**Dato' Mah Siew Keong:** Ya, sila.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya hanya 1/3 sahaja dijawab berhubung dengan soalan halal ini iaitu soal R&D dan pengawalan makanan yang masuk ke dalam negara kita ini yang mempunyai logo Halal. Jadi kadang-kadang kita Yang Berhormat, saya mendengar daripada pagi tadi, ada jawapan yang mengatakan kalau kita lihat logo Halal kita tanya diri sendiri, kalau ikhlas rasanya boleh makan, kalau tidak ikhlas jangan makan banyak pilihan yang lain. Jawapan ini adalah tidak tepat sekali Yang Berhormat, ini adalah jawapan yang tidak bertanggungjawab sekali. Sebagai orang Islam di negara ini yang mengkhususkan kawalan soal Halal Haram ini kita kena terima hakikat apabila dia masuk halal, kita orang Islam di negara ini mesti menerima hakikat bahawa perkara ini betul-betul halal. Kalau dia tidak halal, pihak yang berkuasa bertanggungjawab kepada masyarakat Islam di negara kita ini, Yang Berhormat. Jangan main-main soal ini...

**Beberapa ahli:** [*menyampuk*]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya belum habis lagi. Kita kena....bukan soalan *Research and Development*, persoalan hendak mempertingkatkan pengeluaran, mempertingkatkan sebagainya, yang saya ajukan ialah soal kawalan kehalalan keluaran barangan makanan yang masuk menggunakan logo Halal, macam mana dan adakah tidak kita mempunyai teknologi mengawal dan mengetahui supaya benda ini ataupun apa penyelidikan yang kita buat, kalau tidak ada logo Halal dia buang ganti dengan logo baru. Kalau tidak boleh, tidak boleh masuk. Kalau sudah ada logo kita boleh makanlah, jangan makan baru soal ikhlas tidak ikhlas dipersoalkan. Kalau ada logo Halal orang Islam tidak payah ikhlas atau tidak ikhlas dia boleh makan sahaja. *Authority* sudah *allow* barang itu masuk.

Yang kedua Yang Berhormat, soal kawalan daripada dalaman. Kalau syarikat-syarikat di sini ada orang menyebut di Sarawak diperbincangkan dikatakan bagi syarikat orang Islam sahaja yang mengeluarkan makanan halal. Kita ada sebahagian yang mengatakan jangan, kerana sudah banyak industri ini dipelopori oleh orang yang bukan Islam.

Kita bersetuju, kita tidak bantah, tapi persoalannya di mana letaknya kawalan kerana orang tidak mengetahui bagaimana perasaan orang Islam soalan halal haram ni. Jadi itulah saya cadangkan, saya cadangkan supaya pengurusan syarikat itu walaupun kepunyaan sesiapa sahaja, pengurusan dia daripada peringkat *supervisory level, management level*, pembelian dia, kerana daripada pembelian ini kadang-kadang orang boleh memesongkan. Dia beli benda-benda yang tidak halal, dimasukkan ke dalam benda yang halal, satu interpretasi lagi, asal benda tu halal dimakan oleh orang Islam dia kata halallah, tak perlu sembelih. Macam umpama dia - lembu. Dia dibunuh macam mana pun, ditembak macam mana pun, bila dah mati, diproses daging, dia katakan halal. Ha, dia katakan halal, jadi interpretasi ini pelbagai, orang belum mengetahui yang proses penghalalan daging-daging, benda yang halal ini boleh dimakan oleh orang Islam.

Jadi saya cadangkan tiap-tiap syarikat yang mempunyai produk halal yang diberi logo Halal mesti meletakkan beberapa orang pakar dalam soalan keislaman. Maknanya orang keluar daripada universiti Islam, orang yang mempunyai kepakaran soalan agama dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta tunggu dulu, saya belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan sudah keluar?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Soalan? Sikit saja, dah lama tak cakap. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi sudah lama cakap.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi pengurusan ini penting, pembelian ini penting dan pengawalan dari peringkat bawah ini penting. Jadi kalau ini

tidak kita buat syarikat itu jangan diberi logo Halal kepada dia. Kalau dia hendak terlibat, mekanisme ini kita kena buat. Jadi macam mana pandangan kementerian, pandangan kementerian, bukan pandangan Yang Berhormat sendiri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tangga Batu takkan nak jawab?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *Adding on, adding on* sikit pada Santubong punya soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mah Siew Keong [Telok Intan]:** Okey, sikit saja.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Bagi saya tambah sikit, sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada soalan nak tanya?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Soalan, soalan. Sebenarnya saya mengharapkan jawapan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa ini lebih baik daripada kementerian yang jaga JAKIM hari tu. Saya benar-benar tak puas hati apabila Menteri jawab seolah-olah *taking for granted*, ambil mudah segala-galanya. Kalau macam Datuk Santubong kata halal, halallah.

Ini adalah pada pandangan saya apa yang telah disampaikan oleh kementerian yang jaga JAKIM itu hari benar-benar tidak memuaskan hati Ahli-ahli Dewan Parlimen. Hari ini pula jawapan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa, dah sampai ke antarabangsa pun masih lagi seolah-olah menunjukkan ada sikap-sikap *taking for granted*, ambil mudah. Seolah-olah tidak meletakkan ciri-ciri proses tadi tu, proses sebagai contoh saya bagi, sekejap Tuan Yang di-Pertua, ada dua barang ditawarkan kepada saya, jenama yang sama. Yang satu lagi ada cap halal tanpa ada apa-apa tulisan di belakangnya dan yang satu lagi tiada cap halal tetapi *detail*, terperinci dengan *ingredientnya, vegetable shortening, animal shortening* dan sebagainya, ada tulis.

Jadi kalau saya melihat dalam keadaan ini, yang halal itu saya tidak berani nak terima, saya akan mengambil barang yang tidak ada cap halal, tetapi mempunyai *ingredient* yang terperinci dengan peratusan-peratusan yang boleh meyakinkan saya yang ini lebih *transparent* prosesnya.

Jadi saya mintalah pihak kementerian supaya angkatlah sikit standard kita, jangan ambil mudah apabila berhadapan dengan masalah-masalah yang boleh

menyebabkan kemelut yang lebih besar di dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih, saya akan cuba memuaskan hati Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Bukan saya, rakyat, rakyat.

**Dato' Mah Siew Keong:** Okey, Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya juga dimaklumkan bahawa ciri-ciri keselamatan telah direka oleh SIRIM yang akan diletakkan di atas sijil-sijil halal supaya ia tidak dapat dipalsukan pada Jun ini.

Yang kedua, pada masa sekarang mana-mana pihak pun boleh menggunakan perkataan halal tanpa merujuk kepada badan persijilan. Oleh itu, masyarakat telah banyak bermesyuarat dan telah diputuskan dan langkah diambil supaya Akta Perihal Dagangan 1972 akan digunakan untuk mewajibkan segala persijilan halal untuk produk dan perkhidmatan dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dengan itu tindakan akan diambil supaya menjadikan JAKIM sebagai badan tunggal persijilan halal di Malaysia. Saya harap ini akan dapatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan, Petra Jaya.

**Dato' Mah Siew Keong:** Cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Last.* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini Yang Berhormat bukan soal pengeluaran sijil, soalnya penguatkuasaan kita, ini perniagaan antarabangsa kita mengeksport, import daging, ayam, *chicken wing* dan sebagainya. Bagaimana soal pengawalan? Adakah barang-barang ini betul-betul halal diproses di Australia, di India dan sebagainya sampai ke negara kita betul-betul diproses secara Islam ke ataupun sijil dia yang Islam saja kemudian dia halal. Itu yang kita mahu tahu, berapa pegawai penguat kuasa dihantar oleh kementerian, melihat pengilang-pengilang di luar negara ini? Yang menghantar barang-barang ke negara kita. Bukan asalkan ada sijil halal biar pun haram, halal lah.

Ini tidak boleh nafsu nafsi, soalnya kita mahu tahu adakah pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa ini menghantar pegawai-pegawai untuk melihat pengilang-pengilang ini setiap masa. Jangan lihat satu tahun, balik lagi hujung tahun. Dalam



pertengahan bulanan itu, dia akan melakukan suka hati dia. Bagaimana? Ini yang kita mahu tahu. Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih, seperti yang dimaklumkan, Kabinet telah mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk meningkatkan *enforcement team* bersama dengan JAKIM dan Pejabat Agama Negeri.

Di luar negara, di luar negara JAKIM telah ambil tindakan untuk *station* agen JAKIM di negara Australia dan New Zealand misalnya, supaya mereka dapat mengesyorkan bahawa di sana semua akan mengikut proses halal. Ini adalah tindakan yang sedang diambil dan adalah sama dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dan saya berasa selepas tindakan-tindakan oleh JAKIM dan kementerian yang berkenaan kita akan kurangkan masalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat, tolong bawa perkara ini kepada Menteri supaya selesai.

**Dato' Mah Siew Keong:** Okey.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sebab terdapat daging babi dalam tin logo Halal, bermakna daging babi itu halal. Dia daging babi di *supermarket* tapi logo Halal. Bagaimana ini boleh berlaku?

**Dato' Mah Siew Keong:** Tadi, tadi saya telah menerangkan bahawa sekarang ini siapa juga boleh menggunakan perkataan halal dan lepas Akta itu dipinda, hanya melalui JAKIM boleh diiktirafkan sebagai halal.

Walau bagaimanapun saya berterima kasih ke atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jasin, Petra Jaya.

**Dato' Mah Siew Keong:** Cukup, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak terangkan tentang import.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah terang, kalau ada soalan keluarkan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Soalan, soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah soalan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Masalah dia sekarang biasanya kalau kita nak mengimport barang, barang macam kata yang disebut oleh sahabat saya tadi Kinabatangan, *declaration form* ke Kastam, biasanya Kastam minta sampel. Ini yang berlaku di Kastam Melaka. Kastam Klang saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Kita hantar *sampel* pada dia baru dia luluskan kontena ini mempunyai daging ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah soalannya sekarang?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** ...sepatutnya Kastam buat kerja bukan MITI buat kerja Tuan Yang di-Pertua, jadi nak kena betul juga. Kalau serah semua pada MITI kasihan juga saya tengok muka dah merah padam dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tahulah susah nak jadi Timbalan Menteri.

*[Ketawa]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, JAKIM ini dalam negeri pun tak boleh jaga, nak jaga luar negara macam mana? Ini yang saya tidak boleh terimalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mah Siew Keong:** Okey, terima kasih. Pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat. Saya teruskan ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Dato' Mah Siew Keong:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyentuh isu berkaitan dengan konsep *Malaysia Brand* perlu diterapkan dalam semua sektor perusahaan dan perindustrian. Kerajaan sentiasa menggalakkan semua sektor perusahaan dan perindustrian untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang berpotensi menjadi jenama global.

Bagi tujuan tersebut kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingannya membangunkan jenama global melalui

penyediaan insentif potongan cukai, penyediaan geran . promosi jenama dan juga menganjurkan seminar dan penyertaan pameran perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kudat menyentuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Timbalan Menteri, boleh berehat sekejap, sambung nanti.

[ *Ketawa* ]

**Dato' Mah Siew Keong:** Okey, Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.03 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Menteri akan menyambung jawapannya.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya sambung. Menyentuh isu hubungan perdagangan bilateral dan multilateral di antara Malaysia dengan anggota-anggota OIC telah dan akan diberatkan. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia berusaha untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan anggota-anggota OIC. Pada tahun 2004, jumlah perdagangan dengan anggota-anggota OIC bernilai RM61.5 bilion. Antara langkah yang diambil termasuk mengadakan rombongan galakan perdagangan dan menyertai pameran-pameran perdagangan antarabangsa. Kerajaan juga akan menganjurkan forum perdagangan OIC pada Jun 2005 bagi meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan di kalangan anggota OIC.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kudat juga mencadangkan supaya MATRADE dan pejabat-pejabat di luar negara perlu lebih proaktif dan mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh bagi meneroka pasaran di luar negara.

MATRADE secara berterusan menerokai pasaran di luar negara bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Minta laluan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik tadi akan adakan satu ekspo atau seminar perdagangan antarabangsa di Malaysia di bawah OIC. Saya cadangkan kalau boleh semua bank-bank Islam di seluruh negara, negara Islam ada sekali bersidang di negara kita, Malaysia untuk membawa imej dan era baru dalam era global ini. Saya rasa itu cadangan saya.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih, ada cadangan, saya akan membawa balik cadangan ini supaya dapat dilaksanakan. Terima kasih. Saya teruskan. MATRADE secara berterusan menerokai pasaran di luar negara bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia. Pada tahun 2005, MATRADE menyertai 106 pameran perdagangan antarabangsa, di samping itu MATRADE juga akan menganjurkan 6 misi perdagangan dan pelaburan, 12 misi pameran khusus dan 5 misi pameran am. Ahli Yang Berhormat dari Subang Jaya mengutarakan pandangan yang berkaitan insentif-insentif yang sedia ada bagi ...

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Yang Berhormat, Subang bukan Subang Jaya.

**Dato' Mah Siew Keong:** Okey! Minta maaf. Ahli Yang Berhormat dari Subang - Subang mesti jaya. *[Ketawa]* - dari Subang mengutarakan pandangan berkaitan insentif-insentif sedia ada.....

**Tuan Razali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh beri laluan?

**Dato' Mah Siew Keong:** SMI.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Sebelum itu, sebelum yang ini, mengenai MATRADE. Kita mengucapkan tahniah atas tindakan agresif MATRADE untuk menerokai peluang-peluang baru. Cuma saya hendak mendapat penjelasan dari kementerian, yang saya rasa kementerian juga sedar di mana terdapat sejumlah begitu besar syarikat-syarikat Malaysia membuat pelaburan di luar negara yang tidak berdaftar dengan MATRADE, dengan agensi ini, apakah tindakan ataupun pemantauan kepada aktiviti syarikat-syarikat ini di luar negara yang mungkin boleh menjejaskan, kalau mereka berjaya,

Alhamdulillah, masalahnya kalau mereka membuat sesuatu perkara yang boleh menjejaskan nama baik negara dan apakah yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian?. Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih. Adalah tidak diwajibkan untuk syarikat-syarikat yang buat pelaburan di luar negara untuk berdaftar dengan MATRADE, walaupun kita telah buat banyak saranan dan kita telah buat banyak publisiti supaya kita harap syarikat-syarikat berdaftar dengan kita. Pada masa kini kita hanya selalu membuat seruan kepada syarikat-syarikat yang melabur di luar negara supaya jangan menjejaskan imej Malaysia. Sehingga kini kebanyakan syarikat-syarikat negara kita yang melabur di negara luar ada prestij yang baik. Terima kasih.

Kembali kepada Ahli Yang Berhormat dari Subang Jaya, yang berkaitan dengan insentif untuk EKS yang tidak mencukupi. Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif serta program pembangunan bagi membantu pembangunan industri atau *enterprise* kecil dan sederhana bermula daripada *start up*, daripada perkembangan hingga ke promosi pemasaran di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Saya di sini sukacita memaklumkan bahawa MITI telah mengedarkan di semua meja Ahli-ahli Yang Berhormat beberapa dokumen mengenai insentif-insentif untuk EKS untuk rujukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput menghubungi MATRADE, SMIDEC dan lain-lain agensi di bawah MITI untuk mendapatkan makluman atau untuk memberi cadangan-cadangan. Sehingga Disember 2004, bantuan kewangan yang disalurkan kepada EKS oleh agensi-agensinya di bawah MITI sahaja bernilai RM555 juta, yang mana RM347 juta adalah dalam bentuk pinjaman dan RM207 juta adalah dalam bentuk geran. MITI juga selalu berdialog dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meningkatkan infrastruktur-infrastruktur di kawasan-kawasan industri.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya terhadap beberapa isu yang dibangkitkan oleh beberapa ....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Dato' Mah Siew Keong:** Lastlah, last.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya! Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri, macam mana untuk mengatasi satu anomali yang masih dihadapi

oleh pihak IKS, *small medium industry*, berhubung dengan automotif kad. Kalau seseorang yang, *assembler*, umpamanya ataupun *manufacture of automobile* dari Malaysia, kita dia beli *part* selepas *tax structure* yang baru diluluskan pada tahun 2005 dia akan terkena *zero tax* import daripada luar negara ASEAN.

Tetapi kalau dia beli kepada *source* dalaman, *source* dalaman ini akan terkena 10% *sale tax*. Maksudnya 10% ini di *add into production cost*, kepada pihak industri ini. Jadi, dengan sendirinya menghalang *industry part producer* ini kepada orang local dan menggalakkan pembelian daripada *assembler* atau *manufacture* ini import daripada negara ASEAN. Macam mana, adakah nasihat akan diberi kepada pihak Kementerian Kewangan supaya anomali yang 10% ini, *very big volume*, boleh diatasi untuk tidak menunjukkan bahawa kita, *in favour of foreign part* dengan menekankan *local producer*.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita maklum masalah ini, tetapi untuk SMI *manufacturer* yang dia import *parts* dan lepas itu dieksport seluruhnya, dia boleh dapat *exemption tax* tetapi untuk kegunaan dalam negeri ada berapa industri yang masih kena tax, kita maklum. MITI telah memberi beberapa cadangan sejak bajet yang lalu kepada Kementerian Kewangan supaya untuk menolong SMI ini dikecualikan daripada tax ini dan kita belum mendapat satu keputusan setakat ini. Kita sentiasa ambil berat terhadap masalah kos yang tinggi oleh SMI-SMI di Malaysia, okey. Dan, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan isu serta cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain adalah diberi perhatian dan akan disusuli sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri.

**2.40 petang.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berhasrat benar untuk hadir di Parlimen hari ini bagi menggulung perbahasan tetapi beliau perlu berada di Australia bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk lawatan rasmi. Oleh itu, saya dengan penuh tanggungjawab sedaya upaya saya akan menggulung perbahasan yang menyentuh isu-isu berkaitan Kementerian Luar Negeri dan saya

berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menerima kehadiran saya dan keadaan ini dengan seadanya. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, seramai 26 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan pandangan-pandangan dan persoalan-persoalan mengenai isu-isu luar negara dan saya akan beri secara langsung semua jawapan kepada perkara-perkara yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pada 23hb Mac telah menyatakan pandangan mengenai tiada semangat ASEAN semasa berlakunya bencana tsunami. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum berlakunya bencana tsunami, negara-negara ASEAN telah pun bertindak untuk membentuk satu mekanisme yang bertanggungjawab ke atas hal-hal pengurusan bencana dalam segala bentuk yang dipanggil, dengan izin, *ASEAN Committee on Disaster Management* pada tahun 2003. Pembentukan mekanisme ini turut dibincangkan semasa mesyuarat peringkat Menteri-menteri ASEAN mengenai pengurusan bencana AMMDM yang diadakan julung-julung kali di Phnom Penh, Cambodia pada 7 Disember 2004, iaitu 19 hari sebelum berlakunya tsunami.

Mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk membentuk sebuah *instrument* serantau mengenai pengurusan bencana dan respons kecemasan, dengan izin, *ASEAN Regional Instrument on Disaster Management and Emergency Response*, agar respons kepada negara-negara yang ditimpa bencana dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan.

Semangat ASEAN seterusnya jelas dilihat apabila ASEAN mengadakan mesyuarat khas pemimpin-pemimpin negara Asia mengenai bencana tsunami pada 6 Januari, di Jakarta, Indonesia, iaitu 10 hari selepas tsunami berlaku. Mesyuarat khas ini telah melahirkan satu deklarasi untuk bertindak mengukuhkan bantuan kecemasan, pemulihan, pembangunan semula dan pencegahan selepas bencana tsunami, 26 Disember 2004.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan maklumat terkini mengenai perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Papar pada 24 Mac 2005, mengenai bantuan derma Tsunami.

Di bawah Tabung Bencana Tsunami Asia Kementerian Luar Negeri, jumlah derma yang berjaya dikutip sehingga semalam ialah RM25,144,019.07. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian telah menerima semua sumbangan yang dijanjikan dan masih terus menerima sumbangan buat masa ini. Dengan kata lain, semua sumbangan yang dijanjikan kepada Kementerian Luar Negeri telah ditunaikan dan tidak dapati sesiapa pun yang tidak memberi derma yang dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang pada 31 Mac 2005 yang membangkitkan persoalan mengapakah bantuan dari tabung ini tidak disalurkan kepada Selatan Thailand yang turut parah ditimpa bencana Tsunami. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kerajaan Thailand telah mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa mereka tidak akan menerima sebarang bentuk bantuan sumbangan daripada negara luar. Itulah sebab kita tidak memberi - kalau orang tidak meminta kita pun tidak memberi. Namun begitu terdapat banyak persatuan, syarikat-syarikat swasta dan orang-orang perseorangan yang telah menghantar bantuan terus kepada mangsa Tsunami di Selatan Thailand terutama sekali di Phuket.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat Tangga Batu yang telah mengutarakan pada 23 Mac 2005 tentang Mesyuarat *Lake Toba Summit* yang dibuat di Medan tentang pembinaan semula tempat-tempat yang ditimpa bencana Tsunami. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri tidak dimaklumkan atau dipanjangkan sebarang jemputan untuk menghadiri *Summit* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor pada 24 Mac 2005 telah menyuarakan pandangan beliau bahawa kerusi Myanmar ataupun negara Myanmar tidak harus diberi peluang mengambil alih jawatan Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN untuk tahun 2006 memandangkan sekiranya wujud demokrasi di Myanmar, barulah beliau boleh memegang jawatan tersebut, termasuk pembebasan Ketua Pembangkang, Aung San Suu Kyi serta lain-lain tahanan politik. Beliau mahu tahu pendirian kerajaan Malaysia mengenai isu tersebut. \

Sukacita ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, kerajaan Malaysia berpendapat bahawa sebagai anggota ASEAN, Myanmar mempunyai hak untuk



memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN yang dibuat secara bergilir mengikut susunan abjad. Sekiranya ada sebarang tentangan mengenai amalan ini, ia hendaklah dikemukakan oleh anggota ASEAN untuk dibuat keputusan secara konsensus oleh semua anggota ASEAN yang terlibat, ataupun diputuskan oleh kerajaan Myanmar sendiri sekiranya mereka ingin menarik diri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Ada juga kita terdengar di mana merupakan ancaman ataupun amaran daripada negara-negara besar bahawa apabila Myanmar mengambil alih Pengerusi ASEAN ini maka mereka akan memboikot apa juga *conference* apa juga permesyuaratan dan sebagainya. Apakah ini tidak mendapatkan impak kepada negara-negara ASEAN termasuk negara kita sekiranya ini berlaku. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, jawapan tersebut ada di muka surat dua jawapan saya, selepas ini saya akan sentuh.

Kerajaan Malaysia sedar pendirian yang diambil oleh ASEAN *Parliamentary Caucus* kepada Myanmar dalam isu ini. Saya ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia sememangnya mengikuti dengan dekat perkembangan yang berlaku di Myanmar dengan mengambil kira keadaan politik di Myanmar ternampak ada usaha-usaha oleh Kerajaan Myanmar untuk memperbaiki keadaan semasa walaupun usaha-usaha ini sangat perlahan.

Kerajaan Myanmar sedar bahawa sehingga kini negara-negara Barat sangat menginginkan pembebasan Aung San Suu Kyi yang merupakan agenda utama yang perlu ditonjolkan. Malahan desakan-desakan yang ditujukan kepada kerajaan Myanmar berkisar agar Aung San Suu Kyi segera dibebaskan tanpa syarat. Dalam hal ini, kerajaan Malaysia juga bersependapat dengan Yang Berhormat Ipoh Timor bahawa pembebasan Aung San Suu Kyi merupakan kunci ke arah penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan Myanmar dengan masyarakat antarabangsa, khususnya negara-negara Barat. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa di samping itu ....**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kemaman.di belakang.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dua perkara, yang pertamanya bukan saya bermaksud untuk menidakkan keupayaan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di sini sebab isu jawapan perlu dihadiri oleh menteri telah kita bincangkan semalam dan sepatutnya kita rasakan sekiranya menteri tidak ada, Timbalan Menteri lah yang patut datang untuk memberi jawapan bagi membuktikan kita memberikan satu pandangan yang serius dan sekarang ini pun jarang sangat kita dengar isu-isu luar negara di jawapan oleh pihak Timbalan Menteri sendiri dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menyebut kalau menteri, Yang Berhormat Menteri berada di luar negara bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Soalan saya ialah bila disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, ada beberapa langkah positif telah diambil oleh pihak rejim yang memerintah Myanmar sekarang ini. Tetapi apakah langkah yang telah diambil bagi membuktikan kesediaan mereka untuk bersama dengan komuniti antarabangsa sekarang ini – hanya disebut secara umum sahaja. Boleh jelaskan kepada kami apakah yang dimaksudkan “positif” sehingga kita boleh menerimanya ataupun kita boleh bertolak ansur dalam dasar yang mereka buat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman, jawapan bagi soalan yang kedua itu juga ada dalam jawapan saya ini, kalau perlu disebarkan sebentar. Tentang kehadiran Timbalan Menteri, saya ingin memaklumkan bahawa Timbalan Menteri Luar sekarang berada di Islamabad, Pakistan untuk menghadiri Mesyuarat Antarabangsa Mengenai Pembangunan Asia. Jadi Setiausaha Parlimen mewakili Kementerian Luar Negeri bagi pihak Menteri dan Timbalan Menteri, besar dan berat tanggungjawab saya, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Puchong bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Boleh saya teruskan sedikit lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Tunggu sekejap.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Walaupun demikian kita harus sedar bahawa di samping pembebasan Aung San Suu Kyi, kita perlu juga menekankan kepada pihak Myanmar agar turut memberi perhatian kepada isu-isu lain. Ini termasuklah isu pembebasan semua tahanan politik, penyertaan semua pihak dalam Konvensyen Kebangsaan serta pelaksanaan *referendum* dan pilihan raya umum mengikut ketetapan dan amalan yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kemaman tadi, seluruh dunia termasuk Malaysia juga melihat dengan terperinci sama ada *referendum* yang dijanjikan dan pilihan raya umum yang ditetapkan itu dapat dilangsungkan sebelum hujung tahun ini. Sama-samalah kita berharap perkara ini akan menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Ipoh Timor, silakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jawapan beliau mengenai isu yang penting ini. Tadi beliau berkata bahawa usaha-usaha militer Myanmar dibuat secara perlahan-lahan sebenarnya bukan sahaja kemunduran yang berlaku oleh sebab penahanan Aung San Suu Kyi masih diteruskan, dipanjangkan untuk tempoh satu tahun lagi tetapi pendemokrasian semacam *National Convention* baru-baru ini ditangguhkan sehingga bulan November yang menunjukkan bahawa, dengan izin, *seven-steps road-map* untuk demokrasi Myanmar tidak bermula sebagai tapak yang pertama.

Saya masih ingat lagi pada tahun 2002 apabila masa saya ada berbincang dengan wakil khas Setiausaha Agong UN, Tan Sri Razali, pada masa itu dibincangkan mengenai pembebasan Aung Sang Suu Kyi supaya adalah satu *political dialogue* dengan *National League for Democracy* dan juga *nationality ethnics*, saya ada tanya beliau apakah senario masa depan dan beliau ada memberi harapan, melahirkan harapan bahawa sampai 2006 pilihan raya umum boleh diadakan di Myanmar.

Sekarang nampaknya harapan ini hanya menjadi, dengan izin, *pipedream*, dan baru-baru ini di Manila ada dilancarkan bukan sahaja *Philippines Parliamentary Caucus* mengenai Myanmar tetapi Ahli-ahli Parlimen ASEAN dan Asia-Pacific yang mendapat satu konsensus bahawa dalam isu ini Myanmar tidak patut dibenarkan untuk mempengerusikan ASEAN sehingga ada kemajuan sama ada dalam pembebasan Aung San Suu Kyi atau pendemokrasian. Adakah kerajaan Malaysia rela dalam perkara ini,

ambil satu pendirian yang lebih tegas supaya boleh dapat *breakthrough* dalam kemajuan tuntutan di Myanmar dan kedua bahawa akan menghormati pendirian Ahli-ahli Parlimen dalam Malaysia, dalam negara-negara ASEAN supaya pendirian mereka men jadi satu panduan dasar kerajaan – *the guided by the policy of Parliamentarians*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor. Saya bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tentang kelewatan pendemokrasian kerana *The National Convention* ditangguhkan hingga November ini. Kita sependirian dengan Yang Berhormat dalam isu ini yang mana sebenarnya telah memperlengahkan *roadmap* yang patut dijalankan.

Berkenaan sama ada kerajaan Malaysia mengiktiraf dan menghormati pandangan Ahli-ahli Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen Malaysia diberi kebebasan untuk menyuarakan pandangan mereka di peringkat antarabangsa dan oleh yang demikian, kita lihat apa yang ditimbulkan baru-baru ini tentang Usul mengenai Myanmar telah mendapat satu publisiti yang begitu meluas dan merupakan *headlines* di semua negara-negara ASEAN, terutama sekali di Myanmar, Bangkok, Jakarta dan juga Singapura.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [*Bangun*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Izinkan saya teruskan sekejap sebelum menyambung. Yang Berhormat, boleh saya bawa isu ini sampai ke hujungnya dan kemudian kita boleh bincang supaya dapat senadakan dengan apa yang ingin saya perkatakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puchong, duduk dulu.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Dalam usaha ke arah ini, Yang Berhormat, kerajaan Malaysia akan terus berhadapan dengan kerajaan Myanmar dan mendesak secara halus dan berdiplomasi agar negara tersebut mencari jalan penyelesaian yang boleh diterima pakai dan akan memberi manfaat kepada semua pihak. Sehubungan dengan ini, Malaysia masih percaya bahawa pendekatan *consultive engagement* yang dipegang oleh ASEAN dan negara kita adalah jalan yang paling praktikal. Pendekatan adalah lebih baik jika dibandingkan dengan pendekatan secara ancaman dan sekatan seperti yang dilakukan oleh negara-negara Barat. Pada masa yang sama Malaysia

berpendapat bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan oleh negara-negara Barat ke atas Myanmar tidak pun membawa perubahan yang diharapkan sebaliknya sekatan-sekatan tersebut hanya membawa kesengsaraan kepada rakyat ramai di Myanmar.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun sambil mengetuk mikrofon untuk meminta laluan*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai tindakan untuk mengelak situasi yang tidak diingini ini menjadi kenyataan, Malaysia akan terus berusaha untuk menyedarkan Myanmar tentang implikasi yang akan timbul hasil daripada tindakannya terhadap pertubuhan dan rantau ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Malaysia ..... sekejap, sekejap. Malaysia akan terus membantu Myanmar dalam proses pendemokrasian ini dan tidak akan membiarkan Myanmar undur dari kemajuan yang telah mereka capai hingga kini, sama ada bersendirian atau bersama-sama ASEAN secara kolektif. Malaysia akan meneruskan usaha mengingatkan Myanmar akibat buruk dari kegagalannya melaksanakan janji-janji yang telah mereka war-warkan. Adalah menjadi harapan Malaysia agar Myanmar di bawah tampuk pemerintahan yang baru segera sedar tentang desakan-desakan yang telah dibuat untuk kebaikan negara tersebut dan rantau ini khususnya ASEAN. Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pada akhir minggu ini akan diadakan satu mesyuarat yang penting iaitu Mesyuarat Menteri-menteri Luar di Cebu, Filipina pada 10 hingga 12 April 2005 – *ASEAN Foreign Ministers' Retreat*, adakah Malaysia akan mengambil inisiatif dalam *ASEAN Foreign Ministers' Retreat* ini dengan negara-negara ASEAN lain melahirkan isu ini supaya isu ini mendapat perhatian serius semua menteri-menteri berkenaan, termasuk bahawa isu sama ada Myanmar patut mempengerusikan ASEAN 2006 kalau tidak ada perubahan, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ini adalah berpandu kepada prinsip konsensus. Yang pertama, bukankah prinsip konsensus perlu diadakan sama ada semua bersetuju – kesemua 10 negara ASEAN setuju bahawa Myanmar menjadi Tuan Pengerusi.

Kedua, adakah Malaysia rela untuk mengambil inisiatif dalam *retrieved - Foreign Minister Conference* ini supaya menghormati pendapat dan pendirian yang

dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen di negara-negara Asean yang bermula dengan Malaysia diikuti dengan Indonesia, Thailand dan Filipina. Pada bulan hadapan akan mengadakan satu *Parliamentary caucus* di Singapura yang menunjukkan bahawa untuk negara-negara lima yang berasal menjadi anggota Asean.

Ahli-ahli Parlimen sangat berprihatin mengenai isu Myanmar sama ada ia patut menjadi pengerusi badan ini supaya Myanmar tidak akan menjadi suatu liabiliti kepada Asean. Sama ada *collective* ataupun individu untuk setiap negara.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sama ada perkara ini akan dibangkitkan dalam Mesyuarat Asean *Foreign Ministers* ' di Sibu pada 10hb. ini, saya tidak dapat kepastian, tetapi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dalam Mesyuarat Menteri-menteri Asean yang diadakan di Jakarta baru ini, tidak ada sesiapa yang bangun berani menceritakan tentang isu Myanmar di hadapan Myanmar ini kecuali Menteri Luar Malaysia.

Mungkin Yang Berhormat dapat gunakan pengaruh Yang Berhormat dengan Ahli-ahli Parlimen di negara-negara lain supaya mereka dapat membawa isu ini kepada Menteri-menteri Luar negara masing-masing supaya apabila berhadapan dengan Myanmar mereka berterus terang dan ingin menyuarakan isu ini. Di mesyuarat yang lepas di Jakarta, cuma Menteri Luar kita seorang yang berani bersuara *the lone voice*, kita tidak boleh sampai bila-bila menjadi *lone voice* untuk perkara ini Yang Berhormat. Silakan. [*Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Parit*]

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Seperti mana yang kita sedia maklum Burma menyedari bahawa kemasukan Burma di dalam Asean adalah usaha gigih dan inisiatif daripada Malaysia sendiri. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun memberitahu bahawa kita bersungguh-sungguh untuk memujuk. Bolehkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini usaha-usaha yang dibuat oleh Malaysia sendiri untuk memujuk Myanmar ini termasuk usaha-usaha diplomasi yang kita pergi ke sana atau kita panggil dia ke sini bagi memastikan mereka ini mematuhi kehendak masyarakat dunia? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Usaha yang kita lakukan banyak berbentuk diplomasi dan perkara ini adalah dibuat banyak di belakang takbir, dan saya juga harap semua Yang Berhormat dapat bersama-sama dengan saya supaya isu berkenaan Myanmar ini tidak kita lanjutkan lagi, Tuan Yang di-Pertua kerana Kabinet telah membuat keputusan agar isu ini tidak dibesar-besarkan secara terbuka kerana ada implikasinya kepada negara kita dan kita harap, kita dapat melihat dan sama-sama berdoa semoga *Road Map to* demokrasi di Myanmar ini dapat dilaksanakan seperti yang kita semua mahu, Pembangkang mahu, Ahli Parlimen mahu dan Kerajaan Malaysia mahu. Silakan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Asean dibentuk kerana suatu *principal* iaitu *non-interference* maksud saya kita tidak perlu campur adukan ataupun kita tidak boleh memasuki ataupun mempedulikan hal-hal berlaku dalam sesebuah negara.

Soalan saya yang pertama adakah ini *non-interference policy* menjadi satu penghalang pada negara-negara Asean terutamanya Malaysia untuk memujuk keadaan politik di dalam Myanmar? Soalan saya yang kedua, saya ada terdengar ada ura-ura yang mengatakan bahawa kalau Myanmar boleh mendatangkan banyak kesusahan ataupun keburukan kepada Asean, ada ura-ura mengatakan yang kita boleh memecat Myanmar keluar daripada Asean, supaya kita hanya ada sembilan anggota di dalam Asean. Kalau ini berlaku apakah pendirian Malaysia sebagai tunggak kepada anggota Asean di Asean ini? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat bagi Puchong negara kita memainkan peranan cukup penting dalam membawa Myanmar masuk ke dalam Asean. Kita bawa dia masuk, kita pujuk dan kita lihat terdapat perubahan daripada semasa ke semasa. Walaupun perlahan dan inilah hakikat yang perlu kita terima dan kita harap Kerajaan Myanmar akan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan suara dunia dan suara negara-negara Asean lain juga dapat didengar dan dapat dituruti untuk kebaikan rakyat Myanmar seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk lanjutkan lagi banyak isu daripada 27 orang Ahli Parlimen, kalau boleh saya teruskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat satu lagi, yang terakhir.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ok. Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih. Yang Berhormat saya melihat perkara ini sengaja diperbesar-besarkan. Apa masalahnya sekiranya Myanmar dipimpin oleh Junta Tentera? Apakah kerana desakan oleh negara-negara besar? Kenapa, Pakistan, dia jelas ada pemerintah tetapi diambil alih oleh Junta Tentera. Tidak sebegini isunya. Tidak pula ditekan, tidak pula diminta untuk demokrasi dan tidak pula diminta untuk berhenti Presidennya.

Kenapa Myanmar? Kenapa tidak negara-negara lain? Ini mungkin permainan. Jadi kita Malaysia harus berpegang kepada konsep Asean itu, tidak ada campur tangan dalam mana-mana negara Asean itu sendiri. Biar dia membentuk negara dia asalkan kita tidak dikacau. Pada saya, pemimpin dia menghormati kita. Kenapa kita mahu mendengar cakap Amerika? Kenapa dia tidak tekan-tekan Pakistan biar sahaja dia begitu, Pakistan ada nuklear pun dia tidak kacau. Israel ada dia diam-diam. China dan Korea Utara mentang-mentang miskin dia tekan. Minta penjelasan?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana begitu sekali prihatin terhadap perdagangan yang kita ada dengan Myanmar, hubungan baik dengan Junta di Myanmar dan hubungan antara rakyat Myanmar dan negara kita dan sama-samalah kita teruskan usaha-usaha supaya pertemuan dua hala dan lawatan-lawatan pemimpin kedua negara.

Yang Berhormat Ahli Parlimen juga biasa pergi ke Myanmar untuk terus mengajak mereka mengenali kita lebih dekat supaya mereka dapat berubah dan berubah kalau tidak dapat berlaku secara mendadak dapat dilakukan secara perlahan-lahan. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta yang soalan yang terakhir.



**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** .....terakhir dan terakhir Yang Berhormat, silakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik. Sudah lebih dari setahun Wakil Khas Setiausaha Agung *United Nation* sudah pun semasa itu dianggap sebagai Wakil Khas Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Razali Ismail tidak dibenarkan untuk pergi masuk ke Myanmar dan *special rapporteur*. Hak-hak asasi *United Nation been hero* pun sudah lebih daripada tahun lalu tidak dibenarkan untuk masuk Myanmar.

Satu perwakilan, *delegation* daripada *International Labour Organization* pun tidak diberikan kebebasan apabila membuat satu lawatan ke Myanmar sehingga dipaksa untuk membatalkan lawatan ini. Baru-baru ini *Asean Inter-Parliamentary Caucus* yang terdiri daripada *Parliamentary Caucus* daripada Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan termasuk Singapura pun tidak dibenarkan untuk buat satu lawatan ke Myanmar.

Ahli-ahli Parlimen negara-negara Asean pun tidak dibenarkan untuk pergi melawat Myanmar, bukan ini menunjuk bahawa Myanmar selepas lapan tahun dalam Asean tidak *comply* dan *conform* dengan syarat-syarat minimum sebagai anggota Asean. Bukan ini antara lain sebab kenapa kecuali ada perubahan, yang bermakna, Malaysia patut ambil pendirian yang tegas bahawa tidak setuju dengan Myanmar menjadi Pengerusi Asean 2006.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang tidak henti-henti tanpa penat membawa isu Myanmar ini ke sidang Parlimen ini dan kita sama-sama berharap supaya Tan Sri Razali Ismail dapat kembali ke Myanmar untuk dibuka pintu bagi dibuat perundingan. Begitu juga *International Labour Organization* dan lain-lain wakil daripada *United Nation*.

Pada akhirnya Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa keputusan untuk menghalang Myanmar menjadi Pengerusi Asean 2006 hendaklah dibuat secara *consensus* di antara negara-negara Asean dan bagi Malaysia, pendirian dan pendekatan Malaysia terhadap Myanmar tidak berubah dan kekal seperti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai hubungan Malaysia dan Indonesia merupakan isu yang paling mendapat perhatian dalam isu luar negeri pada persidangan Dewan kali ini. Ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai hal ini termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah pada 28hb, Y.B. bagi Kinabatangan, Y.B.

Kemaman, Y.B. Jasin, Y.B. Kudat, Y.B. Permatang Pauh pada 29 Mac, Y.B. bagi Papar, Jerai, Sri Gading dan Pulai pada 30 Mac.

Secara keseluruhannya, rata-rata Ahli Yang Berhormat telah menyatakan rasa tidak puas hati terhadap segelintir Ahli-ahli Parlimen Indonesia dan rakyatnya kerana perbuatan biadab mencaci pemimpin kita dan juga rakyat Malaysia serta membakar bendera kita.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Jasin.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Baru mula. Sekejap, sekejap lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap lagi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar luar negara kita untuk sentiasa menggunakan pendekatan diplomasi iaitu melalui perundingan dan permuafakatan di dalam menyelesaikan apa jua perbalahan ataupun pertikaian dengan mana-mana negara lain. Pendekatan ini juga adalah selaras dengan Perjanjian Persahabatan Dan Kerjasama ASEAN dengan izin, *Treaty of Unity and Cooperation* yang menggariskan prinsip dan tatacara hubungan sesama anggota ASEAN.

Malaysia percaya bahawa masalah dengan Indonesia berhubung isu pertindihan sempadan di Laut Sulawesi akan dapat diselesaikan secara aman. Ini kerana, sebahagian besar rakyat Indonesia menyokong kata sepakat antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Indonesia supaya langkah-langkah dilaksanakan segera ke arah menyelesaikan masalah pertindihan tuntutan di Laut Sulawesi ini dibuat secara diplomasi.

Masalah tersebut secara keseluruhannya tidak menjejaskan hubungan dan kerjasama erat antara Malaysia dan Indonesia yang wujud selama ini. Memang terdapat golongan-golongan tertentu di Indonesia yang begitu lantang menyuarakan rasa marah dan benci terhadap Malaysia. Besar kemungkinan mereka mempunyai agenda dan kepentingan sendiri dalam mewujudkan kekecohan dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

Walau bagaimanapun, jumlah mereka adalah kecil. Sebahagian besar rakyat Indonesia mahukan hubungan erat dan persaudaraan antara Malaysia dan Indonesia

dipertingkatkan dan tidak harus dijejaskan oleh masalah seperti pertindihan tuntutan di wilayah Laut Sulawesi. Oleh itu, mereka menyokong supaya masalah tersebut diselesaikan secara aman dan damai melalui perundingan. Ini telah disuarakan sendiri oleh 10 orang Ahli-ahli Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia dan enam orang wakil ulama-ulama Indonesia semasa pertemuan mereka dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya pada pertengahan bulan Mac yang lepas.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jasin.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bila sebut sahaja Indonesia, saya rasa macam terpanggil kerana Indonesia ini rumah yang kedua saya dululah.

**Seorang Ahli:** Ooh.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Saya tengok masalah yang kita hadapi ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat Indonesia tidak berapa sangat marahkan kita tetapi, media di Indonesia yang kemungkinan ada kepentingan pihak yang ketiga yang mengapi-apikan. Jadi, pada hari ini saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimana kedudukan media ini? Adakah dia masih mengapi-apikan lagi ataupun sudah senyap? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, ada di antara laporan-laporan media massa yang baik dan positif. Mungkin ramai yang tidak tahu ada setengah surat khabarnya menceritakan perkara-perkara yang begitu positif. Kalau boleh, saya ceritakan beberapa tajuk utama ataupun *headlinesnya*.

Sebagai contoh, kata-kata seperti "War Will Never Solve Our Problem - Peperangan Tidak Akan Menyelesaikan Masalah Kita, Masalah Ambalak Tidak Ganggu Misi kemanusiaan Tentera Malaysia di Aceh, Sharing Pack Might Resolve Ambalak, Soal Ambalak Republik Indonesia-Malaysia Harus Waspada Senario Asing, Kasus Ambalak Ada Campur tangan Asing, Kasus Ambalak Diduga Sarat Konspirasi Asing, Sengketa Ambalak Belum Pengaruhi Pataroli Bersama, Masih Boleh Meronda Bersama di Lautan, Krisis Ambalak Harus Lalui Jalur Diplomasi, Ambalak - Ingatlah Bangsa

Serumpun, *Anti Malaysian Sentiment Put University At Risk*,” sebab Indonesia risau pelajar-pelajar kita akan balik ke negeri kita dan mereka akan kehilangan pelajar di universiti.

“Aksi Ganyang Malaysia Tidak Ada Untungnya, Kasus Ambalak Sebaiknya Republik Indonesia Utamakan Persaudaraan Islam, Kita Harus Hormati Hukum Internasional, Malaysia dan Indonesia Bersama Buru Perompak, Badawi Janji Tidak Akan Caplok Wilayah Republik, Indonesia – tidak akan tawan. Abdullah Badawi: Kita Tidak Akan Ada Perang, Badawi: Saya Tidak Ada Niat Berperang, Jangan Serang Malaysia, Republik Indonesia- Malaysia Sepakat Merujuk UNCOS.” Begitulah lebih kurang yang bagus-bagus pak.

Tetapi, ada juga yang tidak bagus kalau boleh saya ceritakan seperti “Republik Indonesia-Malaysia Perang, SHELL Yang Untung.” Yang ini menarik, “Ganyang Malaysia, Selamatkan Siti Nurhaliza. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika] Crash Malaysia, But Save Siti Nurhaliza.*” Siti Nurhaliza ini mempunyai peminat yang begitu ramai. Dia idola di negara Indonesia dan pada mereka Siti Nurhaliza ini adalah “*gift*” from God, anugerah Tuhan kepada bangsa serumpun. Jadi kita, saya rasa Ahli Parlimen juga bersetuju kita sedia berkongsi Siti Nurhaliza bersama-sama rakyat Indonesia. Tidak ada masalah pak?

**Beberapa Ahli:** Boleh bung. *[Dewan gamat seketika]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih..... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ada kongsi pak!

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berkongsi pandangan dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkaitan dengan hubungan kita dengan Indonesia ini. Saya lihat bahawa hubungan kita akhir-akhir ini, selain daripada apa yang kita dengar tadi, agaknya menjadi bertambah tegang dan buruk. Hari ini Timbalan Perdana Menteri dilaporkan di dalam akhbar mengumumkan bahawa Indonesia telah meminta kita dengan segera mengeluarkan askar kita yang membantu mereka dalam kes Tsunami di Aceh itu. Jadi, saya rasa kerajaan perlu memberikan perhatian yang lebih terhadap isu ini.

Akhir-akhir ini kita dengar juga dalam kes-kes yang lain, Indonesia mengambil tindakan-tindakan dasar luar yang berbeza dengan dasar kita. Yang terakhirnya pula, Indonesia melalui Presidennya mengumumkan bahawa Indonesia akan menjadi pencadang untuk Australia menjadi anggota kepada kumpulan Asia Timur, *East Asian Grouping* atau *Summit* dan ini jelas bercanggah dengan pendirian Kerajaan Malaysia dalam hubungan kita di rantau ini dalam konteks penglibatan negara-negara seperti Australia dan New Zealand itu.

Jadi, saya memikirkan bahawa kerajaan perlu mengambil sikap yang serius tentang hal ini. Dalam soal kawasan minyak di Sulawesi itu, saya menyeru kepada Kementerian Luar dan kerajaan supaya mengambil pendekatan yang lebih bijak dan saksama dalam soal ini. Kalau kita ingat masalah minyak di lautan ini, bukan ini kali yang pertama yang kita hadapi. Kita pernah beberapa tahun yang lalu, menjumpai minyak di lautan yang mana Malaysia dan Thailand sama-sama menuntut sebagai lautan mereka. Tetapi, pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu mengambil sikap untuk berkongsi minyak antara Thailand dengan Malaysia dan ini dilaksanakan sekarang, hinggakan minyak dan gas yang dijumpai di lautan di luar Kelantan tidak dibenarkan untuk didaratkan di Kelantan tetapi didaratkan di Songkla dan sebagainya .

Jadi, kalau dengan Thailand kita mengambil sikap begitu, dengan negara-negara jiran yang lain kita mengambil sikap bertolak ansur, malah beralah kepada mereka, kenapa dengan Indonesia nampaknya kita agak berkeras, mereka hantar kapal perang, kita pun hantar kapal perang dan sebagainya. Kenapakah kita tidak memilih jalan yang pernah kerajaan kita lalui dengan negara-negara jiran yang lain. Jadi, saya ingin menyeru kepada kementerian supaya mengambil sikap yang lebih terbuka, yang lebih sederhana, malah yang lebih mirip kepada untuk mengeratkan lagi hubungan kita dengan sebuah negara jiran yang amat penting kepada kita iaitu negara Indonesia ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya menghabiskan dahulu jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat bagi Jasin. Sejak seminggu kebelakangan ini, nampaknya akhbar-akhbar dari Indonesia telah sangat

perlahan, *slow down* dengan izin, tentang berita-berita krisis Ambalak dan juga Sulawesi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Pada pandangan saya, isu ini telah tidak lagi menjadi tajuk utama (*headlines*). *A thing has cool down considerably*, dengan izin, jadi tidak adalah gunanya kita menghangatkan lagi isu yang sebenarnya telah sejuk di negara Indonesia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin :** Yang Berhormat, kita ini pemimpin kita terlalu berlembut, walaupun dalam kelembutan itu nampak ketegasan. Tetapi baru-baru ini, 2 hari yang lalu pekerja Indonesia dari Sabah pulang ke Indonesia dan sempat ditanya oleh kawannya, "Kenapa mahu pulang pak?" "Oh, kita dipanggil untuk mendaftar diri dalam kumpulan jihad memerangi Malaysia di Nunukan dan Tarakan". Yang Berhormat katakan tenang tetapi mereka mengatur organisasi di luar sama ada di luar pengetahuan kerajaan atau pun dirancang oleh kerajaan.

Pada saya, sebab itu saya kata pemimpin kita terlalu berlembut. Tidak layak pemimpin Ahli Dewan Rakyat Indonesia berjumpa dengan Perdana Menteri kita. Jumpa kita, minta maaf di sini. Mereka biadab! Kenapa presidennya tidak turun jumpa Perdana Menteri kita? Mereka mengatur organisasi, ini betul sebab pekerja ini kita tahu. Dia kata, "Kita dipanggil pulang untuk mendaftar dalam kumpulan jihad memerangi Malaysia." Saya minta penyiasat-penyiasat kita menyelidiki informasi ini.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Kalau betul kita kena bersedia, kalau tidak betul pun kita kena bersedia sebab malapetaka ini dia jarang memberitahu kita macam juga Tsunami, macam juga gempa bumi. Kalau dia mahu datang, dia datang juga jadi kalau kita tidak bersedia bagaimana keadaan kita? Terima kasih.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Rakyat Indonesia keseluruhannya berjumlah 220 juta, Bung. Tetapi apabila diiklankan untuk menjadi sukarelawan, mahu jadi sukarelawan tentera untuk ganyang Malaysia yang mendaftar cuma beberapa ribu sahaja yang merupakan sebahagian kecil daripada keseluruhan 220 juta rakyat Indonesia.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya ingin mengambil pandangan.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap. ....Bahawa, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi, menunjukkan tentang bagaimana Ahli Parlimen kita begitu prihatin, begitu tinggi sekali semangat nasionalismenya. Sama juga di Parlimen Jakarta apabila semangat nasionalismenya ditiup begitu sekali, angin permusuhan itu dibuat tanpa henti-henti ia membakar dan mengapi-apikan, mewujudkan kebencian yang meluap-luap terhadap negara kita. Tetapi pemimpin-pemimpin kerajaan kita, pemimpin-pemimpin politik, Ahli-ahli Parlimen, NGO, wakil-wakil rakyat yang sentiasa patriotik telah mengharung sengketa ini dengan tenang, sabar, tidak bertindak balas, kita bersuara tegas dalam kesopanan dan saya harap Ahli Parlimen kita akan terus kekal dengan pendirian ini.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang di-Pertua, dan saya ucapkan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Cuma saya rasa, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat bahawa kita perlu mengambil tindakan proaktif daripada reaktif. Memandangkan Indonesia sedang mengalami pergolakan yang begitu sukar sekali, begitu susah dan rumit sekali, maka mungkin kaedah yang digunakan adalah untuk mencari *external*, perlindungan demi kekuatan dalaman.

Dan seterusnya kita tengok generasi muda warga Indonesia mungkin tidak memahami rumpun yang diperkatakan. Hubungan Indonesia dengan Malaysia sebagai satu rumpun dari Austronesia dalam abad ke-13 hingga ke-17. Lahirnya, karya-karya seperti sejarah Melayu, *Hikayat Hang Tuah* yang telah mewarnakan kesatuan rumpun itu dan datangnya rumpun Melayu dari Jambi sendiri, Palembang, yang merupakan asas kepada penulisan buku-buku ini. Lahirnya penulis-penulis guru, penulis wartawan, Asas 50 atas dasar-dasar perjuangan, atas dasar kemanusiaan sejagat yang dipelopori di Indonesia.

Lahirnya Pramoedya Ananta Toer dengan karya-karyanya seperti "*Keluarga Gerila*", "*Fugitive*" dan "*Revolus*" semuanya sekarang mungkin sudah hilang dalam minda generasi muda yang ada di Indonesia. Saya mohon kepada Kementerian Luar Negara, supaya melihat perkara ini sebagai satu persengketaan anak-anak kita, maka

melihatnya sebagai satu perkara yang perlu kita ajar dan suburkan anak-anak muda kita daripada Indonesia.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Kalau mereka, dan hubungan itu perlu dibuat dari, katakan tadi Siti Nurhaliza dari segi seni, dari segi karya, saya rasa itu amat keang sekarang sudah sedikit kurang. Kalau ini dapat disuburkan melalui institusi-institusi yang sedia ada mungkin segalanya akan kembali dan keamanan di sini mungkin dapat dimantapkan. Mungkin Kementerian Luar Negara boleh lihat perspektif itu dan kurangkan ketegangan yang semakin hebat di sini.

**Tuan Yang di-Pertua [Tan Sri Dato' Seri diraja Ramli bin Ngah Talib]:** Ya, Kemaman. Kemaman Yang Berhormat. Kemaman itu.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman :** Sekejap. Saya bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tentang kita perlu suburkan sejarah dan setia kawan, serumpun antara Malaysia dan Indonesia supaya generasi muda dapat ambil iktibar dan tahu tentang sejarah dahulu.

Tetapi ini juga tidak sahaja terhad kepada peranan Kementerian Luar sahaja. Saya juga berharap Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini dapat melakukan lawatan secara rasmi atau secara tidak rasmi ke Indonesia, kita berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen di sana, dengan NGO di sana, pertubuhan-pertubuhan belia kita, pertubuhan-pertubuhan politik kita juga dapat terus ke Jakarta, Medan, Bandung, dan Surabaya supaya semua pihak dapat mempererat hubungan yang sentiasa ada dan erat di antara kita. Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Itulah hasrat kita, itulah nawaitu kita hubungan baik dengan Indonesia satu negara rumpun. Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat pandang saya serius kerana mungkin sipi-sipi baru Yang Berhormat bagi Tumpat, kalau kena minta maaf. Inilah yang menjadi hasrat kita kerana Indonesia adalah satu negara rumpun kita.

Selain daripada hubungan baik, sejarah-sejarahnya walaupun kita pernah berkonfrontasi dengan Indonesia tetapi bukanlah menjadi hasrat kita selama-lamanya kerana kita ada masalah, mereka ada masalah. Cuma, saya hendak tahu daripada



Yang Berhormat secara tulus dan ikhlas, sejauh mana peranan pembangkang ini yang akan mengeruhkan lagi keadaan dan mengambil kesempatan?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak kiralah pembangkang daripada DAP atau PAS, selagi ia pembangkang. Apakah pihak kementerian melihat dengan lebih serius peranan pembangkang ini terutama sekali mengambil kesempatan untuk mengeruhkan lagi keadaan? Ini perlu disebar, kalau-kalau mereka sebuah parti pembangkang yang benar-benar melihat satu hubungan yang lebih jelas dengan lebih baik, mereka juga kena main peranan. Setakat ini kita tidak pernah dengar lagi suara, kenyataan daripada pembangkang untuk menjalinkan lagi hubungan baik.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang kita tahu mereka terus mengapi-apikan lagi keadaan ini untuk mengeruhkan lagi keadaan. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat, kalau ada apa tindakannya?. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kerajaan sangat berharap bahawa parti-parti pembangkang juga akan selari dengan kita, mempertahankan maruah dan kedaulatan negara untuk sama-sama menyuarakan isu ke arah yang bernas. Tetapi saya sangat dukacita, Yang Berhormat bagi Larut, tentang kenyataan daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang telah membangkitkan masalah yang timbul antara Malaysia dan Indonesia itu adalah disebabkan oleh sikap sombong pemimpin Malaysia terhadap Indonesia.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kita tidak pernah sombong, kita selalu pergi ke Indonesia kita jemput mereka ke sini. Kenapakah kita dilabelkan sebagai sombong? Saya sebenarnya tidak faham kenapa Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh menyuarakan isu seperti itu.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar :** Apa tindakannya?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia dan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz :** Tan Sri Pengerusi....Minta sedikit

**Tuan Yang di-Pertua [Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib]:** Yang Berhormat, pilih.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jawab dulu, jawab dulu. Tindakan kita.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz :** Siapa? Mana? Siapa?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sebentar, ya. Saya habiskan sedikit dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua [Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib]** Minta Yang Berhormat habiskan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa menganggap Indonesia sebagai negara sahabat yang penting dirantau ini. Oleh itu, kerajaan sentiasa menggalakkan pertemuan di antara pemimpin kedua-dua negara dan tidak pernah kita sombong, tidak pernah kita bongkak terhadap Indonesia dan negara-negara lain juga seperti Indonesia sebarang tindakan yang kita ambil adalah untuk kepentingan dan maruah negara kita sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz :** *[Bangun]*

**Tuan Salahuddin bin Ayub :** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Jadi kalau berlaku masalah tentang parti atau pun masalah tentang pendatang tanpa izin itu adalah masalah yang kita selesaikan mengikut undang-undang negara kita sendiri dan kita maklumkan kepada pemimpin Kerajaan Indonesia dan saya tidak hairan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz :** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** .....kenapa parti pemimpin pembangkang daripada Permatang Pauh boleh mengutarakan bahawa Kerajaan Malaysia sombong dan bongkak dalam menangani isu ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz :** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Silakan Yang Berhormat Kemaman.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar yang telah berusaha sedaya upaya untuk menjelaskan hubungan antara kita dengan Indonesia. Saya sendiri sempat bertemu dengan wakil daripada Dewan Perwakilan Rakyat

Indonesia pada hari yang sama ketika mereka bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Dua isu sahaja yang dilihat menjadi perkara yang boleh menyentuh hubungan baik antara dua hala negara kita dengan beliau ialah, pertama tentang isu apa yang disebutkan isu di Laut Sulawesi yang telah dihuraikan secara agak panjang lebar oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi.

Yang keduanya tentang soal TKI ataupun Tenaga Kerja Indonesia yang disebutkan PATI. Ada banyak perkara yang telah disebutkan khususnya berkaitan dengan apa kita katakan PATI dan apa yang dikatakan TKI oleh pihak Indonesia. Perkara inilah yang menjadi perkara yang dibincangkan ataupun digembar-gemburkan oleh media massa Indonesia yang mendesak pemimpin-pemimpin mereka untuk menunjukkan bahawa mereka *responsive* kepada kemahuan rakyat mereka. Di saat terdapat isu-isu lain yang berlaku di sana.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr.Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Soalannya ialah kita tahu bahawa, kita tidak mampu untuk berperang. Bukan ertinya kita takut atau sebagainya. Tetapi kita tidak boleh membenarkan sebarang api ataupun cetusan api yang kecil bersemarak dan hingga menjadikan api itu besar dan tidak boleh dikawal hingga berlaku persengketaan antar dua negara yang dianggap sebagai negara kandung, saudara kandung.

Sebagai Ahli Parlimen, ini bukan soal main-main bagi kita, sekadar untuk pergi ke kawasan masing-masing ataupun kumpulan masing-masing, bahawa kita lebih hebat daripada yang lain. Ini adalah isu besar. Jadi Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen ada menyebutkan, benar daripada 220 juta penduduk hanya ribuan sahaja yang mendaftar untuk menjadi jihad dan sebagainya. Bagi saya walaupun sepuluh orang, walaupun dua puluh orang, kalau disebutkan organisasi-organisasi pengganas antarabangsa, tidak perlu ramai. Perkara ini harus dipandang serius. Apabila dipandang serius, kita boleh kata ini berlaku dalam negara mereka. Mereka boleh mendaftar ribuan ke, ratusan ke, puluhan orang dan sebagainya. Tetapi, bagi kita mesti menganggap serius, ribuan, kerana sudah ada gerakan yang begitu dan mereka tidak

jauh, bersebelahan dengan kita dan mereka mungkin menjadi suara yang lantang, yang boleh mencetuskan populariti di kalangan rakyat mereka sendiri dan boleh menghala kemarahan mereka kepada kita.

Persoalannya, *can we afford the war?* Mampukah kita untuk bersengketa, berperang ataupun isu konfrontasi berulang lagi? Sudah tentu semua boleh menjawab bahawa tidak, kita tidak mampu. Apa senjata kita? Kita berterima kasih kepada kerajaan kita yang bertegas tentang pendekatan diplomatik. Tetapi kita kena ingat, yang boleh mencetuskan perubahan fikiran, minda rakyat di sana ialah media. Soalannya apakah respons kita kepada media? Apakah kita telah menubuhkan satu jawatankuasa bertindak dalam menangani isu media, kita punya PR, hubungan awam kita dalam menangani media. Kalau isu kelapa sawit, kita *employ*, kita mengambil *the best*, dengan izin *the best PR company* di Amerika Syarikat untuk memberi penerangan bahawa kelapa sawit kita tidak membahayakan kesihatan.

Tetapi, dalam konteks sekarang ini, apakah rancangan yang kita buat? Saya berjanji kepada pihak DPR dan kita uruskan melalui kelab penyokong Kerajaan Barisan Nasional untuk mengadakan lawatan balasan kita dengan DPR, antara Parlimen Malaysia dan DPR di Indonesia. Itu satu pihak, tetapi pihak yang lain bagaimana? Apakah satu tindakan dibuat secara khusus dalam menangani soal ini? Banyak isu yang ditimbulkan, kita mesti terangkan kepada mereka untuk membuktikan bahawa kita adalah negeri yang cintakan keamanan, rakyat tidak mahu berperang, rakyat sedia mendengar pandangan-pandangan mereka dan kalau kita ada isu-isu yang berkaitan bahawa penganiayaan yang tidak berperikemanusiaan antara syarikat kita dengan pendatang-pendatang yang bekerja di sini, apakah tindakan kita?

Kita kena tunjukkan kepada mereka kita serius dalam isu-isu kemanusiaan dan sebagainya. Jadi itulah soalan saya sekarang ini, apakah rancangan secara menyeluruh yang telah kita ambil supaya perkara yang dianggap boleh membahayakan itu, mesti diredakan sekarang. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Sebahagian daripada jawapan daripada persoalan yang ditimbulkan itu ada dalam teks saya selepas ini. Tentang PATI itu nanti Yang Berhormat Menteri kita, akan jawab kemudian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kubang Kerian bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, hendak teruskan? Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar saya dapat bawa isu ini sampai penghujungnya kemudian Yang Berhormat mencelah supaya rentetan ucapan ini tidak diganggu dari masa ke semasa. *Let me finish it till the end.* Sekejap, saya tidak akan duduk. Ramai Ahli Yang Berhormat merujuk kepada hubungan Malaysia/Indonesia khususnya kes Sipadan dan Ligitan dan juga isu untuk memuktamadkan sempadan maritim dan *Exclusive Economic Zone* di antara kedua negara.

Tuan Yang di-Pertua, perhakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 7 Disember 2004 memperakukan kedaulatan Malaysia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan hanya melibatkan isu tuntutan kedaulatan dan tidak menyentuh isu pembatasan hak kepada Maritim di Laut Sulawesi.

Oleh yang demikian, memang terdapat keperluan bagi kedua-dua buah negara untuk memuktamadkan pembatasan hak sempadan maritim masing-masing melalui perbincangan dan rundingan berdasarkan undang-undang antarabangsa bagi mencapai penyelesaian yang saksama dan pembatasan pula perlu dimeterai melalui perjanjian.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa Malaysia dan Indonesia telah mengadakan perbincangan dua hala mengenai pembatasan hak sempadan maritim ini semenjak tahun 1969. Jadi, bukan perkara yang baru. Walau bagaimanapun, perbincangan pembatasan hak sempadan maritim di Laut Sulawesi tidak dapat dimuktamadkan sejak 36 tahun yang dahulu kerana tuntutan ke atas kedaulatan dan hak milik ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan.

Sekarang ini setelah keputusan dibuat oleh ICJ mengenai pulau-pulau ini, maka Malaysia dan Indonesia bolehlah menyambung semula perbincangan dan rundingan mengenai pembatasan hak sempadan maritim masing-masing di Laut Sulawesi. Dalam hal ini Kementerian luar Negeri dan *Department* Luar Negeri Indonesia telah ditugaskan

untuk menerajui perbincangan mengenai saluran diplomatik dan perbincangan telah pun dimulakan. Seperti semua orang yang sedia maklum, satu mesyuarat dua hala di peringkat Pegawai Kanan Malaysia dan Indonesia telah diadakan di Kuala Lumpur pada Julai 2004 iaitu sebelum isu Ambalak ini digembar-gemburkan.

Mesyuarat peringkat-peringkat pakar teknikal juga telah diadakan di Bali pada 22 dan 23 Mac yang lalu. Dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut kedua-dua pihak berpendapat bahawa isu sempadan hak maritim di Sulawesi wajar diselesaikan melalui kaedah yang diguna pakai dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut UNCLOS 1982 serta lain-lain sumber undang-undang antarabangsa. Pasukan teknikal dari kedua-dua negara akan mengadakan perbincangan sekali lagi secara berkala dan mereka akan bertemu pada bulan depan pada minggu kedua atau minggu ketiga bagi meneruskan perbincangan mengenai aspek teknikal perbatasan Sempadan Zon Maritim. Saya percaya isu pembatasan hak sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia akan dapat diselesaikan dalam masa yang munasabah sekiranya perbincangan dan rundingan dibuat berdasarkan undang-undang antarabangsa dan semangat persahabatan di antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini.....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya rasa tidak adillah kalau ada suara yang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading duduklah dahulu. Teruskan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tidak adil kalau ada suara yang mengatakan Pembangkang tidak berperanan di dalam cuba menyelesaikan ketegangan yang berlaku antara Malaysia dan Indonesia pada hari ini atau isu Ambalak sebagai contoh. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kembali pada saat Allahyarham Tun Razak memberikan amanatnya kepada Tan Sri Razali Shafie, pada waktu itu dalam usaha untuk menubuhkan ASEAN, Tun berpesan bahawa ASEAN tidak akan dapat ditubuhkan tanpa suatu komitmen dan kesungguhan yang komprehensif daripada semua rakyat dalam negara ini. Saya rasa dalam Sejarah, kita ingat kembali bahawa pembangkang pernah mengeluarkan satu gagasan yang lebih besar iaitu tentang Melayu Raya yang dilahirkan oleh Profesor Dr. Burhanuddin pada waktu itu.

Walaupun ianya sensitif dan Dr. Burhanuddin di tahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atas isu ini. Jadi, janganlah kita bercakap kalau kita tidak melihat latar belakang sejarah ini dengan lebih luas. Pada hari pertama isu Ambalak berlaku, sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Presiden kami telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi, Malaysia dan Indonesia perlu duduk dan membincangkan isu serantau ini dalam jalan ataupun dalam pentas diplomasi yang lebih luas. Itu kenyataan hari pertama kami.

Dalam isu, sebagai contoh, isu kami melihat tentang isu Ambalak yang semakin meruncing, dibakar oleh sentimen pembakaran Jalur Gemilang, bendera kita di Jakarta. Kami, Ahli-ahli Parlimen PAS mengambil inisiatif berjumpa untuk dengan Ahli-ahli Parlimen daripada PKS, mengadakan persidangan singkat di Kuala Lumpur untuk kita bincangkan perkara ini. Tetapi malangnya bila kenyataan kami dikeluarkan, media di Malaysia tidak memberikan tempat. Itu masalahnya, orang tidak tahu.

Jadi, saya rasa dalam isu ketegangan ini, bahawa kita sebagai rakyat Malaysia, kita sayang negara kita. Kita mahu negara kita ini terus berada dalam semangat ASEAN dan kami bersedia untuk memberikan peranan untuk kita melihat bahawa negara ini di dalam keadaan yang baik. Semua pihak saya rasa, dalam negara kita, sama ada Ahli Parlimen Pembangkang daripada PAS dan DAP, saya rasa semuanya mahu melihat perkara ini diselesaikan dalam satu jalan diplomatik yang baik.

Jadi, saya rasa tidak adil kalau ada yang menuduh kami *fuelling this matter*, membakar isu ini, saya rasa itu tidak betullah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Kerajaan sangat menghargai sekiranya apa yang Yang Berhormat kata tadi itu adalah benar. Sekiranya benar, sekiranya ikhlas di kalangan pembangkang ingin sama-sama dengan kerajaan berbincang dengan pihak Indonesia supaya dapat kita kurangkan *tension* yang ada, saya bagi pihak Kementerian Luar Negeri mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bapak Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, jangan bagi ucapan, minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Izinkan saya, *[Ketawa]* perkara ini kecil sahaja, Pak. *[Disampuk]* Kecil sahaja kalau mahu dikecilkan. Ya, ianya jadi besar, Pak, kalau mahu dibesarkan.

Tuan Speaker, carik-carik bulu ayam, lama-lama bertemu kembali. Air dicincang tidak akan putus. Kita berasa bangga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak tambah, Yang Berhormat. Cubit peha kanan, peha kiri sakit juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ha, okey! Saya ambil, cubit peha kanan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Peha kiri sakit juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ... peha kiri pun terasa sakit. Kalau cubit peha dia, tidak sakit ya. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Saya rasa bangga pemimpin kita berlapang dada dan dia mempunyai satu tahap ketinggian diplomasi antarabangsa. Hebat pemimpin kita ini. Kita rasa terselamat kerana mempunyai pemimpin yang seperti itu dan saya lihat pemimpin Indonesia juga tidak kurang. Dia juga mempunyai tahap diplomasi antarabangsa yang tinggi, sebab itu tidak mungkin kita akan berperang.

Jangan seperti dahulu, waktu Malaysia mahu diganyang kerana waktu itu Sukarno. Sukarno ini kalau berpidato, ya bisa naik darah kita. "Saya *enggak mahu*...".



Ha! Itu cara dia. *“Biar robek baju di badan, tetapi tidak mahu saya lihat rakyat Indonesia robek jiwanya”*. Itu memang naik semangat, tetapi itu sudah berlalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat kena minta penjelasan sahaja, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, sedikit, saya akan tanya. Saya akan masuk, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya harap kebijaksanaan pemimpin ini boleh diturunkan ke peringkat yang di bawah. Saya nampak seperti mana rakan-rakan yang lain, media dia yang jahat, Tuan Yang di-Pertua. Memang ada yang baik. Cubalah media Indonesia mengikut media Malaysia.

Di Malaysia, media kita tidak pernah mengapi-apikan perkara-perkara yang negatif. Jadi, kalau bolehlah, siapa hendak uruskan itu? Siapa yang hendak menguruskan? Seperti mana, Yang Berhormat bagi Kemaman kata, seperti mana tadi agaknya kawan-kawan yang lain, kalau ada pertemuan agaknya, buat pertemuanlah, Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula dia datang ke Kuala Lumpur, kita pun sambut. Selepas itu kita datang ke Jakarta, dia pula sambut. Selepas itu kita datang pula ke Surabaya, dia pula sambut. Selepas itu kita datang pula ke Bali dan seterusnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita sahaja selalu pergi ke sana, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasal rakan-rakan ini ramai yang suka pergi Indonesia, Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu kita ke Medan, selesailah masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kementerian Luar Negeri tidak boleh aturkan?

**Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh, boleh.

**Dato’ Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, saya sebenarnya kagum dengan apa Yang Berhormat katakan. Yang Berhormat seperti mengerti apa yang dikatakan oleh media Indonesia sejak akhir-akhir ini seperti *headlines* pada 17 Mac 2005. *“Air Dicincang Tidak Akan Putus”*, seperti Yang Berhormat cakapkan tadi. *“Republik Indonesia-Malaysia Sepakat Penyelesaian Damai Aman.”* *“Apa Gunanya*

*Perang?* Semuanya seperti yang Yang Berhormat katakan. Tentang siapa yang hendak menguruskan pemergian itu, saya ingat, BN BBC boleh buat rombongan Ahli-ahli Parlimen pergi ke Jakarta. Boleh kita minta duta kita di Jakarta untuk menunggu dan menguruskannya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itu boleh, soal ongkosnya bagaimana, Pak?

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana? Ya, Yang Berhormat bagi Pontian, yang lain duduk dahulu.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong, sila duduk.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak berapa bersetuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading ini. Saya bimbang bila sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi... *[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian]* Tidak ada pula dah. Saya bimbang dia mengatakan bahawa Dasar Luar Negara kita ini lebih bersifat retorik. Jangan sampai begitu, Yang Berhormat kerana apa pun kita katakan, masih lagi menggunakan *constructive engagement* tadi itu sebagai pendekatan kita, sebagai pegangan polisi antarabangsa.

Kita nampaknya *tension* dengan semua negara jiran kita. Apa sebenarnya sudah jadi, Yang Berhormat? Kita dengan Singapura, *tension*. Sekejap kita tidak setuju, sekejap kita hendak potong air, sekejap kita marah dia guna ruang udara. Dengan Indonesia sudah banyak diperkatakan. Dengan Selatan Thai, kita juga jadi seolah-olah budak jahat. Kita mengganggu urusan Selatan Thai, kita mempertikai tindakan kerajaan. Myanmar sudah tentulah, wakil Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun tidak dibenarkan masuk. Filipina Selatan, Pulau Mindanao tidak lagi selesai. Kita ini *tension* dengan semua jiran-jiran kita ini.

Adakah kita perlu mengkaji semula dasar *constructive engagement* ini? Mungkin hendak hantar Siti Nurhaliza jadi duta ke Indonesia. Macam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu buat keputusan, beberapa artis macam Angelina Jolie, Spice Girls jadi duta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, ke negara-negara tertentu. Kalau orang Indonesia suka sangat dengan Siti Nurhaliza, kita lantik dia, Yang Berhormat, jadi duta Malaysia ke Indonesia. *[Ketawa]*

Sebab itu bila Yang Berhormat bagi Sri Gading, sahabat saya tadi itu kata tentang carik-carik bulu ayam, air dicincang tidak akan putus. Itu sudah memang, Yang Berhormat Menteri, bila kita bermasalah dengan Singapura, *costly jammed*. Orang Malaysia hendak masuk ke Singapura, orang Singapura hendak datang ke Johor, *jammed*, tetapi kita punya peringkat dasar luar itu yang berbalah, yang masih lagi kadangkala memperkecilkan kebolehan pemimpin kita.

Kadangkala bila kita dapat taklimat di Sabah baru-baru ini, seolah-olah kita dapat menguasai semua isu yang ada dengan sikap diplomasi kita. Walhal, sesetengah negara bila dia buat keputusan hendak menghentam kita, dia buat tanpa fikir dua, tiga kali. Jadi, adakah perlu agaknya pada waktu ini kementerian melihat sama ada pendekatan *constructive engagement* ini sebagai dasar luar yang harus kita kekalkan ataupun sudah sampai masanya. Ini pun sudah diguna pakai lebih sepuluh tahun lamanya.

Melihat kepada perkembangan yang ada di sekitar rantau ini, mungkin macam hendak berbaik dengan negara kuasa besar seperti Amerika ataupun United Kingdom itu tidak usahlah cerita. Kita pernah diberi amaran untuk tidak melawat Amerika satu ketika dahulu. Waktu ini memang Kementerian Luar belum lagi mengeluarkan arahan jangan melancong ke Indonesia atau negara-negara jiran, kita masih baik lagi walau apa pun tetapi tidak dengan kuasa-kuasa besar. Apa pandangan Yang Berhormat tentang dasar kita?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Dasar Luar Negara kita telah memenuhi proses evolusi yang dinamik mengikut keadaan dan keperluan semasa. Segala dasar-dasar yang telah sedia ada akan terus diguna pakai tetapi diperhalusi dan dimantapkan lagi. Dasar Luar Negara kita mendukung prinsip penyelesaian sengketa dan kewujudan bersama secara aman dan *confrontational* serta

saling memberi faedah bersama kepada semua pihak dalam hubungan dua hala dan pelbagai hala. Saya harap Dasar Luar Negara kita ini dapat dipersetujui oleh Yang Berhormat adalah untuk memastikan rakyat kita hidup dalam sebuah negara yang maju, aman dan makmur sentiasa. Saya ingin ambil kesempatan ini.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong, Kepong pula hendak menyumbang Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, boleh saya habiskan yang ini dahulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap, saya habiskan dahulu. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa Mesyuarat Teknikal Malaysia -Indonesia mengenai pembatasan sempadan di Laut Sulawesi yang berlangsung pada 22 dan 23 Mac yang lepas berlangsung dalam keadaan yang cukup berterus terang dan mesra antara Malaysia dan Indonesia. Kita percaya isu ini boleh diselesaikan tetapi ia memerlukan kesabaran agar penyelesaian dapat dicapai secara saksama.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini di samping isu dengan Indonesia seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari banyak kawasan sebelum ini, kita mempunyai masalah sempadan maritim yang belum dihadkan sempadannya kerana terdapat pertindihan dengan negara Brunei, Vietnam, Thailand, Filipina dan Singapura. Ada enam negara kita bertindih sempadan tetapi kita yakin dari semasa ke semasa, perbincangan dan rundingan dapat dilaksanakan supaya isu-isu ini dapat diselesaikan dari semasa ke semasa tanpa menggugat kepada lawatan wilayah masing-masing dan tanpa menggugat hubungan baik, bilateral antara kedua-dua negara. Yang Berhormat Kepong, silakan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila berlakunya masalah membakar Jalur Gemilang di Jakarta hari itu, pihak kami juga berikhtiar untuk tidak....*[Disampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tadi ada cakap minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan, teruskan Kepong, tidak payah peduli itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada bermulanya berlaku kejadian yang tidak diingini di Jakarta itu, kitalah yang berikhtiar untuk memadamkan dan saya juga bersetuju dengan pihak kerajaan untuk mengadakan rundingan damai dengan Indonesia tetapi bagi saya, tidak ada ketegangan dengan sempadan-sempadan seperti Pontian. Walaupun kita ada jambatan separuh di Johor dan sebagainya...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan, soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa masalahnya? Hah? Apa masalah? Kita ada jambatan separuh di Johor, mungkin kita dapat selesaikan jambatan yang sepenuhnya pada satu hari kelak. Cuma adakah Yang Berhormat ..... *[Disampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan, soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah Yang Berhormat itu, itu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah Yang Berhormat ada pemantauan projek-projek di antara Filipina dengan Malaysia, projek dengan Indonesia dan juga projek sempadan itu dengan Thailand. Kalau kita boleh menjayakan projek-projek ini maka itulah akan merapatkan lagi hubungan dengan jiran-jiran kita. Jangan kita ada sangkaan jahat kepada pihak pembangkang. Dari hal Ambalak ini, kita memang memainkan peranan yang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Setiausaha Parlimen.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Ada dua soalan, yang pertama sama ada saya sedar atau tidak tentang peranan pembangkang untuk meredakan api kemarahan, saya sebenarnya tidak sedar, baru hari ini saya sedar bahawa Kepong juga memainkan peranan untuk meredakan api-api kemarahan yang dinyalakan di Indonesia.

Tentang isu Laut Sulawesi ini, saya lebih gemar menggunakannya sebagai isu Laut Sulawesi daripada menggunakan Ambalak kerana Ambalak ini bahasa Indonesia. Kita gunalah di Parlimen ini Laut Sulawesi. Saya harap pemantauan projek-projek yang

kita buat di antara negara-negara seperti Thailand, Filipina, Singapura dan sebagainya adalah berterusan Yang Berhormat, kita memang ada pemantauan. Ini adalah satu strategi kita untuk mempertingkatkan perdagangan, ekonomi, pelaburan dan juga pelawat, *tourism* di dalam hubungan antara dua hala.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekijang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Boleh saya habiskan sekejap? Sedikit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat pada 29 Mac membangkitkan isu Pulau Batu Putih dan sama ada tentera laut kita telah menunjukkan isyarat tentang penguasaan kita di pulau tersebut? Tuan Yang di-Pertua, persediaan Malaysia bagi kes Pulau Batu Putih, Middle Rock dan South Lash di Mahkamah Pengadilan Antarabangsa sedang giat diteruskan. Pada umumnya, hujah-hujah Malaysia menjurus kepada membuktikan bahawa Malaysia mempunyai hak milik asal yang berterusan dan tidak putus-putus ke atas Pulau Batu Putih yang merupakan sebahagian daripada Wilayah Malaysia khususnya Johor Darul Takzim.

Malaysia tidak pernah pada bila-bila masa mengabaikan atau menyerahkan hak miliknya ke atas Pulau Batu Putih kepada mana-mana pihak sama ada Kerajaan British ataupun Singapore. Seterusnya, pengendalian Rumah Api Hosburgh oleh Singapura tiada kena mengena dengan soal kedaulatan dan tidak memberi hak milik ke atas Pulau Batu Putih.

Tindakan ataupun *conduct* yang dilaksanakan oleh Singapura tidak mencukupi untuk memberinya hak milik ke atas Pulau Batu Putih tersebut manakala Malaysia tetap yakin bahawa tindakan ataupun *conduct* Malaysia memperkukuhkan hak milik dan tuntutan kita ke atas Pulau Batu Putih.

Tuan Yang di-Pertua, kapal-kapal Tentera Laut Malaysia akan terus menjalankan pemantauan yang berterusan di sekitar Perairan Pulau Batu Putih. Singapura telah kerap kali membantah kehadiran kapal-kapal tersebut melalui Nota Diplomatik kepada kita. Malaysia juga turut membantah kehadiran kapal-kapal laut Singapura dan pasukan polis pesisiran pantai Singapura ataupun *coast guard* serta pesawat udara tentera udara

Singapura di sekitar kawasan Pulau Batu Putih. Malaysia menegaskan secara konsisten bahawa aktiviti-aktiviti Malaysia di sekitar Pulau Batu Putih adalah selaras dengan pelaksanaan kedaulatan dan bidang kuasanya ke atas pulau tersebut dan agensi-agensi pertahanan Malaysia akan terus menjalankan tanggungjawab mereka di kawasan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau tidak silap saya ada menyatakan pihak ketiga. Saya hendak minta komen sedikit daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kekecohan yang berlaku di antara Malaysia dan Indonesia juga negara-negara jiran ini adalah merupakan agenda pihak ketiga untuk merobohkan tali persaudaraan dan sebagainya di antara kita dengan negara jiran. Sejauh manakah kebenarannya ini dan siapakah pihak ketiga ini? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat, Apa yang dikatakan tadi adalah satu perkara yang tidak dapat dibuktikan, tidak dapat dituduh kepada mana-mana pihak dan kebarangkalian atau kemungkinannya ada di mana-mana sahaja memandangkan Indonesia itu adalah negara Islam yang terbesar di rantau ini termasuk juga Malaysia yang begitu kukuh dari semasa ke semasa menceritakan tentang nasib negara-negara Islam yang dipimpin OIC. Ada kemungkinannya tetapi ini adalah satu bukti yang tidak dapat dinyatakan dan disahkan oleh sesiapa.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Mas pula bangun.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi saya dengar ada suara-suara yang mengatakan bahawa parti pembangkang tidak memberi respons yang baik kepada pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya, ya, jadi saya sendiri bangun pada petang ini untuk memberi sokongan kepada kerajaan dengan sepenuh hati, dengan setulus ikhlas.

Cuma kita mesti mengambil pendekatan-pendekatan tertentu. Kita cuba mengambil pendekatan dengan kaedah Islam kerana negara kita dan negara Indonesia yang kita sebut bahawa Indonesia itu negara Islam. Kita cuba mengambil pendekatan Islam dan ayat Al-Quran menyebut [Membaca sepotong ayat Al-Quran] – “Sekiranya kamu berdamai, maka dia lebih dekat dengan takwa kepada Allah SWT.”

Jadi dalam masalah ini kita sebagai wakil-wakil rakyat dan Yang Berhormat-Yang Berhormat kita jangan mengapi-apikan keadaan dalam bentuk apa-apa sekali pun. Kita mengambil pendekatan itu [*membaca sepotong ayat suci al-Quran*] bermaksud: “Sekiranya kamu berdamai dengan mereka, dia lebih baik takwa kepada kamu, lebih dekat ketakwaan.” Jadi, kita ambil pendekatan itu kerana kita sebagaimana yang telah saya katakan tadi, bahawa kita mempunyai asas yang sama dan asas agama yang sama.

Yang kedua kita mempunyai asas yang sama dari segi bangsa, kita Melayu dan mereka pun Melayu juga, jadi tidak ada sebab kita hendak mengapi-apikan dan tidak ada sebab kita tidak boleh berbaik. Cuma satu perkara yang saya suka sebut di sini, iaitu saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian tadi mengapa kita banyak sangat musuh?

Dengan Thailand pun ada agak-agak juga bermasalah, dengan Filipina pun ada juga, dengan Singapura pun ada juga jadi cuba kita buat kajian sedikit-sedikit. Bukan apa, cuba kita buat kajian setidak-tidaknya kita redakan masalah-masalah kerana ini adalah kaedah kita, kaedah yang dipanggil oleh orang Melayu. Kalau kita berbalah dengan satu orang, barangkali boleh orang tuduh orang itu jahat, tetapi kalau kita berbalah dengan banyak orang, orang tidak kata ‘orang jahat’, tetapi orang kata ‘kita jahat’ pada pandangan sayalah. Saya ulang sekali lagi, barangkali orang kata ‘kita jahat’. Tetapi kalau kita berbalah dengan banyak orang, tidak akanlah orang kata kita jahat, barangkali orang akan berbalik kepada kita, dia kata barangkali kita yang buat tidak kena. Ini secara jujur saya kata bukan saya hendak perkecilkan sesiapa, tidak. Jadi seharusnya kita perbaiki dalam semua hal, pekerja-pekerja Indonesia yang bekerja di sini, kita mesti melayani mereka dengan sebaik-baiknya sebagai satu agama, satu bangsa, satu rumpun, satu kepentingan. Jangan ada di kalangan kita yang menghina



mereka, yang pukul mereka, yang simbah asid kepada mereka, yang seterikakan belakang mereka dan membuatkan mereka marah.

Sebenarnya semacam-macam, macam orang-orang tua kita kata kita menyimpan sampah di bawah tikar, betulkan sedikit sampah ini tetapi apabila kita simpan banyak dan banyak dan banyak dan apabila kita buka di atasnya nampak elok, tetapi apabila di bawah tikarnya nampak sampah. Barangkali Indonesia pun begitu juga. Satu laporan, dua laporan, tiga laporan sudah begitu banyak laporan bagaimana pekerja-pekerja mereka datang ke sini di buat begitu rupa, maka sentimen-sentimen itu akhir sekali dia meledak macam bisul juga. Kerana itulah saya rasa kita kena selesaikan dengan elok atas asas [*membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] yang saya bacakan tadi dan di atas asas persaudaraan kita dengan dia adalah bangsa Melayu dan satu rumpun yang tidak boleh kita pisahkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagikah Setiausaha Parlimen?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kalau tidak ada gangguan atau celahan akan siap dalam masa 15 minit. Kalau ada boleh jadi satu jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jadi habiskanlah.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat dari Pasir Mas terima kasih kerana menyatakan sokongan dan kenyataan menyokong dengan penuh ikhlas kepada kerajaan, kita sangat menghargai sokongan itu.

Sebenarnya kita tidak ada masalah dengan negara-negara mana Yang Berhormat dan kita tidak bermusuhan dengan sesiapa cuma kedudukan kita ini di tengah-tengah Asia Tenggara dan kita berjiran banyak. Samalah seperti Yang Berhormat kalau di Kelantan, kalau duduk dalam hutan seorang diri tidak ada masalah tetapi kalau duduk dalam rumah kiri kanan, tepi dan belakang semua ada jiran akan ada masalah sedikit sebanyak, memang ada.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*] Terima kasih Yang Berhormat dan saya setuju sangatlah. Kita baru tadi sahaja mendengar selepas Pembangkang panas telinga sedikit, walaupun benda itu memang dia buat, dia sendiri menyebut bahawa yang bermasalahnya ialah kita dengan negara jiran. Padahal Kubang Kerian tadi cuba mempertahankan 'benang yang basah', bahawasanya mereka

juga memainkan peranan, sokongan terhadap apa yang kita lakukan untuk mengeratkan silaturahim. Tetapi tengoklah Pasir Mas, sendiri bangun mengatakan seolah-olahnya kita yang menjadi puncanya yang menimbulkan masalah, itulah dia. Bukan kita tidak layan pendatang tanpa izin datang, kita layan tetapi kalau tidak ada dokumen menimbulkan pula masalah. Yang menjadi punca kepada segala masalah sosial sudah tentulah kita hendakkan mereka ini keluar kemudian hendak masuk balik, masuklah secara yang sah, bukan secara yang tidak sah. Mungkin itu satu nasihat daripada saya Yang Berhormat Pasir Mas, jangan marah. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat dari Larut, sebenarnya Yang Berhormat dari Pasir Mas ini dia baik, dia sebenarnya kurang *information*, kurang penerangan seperti contohnya dalam isu bantuan Tsunami itu Yang Berhormat dari Pasir Mas berkata kenapa kita tidak beri kepada Thailand? Sangkaan jahat kenapa tidak beri kepada Thailand sebenarnya bukan kita tidak beri Yang Berhormat, Kerajaan Thailand kata dia tidak perlu bantuan luar, jadi kita tidak berilah, kita beri kepada negara lain. Jadi Yang Berhormat kalau ada *information* yang cukup, saya rasa cukup bagus untuk menyuarakan isu-isu semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Mas.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih, saya hendak perbetulkan, sebenarnya dan saya tidak pernah timbulkan masalah dan tidak ada dalam *Hansard* pun saya sebut, saya tidak pernah sebut bahawa bantuan kepada Tsunami itu kepada Thailand, saya tidak pernah sebut.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Mungkin, ada apa-apa.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dan yang keduanya hendak *respons* kepada Yang Berhormat Larut. Saya bukan bermaksud begitu Yang Berhormat Larut, saya tidak bermaksud bahawa pendatang yang datang ke sini kita menghalau balik, tidak begitu. Apa yang saya maksudkan iaitu supaya pekerja-pekerja mereka di sini sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar, saya baca dalam akhbar, saudara-saudara baca dalam akhbar, barangkali itulah sampah-sampah kecilnya, bukan sampah besar tetapi sampah kecilnya yang diletak di bawah tikar tadi. Jadi bila sudah banyak, bagi golongan-golongan yang tidak faham bahawa silaturahim kita dengan dia kuat begitu begini, maka

dia tunjuk perasaanlah budak-budak kecil yang nakal-nakal ini. Budak-budak yang tidak faham sangat ini, jadi bagi kita yang orang tua ini alhamdulillah kita mengambil biarlah Indonesia ramai jumlah penduduknya, tetapi kita kira Malaysia ini abang, Indonesia itu adik, barangkali dari segi kematangannya begitu. Kerana pemimpin kita tidak 'hujum' tidak serang dia dan tidak ... dan saya nasihatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada dalam Parlimen ini jangan sebut hendak perang dan jangan sebut hendak terangkat sedikit, kita mempertahankan kedudukan dan pandangan-pandangan pemimpin-pemimpin kita yang saya rasa bahawa mereka lebih abang dan lebih rasa bertanggungjawab, bukan kerana takut – tidak, tetapi atas sifat silaturahim kita dengan mereka dan atas sifat agama kita bersama mereka dan banyak lagi kepentingan-kepentingan bersama di antara kita dengan mereka, dan saya ucapkan tahniah dan syabas ke atas dasar bahawa kita abang dan mereka adik dan saya cadangkan satu lagi.

Saya cadangkan satu lagi, tadi ada suara yang mencadangkan Siti Nurhaliza pergi ke sana sebagai utusan kita, saya rasa ada baiknya kalau para ulama' yang mencetuskan ataupun yang menghantar ke sana kerana Pengerusi MPR dia yang saya cam dalam surat khabar, beliau adalah daripada pelajar dan mahasiswa Madinah. Yang mendapat Ph.D daripada Universiti Madinah dan yang ramai kalangan kita di sini, Yang Berhormat dari Besut dan Menteri kita pun kenal. Kita hantar golongan agama dahulu pergi, kita pun bersilaturahim dengan mereka disertai dengan yang lain kalau boleh saya dapat bersama-sama dengan diri saya dengan mereka dengan ulama'-ulama' ini. Setidak-tidaknya boleh kita bersama dengan Pasir Puteh, sekian terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Mas tentang kesederhanaannya menyatakan tentang isu-isu yang dibangkitkan tadi. Saya rasa ini sudah kali kedua Yang Berhormat bangkitkan bercerita tentang Siti Nurhaliza minat betul Yang Berhormat tentang Siti Nurhaliza ini dan di Kelantan Yang Berhormat kata suara perempuan itu aurat tidak boleh bercakap tidak boleh dengar apa, tetapi di sini Yang Berhormat sokong pula untuk bawa dia jadi duta, terima kasih Yang Berhormat.

Saya ambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk teruskan kerana panjang lagi ini nanti tidak sempat orang lain hendak gulung pula lagi.

Yang Berhormat dari Kudat pada 29 Mac juga membangkitkan tentang tempoh Malaysia memegang tampuk kepimpinan OIC. Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysia akan terus menerajui tanggungjawab sebagai Pengerusi OIC seperti yang telah diamanahkan kepadanya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Setiausaha Agong OIC telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi dan menyatakan bahawa penjadualan semula tarikh Sidang Kemuncak OIC Kesebelas telah diubah daripada tahun 2006 ke tahun 2007. Kerajaan Senegal yang sepatutnya mengambil-alih peranan Pengerusi sidang OIC dari Malaysia telah memutuskan untuk meminda tarikh tersebut memandangkan Sidang Kemuncak OIC akan dilangsungkan pada penghujung Mac 2005 di Mekah ini dan dirasakan tarikh ini terlalu dekat. Jadi Malaysia berpendapat adalah sesuai Malaysia akan terus memegang jawatan Pengerusi Sidang Kemuncak OIC. Penangguhan kepada tahun 2007 atau 2008 akan membolehkan Malaysia terus memainkan peranan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membawa perubahan kepada OIC bagi mencapai objektif yang diharapkan. Antara lain;

- i) memastikan kejayaan penstrukturan semula sekretariat Agong OIC;
- ii) program pembinaan keupayaan negara-negara OIC dan suruhanjaya tokoh-tokoh kenamaan OIC;

Selain daripada itu untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, negara-negara ahli lain juga mengalu-alukan penerusan tempoh Malaysia sebagai Pengerusi Sidang Kemuncak OIC Kesepuluh kerana penglibatan kita yang aktif dan juga kebolehan kita untuk menerajui OIC sebagai pertubuhan yang benar-benar berkesan.

Yang Berhormat daripada Kemaman pada 29 Mac telah mengutarakan tentang isu Iraq.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tahniah Yang Berhormat di atas keyakinan Pergerakan Negara-negara Islam - OIC untuk melihat supaya Malaysia meneruskan kepimpinan badan-badan bertaraf dunia ini selama sepenggal lagi oleh kerana Senegal terutamanya yang sepatutnya mengambil giliran untuk mengetuai kepimpinan OIC ini, merasakan dan yakin di atas kebolehan kepimpinan negara kita terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi OIC dan juga Menteri Luar yang saya sendiri secara peribadi yakin dan melihat sendiri bagaimana penghormatan yang diberikan oleh negara-negara bersekutu sahabat di bawah panji-panji OIC ini.

Masalahnya ada juga suara-suara sumbang yang mengatakan Senegal ini menolak bukan kerana terlalu yakin dengan Malaysia tetapi oleh kerana mereka adalah sebuah negara yang tidak begitu maju dan membangun dan tidak mampu. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat terhadap suara-suara sumbang ini yang mungkin saya tidak pasti yang sengaja diada-adakan oleh pihak-pihak yang tidak boleh melihat Malaysia terus menjadi sebuah negara contoh kepada dunia Islam.

Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat. Saya tidak tahulah kalau ini juga melibatkan pembangkang tetapi saya tidak pastilah. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, sebagai ahli politik Yang Berhormat juga faham tentang suara-suara sumbang akan ada di mana-mana. Tetapi yang penting Malaysia telah memainkan peranannya dan kita apabila diberi masa untuk meneruskan kepimpinan kita, kita terima dengan baik dan kita akan terus memacu negara-negara anggota OIC supaya imej negara-negara Islam dapat terus dipertingkatkan. Yang Berhormat bagi Kemaman telah mengutarakan isu Iraq.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin :** Minta sekali, minta sekali.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Silakan Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terkenang, teringat dan tersedih serta tersentak dalam jawapan Yang Berhormat dahulu mengatakan bahawa di dalam negara-negara OIC itu banyak negara yang miskin, termiskin.

Jadi apakah perancangan Malaysia sebagai Pengerusi OIC untuk membela negara-negara yang termiskin, yang miskin ini supaya mereka dapat membangun berdikari dan juga membantu ekonomi negara-negara Islam yang begitu berada dalam keadaan yang menyedihkan. Tambahan lagi pula dengan keadaan-keadaan bencana yang menimpa. Boleh dikatakan negara-negara yang miskin juga ditimpa bencana-bencana atau dugaan-dugaan Allah SWT ini.

Jadi apakah negara-negara OIC yang kaya raya tidak dapat membantu negara-negara yang miskin ini supaya kita dapat menunjukkan kepada dunia bahawa umat Islam ini saling membantu di antara satu sama lain mahupun di bidang ekonomi ataupun amalan ibadat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai yang bukan sahaja tahu masalah di Jerai tetapi juga *international issue*, masalah antarabangsa. Sebagai Pengerusi OIC kita menekankan pembinaan keupayaan negara-negara OIC iaitu kapasiti *building* yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, jadi kita juga berharap supaya negara-negara Islam yang kaya dapat terus membantu negara-negara yang miskin dan memerlukan dalam OIC.

Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, daripada 56 negara, cuma 6 negara saja yang kaya dan tidak berhutang, 50 lagi ialah negara-negara yang berhutang dengan sederhana dan banyak, Yang Berhormat ya. Kita kena mempertingkatkan lagi keupayaan orang-orang Islam kalau tak dapat ditukar dalam generasi ini, mungkin generasi-generasi yang akan datang akan dapat mengembalikan puncak kegemilangan Islam seperti zaman dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tumpat Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [*bercakap tanpa mikrofon*]..... di dalam perbincangan saya secara *direct* dengan Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat Menteri kalau saya memohon supaya Malaysia memainkan tugas yang lebih aktif daripada sekarang, jawapannya bahawa kita ni sekadar Pengerusi sahaja, Setiausaha Agungnya, Ihsanoglu daripada Turki.

Jadi ini saya harap kita ada pendirian yang tegas, jangan kadang kala kita memperbesar-besarkan terlalu amat sangat tugas dan tanggungjawab kita sebagai

Pengerusi tetapi apabila saya memohon, meminta supaya kita melakukan itu dan ini dalam OIC, jawapan kita pula bahawa kita sekadar Pengerusi sahaja, yang Setiausaha Agungnya daripada Turki dan sebagainya.

Jadi saya sebagaimana juga sudah lebih daripada Larut ada semangat untuk menjayakan dan memajukan nama Malaysia ingin bertanya bahawa selain daripada menjadi Pengerusi, selain daripada Setiausaha Agung yang dipegang oleh orang Turki, adakah kita mempunyai jawatan-jawatan kepegawaian yang lain, yang penting dalam organisasi OIC itu supaya tugas dan peranan kita berterusan walau kita Pengerusi, walau kita tidak Pengerusi OIC. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Setiausaha Agung OIC dan Malaysia sebagai Pengerusi menjalinkan kerjasama yang cukup baik dan erat untuk kepentingan ummah dan kita akan menempatkan seorang pegawai kanan kita di Sekretariat OIC untuk menyeliakan kerja-kerja kapasiti *building* ataupun seperti yang kita mahu bina negara-negara Islam, kita akan tempatkan pegawai di sana. Kadang-kadang apabila saya dengar apa Yang Berhormat utarakan, *brain* ataupun idea daripada Yang Berhormat inilah yang kita harap-harapkan. Saya tidak terperanjat kerana Yang Berhormat duluan kita sama-sama satu parti.

Berkenaan dengan Iraq, Malaysia dan masyarakat antarabangsa sememangnya menentang pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq kerana mencabul piagam PBB dan undang-undang antarabangsa. Adalah menjadi dasar Malaysia untuk mempertahankan peranan PBB sebagai tunjang kepada proses *materialisme* dan membantah sebarang tindakan kekerasan *unilateral* oleh sebuah negara ke atas negara yang lain.

Kerajaan Malaysia menyokong kerajaan sementara Iraq yang baru memandangkan kerajaan tersebut dibentuk melalui proses pilihan raya. Sekejap, biar saya habis dulu. Sokongan ini tidak bererti Malaysia menghalalkan pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq. Malaysia mengalu-alukan pilihan raya yang telah berjaya diadakan di Iraq baru-baru ini dan berpendapat ianya penting untuk memastikan proses peralihan politik negara tersebut dapat diteruskan untuk memulihkan kemakmuran dan mengembalikan semula kedaulatan Iraq.

Setiausaha Agung PBB juga dalam kenyataannya turut menyambut baik pilihan raya tersebut dan menyifatkannya sebagai satu proses politik yang penting ke arah demokrasi serta menyeru masyarakat antarabangsa menyokong rakyat Iraq dalam proses peralihan politiknya.

Malaysia berharap kerajaan sementara Iraq yang baru ini dan Pembentukan Majlis Presiden Iraq yang akan diumumkan hari ini akan meneruskan proses peralihan ini dengan merangka perlembagaan baru Iraq untuk dipersetujui oleh rakyat seterusnya mengadakan pilihan raya umum pada akhir tahun ini untuk menubuhkan kerajaan tetap Iraq. Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak hairanlah dengan apa yang cuba direndah-rendahkan oleh Tumpat kerana itu memanglah pandangan pembangkang macam saya katakan tadi terhadap OIC dan juga peranan kita, memang itulah suara-suara sumbang daripada pembangkang, sahlah sekarang bahawa pembangkang akan terus merendah-rendahkan keupayaan kita dalam menegakkan sebuah pertubuhan Islam yang secara global.

Soalan saya Yang Berhormat, tentang Iraq ini, selain pendirian kita dari segi moral untuk memberi sokongan kerana itu adalah tanggungjawab kita sebagai perikemanusiaan. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dasar kita selain daripada sokongan moral, apakah lagi sumbangan secara tegasnya kita terhadap membangunkan kembali Iraq ini supaya pembangkang faham kerana apabila pembangkang ini ada forum-forum di luar kita bimbang mereka akan memesongkan lagi pendirian dan prinsip dasar negara kita. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Malaysia telah menyatakan keinginan kita untuk sama-sama turut serta dalam proses pembinaan semula Iraq ataupun dengan kata lain, Malaysia bersedia pada bila-bila masa untuk turut serta dalam *reconstruction of Iraq* tertakluk kepada keadaan keselamatan yang mengizinkan.

Saya ingin sentuh Yang Berhormat bagi Papar yang telah mempersoalkan isu kem UNHCR di Kinarut, saya sangat bersimpati dengan Yang Berhormat dan kita sambil maklum tentang pelbagai masalah yang terdapat di kem pelarian di Kinarut. Kerajaan



akan mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi masalah yang wujud dengan kerjasama pihak UNHCR dan juga kerajaan negeri Sabah juga dibantu oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tuaran.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Papar tentang penempatan UNHCR di Kinarot hanyalah satu perkara yang kecil yang mana kita akan sentuh penempatan di Kinarot ini ada lagi lima di tempat lain di Sabah. Persoalan pokoknya ialah apakah dasar muktamad kerajaan tentang masa depan pelarian Filipina yang berada di negeri Sabah yang dianggarkan lebih kurang 65,000 orang. Itu persoalan pokok dia sebab soal hendak pindah dari Kinarot ke tempat lain itu agak payah, sukar sekali. Kita kena jawab soalan pokok iaitu masa depan pelarian Filipina di negeri Sabah, sampai bila? Mereka sudah berada di negeri Sabah selama 30 tahun. Saya mahu penjelasan, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya mohon maaf kerana saya tidak ada maklumat lagi tentang lima lagi kem yang terdapat di Sabah dan juga mungkin perkara ini lebih ke dalam bidang kuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kita cuma berhubung dengan UNHCR. Saya harap jawapan yang tepat akan dibawa oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri apabila sampai tiba mereka menggulung usul ini nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kemaman bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maaf Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terpaksa berpatah balik fasal Iraq tadi. Saya menunggu jawapan, kita akui bahawa mahu atau tidak mahu Malaysia terpaksa mengiktiraf ataupun menyambut baik kerajaan baru di Iraq tetapi kita terpaksa berhadapan dengan beberapa soalan fundamental di sini. Setiap negara yang baru diwujudkan sentiasa berhadapan dengan satu persoalan yang paling penting sekali iaitu soalan legitimasi iaitu kesahan sesebuah kerajaan. Kita tahu bahawa dalam sejarah kerajaan yang ada sekarang telah ditubuhkan di atas satu cara yang tidak sah

(*legitimate*) dan ia disahkan melalui cara yang dibuat oleh satu kuasa besar. Soalannya nanti kalau inilah caranya kuasa besar dia tidak suka sesuatu rejim dia serang dan jatuhkan rejim tersebut kemudian dia buat satu pilihan raya, apakah ini dasar Malaysia nanti kita terpaksa menerima dan menerima? Apakah kerana kuasa besar mahu begitu, maka kita pun kena ikut begitu atau pun ada cara lain terutama sekali melalui OIC untuk memancarkan mesej kita bahawa tidak semudah itu sebuah kerajaan mendapat legitimasi daripada sebuah kerajaan lain yang dianggap sebagai pemimpin OIC sekarang, sekiranya kes yang sama berlaku pada negara Islam yang lain, itu soalan saya.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Malaysia tidak menghalalkan pencerobohan Amerika Syarikat. Kita mengutuk sekeras-kerasnya pencerobohan itu tetapi pemerintahan lama negara Iraq telah jatuh. Apabila jatuh ada pilihan raya baru untuk mengembalikan keamanan di Iraq, kita tidak ada pilihan lain selain daripada menyokong apa yang telah dibuat oleh kerajaan sementara Iraq.

Yang Berhormat bagi Sri Gading pada 30hb Mac telah menyatakan tentang pengiktirafan kerajaan terhadap MERCY. Kerajaan mengambil maklum tentang aktiviti dan bantuan kemanusiaan yang telah dilakukan oleh pihak MERCY Malaysia, sebuah badan sukarela bukan kerajaan di mana negara-negara yang mengalami kesulitan akibat bencana ataupun peperangan. Bagi pihak Kementerian Luar Negeri saya ingin menyatakan kita sentiasa menyokong dan menghulurkan bantuan kepada MERCY kepada setiap misi yang dilakukan oleh mereka di luar negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob):** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ini termasuklah bantuan logistik, kemudahan keluar masuk, perhubungan dengan kuasa tempatan dan kemudahan-kemudahan lain di negara-negara yang MERCY pergi bagi memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan baik dan berkesan.

Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan kewangan untuk menyokong aktiviti-aktiviti MERCY seperti berikut iaitu sumbangan sebanyak USD50 ribu untuk mangsa kemalangan kereta api di Republik Rakyat Korea, RM6 juta untuk tabung pembelaan rakyat Iraq, Sudan kita beri USD 100 ribu dan bantuan di Aceh dan Pulau

Niah yang diputuskan tidak lama lagi berapa banyak kerajaan akan beri kepada MERCY.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mohon maaf kerana kena balik dengan isu pelarian Filipina tadi. Saya kurang berpuas hati apabila Yang Berhormat mengatakan soal ini adalah soal Keselamatan Dalam Negeri. Dalam Parlimen penggal yang lalu Kementerian Luar Negeri sentiasa memberi jawapan yang sedemikian rupa sedangkan soal pelarian ini merupakan satu masalah yang berhubung dengan negara lain iaitu negara Filipina. Kita tahu Malaysia ini bukan pendaratan *UN Protokol on Refugees* 1952 dengan izin. Kita bukan pendaratan, tetapi persoalannya sampai bila mereka berada di negara kita ini. Saya fikir hal yang perlu ditangani oleh Kementerian Luar Negeri. Kita kena bincang. Sebagai contoh mereka masih berterusan di Malaysia oleh kerana di negara Filipina dikatakan tidak aman sedangkan MNLF Nur Misuari sudah membuat perjanjian dengan kerajaan negeri Filipina soal perdamaian di Mindanao, Filipina Selatan.

Apakah pelarian Filipina ini masih lagi kita anggap sebagai pelarian? *Can we continue to give the status to them?* Apakah kita tidak boleh tarik balik status itu? Apakah kita masih lagi mengecualikan mereka daripada keperluan-keperluan imigresen? Persoalannya di sini kenapa Kementerian Luar Negeri tidak *it i .not familiar with this issue?* Apakah Kementerian Luar Negeri tidak peduli langsung akan isu ini? Atau bagaimana? diserahkan terus kepada Kementerian Dalam Negeri atau bagaimana? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tidak Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri terus memantau dan berhubung dengan UNHCR tentang pelarian Filipina cuma apa yang saya maksudkan adalah perlu dapat pelarasan tentang jawapan daripada apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dan saya berjanji Tuan Yang di-Pertua, dalam masa seminggu ini saya akan dapat pelarasan dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan saya akan jawab secara bertulis tentang isu UNHCR dan kem-kem yang terdapat di Sabah akan kedudukan terakhirnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Mas bangun pula Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Bagi saya habiskan ini Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan. Kalau boleh habiskan jawapan Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Nanti sekejap ya, fasal nanti kementerian lain hendak gulung pula Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman pada 29 Mac mencadangkan supaya Kementerian Luar Negeri mengambil alih tugas dan digabungkan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kedua-dua kementerian tersebut mempunyai fungsi dan pengkhususan yang tersendiri berbeza dan penggabungan yang dicadangkan itu adalah tidak praktikal. Walau bagaimanapun keputusan sama ada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri digabungkan atau tidak adalah di bawah bidang kuasa mutlak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, tunggu sekejap.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Saya tertarik dengan apa yang telah disebutkan tentang bantuan kepada Iraq yang disebut oleh Yang Berhormat Larut sekejap tadi. Apa yang saya hendak kaitkan iaitu dengan sepotong ayat Al-Quranulkarim, Allah Subhanahu Wa Ta'ala menyebut [*menyebut dalam bahasa Arab*] maksudnya, "*Apabila askar ini masuk ke sebuah negara ataupun mana-mana negara menyerang sebuah negara lain maka pasti dia merosakkannya*". Benar apa yang disebut oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam ayat Al-Quran bagaimana Amerika masuk menyerang Iraq kemudian hancur sehancur hancurnya.

Saya sebagai bekas pelajar selama 7 tahun di Iraq saya tahulah tentang kedudukannya, geografinya dan bandar-bandarnya. Bagaimana saya melihat dalam surat khabar tentang apa yang dilakukan oleh Amerika di waktu mereka melakukan pengeboman di Iraq di mana kampung-kampung, hospital-hospital, sekolah-sekolah dan berbagai-bagai lagi turut hancur. Dengan yang demikian saya sokong sangat apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi tentang membangun semula prasarana di Iraq. Kalau Malaysia dapat berbuat demikian nama baik Malaysia di mata dunia selain daripada OIC, kita tidak menafikan lagi di kalangan anggota-anggota OIC

ini Malaysia merupakan negara ulung dalam pencapaian sebagai sebuah negara yang tegar sebagaimana yang kita ketahui.

Tetapi kalau kita dapat bantu lagi Iraq terutama sekali kanak-kanak miskin yang mana saya dapat maklumat daripada kawan-kawan di sana. Mereka memberitahu kepada sahabat-sahabat mereka yang berada di sini bagaimana anak-anak yatim dan sekolah-sekolah mereka runtuh kesan daripada sikap gelojanya Amerika Syarikat ke atas bumi dan kepada rakyat Iraq.

Yang kedua, kalau kita di Malaysia ini lebih terbuka menerima pelajar-pelajar Iraq untuk belajar di UIA kerana mereka mencari tempat belajar. Universiti pun rosak. Pensyarah-pensyarah mereka pun ramai yang lari ataupun yang berhijrah ke luar negara. Universiti Saddam Hussein di satu ketika dahulu saya kira telah ditutup sekarang ini, lain-lain universiti seperti Universiti Baghdad dan lain-lain lagi kekurangan tenaga-tenaga pensyarah dan pelajar-pelajar mereka hampir-hampir barangkalilah pada pengamatan kita mereka mencari tempat belajar. Kalau kita dapat menampung setidaknya 20 atau 30 orang setahun sekurang-kurangnya dapat meringankan bebanan mereka dan saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut sekejap tadi. Apa pandangan Yang Berhormat?.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas kerana menyatakan pandangan. Saya perhatikan Yang Berhormat cukup prihatin tentang perkara-perkara yang berlaku di Iraq, kerana Yang Berhormat adalah belajar di sana selama tujuh tahun. Jadi, saya harap apabila keamanan kembali pulih di Iraq dengan adanya Yang Berhormat, yang arif dan tahu keadaan semasa di Iraq, Yang Berhormat boleh pergi bersama MERCY untuk sama-sama membantu mereka yang memerlukan di Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat telah membangkitkan soal mengenai China dan Taiwan, saya ingin memberi ulasan bahawa sebagai sebuah negara yang menghargai keamanan dan berpegang kepada dasar seperti negara China, Malaysia yakin.....

**Tuan Jimmy Donald:** *[Mengetuk-ngetuk mikrofon]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Aman.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap, saya habiskan. Malaysia yakin bahawa pemimpin-pemimpin dari kedua-dua pihak mempunyai keupayaan mencari penyelesaian kepada ketegangan ini tanpa perlu melalui pendekatan ketenteraan yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi dan politik di rantau ini. Sungguhpun keadaan di rantau sekitar Republik Rakyat China dan Taiwan kelihatan agak tegang, terutama selepas ' pengaktaan '*Anti Suspicion Law*', tiada konflik terbuka yang dijangka berlaku pada masa ini.

Masyarakat antarabangsa sudah pasti akan mendesak mana-mana pihak yang terlibat dalam perkara ini secara langsung atau tidak, agar ianya tidak menular hingga ke peringkat konflik bersenjata yang boleh menggugat keselamatan politik dan ekonomi di rantau ini dan juga seluruh dunia. Selain daripada itu, kedua-dua pihak, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat juga mempunyai hubungan dua hala yang melibatkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang banyak, perlu dipertaruhkan sekiranya Amerika mengambil pihak dalam krisis ini. Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah mengesyorkan bahawa Kementerian Luar Negeri patut menjaga perdagangan antarabangsa oleh kerana dari masa ke semasa, apabila saya berpeluang pergi ke luar negeri, ada rungutan dari pegawai-pegawai di kedutaan, mereka ditanya tentang perdagangan, tentang peluang-peluang di Malaysia dan juga tentang peluang-peluang di mana orang Malaysia dapat melabur di negara di mana mereka bertugas, mereka tidak ada kewibawaan. Lagipun, di beberapa tempat di luar negeri, kita tidak ada kepentingan yang lain melainkan kepentingan perdagangan. Lagipun, di beberapa negara, memang kedua-dua kementerian ini memang disatukan. Menteri Luar Negeri dan Menteri Perdagangan Antarabangsa. Oleh kerana itulah, saya mengesyorkan kementerian Yang Berhormat mungkin, memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat supaya pendekatan ini difikirkan. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada banyak lagikah?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kalau tidak diganggu, 10 minit. Kalau diganggu, boleh jadi satu jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada dua jam. Kami ada lagi 20 kementerian untuk menjawab.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya pun sangat-sangat ingin menghabiskan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Seperti yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman tadi, kuasa penuh adalah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi, di setiap kedutaan kita yang ada MATRADE, kita mengadakan kerjasama yang cukup baik dengan MATRADE dan juga dengan MITI. Ada satu penyelarasan dan hubungan baik antara kedua-dua jabatan kerajaan ini. Yang Berhormat bagi Tuaran pada 30 Mac ada membangkitkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah Tuan Yang di-Pertua.

Tuntutan oleh mana-mana pihak yang menyatakan Sabah adalah milik ataupun sebahagian daripada wilayah mereka adalah tidak berasas sama sekali. Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Kemasukan Sabah ke dalam Malaysia adalah atas pilihan warga Sabah dan telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia tidak perlu melayan dan tetap akan menentang sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak asing terhadap Sabah.

Menurut laporan akhbar Manila Standard bertarikh 17 Februari 2005, Menteri Luar Filipina, Alberto Romulo ingin mengemukakan kes tuntutan Filipina ke atas Sabah ini kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau ICJ. Malaysia tidak akan berasa kluatir mengenai sebarang kenyataan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak di Filipina mengenai tuntutan ke atas Sabah. Oleh yang demikian, soal untuk membawa kes ini kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa tidak timbul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat dan Kemaman meminta penjelasan mengenai usaha-usaha yang diambil bagi melipatgandakan keupayaan jentera diplomasi kita di luar negara.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Silakan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya amat bersetuju bahawa kita tidak harus berganjak dengan soal tuntutan Filipina ini dan sebenarnya dalam kes Ligitan dan Sipadan, di mana Kerajaan Filipina pun turut serta. Apa juga tuntutan mereka sudah pun ditolak oleh Mahkamah World Court. Tetapi persoalan saya, apabila saya bangkitkan, sentuh masalah ini di dalam perbahasan saya ialah, apakah pihak-pihak kita, apakah pihak Kementerian Luar tidak kluatir tentang kedudukan beribu-ribu warga Filipina yang berada di negeri Sabah? Apabila ada tuntutan, apabila dulu timbulnya *Sandakan.com* yang mengatakan ini Sabah kami punya. Apabila ada yang mengatakan dia ini Sultan..... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuan cukuplah, cukup.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya berhak Yang Berhormat untuk tanya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kata berhak, saya pun ada kuasa menghentikan Yang Berhormat. Sudahlah, saya cakap cukup. Tidak payah ambil masa panjang. Yang Berhormat, hendak minta penjelasan?

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya datang Dewan Rakyat ini untuk menyelesaikan masalah atau bagaimana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan cabar.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Kita terlalu menggunakan masa dan ini masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat jangan cabar, jangan cabar. Keluarkan soalan, tidak payah beri ucapan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Soalan saya ialah, apakah kerajaan tidak kluatir dengan kedudukan mereka di sini dan sebentar tadi, Yang Berhormat menyatakan bahawa ini bukan urusan Kementerian Luar. Itu persoalannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah. Biar Setiausaha Parlimen jawab. Yang Berhormat hendak cabarkah Yang Berhormat?

*[Suasana tegang seketika]*

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya tidak mahu cabar Tuan Yang di-Pertua.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah Yang Berhormat. Biar Setiausaha Parlimen jawab.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tadi Yang Berhormat bangkitkan tentang isu pelarian Filipina ke atas Sabah, sekarang ini isu sama ada kita risau atau tidak warganegara Filipina berada di Sabah, saya akan rangkumkan sekali jawapan ini untuk diberikan kepada Yang Berhormat, sama sekali tentang isu yang disiarkan tadi. Ya, Yang Berhormat, harap dapat keprihatinan tentang hal ini.

Sukacita saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap pembangunan sumber manusia pegawai-pegawai di kementerian ini, untuk memastikan mereka berkeupayaan dalam melaksanakan tanggungjawab dan berkebolehan untuk bersaing dalam arena diplomasi di peringkat antarabangsa. Sehubungan ini, Kementerian Luar Negeri bertindak memilih pegawai-pegawai yang benar-benar berkelayakan untuk memasuki perkhidmatan diplomatik.

Pegawai-pegawai kementerian ini juga dipilih daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Kementerian Luar mempunyai perancangan terperinci dan memastikan para pegawai diplomatiknya menerima latihan asas yang seelok-eloknya dalam bidang diplomasi. Di peringkat awal, semua pegawai diwajibkan untuk mengikuti kursus khas yang dikendalikan oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara, iaitu sebuah agensi latihan di bawah Kementerian Luar Negeri. Program Latihan disesuaikan untuk melengkapkan pegawai-pegawai terlatih dengan kemahiran dan pengetahuan agar mereka dapat berhadapan dengan cabaran semasa melaksanakan tugas profesional Malaysia. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri juga pada ketika ini.....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Bagi saya habis jawab.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya, saya, ya?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Nanti, bagi saya habis kecap.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Okey.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kementerian Luar Negeri juga pada ketika ini sedang merangka tindakan untuk menyusun semula struktur dan organisasinya. Penstrukturan ini apabila berlaku adalah yang pertama dilakukan sejak tahun 1965. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan penstrukturan semula ini, Kementerian Luar Negeri akan dapat memberi khidmat yang lebih cekap dan berkesan, bukan sahaja di peringkat kementerian, bahkan di semua perwakilan Malaysia di luar negeri. Kementerian Luar Negeri juga sentiasa berusaha mendapatkan peruntukan yang secukupnya untuk pegawai-pegawai diplomatik Malaysia melaksanakan tugas di perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara dengan berkesan. Peruntukan yang secukupnya amat penting bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat antarabangsa. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya setuju tambah peruntukan kepada kedutaan kita di luar negara. Yang keduanya, saya hendak supaya adakan satu cawangan khas di kedutaan itu ataupun pegawai khas untuk mengatur, memberi penjelasan kepada pelajar-pelajar dan juga masyarakat kita yang berada di luar negara supaya tidak dieksploitasikan, dengan izin, isu-isu negara diberi secara negatif oleh badan-badan pertubuhan. Terima kasih, setuju atau tidak?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Yang Berhormat, saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pada 29 Mac, yang bertanyakan tentang hubungan antara Malaysia dengan Singapura, yang saya rasa akan mengambil masa yang panjang untuk saya terangkan, memandangkan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tidak ada, boleh atau tidak saya beri jawapan secara bertulis kepada beliau, Tuan Yang di-Pertua? Okey. Terima kasih. Oleh yang demikian, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi, izinkan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung, yang berkaitan dengan bidang-bidang tugas Kementerian Luar Negeri. Saya percaya semua soalan yang telah disentuh telah pun dijawab. Saya ambil kesempatan ini untuk meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Luar Negeri akan memberi perhatian sewajarnya ke atas pandangan, cadangan, usul-usul yang bernas, yang pernah yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini semasa menggubal dan melaksanakan dasar luar negara dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima permintaan daripada Menteri Pelajaran supaya beliau diberi peluang untuk mengucap lebih awal. Jadi, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

#### **4.42 ptg**

**Menteri Pelajaran [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan di dalam jangka waktu yang terhad ini dan seberapa boleh, saya akan memberi penjelasan kepada isu-isu yang telah pun dibahaskan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan juga cadangan ketika isu memperkasakan sekolah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun dan juga Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Dalam hal ini, kerajaan masih berpegang kuat bahawa pendidikan merupakan *instrument program* dan juga strategi paling utama yang boleh diwujudkan, yang boleh mengukuhkan juga perpaduan rakyat Malaysia. Malahan, tidak keterlaluan jika di katakan bahawa keutuhan dan keharmonian negara kita ini banyak bergantung kepada kejayaan kita mewujudkan sistem pendidikan yang dapat menyatupadukan rakyat dari peringkat sekolah rendah lagi. Kementerian Pelajaran dalam agenda memperkasakan

sekolah kebangsaan, telah mengemukakan beberapa cadangan. Secara umumnya agenda ini mempunyai dua matlamat utama, iaitu bagi menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pusat memupuk perpaduan kaum dan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan meliputi bidang akademik dan bukan akademik.

Percayalah, kita kan mengambil kira bukan sahaja kepada masyarakat Melayu, bahkan kepada masyarakat bukan Melayu dan cuba menolak andaian yang sentiasa bermain di fikiran golongan tertentu yang mengatakan sekolah kebangsaan sekarang tidak berkualiti, sehingga menyebabkan ramai di kalangan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke SJK (C), seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Ada pula di kalangan ibu bapa mengatakan sekolah kebangsaan sekarang terlalu *Islamic* dan ada pula yang mengatakan sekolah kebangsaan kurang *Islamic*. Dalam memberi keyakinan kepada semua pihak, beberapa cadangan telah dikemukakan dan sebahagiannya telah pun dilaksanakan berperingkat-peringkat. Antaranya:

- i. membina budaya kecemerlangan sekolah kebangsaan dengan mengadakan *bench mark*, terhadap sekolah-sekolah cemerlang;
- ii. melantik guru-guru besar yang boleh membuat perubahan, memimpin dan membina kecemerlangan kepada sekolah termasuk melantik guru besar dari kalangan siswazah;
- iii. meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru dengan mengadakan latihan semula dan penempatan guru siswazah;
- iv. mendapat sokongan dan kerjasama masyarakat dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru bagi membantu sekolah mencapai kecemerlangan;
- v. menyemak semula kurikulum pendidikan kebangsaan;
- vi. memperluaskan pelaksanaan pengajaran bahasa ibunda dan bahasa tambahan menjadi meliputi bahasa Mandarin dan juga bahasa Tamil; dan
- vii. melaksanakan Program Rintis J-QAF bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid berkaitan dengan mata pelajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu-ain.

Pada masa yang sama, kerajaan sama sekali tidak akan melupakan kedudukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Kita berasa bangga kerana Menteri sendiri datang menjawab. Tadi, dikatakan sembilan perkara yang dibuat untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Saya rasa terkurangnya satu faktor, yang saya rasa faktor ini yang menyebabkan mengapa orang bukan Melayu yang tidak menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan, iaitu kebudayaan, budaya di sekolah kebangsaan. Saya rasa kalau kita mengatakan bahawa Malaysia ini adalah satu masyarakat majmuk, berbilang kaum. Jadi, budaya di dalam sekolah itu mesti mencerminkan bahawa budaya sekolah itu pun berbilang kaum dan juga majmuk. Berbagai bahasa, berbagai budaya.

Dahulu sebelum, apabila kita juga mempunyai sekolah Inggeris, separuh ibu bapa Cina menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Mengapa ibu bapa seperti ini telah memilih SJK (C) dan bukan memilih sekolah kebangsaan? Satu faktor yang penting saya rasa, bukan sahaja kerana kualiti pendidikannya, tetapi juga SJK (C) mempunyai kekuatan, seperti pelajar akan menguasai tiga jenis bahasa, kalau berbanding dengan sekolah kebangsaan. Yang kedua, bahasa ibunda selalunya adalah akar atau *root* kepada budaya. Jadi, seperti di SJK (T), walaupun setelah Matematik dan Sains, diajar dalam bahasa Inggeris, lebih ramai lagi ibu bapa India menghantar anak mereka ke sekolah Tamil.

Mereka lebih suka sekolah Tamil kerana budaya di sekolah itu. Mereka dapat juga mempelajari budaya Tamil dan ini adalah satu faktor yang sangat penting. Tidak wujud di sekolah rendah kebangsaan. Jadi, saya rasa, kami tidak bantah hendak memperkasakan sekolah kebangsaan. Kami pun sokong kalau ia boleh memupuk perpaduan kaum. Tetapi, saya rasa apa yang dijalankan sekarang, tidak dapat mencapai tujuan itu. Apakah pendapat, Yang Berhormat?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya terkejut apabila melihat hujah Yang Berhormat yang membincangkan berhubung kait dengan budaya, lebih-lebih lagi dalam konteks SJK (C) kerana satu-satunya aspek yang

dipertahankan oleh SJK (C) ialah identiti SJK (C) itu sendiri. Jadi, dalam konteks budaya yang dibangkitkan berhubung kait dengan sekolah Kebangsaan, jelas bahawa dalam konteks SJK (C), pejuang pendidik Cina tidak menyokong hujah yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, dalam konteks sekolah kebangsaan, memang hasrat kita untuk memperkasakannya merupakan agenda yang kita tekankan masa pilihan raya dan konteks budaya, suasana persekitaran merupakan satu aspek yang memang akan memastikan situasi dan suasana itu *conducive* kepada objektif matlamat kita untuk menyatupadukan melalui sekolah, menyatupadukan murid-murid pelbagai kaum, latar belakang dan agama melalui sekolah.

Tetapi dalam konteks budaya, ianya mengambil masa. Isu ibunda saya akan sebut selepas ini. Isu PPSMI akan dibangkitkan dalam konteks '*stamp*' yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tetapi dalam konteks budaya dan suasana persekitaran, sememangnya boleh kita masukkan dalam aspek, apa yang saya senaraikan tadi tetapi pulangnya atau manfaatnya sama ada ianya dapat dikecapi atau tidak, banyak juga bergantung kepada sikap, sikap kepada semua pihak – ibu bapa, guru, pemimpin-pemimpin masyarakat, parti-parti politik sama ada parti kerajaan ataupun parti-parti Pembangkang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah, Yang Berhormat Menteri, seorang tokoh muda yang begitu berdedikasi dalam melahirkan isu pendidikan ini.

Saya faham dan rakan-rakan lain pun faham, mungkin mereka sengaja tidak hendak faham. Tentang memperkasakan sekolah kebangsaan, kita setuju kerana itu adalah sejarah yang kita tuntutan dan pihak-pihak yang lain mestilah menerimanya kerana ini yang dituntut dalam kemerdekaan. Memperkasakan sekolah kebangsaan, kita tidak nafikan kerana prestasi sekolah kebangsaan pada hari ini kita lihat setelus dan lebih telus, sudah terang lagi disuluh macam yang digambarkan oleh Yang Berhormat Menteri

tadi, dengan pelantikan-pelantikan guru berijazah untuk menjadi guru-guru besar dan sebagainya.

Saya tidak nampak mengapa Pembangkang jadikan isu ini untuk memporak-perandakan lagi perpaduan yang begitu kukuh, seolah-olah menggambarkan kita memperkasakan sekolah kebangsaan ini hilang realiti budaya bangsa lain. Kawasan saya pun ada berbilang bangsa. Saya bagi contoh kepada rakan-rakan di sebelah sana, kalau hendak sebut isu tentang sekolah jenis kebangsaan ini.

Kawasan saya, sila ambil perhatian, di Parlimen Larut, ada sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) – saya ulang, Sekolah Kebangsaan Cina tidak ada pelajar Cina, tidak ada, Yang Berhormat. Yang ada, pelajar keturunan Siam yang menjadi rakyat, penduduk dalam kawasan Parlimen saya di Batu Kurau. Yang belajar di sekolah itu – saya tidak ingat, lebih kurang tidak sampai 40 orang Melayu, orang Siam. Tetapi tidak pernah pun kami mendesak supaya sekolah ini ditutup. Agaknya kalau di sebelah sana, dia sudah suruh tutup. Buat apa? Tidak ada pelajar Cina.

Jadi di mana yang menjadi ketakutan? Ini agaknya Pembangkang takut kepada bayang-bayang. Sudah tidak ada modal hendak berpolitik agaknya. Ada yang lari pindah memindah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ..cari kawasan selamat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut, apakah soalnya?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Inilah soalnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan saya, adakah hilang realiti, identiti, budaya bangsa-bangsa yang lain, seolah-olah apabila kita memperkasakan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan ini makin lama makin terhakis dan terhapus. Mereka takut kepada bayang-bayang. Sebab itu saya bagi contoh. Kalau saya terikut-ikutkan rentak atau tempo macam Yang Berhormat sebelah sana ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ....saya mendesak suruh tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebab tidak ada pelajar-pelajar daripada kalangan masyarakat Cina, tetapi kita tidak berbuat demikian kerana kita insaf, kita sedar inilah budaya Malaysia yang terbaik, yang tidak ada di mana-mana negara yang lain. Jadi Yang Berhormat, teruskanlah, Yang Berhormat, teruskan. Kita berada di sini, kita sokong. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, macam sudah baca apa ucapan penggulungan saya ini sebab perenggan yang kemudiannya saya hendak nyatakan di sini, bahawa pada masa kita memperkasakan sekolah kebangsaan, kerajaan sama sekali tidak akan melupakan kedudukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang sedia ada seperti yang dibimbangi oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Sandakan, Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

SRJK(C) dan SRJK(T) terus berperanan dan memberi pendidikan kepada anak-anak seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Jadi Yang Berhormat jangan bimbanglah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa kualiti sistem pendidikan akan menentukan masa depan...

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Mas, Kubang Kerian dan Bukit Mertajam, mana satu?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelajaran, rakan saya sebagai Ketua Pergerakan



Pemuda UMNO Malaysia. Saya menyokong supaya sekolah kebangsaan ini diperkasakan. Itu sikap PAS selama-lamanya. Dan juga kita menyokong supaya SRJK(C) dan SRJK(T) ini juga diberikan perhatian. Saya pernah membuat kenyataan bahawa kalaulah dalam satu kawasan bandar, sekolah-sekolah Cina ataupun Tamil ini memerlukan pembesaran, itu juga mesti diambil perhatian. Itu sikap kita yang jelas.

Cuma satu saya mengharapkan kepada rakan saya, Yang Berhormat Menteri, supaya janganlah melupakan sekolah agama rakyat yang juga hidup dalam negara kita, yang seharusnya kita melihat bahawa pendemokrasian pendidikan itu juga mesti diperkasakan. Jadi kalau mengikut apa yang saya lihat, akibat mungkin daripada suatu tindakan yang tidak begitu cermat, sekolah agama rakyat ini telah mati secara beransur-ansur, perlahan-lahan.

Jadi saya mengharapkan bahawa dengan kesempatan ini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya melihat kembali sekolah-sekolah ini, sekolah anak bangsa kita yang telah memberikan jasa yang cukup besar kepada pembangunan insan dalam negara kita. Itu pandangan saya, terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Cuma saya tidak bangkitkan sekolah agama rakyat kerana perkara ini tidak timbul dalam perbahasan titah diraja kali ini, tetapi sememangnya ianya merupakan satu lagi kategori sekolah yang di bawah pemerhatian kita di kementerian dan di bawah pemerhatian saya sendiri. Tetapi mungkin dalam perbincangan perbahasan yang lain kita boleh bincangkan dengan lebih terperinci kerana penggulungan ini berkisar kepada apa yang dibangkitkan oleh wakil-wakil rakyat semasa perbahasan lebih awal tadi. Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, adakah kerajaan rela *adopt* prinsip "Kepimpinan Melalui Teladan" di mana mewajibkan semua pemimpin dan tokoh-tokoh Kerajaan Barisan Nasional, khasnya menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha Parlimen mereka menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan sama ada peringkat rendah atau peringkat menengah [*Tepuk*] oleh kerana kita tahu bahawa ada tokoh-tokoh dan menteri-menteri pun, anak-anak mereka tidak dihantar ke sekolah kebangsaan oleh kerana mereka pun tidak yakin

sistem kebangsaan itu. Sebagai langkah utama, wajibkan semua tokoh kerajaan mesti hantar anak mereka di peringkat rendah atau menengah.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kerana ini memberikan ruang untuk saya mempromosikan sekolah anak saya sendiri, Sekolah Bintang Utara di mana dua orang anak saya berada dan *waiting list*, dengan izin, tiga tahun sekolah kebangsaan. *[Disampuk]* Tetapi berkaitan dengan pendidikan seperti Yang Berhormat pun tahu, ianya merupakan keputusan peribadi kerana anak-anak mereka bergantung kepadanya. *[Disampuk]*

Kita yakinkan dan banyak sebab yang diberikan, kalau ada juga permohonan-permohonan daripada parti pembangkang yang minta kita memberi pertimbangan kerana situasi-situasi tertentu meminta mereka berada dalam sekolah-sekolah tertentu. Dari segi perikemanusiaan dan situasi berkenaan, manusia ini pelbagai, latar belakang mereka pelbagai, masalah yang dihadapi secara peribadi atau tidak juga pelbagai. Menteri-menteri atau wakil-wakil rakyat...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Biar saya habis dahulu, Yang Berhormat. Wakil rakyat dan menteri juga merupakan ibu dan bapa kepada murid mereka dan saya percaya mereka hendakkan pendidikan yang terbaik untuk mereka. Ini bukan tempat kita untuk saya wajibkan. Kalau saya hendak wajibkan, tidak guna kita cuba meyakinkan orang dari segi konteks agenda memperkasakan seperti layanan kita kepada orang biasa.

Dari segi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dari segi budaya, ianya berpunca kepada persepsi, dan kalau sekiranya Yang Berhormat terus terbelenggu dengan perbincangan berkaitan dengan aliran-aliran sekolah tertentu, terbelenggu dengan perbincangan berkait dengan bahasa ibunda, terbelenggu dengan keadaan melihat Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ini sebagai satu kategori yang disamakan dengan sekolah kebangsaan, walhal kita tahu bahawa jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) hanya 1,287 kalau hendak dibandingkan dengan 5,700 sekolah kebangsaan.

Dalam hal ini, saya cukup tegas bahawa sesungguhnya keputusan-keputusan peribadi mana-mana pihak termasuk Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Ipoh Timor.

Itu merupakan hak mereka. Tugas saya sebagai Menteri ialah untuk meyakinkan semua termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Pembangkang yang mungkin tidak hantar anak mereka ke sekolah kebangsaan khususnya dari Yang Berhormat Seputeh yang mengatakan sekolah kebangsaan kita tidak berkualiti dan akhirnya percaya bahawa sekolah kebangsaan kita mampu memberikan pendidikan yang terbaik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu salahkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk menteri-menteri yang hantar anak mereka ke sekolah yang bukan kebangsaan, saya tidak mahu namakan mereka pun. Oleh kerana itu, saya setuju, itulah pilihan peribadi, *the best education* untuk anak mereka. Itulah kriterianya dan kalau dari segi itu kita boleh lihat masalah pendidikan yang kita hadapi sama ada sekolah kebangsaan atau SRJK(C) dan (T) dan bukan dengan emosi kata itulah aliran, belenggu. Siapa yang dibelenggu? Oleh apa? Saya pun tidak tahulah. Saya rasa tidak produktif untuk kita bahaskan di sini – siapa yang dibelenggu? Sama ada Yang Berhormat Menteri sendiri atau pihak di sini dibelenggu tetapi apa yang mustahak ialah pilihan peribadi iaitu satu sistem persekolahan yang terbaik sekali, yang dilihat, dinilai oleh ibu bapa.

Itulah kriteria dan sama ada kita boleh memperkasakan sekolah kebangsaan supaya dia boleh menjadikan sekolah pilihan atau tidak, itulah kriterianya. Jangan mendoakan ketaksetiaan ibu bapa atau anak-anak oleh kerana pilihan mereka. Kalau tidak mahu buat begitu, kita perlu mendoakan kesetiaan menteri-menteri dan tokoh-tokoh Barisan Nasional dan hantar anak mereka kepada sekolah yang bukan sistem kebangsaan, jangan kita buat begitu.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Okeylah, kalau Yang Berhormat tidak berproduktif, tidak guna kita bahaskan dalam isu ini. Boleh saya teruskan dengan ucapan saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sila.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor – *once in a while*, dengan izin, bahawa kualiti sistem pendidikan akan menentukan masa depan negara. Sememangnya meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan merupakan agenda perdana Kementerian Pelajaran dan ini jelas terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sekejap ya Pasir Mas, biar saya habiskan ini dahulu. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mencabar saya selaku Menteri Pelajaran untuk melakukan kononnya *education revolution*, dengan izin. Yang Berhormat mempunyai persepsi bahawa apabila disebut revolusi, bermakna kita mestilah melakukan perubahan secara drastik dan melakukan perubahan segala-galanya. Tetapi Yang Berhormat, isu pendidikan ialah soal untuk membentuk insan. Jika tidak berhemah dan berhati-hati, akhirnya akan merosakkan sama sekali seluruh tamadun bangsa yang telah kita bina selama ini. Tambahan pula, dalam konteks negara kita yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum dan agama, kita sentiasa mengambil kira sensitiviti dan juga kepentingan seluruh rakyat agar tiada golongan yang terpinggir. Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Saya tertarik dengan apa yang telah dibincangkan sekejap tadi dan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Pada pandangan sayalah, saya rasa masalah memperkasakan itu mesti dilihat kepada dalaman, bukan memperkasakan ertinya dengan kehadiran ramai daripada pelajar Cina, India ke sekolah kebangsaan, bukan itu sahaja walaupun itu matlamat kita.

Tetapi matlamat kita kepada kualiti sekolah di mana memperkasakan iaitu guru-guru di sekolah kebangsaan itu mesti diperkasakan melalui guru-guru yang terlatih, guru-guru yang melalui kursus-kursus, berpengalaman dan sebagainya sehinggakan melahirkan pelajar-pelajar kita yang mempunyai sahsiah, mempunyai keperibadian, mempunyai akhlak yang baik. Pada pandangan saya, itu maknanya memperkasakan, memperkuatkan sekolah kita. Bukan ertinya memperkasakan sekolah kebangsaan dengan kehadiran lebih ramai pelajar-pelajar Cina kerana kita juga memperakui bahawa peranan sekolah-sekolah Cina di negara kita ini besar, jadi kita bagilah hak dia.

Saya rasa tidak menjadi masalah kita bagi kepada mereka, kepada pelajar-pelajar Cina di sekolah Cina dan kita bagi pelajar India di sekolah India. Tinggal laginya, dan kalau kita boleh menghantar guru-guru kita, guru-guru bahasa Malaysia yang berpengalaman untuk mengajar pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda di

sekolah-sekolah mereka. Bahasa ini sebenarnya saya tengok, dari segi amalan atau dari segi praktikalnya, di Kelantan sekolah Cina – di Pasir Mas ada sekolah Cina, di Wakaf Baharu ada sekolah Cina, di mana-mana ada sekolah Cina. Tetapi saya lihat bagaimana orang Cina boleh bertutur bukan sekadar bahasa Malaysia tetapi boleh bertutur dengan bahasa Kelantan yang fasih. Bukan sahaja bahasa Malaysia, boleh bertutur dengan bahasa Kelantan yang fasih dan saya melihat ada sebuah kolej Islam di Kelantan di mana ada satu subjek bahasa Cina dan saya melihat bahawa pelajar-pelajar Kolej Islam Kelantan itu memang boleh menguasai bahasa Cina, jadi tidak ada masalah.

Tinggal lagi biar kita ada kesungguhan, kita perkukuhkan sekolah kebangsaan kita dengan pelajaran-pelajaran yang boleh membina keperibadian pelajar-pelajar. Bila orang tengok baik, maka orang akan hantar anak. Misalnya rumah kita, barangkali Yang Berhormat lebih arif daripada saya tentang perkara-perkara sedemikian. Kalau rumah kita ceria, isteri kita ceria, kita pun ceria, ramai tetamu datang tetapi kalau kita masam muka, sudah tentu tetamu pun tidak mahu datang. Jadi perkasaan itu menunjukkan bahawa kita memperkasakan guru-guru kita sehingga pelajar-pelajar kita menjadi modul, contoh kepada orang lain, dengan sendirinya pelajar-pelajar lain boleh ikut sama. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pertamanya saya menjemput Yang Berhormat Pasir Mas datang ke rumah saya, nanti salah anggap bahawa saya ini tidak ceria pula. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Pasir Mas tetapi apa yang saya jawab tadi adalah berhubung kait dengan agenda kita untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Ini bukan hanya satu-satunya agenda yang kita hendak perjuangkan sama ada di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sama ada melalui pilihan raya janji-janji kita yang baru kita lalui atau dalam perancangan kita untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Memartabatkan profesion perguruan merupakan agenda utama kita juga. Mengeratkan dan mengurangkan jurang di antara sekolah luar bandar dan di bandar dalam semua segi merupakan agenda utama kita juga. Melihat pendidikan dan pelajaran bukan sahaja dalam konteks akademik tetapi pembangunan yang holistik – mengambil kira kurikulum, mengambil kira pembangunan sukan juga merupakan agenda kita. Saya setuju bahawa semua ini mesti diambil kira dan dilihat sebagai satu

ingredient dalam kita memperkasakan sekolah kebangsaan. Tetapi bila saya jawab tadi, ia menumpukan kepada agenda memperkasakan sekolah kebangsaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dungun dan juga Ayer Hitam.

Yang Berhormat Ipoh Timor juga telah membangkitkan tentang pencapaian negara dalam ujian *Trans in International Mathematics and Science* (TIMS) dengan izin. Beliau telah melahirkan kebimbangan kerana pencapaian kita dalam Sains dan Matematik tidak mengatasi lima negara Asia lain iaitu Singapura, Korea, Hong Kong, Taiwan dan Jepun. Memang kita akui tetapi bagi saya dan bagi kementerian yang lebih penting, terdapat peningkatan pencapaian negara kita dalam TIMS 2003 berbanding TIMS 1999.

Dalam Matematik, Malaysia menduduki tempat kesepuluh daripada 50 negara peserta berbanding tempat 16 dalam TIMS 1999. Malahan negara kita mengatasi beberapa negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat dan New Zealand. Skor purata pelajar mereka dalam Matematik ialah 508 berbanding skor antarabangsa iaitu 467 dan perbezaan ini adalah *significant*. Dalam Sains pula, Malaysia menduduki tempat ke 20 berbanding tempat 22 TIMS 1999. Skor purata pelajar dalam Sains pula ialah 510 berbanding skor purata antarabangsa iaitu 474.

Mengenai keraguan bahawa penggunaan bahasa pengantar akan mempengaruhi pencapaian tersebut dan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris boleh menjejaskan pencapaian pelajar Malaysia berdasarkan kajian tersebut. Tidak ada bukti yang benar-benar *significant*. Memanglah Jepun, Korea dan Taiwan menggunakan bahasa ibunda masing-masing tetapi bagaimana pula dengan Singapura yang menggunakan bahasa Inggeris dan berada di tempat pertama dalam kedua-dua mata pelajaran.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Dato' Hishammudin bin Tun Hussein:** Negara-negara seperti Norway dan Itali....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timor bangun.

**Dato' Hishammudin bin Tun Hussein:** Biar saya habiskan dahulu! Negara-negara seperti Norway dan Itali juga menggunakan bahasa masing-masing dalam

sistem pendidikannya tetapi berada di kedudukan lebih bawah daripada negara kita. Sesungguhnya saya menaruh keyakinan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dalam kedua-dua subjek tidak akan menjerumuskan Malaysia seperti kedudukan Afrika Selatan di dalam konteks ujian tips tadi, ya Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa kerajaan atau Kementerian Pelajaran ada sikap selalu bahawa mahu membandingkan dengan negara dan bukan negara yang terbaik tetapi dengan negara yang tidak begitu baik, oleh kerana sungguhpun negara-negara Barat, US dan Eropah negara-negara yang membangun tetapi dalam pencapaian matematik dan sains mereka dianggap bahawa mereka bukan yang terbaik sekali dan itulah satu *benchmark*, tidak terbaik sekali, kenapa kita begitu bangga dengan berbanding dengan mereka yang begitu baik apabila kita perlu ada *benchmark* yang tertinggi dan berbanding yang terbaik sekali di dunia.

Kedua, bukankah benar bahawa Singapura, satu kes yang khas oleh kerana sungguhpun bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa penghantar, ia boleh dianggap sebagai bahasa keluarga, *family language* di mana murid-murid tidak rasa asing dalam menguasai bahasa yang kedua di peringkat permulaan dan tidak menghalang mereka mendapat *thinking skill* oleh kerana tentulah Yang Berhormat Menteri tahu mengenai contoh Afrika Selatan di mana adalah *result* yang terendah sekali dan kita tidak mahu menjadi South Africa dalam *result teams*.

Akhirnya adalah Yang Berhormat Menteri rela umumkan semua kajian ada yang dibuat mengenai menggunakan Bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains supaya ia menjadi satu perbincangan oleh orang ramai sama ada ibu bapa atau mereka yang prihatin mengenai pelajaran?

**Dato' Hishammudin bin Tun Hussein:** Pertamanya saya tidak bandingkan negara kita dengan negara-negara yang bukan maju atau lebih rendah daripada kita dan sememangnya *benchmarking* kita seharusnya yang terbaik. Tetapi apa yang saya tekankan tadi ialah berhubung kait dengan peningkatan pencapaian. Kalau kita hendak sampai kepada tahap terbilang kita tidak boleh dengan sekelip mata datang bergolek dan datangnya melayang tetapi peningkatan yang disebutkan di antara *teams* 1999 dan *team* 2003, nampak jelas bahawa apa yang kita lakukan itu menunjukkan pencapaian yang lebih baik.

Keduanya berhubung kait dengan bukti-bukti benar dan signifikan yang disebutkan oleh Ipoh Timor tadi. Hendak bukti apa lagi? Ini merupakan satu ujian, kajian yang dibuatkan oleh satu institusi antarabangsa dan sememangnya ada lagi laporan-laporan yang kita lakukan dan saya tidak ada masalah untuk menyampaikan kepada Yang Berhormat pun kerana selain *teams* sebenarnya kita menyertai beberapa program di peringkat antarabangsa untuk mengukur pencapaian pelajar, contohnya projek World Education Indicators (WEI) yang dibuat oleh UNESCO dan OECD. Kita nyatakan perkara ini tetapi berkaitan dengan *teams* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri, sebab itu saya jawab pada hari ini. Kalau ada laporan-laporan atau ujian-ujian lain yang diperlukan oleh Yang Berhormat, saya tidak keberatan untuk menyampaikannya.

Berhubung kait dengan PPSMI seperti saya jawab pada hari Isnin hari itu banyak kajian yang telah pun kita buat berperingkat-peringkat. Tetapi pada hari ini yang paling penting sekarang ialah untuk kita laksanakan kajian terbaru berhubung kait dengan pelaksanaannya. Ini telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan inilah kajian yang sedang kita lakukan dan apabila sudah siap nanti, saya boleh bantangkan dan kita boleh umumkan kepada orang ramai. Sila, Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya juga ingin berbincang dengan Yang Berhormat Menteri tentang *point* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang iaitu penggunaan bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik. Beberapa minggu yang lalu Kongres Pendidikan Melayu Kedua dijalankan dan ditutup oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya lihat Yang Berhormat Menteri ada bersama di program tersebut dan sebagaimana kita baca dalam akhbar, satu resolusi yang penting dalam Kongres Pendidikan Melayu Kedua itu sekali lagi menyeru supaya kerajaan menukar dan merombak balik dasar untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Yang menarik antaranya di sini ialah reaksi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan mungkin juga Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu dengan menjawab bahawa kita tidak boleh tergesa-gesa membuat keputusan yang diminta itu.



Yang saya hendak tanya daripada Yang Berhormat Menteri ialah bahawa pada pandangan saya keputusan asal untuk menukar daripada bahasa kebangsaan kepada bahasa Inggeris itu keputusan yang tergesa-gesa. Saya ingin menanya sama ada kementerian pada ketika itu Kementerian Pendidikan ada mengadakan penyelidikan atau kajian ataupun apa-apa bentuk kajian yang jelas yang menyatakan bahawa kerana anak-anak kita belajar Inggeris, belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Mandarin, dalam bahasa Tamillah, kita lemah Matematik dan Sains maka itu suatu pendirian hasil daripada kajian tahun 1999 dan sebagainya, itu saya fikir saya memohon pandangan dan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Keduanya, jika apabila sebagaimana yang dijanjikan kementerian akan kaji sekarang ini maka jika kajian itu mendapati bahawa tidak berkesan atau merugikan anak-anak kita, adakah kementerian akan dengan segera mengambil tindakan. Dalam segi segera ini adakah kementerian hari ini menetapkan satu jangka masa yang tertentu dengan izin, *time frame*, bila keputusan muktamad akan diambil, bila kajian akan selesai dan bila dasar baru atau dasar sekarang akan ditetapkan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Dato' Hishammudin bin Tun Hussein:** Pertamanya pandangan merupakan pandangan Yang Berhormat bagi Tumpat sama ada kita tergesa-gesa atau tidak. Keduanya, dalam kaedah kita hendak melaksanakan PPSMI tidak ada *precedent* menggunakan ICT dunia yang sentiasa berubah dan saya rasa sempat meninjau di United Kingdom, di negara-negara tertentu berhubung kait dengan pelajaran dan juga pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris menggunakan ICT yang terkini. Apa yang kita sebutkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya, kami berdua telah menyatakan bahawa tiga tahun atau 2 1/2 tahun pelaksanaan PPSMI terlalu awal untuk kita membuat satu keputusan.

Keduanya, berhubung kait dengan perkakasan yang telah kita hantar dan kita salurkan kepada sekolah-sekolah mulai hari itu *note booknya* dengan LCD *projectornya* dan panjang lebar. Hari Isnin telah saya jawab dari segi kesan-kesan dan kajian-kajian, prestasi yang telah ditunjukkan dan sebenarnya *cohort* yang telah melalui PPSMI ini mengambil masa pasal tidak ada *cohort* yang telah mula dengan PPSMI ini sudah sampai kepada tahap peperiksaan umum. Sebab itu yang saya sebutkan awal ucapan

saya tadi, dalam apa jua tindakan yang kita ambil sebenarnya kita tidak boleh dengan tergesa-gesa dan menyatakan bahawa ianya perlu diubah sebegitu rupa.

Daripada pandangan orang ramai, daripada pandangan wakil rakyat, dari pandangan ahli-ahli kongres sendiri pun telah mengatakan bahawa dari segi dasarnya mereka tidak pertikaikannya. Yang penting sekarang ialah dari segi pelaksanaan dan pelaksanaan yang saya hendak nyatakan di sini bahawa tidak ada *precedentnya* di luar.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dato' Hishammudin bin Tun Hussein:** Sekejap ya Kepong...tidak ada *precedentnya*. Ini merupakan satu perkara yang telah pun kita bincangkan panjang lebar dan kajian yang kita sebutkan tadi memang saya anggapkan satu amanah yang perlu dilaksanakan oleh kementerian dan oleh saya sendiri. Bila siapnya kajian ini nanti, kita boleh bincangkan dengan lebih mendalam lagi, ya sila Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita di sini pun.... semua orang mesti menolong untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di semua kawasan termasuk di luar bandar, itu kita setuju. [*Ketawa*] Dia Tidak setuju? Dia Tidak setuju Yang Berhormat.

Yang Berhormat, Kongres Pendidikan Melayu Kedua memberi satu angka bahawa pencapaian tidak begitu baik tetapi pada 5 haribulan ini, Yang Berhormat kata tahap PPSMI didapati meningkat. Tadi Yang Berhormat kata kajian itu terlalu awal, 'cohort' itu tidak serupa, tiada presiden dan sebagainya. Macam mana Yang Berhormat boleh kata ini sudah meningkat? Apakah kriteria yang digunakan? Mengapa ada perbezaan dengan angka Ketua Pengarah Pelajaran waktu kongres itu? Apakah perbezaan itu? Beberapa hari kemudian kita sudah meningkat. Ha, ini saya tidak mempertikaikan cara-cara untuk kita hendak membuat kajian dan sebagainya, cuma berilah kita tahu apakah standard dan kriteria yang digunakan untuk kajian-kajian ini. Tidak ada kajian?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Biar saya ulangi apa yang saya sebut berhubung kait dengan kenyataan KPPM atau Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia yang baru-baru ini telah melaporkan hasil kajian terbaru di antara enam kajian yang telah kita buat.

Didapati murid tahun satu cepat menyesuaikan diri, pencapaian bagi semua mata pelajaran yang terlibat adalah pada tahap memberangsangkan. Purata skor bagi mata pelajaran Sains ialah 69.3%, Matematik 77.4% dan Bahasa Inggeris 77.7%. Didapati juga pencapaian murid tahun satu di sekolah-sekolah luar bandar mampu menyaingi pencapaian rakan-rakan mereka di bandar.

Apa yang kita bimbang sedikit sebaliknya murid di tingkatan satu menghadapi sedikit masalah untuk menyesuaikan diri menyebabkan purata skor mata pelajaran Sains pada tahap 59.2%, Matematik 58.2% dan Bahasa Inggeris 61.0%. Bagaimanapun kita lihat kesan positif bila kita kaji dari segi kesannya dalam tahun kedua.

Berhubung kait dengan kajian yang dibuat dan yang dibentangkan di peringkat kongres baru-baru ini, saya juga menyebut dalam sebuah akhbar berhubung kait dengan kajian-kajian yang dibuat, ia tidak merumuskan bahawa itu tidak akan menjadi suatu realiti keciciran yang disebutkan dan angka yang diberikan. Ia merupakan suatu andaian dan andaian itulah yang menyebabkan ramai keliru berhubung kait dengan status sebenar PPSMI, yang saya cuba jelaskan melalui wawancara yang saya buat dengan pihak Utusan dan juga dengan jawapan yang saya berikan ke pihak Dewan yang mulia ini.

Sebab itu Yang Berhormat banyak lagi perkara-perkara yang saya nak gulung pada hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, sama ada laporan bahawa setengah juta anak-anak murid Melayu akan tercicir oleh kerana PPSMI tetapi soalan saya ialah dalam sidang Kongres Pendidikan Melayu yang kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata beliau rela untuk mengkaji semula dasar itu oleh sebab pada pandangannya yang dikemukakan dalam Kongres itu tetapi kenapa dalam tidak sampai lima hari, Kabinet sudah buat keputusan bahawa dasar ini akan diteruskan.

Bukankah ini sudah tutup pintu yang dibuka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kedua adakah Yang Berhormat Menteri rela sokong satu usaha untuk mengadakan satu *Parliamentary Select Committee* mengenai pendidikan yang boleh menangani isu semacam ini dan dapat maklumat dan kajian yang lebih mendalam mengenai kejayaan atau kegagalan PPSMI.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tidak benar apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa beliau akan mengkaji semula atau setuju dengan pengkajian semula dasarnya. Yang beliau nyatakan adalah kita, saya, Kementerian Pelajaran diarahkan untuk melihat dan membuat kajian dari segi ehsan PPSMI ini dan memahami bahawa ia terlalu awal pada hari ini untuk menyatakan 100% bahawa ia tidak berjaya.

Ia juga merupakan satu kesedaran bahawa kajian yang dibuat tadi seperti yang saya sebut merupakan satu andaian dan andaian itu perlu diperkukuhkan dengan kajian yang mempunyai *imperative evidence*, angka-angka, fakta-fakta sebelum kita membuat apa jua keputusan. Boleh saya teruskan? Tunggu kita buat kajian ini dululah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Menyampuk*]

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Dalam hal yang berhubung kait dengan anak-anak saya, saya tidak minta maaf. Kita buat kajian, berapa ratus kajian pun kita buat berapa ratus kajian. Kalau hendak kata saya degil, degillah tetapi anak saya terlibat dan lebih baik kita buat satu kajian untuk melihat keberkesanannya, satu keputusan yang berani yang menggunakan ICT yang tercanggih untuk ingin melonjakkan anak-anak kita ke tahap yang lebih tinggi. Tetapi kalau ia merupakan keberkesanan, kakasan itu kita boleh betulkan. Jadi kalau hendak buat kajian saya tidak minta maaf, saya buat kajian. Tetapi yang penting ialah kedudukan anak-anak kita dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dunia yang tanpa sempadan pada hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein** Yang Berhormat, isu Kementerian Pelajaran ini kalau saya benarkan begini Yang Berhormat tak habis kita pada malam ini.

**Seorang Ahli:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ketua Pembangkang, hormatlah sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya dah jawab tadi, saya dah jawab tadi. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung. Isu mengenai pembangunan prasarana pendidikan mendapat perhatian ramai Ahli Yang Berhormat, antaranya Yang

Berhormat bagi Dungun, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Tenom, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat bagi Kapit dan Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan, kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan infrastruktur pendidikan sama ada di kawasan bandar ataupun di luar bandar. Antara pendekatan kerajaan ialah memperluaskan program pembekalan kemudahan asas, melaksanakan projek baik pulih dan naik taraf infrastruktur fizikal sekolah dan melaksanakan program pembangunan pendidikan luar bandar Sabah dan Sarawak yang berkaitan dengan bekalan air, bekalan elektrik, bilik darjah dan projek rumah guru.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan jurang di antara bandar dan luar bandar akan terus ditangani melalui usaha meningkatkan infrastruktur, menangani masalah penempatan guru, kekurangan guru dan juga mengurangkan jumlah murid dalam bilik darjah. Berhubung dengan pembangunan prasarana bagi sekolah jenis kebangsaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat bagi Padang Serai, Yang Berhormat bagi Sandakan dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sesungguhnya tidak semua sekolah jenis kebangsaan di negara ini adalah berstatus sekolah bantuan kerajaan tetapi merupakan sekolah kerajaan sepenuhnya.

Saya kesal kerana terdapat pihak yang cuba memberi gambaran bahawa semua SJK(C) dan SJK(T) adalah sekolah bantuan kerajaan. Manakala semua SK adalah sekolah kerajaan dan dakwaan kerajaan tidak bersikap adil terhadap SJK(C) khususnya. Bagi peruntukan pengurus, jumlah yang disalurkan adalah diberikan secara sama rata, sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru dan gred sekolah tersebut.

Peruntukan pengurus yang disalurkan kepada sekolah-sekolah adalah merangkumi antaranya emolumen, elaun guru, bayaran utiliti, pemberian bantuan per kapita, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sepanjang tempoh 2001 sehingga 2005 jumlah peruntukan mengurus yang telah diberikan oleh kerajaan adalah sebanyak RM 24 bilion.

Daripada jumlah tersebut RM4.2 bilion ringgit kepada SJK(C) dan RM1.7 bilion ringgit kepada SJK(T), RM18.5 bilion ringgit kepada Sekolah Kebangsaan. Manakala bagi peruntukan pembangunan pula sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2005 kerajaan telah memperuntukkan belanja pembangunan sebanyak RM4.9 bilion bagi sekolah kerajaan termasuk sekolah kebangsaan, SJK(C) dan juga SJK(T). yang berstatus sekolah kerajaan bantuan penuh serta RM133.6 juta bagi SJK(C) dan RM57.6 juta bagi SJK(T) yang berstatus sekolah bantuan kerajaan atau bantuan modal.

Mengenai cadangan menambah sekolah asrama penuh atau dinaik taraf sekolah biasa untuk menampung pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Larut, Kementerian Pelajaran sedar bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh tidak lagi dapat menampung semua pelajar cemerlang. Perkara ini akan diteliti dan diberi perhatian khusus dalam RMK-9.

Berhubung dengan bantuan kepada pelajar miskin yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Kalabakan, Kementerian Pelajaran sentiasa memastikan dasar kelayakan dalam pemberian dipatuhi sepenuhnya supaya adil untuk membolehkan hanya murid-murid yang benar-benar layak sahaja menikmati faedah bantuan yang disediakan. Di sini saya menyeru ahli-ahli masyarakat khususnya Ahli-ahli Parlimen Yang Berhormat membantu kami terutamanya mengenal pasti murid-murid yang betul-betul layak di kawasan masing-masing yang tercicir daripada mendapat pelajaran yang disebabkan oleh kemiskinan dan seterusnya mengemukakan permohonan bantuan melalui sekolah berkenaan untuk pertimbangan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemantapan kurikulum persekolahan .....

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sedia kalau di kawasan sayalah terutamanya di kawasan yang merupakan kawasan luar bandar. Satu contoh saya berikan kepada Yang Berhormat yang saya minta supaya dinaikkan taraf berbentuk berasrama penuh kerana sebuah sekolah menengah spesifik saya sebut di sini yang baru dibuka pada tahun yang lalu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Kubu Gajah. Memang saya tidak menafikan serba lengkap tetapi masalahnya pelajar tidak cukup. Oleh kerana jarak tempat tinggal

yang begitu jauh, maka saya mencadangkan kalau boleh dijadikan sekolah asrama apa bentuk sekalipun dia boleh ambil daripada dua buah sekolah yang berhampiran untuk menampung kekurangan pelajar tersebut. Ini saya rasa boleh mengatasi juga apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Satu cadangan yang baik dan memang dalam pertimbangan kita daripada kita mewujudkan sekolah-sekolah asrama penuh yang baru mungkin kita naiktarafkan sekolah-sekolah yang sedia ada kurang murid ini untuk menyediakan kemudahan asrama penuh. Pandangan Yang Berhormat akan diambil kira khususnya sekolah yang disebutkan tadi. Sila.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa apabila dibangkitkan oleh Yang Berhormat Larut dia ada sekolah tetapi kekurangan murid tetapi di banyak tempat di taman-taman kediaman yang baru di tempat ...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat bukan kurang murid tetapi tidak ada murid, anak China tidak ada. Dengar betul-betul.

**Puan Chong Eng:** Ya, saya memang sudah kata juga. SRJK(C) memang menghadapi dua masalah. Yang pertama sekolah yang menghadapi masalah kekurangan murid, itu memang dikenal pasti dan hendak dipindahkan sekolah tetapi tidak dapat. Yang kedua ialah di tempat seperti di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di mana ramai murid tetapi tidak ada sekolah. Saya hendak tanya mengapa apabila di satu tempat ada sekolah kekurangan murid boleh cepat diambil tindakan sama ada dinaik taraf menjadi sekolah asrama atau dengan langkah-langkah yang lain tetapi di sebelah tangannya mengapa ada kekurangan sekolah di Kuala Lumpur di Petaling Jaya SRJK(C) di Johor Bahru pun, tanyalah Timbalan Speaker dia tahu kerana kawasan dia pun menghadapi masalah. Walaupun Negeri Johor dimenangi oleh Barisan Nasional mengapa ada sikap seperti ini mengapa ada masalah seperti ini? Kalau ini adalah adil kalau Barisan Nasional adalah adil mengapa ada dua standard seolah-olahnya. Ada permintaan yang boleh dipenuhi tetapi ada permintaan di tempat lain tidak boleh dipenuhi. Apakah sebabnya? Mengapa tidak boleh membina SRJK(C) yang baru mengikut keperluan, mengapa, apakah sebabnya?.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Mengapa Yang Berhormat daripada DAP sentiasa berfikiran sempit? Kenapa apa jua isu yang dibangkitkan berkisar kepada SRJK(C)? Walhal saya sudah sebut tadi kita mempunyai 10,000 buah sekolah dan SJK(C) 1,287 buah ditolak 400 buah yang dapat bantuan modal penuh daripada kerajaan bermakna yang diperjuangkan oleh Bukit Mertajam cuma 800 buah sekolah. Kalau Yang Berhormat pergi ke Sabah dan ke Sarawak berapa puluh sekolah di sana dalam keadaan yang lebih daif lagi daripada sekolah-sekolah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. *[Tepukan gemuruh]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, boleh minta sedikit penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang pemikiran sempit, memang sempit dan songsang. Hendak perbetulkan Bukit Mertajam. Kalau ikut emosi, saya minta sekolah ini ditutup tetapi saya tidak minta Yang Berhormat. Pertamanya kerana tidak ada anak ..... *[disampuk oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tanpa memakai pembesar suara]*. Dengarlah dahulu. Ha tengoklah.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut kalau ada soalan sila tujukan kepada menteri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, kepada Yang Berhormat Menteri tetapi walaupun sekolah ini Yang Berhormat, nama sekolah ini ialah Sekolah Kebangsaan Jelai. Tidak jauh daripada situ ada satu lagi sekolah kebangsaan yang ini Sekolah Kebangsaan China, tidak ada anak dari kalangan masyarakat China. Yang ada pelajar Melayu dan pelajar Siam. Tetapi oleh kerana kita menghormati perpaduan yang utuh yang kita sama-sama amalkan, kita tidak tergamak Yang Berhormat. Kerana kita tidak tergamak, kita boleh cadangkan kalau kita hendak minta ditukarkan nama, tidak. Tetapi inilah pandangan busuk yang telah diutarakan tadi yang sengaja hendak mengapi-apikan lagi. Pada hal kita boleh tetapi kita tidak mahu kerana kita melihat perpaduan di kalangan kaum. Setuju tak Yang Berhormat kalaulah Bukit Mertajam tadi sibuk sangat susah-susah sangat, masuklah Barisan Nasional tidak payah kita berkokok dekat luar, masuk Barisan Nasional. Ini jadi macam tikus macam tikus apa pun tidak tahu.



Terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat tentang kekurangan yang masih perlu ditumpukan kepada sekolah-sekolah di luar bandar ini terutamanya supaya tidak berlaku..... [*Yang Berhormat Bukit Mertajam menyampuk*] Ha, tengoklah.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya kalau saya hendak hentam saya boleh hentam tetapi kita ini ada budi bahasa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hola hola hola. Haiya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya rasa supaya kekurangan ini kalau boleh Yang Berhormat dapat disegerakan sedikit. Kadang-kadang sekolah pun kurang peruntukan terpaksa minta daripada sekolah-sekolah lain. Saya percaya dan yakin bahawa kementerian akan terus memberikan perhatian kepada kekurangan kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar tadi. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Memang kita akan memberi tumpuan kepada sekolah luar bandar dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan China saya akan bincang dengan rakan-rakan saya dengan parti komponen Barisan Nasional kerana mereka tidak berfikiran sempit seperti pembangkang dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa sekolah SRJK(C) baru 1,287 buah dan bila dibandingkan dengan bilangan 5,000 buah untuk sekolah kebangsaan. Adakah beliau sedar bahawa 48 tahun dahulu semasa kemerdekaan bilangan persekolahan lebih kurang sama tetapi bilangan pelajar-pelajar untuk SRJK(C) dalam 48 tahun ini sudah dua kali ganda. Pada tahun 1957 lebih kurang 330,000 dan sekarang 660,000, dua kali ganda tetapi bilangan sekolah tidak bertambah. Sebenarnya ada kurang, bukannya ini satu contoh dan bukti bahawa ketidakadilan Barisan Nasional dalam melayani masalah sekolah ini dan bukannya Yang Berhormat Menteri patut menarik balik perkataan bahawa sikap sempit kita di pihak sini apabila kita mahu layanan yang adil oleh kerana dia sebenarnya dia pintas bukan sahaja kita di pihak sini MAC pun dan masyarakat Tionghua pun apa yang mereka mahu ialah keadilan bukan melebihi. Dan apa Yang Berhormat daripada Larut kata pun sangat menyakit hati. Itulah kita tidak mahu 'tokenism'.

Kita mahu layanan yang adil dan saya harap pihak Yang Berhormat Menteri menarik balik perkataan “sikap yang sempit” oleh sebab ini ditujukan kepada semua masyarakat, semua rakyat Malaysia yang waras, yang mahukan keadilan. Ini pun bertentangan dengan pendirian MCA – MCA mahu Sekolah SJRK(C) baru dibina mengikut keperluan tetapi sekarang mereka diam sahaja, kenapa? Ini, ini kita tidak mahu, kita tidak mahu macam menyalahkan MCA – mereka ada tujuan, mereka mahu *promotion*, mereka mahu mendapat tempat yang baik, jangan menggunakan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan masa untuk berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... ya, saya harap beliau boleh menarik balik kata-kata “sikap yang sempit” oleh sebab kalau tidak, beliau sendiri yang mempunyai sikap yang sempit, seorang Menteri yang bersikap sempit. Saya harap dia boleh tarik balik.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terserahkan kepada Yang Berhormat hendak panggil saya “sempit, tidak sempit”, saya tetap Menteri Pelajaran Malaysia dan saya akan terus ....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Beberapa Ahli DAP:** *[Bercakap dengan suara lantang ke arah kerusi Ahli-ahli Barisan Nasional]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya tengok Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bercanggah. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengatakan bahawa ada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang kurang murid, hendak dipindahkan sedangkan pada masa yang sama Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mahukan sekolah baru tetapi pada masa yang sama juga, kedua-dua wakil dari DAP tidak menyatakan berapa buah sekolah yang telah pun dipindahkan dengan persetujuan Barisan Nasional sebelum ini. Ini mengaburi mata masyarakat. Sebab itu saya kata, mereka dibelenggu dengan isu SJK(C) tanpa mengambil kira hakikat, realiti di mana kita telah pun berlaku adil, seadil-adilnya kepada mereka. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat Menteri, teruskan Yang Berhormat Menteri, jangan layan, jangan layan lagi.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua,

**Beberapa Ahli DAP:** *[Terus melontarkan kata-kata kepada Yang Berhormat Menteri ]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tak, tak, cukuplah, cukup. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kalau hendak berbahas dengan saya berdua, kami berdua satu hari ini, baik tunggu di luar kita bincang, membazirkan masa wakil-wakil rakyat yang membahaskan selama dua hari untuk hendak mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pelajaran dan banyak lagi kementerian-kementerian yang akan menggulung pada hari ini. Cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua ..... *[Masih terus disampuk oleh Ahli-ahli DAP] saya minta maaf, kalau hendak bincang dengan saya, bincang di luarlah, ya Allah. [Ketawa] [Beberapa Ahli DAP masih terus mengganggu]*

**Seorang Ahli:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Mengenai pemantapan kurikulum persekolahan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. *[Menegur Ahli-ahli DAP yang cuba mengganggu Yang Berhormat Menteri meneruskan ucapannya]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** ..... Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan Yang Berhormat bagi Padang Serai telah membangkitkan isu berhubung kurikulum persekolahan yang dikatakan terlalu berorientasikan peperiksaan dan mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran menyediakan kurikulum persekolahan yang lebih memberi perhatian kepada pendekatan kemahiran dan bina insan. Sebenarnya semakan semula KBSR dan KBSM yang telah bermula pada tahun 2000 menekankan kepelbagaian dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PNP) dalam usaha untuk menilai kejayaan seseorang belajar bukan berorientasikan pencapaian akademik semata-mata.

Setakat ini beberapa mata pelajaran seperti Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan serta Program Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada kerja-kerja amali dan berkonsepkan “*hands-on*” untuk menarik minat murid. Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga telah mewujudkan sistem persijilan atau pentafsiran modular atau

*modular assessment*, dengan izin, khusus untuk mata pelajaran MPV, juga bagi mengurangkan keutamaan kepada keputusan-keputusan peperiksaan.

Yang Berhormat bagi Larut menggesa agar penekanan harus diberi kepada murid-murid tentang budaya membaca dan belajar. Saya setuju, kerajaan memang mempunyai matlamat untuk menjadikan amalan membaca sebagai budaya dan amalan sepanjang hayat serta sehati dengan gaya hidup masyarakat Malaysia sebagaimana yang dituntut oleh masyarakat berilmu. Kementerian sedang menyelaraskan semua agensi yang berkaitan untuk merealisasikan matlamat ini. Ini termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara dan Institut Terjemahan Negara.

Mengenai konsep kekeluargaan, pendidikan Sains Kemasyarakatan dan pendidikan untuk pembangunan lestari seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Yang Berhormat bagi Santubong, ia diserap secara merentas kurikulum dalam mata-mata pelajaran tertentu. Sebagai contohnya, konsep kekeluargaan telah dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sivik dan Kewarganegaraan.

Berhubung Sains Kemasyarakatan, ada dinyatakan dalam mata pelajaran Kajian Tempatan, Sivik dan Kewarganegaraan, Geografi dan Sejarah manakala pendidikan pembangunan lestari juga terdapat dalam Kemahiran Hidup, Kajian Tempatan dan beberapa mata pelajaran yang lain.

Mengenai penguasaan murid-murid dalam 3M – membaca, menulis dan mengira seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun, pemantauan ini dilakukan melalui Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS), di mana murid-murid diuji pencapaian mereka dalam ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun. Murid-murid bermasalah akan disaring dengan menggunakan instrumen penentu penguasaan 3M – IPP3M. Murid-murid yang dikenal pasti tidak menguasai 3M diletakkan dalam kelas pemulihan khas. Saya sendiri telah mengarahkan Jabatan Pendidikan Khas untuk memantau perkembangan murid-murid dalam Kelas Pemulihan Khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengenai perluasan Mata Pelajaran Vokasional (MPV), sehingga tahun 2004, sebanyak 18 MPV sedang dilaksanakan di 341 buah

sekolah melibatkan 550 buah kelas yang melibatkan 20,000 orang murid. Program ini merupakan satu program bercorak kemahiran di Sekolah Menengah Harian sebagai kesinambungan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat sekolah menengah dan juga keluasan kepada pendidikan vokasional di Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional.

Bagi tujuan perluasan MPV, kementerian telah merangka beberapa strategi, iaitu sebanyak 200 bengkel baru MPV di Sekolah Menengah Harian akan dibina setiap tahun yang merangkumi dua kelas Tingkatan Empat dan dua kelas Tingkatan Lima bermula pada tahun 2006 hingga 2010 dengan jumlah maksimum murid sebanyak 25 orang setiap kelas. Dengan ini dalam tempoh lima tahun, sebanyak 1,000 bengkel MPV baru akan dibina untuk menampung lebih 100,000 atau 33,000 orang murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

Kementerian juga akan membekalkan peralatan bengkel mengikut spesifikasi yang telah disediakan bagi setiap MPV. Bilangan mata pelajaran ini juga telah ditambah daripada 18 mata pelajaran kepada 22 mata pelajaran di samping menghasilkan bahan sokongan kurikulum untuk guru dan murid bagi semua MPV.

Yang Berhormat, pelaksanaan MPV dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan dibawa ke RMK-9, iaitu sekolah dalam pembinaan dan memerlukan bengkel baru serta sekolah dalam perancangan.

**Dato' Razali bin Ismail:** *[Bangun]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu berhubung kait dengan. ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tadi yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tentang MPV – Mata Pelajaran Vokasional, bukan *multi-purpose vehicle*, ya *[Ketawa]* bahawa ada kesan-kesan yang cukup positif seperti mana yang telah disebut sebentar tadi. Ini didapati kerana banyak berlaku pembelajaran terhadap murid-murid itu – *a lot of learning rather than a lot of teaching*, dengan izin.

Maka dalam konteks ini, saya suka mencadangkan agar dalam mata-mata pelajaran yang lain juga harus diambil kira dari segi pendekatan metodologi, dari segi

pendekatan pedagogi agar banyak berlaku pembelajaran daripada banyak berlaku pengajaran daripada pihak guru sendiri. Sebab ini telah terbukti dengan kejayaan MPV itu di mana aktiviti yang bersifat *hands-on, time on task* dan kegiatan-kegiatan yang serupa ini, yang banyak membawa perubahan sikap, minda pelajar-pelajar kita. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu akan kita lihat dan teliti dengan bantuan input daripada Yang Berhormat, yang lebih pakar daripada saya dalam hal pendidikan ini. Saya rasa ianya boleh menjadi suatu kenyataan, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan pengajaran profesion perguruan. Kementerian sememangnya prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi guru dan usaha memartabatkan profesion ini terus diusahakan sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Dungun dan sebentar tadi Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Ke arah itu Kementerian Pelajaran telah menambah peluang kenaikan pangkat seperti mewujudkan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sehingga ke Gred JUSA, Jawatan Guru Cemerlang serta kenaikan secara *time base*, menyediakan kemudahan prasarana seperti kemudahan tempat tinggal, memberi insentif-insentif tambahan kepada guru-guru yang mengajar di luar bandar seperti elaun kesusahan di pendalaman bagi Sabah dan Sarawak serta elaun perumahan wilayah, selain daripada elaun tetap perumahan dan bayaran insentif subjek pendidikan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Dalam Rancangan Malaysia ke-9, kerajaan bercadang untuk menyediakan pelbagai insentif sebagai galakan kepada guru mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris dan Matematik untuk mengajar di kawasan pendalaman. Ini termasuklah menyediakan tempat tinggal yang selesa bagi guru di pendalaman, khususnya di Sabah dan di Sarawak. Langkah ini juga bagi menggalakkan guru termasuk guru-guru pakar berkhidmat di kawasan pendalaman serta luar bandar seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gua Musang dan Yang Berhormat bagi Seri Aman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sila, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang setuju kita mesti mengatur dan menghantar guru-guru yang baik untuk kawasan pendalaman dan sebagainya. Di sini bolehkah Yang Berhormat terangkan kaedah yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan guru-guru, terutamanya guru Bahasa Malaysia, misalnya, yang di hantar ke sekolah-sekolah mempunyai kaliber sebab saya menerima banyak aduan dari semasa ke semasa, bahawa guru Bahasa Malaysia yang di hantar ke sekolah Cina tidak berkaliber.

Memang kita hendak meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia juga. Apa masalahnya sekarang kalau di hantar guru-guru yang tidak berkaliber ke sekolah, apa gunanya? Kita hendak memartabatkan bahasa, ini dia tidak mahu. Apa masalahnya sekarang ini? Bolehkah Yang Berhormat mengkaji bagaimana kita boleh menghantar bukan sahaja guru Bahasa Cina di SRJK (C) dan sebagainya, tetapi kita mesti menghantar guru-guru yang benar-benar berkaliber ke sekolah-sekolah supaya kita boleh meningkatkan bahasa-bahasa.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sebenarnya Yang Berhormat maksudkan guru-guru Bahasa Mandrin kan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan Mandarin sahaja, Bahasa Malaysia. Sebab .....

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kekurangan saya sentuh itu, berhubung kait dengan kekurangan guru yang terlatih di SRJK (C). Program yang telah sedia ada akan saya sebut di sini dan Yang Berhormat boleh kaji dan teliti dari segi keberkesannya. Tetapi program pendidikan guru yang ditawarkan, sama ada untuk Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab bawah J-QAF, ini yang ada di hadapan saya. Usaha untuk menambah kekurangan guru yang ada di sekolah-sekolah kita secara menyeluruh bukan di luar bandar sahaja. Luar bandar merupakan satu kategori yang memang sukar, saya sendiri sedang memikirkan cara yang terbaik untuk membawa mereka ke kawasan-kawasan pendalaman.

Melantik guru yang bersara wajib secara kontrak, melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), meneruskan program kursus Diploma Pengurusan Malaysia (KDPM) dan Pengajian Cina, menambah ambilan kursus Pengurusan Lepas Ijazah (KPLI) Pengajian Cina, kursus pengurusan lepasan Ijazah Mode Latihan Pengurusan Berasaskan Sekolah, program baru tahun 2004 (KPLILPBS), Program Khas

Pengsiswazahan Guru (KPKPG), Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, program baru 2004 dan Kursus Dalam Cuti (KDC).

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9, kita akan fikirkan pendekatan-pendekatan yang lain. Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]:** Yang Berhormat, Jerai. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, lama tidak dengar suara.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati cara Yang Berhormat bagi Kepong bertanya kepada Yang Berhormat. Dia seorang *politician* yang cukup berdisiplin dan ada kewibawaannya tetapi sayang duduk belah pembangkang, tetapi tidak apalah sekurang-kurangnya bila dia ambil alih DAP dia akan *trained* Ahli-ahli DAP macam dia. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]:** Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat hendak ikut dia atau hendak dia ikut awak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat biarlah dia duduk di dalam DAP, jadi dia boleh latih Ahli-ahli DAP supaya tertib macam dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]:** Saya ingat Yang Berhormat suka ikut dia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak boleh, dia lembut. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, kita dapati Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa banyak orang menawarkan diri untuk menjadi guru. Ramai juga anak-anak kita yang telah ke universiti dan keluar dan memohon untuk kursus perguruan tetapi ramai yang tidak dapat. Di manakah masalahnya? Adakah masalah tempat latihan ataupun masalah kewangan kerana tadi Yang Berhormat mengatakan kita memang mempunyai masalah guru-guru ini. Contoh di kawasan saya, guru-guru Bahasa Inggeris pun tidak ramai sebab itulah kadang-kadang pelajar hendak *score* 5A tidak boleh, boleh B atau C sahaja dalam Bahasa Inggeris. Itu pun sudah cukup baik.



Jadi, adakah dalam Rancangan Malaysia ke-9 ini Yang Berhormat mencadangkan supaya ramai anak-anak kita yang telah berjaya keluar universiti dan sebagainya diberi latihan perguruan dan *absolve* mereka masuk dalam perguruan dan kita tempatkan mereka di seluruh kampung. Kita jangan memilih Yang Berhormat. Kalau boleh pilih yang lelaki untuk pergi ke pendalaman, kalau di Santubong di Santubonglah mereka pergi berkhidmat kerana ini adalah khidmat untuk negara.

Adakah Yang Berhormat bercadang untuk memperbanyakkan lagi guru-guru walaupun dalam program yang diterangkan tadi memang bermasalah, saya faham. Tetapi, adakah kerana peruntukan tidak mencukupi, kalau tidak mencukupi Ahli-ahli Parlimen, *back-benchers*, akan meminta kerajaan menambah duit bagi kementerian Yang Berhormat supaya masalah pendidikan ini kita boleh selesaikan *once for all*, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Di bawah Rancangan Malaysia ke-9 memang usaha kita untuk memberi tumpuan kepada pendidikan dan juga latihan guru akan diberi keutamaan. Ianya perlu diberi keutamaan bukan sahaja dalam konteks menempatkan guru-guru kita di sekolah-sekolah yang sedia ada, tetapi kemahiran mereka untuk menjayakan program-program yang tadi saya sebut PPSMI, inisiatif-inisiatif ICT dengan makmal-makmal komputer yang dibekalkan, semua ini merupakan kemahiran yang perlu dilatih, dikhususkan semua kepada guru.

Memang, masalahnya sekarang ialah dari segi peruntukkan dan peluang, ada dari segi infrastruktur dan prasarananya, contoh kursus KPLI yang saya sebut tadi untuk 5,000 tempat, yang mohon 65,000 orang. Sememangnya ini merupakan satu perkara yang kita lihat serius, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana ada kekurangan dan permintaan untuk guru-guru. Tetapi, pada masa yang sama, saya hendak tekankan di sini dalam usaha kita hendak memartabatkan profesion perguruan, kita mahu guru-guru yang betul-betul ingin mengajar. Guru-guru yang tidak ada pilihan dan guru-guru yang menganggur bukan tempatnya di sekolah kita.

Inilah yang saya minta Bahagian Pendidikan Guru untuk mengkaji syarat-syarat dan cara mereka menapis calon-calon kita supaya mereka kekal di sekolah-sekolah kita,

memimpin sekolah-sekolah kita, supaya kita dapat menaikkan taraf sekolah yang mereka pimpin ini.

**Dato' Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasih kepada kementerian kerana telah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chen]:** Yang Berhormat bagi Bentong, Yang Berhormat Menteri kata Yang Berhormat bagi Puchong

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Puchong ya!

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat bagi Puchong dahulu.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Mengenai program atau rancangan untuk mendapatkan profesion perguruan, kalau tidak silap saya, beberapa hari yang lalu, di mana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa untuk membina sebuah rumah, *let say* di kawasan pendalaman seperti di Sarawak, akan memakan perbelanjaan sebanyak RM600,000 kalau tidak silap saya. Adakah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian ataupun kepada kerajaan, bahawa penambahan peruntukan adalah salah satu cara untuk menyelesaikan kemudahan-kemudahan kediaman penghuni yang betul-betul untuk berkhidmat di luar bandar.

Seperti yang telah dijelaskan bahawa kawasan pendalaman di Sabah dan Sarawak ini, memang kita mengalami kekurangan guru untuk subjek-subjek yang tertentu. Apakah rancangan-rancangan Yang Berhormat ini?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Sabah dan Sarawak, saya telah pun berbincang secara terperinci dengan pemimpin-pemimpin di peringkat kerajaan negeri dan di Sarawak, contoh yang diberikan tadi untuk menempatkan guru dan kemudahan rumah untuk guru, kosnya terlalu tinggi. Tidak mungkin kita boleh membekalkan rumah-rumah guru untuk semua kawasan-kawasan pendalaman di Sarawak sebegitu rupa. Tetapi, jalan penyelesaian yang telah

pun difikirkan oleh kepimpinan Kerajaan Negeri Sarawak, ialah untuk mewujudkan pusat-pusat pembangunan yang dibekalkan dengan pembangunan infrastruktur, dengan aktiviti ekonomi dan mereka telah minta Kementerian Pelajaran di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan menokok tambah infrastruktur itu dengan kemudahan sekolah, di mana pusat-pusat ini insya-Allah, dapat menarik anak-anak kita yang daripada kawasan-kawasan pendalaman jauh datang menempatkan diri di *growth areas* ini dengan izin.

Kita kena memahami di Sarawak, kalau tolak Melaka, ia sebesar Semenanjung dan *population* nya mereka yang terlibat ini, merata. Sebab itu, kaedah yang terbaik. Belum lagi memikirkan dari segi kemudahan air, bekalan elektrik. Bila kita kaitkan lagi dengan inisiatif-inisiatif ICT kita, ini juga menjadi pertimbangan. Pendekatan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak, saya tengok kalau itu telah pun diputuskan merupakan kaedah yang terbaik, tugas kita di bawah Kementerian Pelajaran ialah cara bagaimana kita dapat sokong dan membantu mereka menjayakan hasrat itu tadi.

Mengenai dengan Sabah pula, kita telah cadangkan dan telah pun mewujudkan satu jawatankuasa bersama di antara kedua-dua negeri ini dan saya difahamkan kedua-dua Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Sarawak sedang memikirkan pembangunan yang agak sama dan itu akan memudahkan kita melihat, contohnya kekurangan bekalan air. Kita lihat sama ada hendak gunakan *tiub well* atau hendak gunakan *rain harvesting*. Kalau kita hendak menggunakan bekalan api, elektrik tidak mencukupi sama ada generator yang sesuai, ini saya beri ruang yang seluas-luasnya untuk mereka memikirkan cara yang terbaik untuk negeri masing-masing tetapi mereka juga mesti bertanggungjawab memastikan ianya sampai kepada matlamat dan objektif yang ditetapkan.

Saya harap dengan pendekatan itu, mungkin suasana lebih kondusif untuk guru-guru kita mengajar di sana dan ada lagilah pendekatan-pendekatan yang saya tengah fikirkan tetapi itu banyak bergantung kepada siling Kementerian Pelajaran dalam EPU meluluskannya atau Jemaah Menteri memikirkannya. Saya tidak berani umumkan perancangan itu kerana ia melibatkan kos dan jumlah yang baru untuk bajet kementerian.

**Dato' Liow Tiong Lai:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bentong.

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, saya dengar dengan teliti bahawa kementerian telah mengambil banyak langkah untuk menaikkan kualiti guru-guru kita melalui pelbagai jenis program dan kursus seperti KPLI, KPKPG dan sebagainya. Memandangkan masalah kekurangan di SJK(C) ya, Yang Berhormat Menteri. SJK(C) ini masih lagi ketara. Adakah kementerian boleh teruskan bahawa pengambilan pelajar-pelajar lepasan SPM untuk memasuki Maktab Perguruan dapat diteruskan. Ini kerana, saya rasa ini adalah satu sumber yang amat besar, boleh kita tambahkan bilangan guru-guru di sekolah SJK(C). Ini kerana, pada masa sekarang melalui KPLI dan kursus-kursus lain, masih lagi tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Minta penyelesaian Yang Berhormat.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Matlamatnya ialah untuk mengatasi masalah kekurangan guru dan apa jua cadangan yang boleh memanfaatkan dan menjayakan matlamat itu, saya tidak teragak-agak untuk mempertimbangkannya.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih.

**Tuan Teng Boon Soon:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tebrau dan Bukit Mertajam.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam usaha kerajaan untuk memartabatkan profesion perguruan, saya rasa satu aspek perlu dipentingkan juga iaitu tentang penilaian prestasi guru iaitu Sistem Penilaian Prestasi Guru itu adalah amat penting untuk memberi perangsang kepada guru-guru supaya berkhidmat secara lebih berdedikasi dan berminat dalam usaha kita meningkatkan taraf pendidikan kita. Saya dalam ucapan perbahasan saya, saya pernah timbulkan kelemahan yang terdapat dalam sistem penilaian guru kita iaitu penilaian prestasi guru kita, khususnya dalam penilaian prestasi untuk pengesahan jawatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bolehkah saya tanya Menteri sama ada soalan yang akan dijawab nanti, kalau tidak akan dijawab, saya fikir tidak perlu dibangkitkan semulalah.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Berhubung kait dengan guru, boleh saya jawab sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab memang dia ada bangkit, tetapi kadangkala, mereka tidak ada jawapan.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ya. Saya faham. Tetapi, berhubung kait dengan guru, saya boleh jawab sekali.

**Tuan Teng Boon Soon:** Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sila.

**Tuan Teng Boon Soon:** Okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ini, saya pernah menyentuh tentang kelemahan sistem penilaian untuk pengesahan jawatan guru iaitu melalui temu duga. Apabila seseorang guru itu, prestasinya dinilai tidak berlandaskan kepada laporan prestasi oleh guru besar tetapi penilaian dengan cara temu duga dianggap sebagai penilaian muktamad dalam menentukan masa hadapan seseorang guru itu. Guru ini adalah di dalam kawasan saya. Dia menghadiri empat kali temu duga tetapi gagal, temu duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Tetapi, dalam masa enam tahun yang dia mengajar selepas mendapat Diploma Pendidikan dari Maktab Perguruan, laporan prestasi oleh guru besar sepanjang enam tahun itu menunjukkan kemampuan guru ini menjalankan tugasnya dengan baik. Walau bagaimanapun, oleh kerana dia gagal dalam temu duga pada kali yang keempat, perkhidmatan dia ditamatkan.

Adakah itu menunjukkan terdapat kelemahan penilaian prestasi guru yang sedang diamalkan oleh kementerian. Oleh kerana kita tidak mengambil berat tentang penilaian yang didapatkan oleh Guru Besar hanya bergantung semata-mata kepada penilaian semasa temuduga sahaja. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Oleh kerana hujah Yang Berhormat bagi Tebrau berkisar kepada satu kes guru, satu guru spesifik susah untuk saya menjawabkan sama ada ianya dapat memberi *input* kepada sistem penilaian yang sedia ada, tanpa mengambil tahu latar belakang kes berkenaan. Saya, semenjak saya memegang teraju Kementerian Pelajaran saya sentiasa terbuka dalam apa jua kes-kes tertentu sama ada kes disiplin, kes buli, kes dakwaan-dakwaan tertentu di mana melalui hubungan kita ini sendiri tidak ada sebabnya Yang Berhormat tidak boleh memanjangkan kes berkenaan kepada saya sendiri untuk menelitinya. Tetapi saya rasa

tidak adil kalau sebab satu kes ianya akan dapat memberi gambaran yang mungkin tidak tepat kepada sistem yang sedia ada. Saya hendak cadangkan Yang Berhormat panjangkan kes berkenaan kepada saya dan kalau sekiranya ianya merupakan satu perkara yang *inherent*, dengan izin, di dalam sistem kita mungkin kita boleh tengok dan pertimbangkan, penilaian dan juga pengubahsuaian kepada sistem yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam program berhubung kait dengan pembangunan sukan di sekolah. Sebenarnya usaha membangunkan sukan di peringkat sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lipis telah pun diberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini pada 24 Mac yang lalu, tetapi izinkan saya di sini untuk menekankan satu, dua aspek. Pertamanya, dalam Program Pembangunan Sukan di sekolah, Majlis Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian tinggi sedang berusaha menyelaras dan mengenal pasti atlet-atlet sukan yang berpotensi yang akan meninggalkan bangku sekolah agar tidak terus terkubur bakat mereka sama ada dalam bidang sukan mahupun dalam bidang akademik.

Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran berpandangan bahawa kita perlu melahirkan jaguh-jaguh sukan yang bukan sahaja hebat di atas gelanggang tetapi juga berdisiplin dan berilmu pengetahuan. Persepsi bahawa kejayaan dan kecemerlangan dengan sukan tidak datang bersama-samanya kejayaan dengan dari segi akademik atlet kenamaan jelas tidak ada asas langsung kerana kita lihat ramai jaguh kita yang boleh berjaya di peringkat dunia tetapi pada masa yang sama mengecapi kejayaan akademik yang cemerlang.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Khas Kabinet telah pun diwujudkan yang melibatkan kalau tidak salah saya sembilan kementerian yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, mengenai pembangunan sukan bahawa ini pun telah bersetuju memberi kelonggaran kepada atlet kebangsaan untuk melanjutkan tempoh pelajaran termasuk bagi menduduki SPM dan juga kelonggaran kemasukan ke IPTA dengan syarat-syarat minimum.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Larut mengenai insurans dan biasiswa kepada pelajar yang cemerlang dalam sukan, semua pelajar di bawah

Kementerian Pelajaran adalah dilindungi insurans 24 jam sehari sama ada semasa berada di sekolah. Oleh itu tidak timbul.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kemaman.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Apa dia?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita bercakap tentang kemajuan sukan sehingga sekarang kita sering lihat bahawa tokoh-tokoh sukan negara kebanyakannya dibina bukan melalui sistem sama ada sistem dalam melalui kementerian yang bertanggungjawab kepada sukan atau pun Kementerian Pelajaran.

Misalnya, Sidek. Keluarga Sidek, kerana bapanya. Sekarang ini ada Hafiz juga kerana dorongan daripada keluarganya, Shalin daripada keluarganya, Nicole David semua. Ertinya kalau sekarang kita lihat sejauh manakah sistem yang melibatkan wang yang banyak, peruntukan yang banyak, bangunan yang banyak itu melahirkan berapa jaguh sukan yang dapat kita lahirkan. Selama manakah kita akan mengakhiri kegersangan dari segi keupayaan sistem kita dalam melahirkan jaguh-jaguh seperti ini. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Selagi penekanan yang terlalu amat sangat kepada pencapaian akademik, maka itulah merupakan satu perkara yang akan diberi pertimbangan ibu bapa, kalau bila mereka terpaksa membuat keputusan sama ada anak mereka akan terus bersukan atau memberi tumpuan sepenuhnya kepada akademik masing-masing.

Sebab itu, peringkat awal tadi saya sudah nyatakan bahawa pendidikan dan pelajaran di sekolah kita sekarang ini saya harap dapat dilihat dalam pembangunan pendidikan kita secara *holistic* dengan wujudnya penekanan baru kepada kokurikulum, penekanan baru kepada pembangunan sukan di sekolah kesedaran ibu bapa bahawa sesungguhnya pembangunan anak-anak mereka tidak berkisar kepada pencapaian peperiksaan semata-mata, pencapaian akademik semata-mata dan pembangunan insan itu merangkumi semua aspek, fizikal, dalaman dan juga minda mereka.

Inilah harapan saya tetapi banyak bergantung kepada kerjasama semua pihak setiap lapisan masyarakat untuk menyedarkan mereka yang khususnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Ibu bapa memainkan peranan yang begitu

penting dalam membimbing atlet-atlet yang bertaraf dunia tadi. Saya mengenali sangat Nicole David, Shalin. Mengenali ibu bapa mereka, dan ayah mereka yang banyak pengorbanan yang terpaksa dilakukan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** [*Bangun*]

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ini satu formula yang saya percaya, Majlis Sukan Negara dan Kementerian Belia dan Sukan juga memahami tetapi perlu juga diimbangi dengan penekanan sekarang ini masyarakat kepada pencapaian akademik kita. Yang Berhormat, saya tidak lama lagi hanya dua *paragraph* sahaja.

Mengenai pembentukan sahsiah dan menangani gejala sosial, beberapa aspek tentang pembentukan sahsiah dan gejala salah laku pelajar telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan menyentuh tentang gejala dadah, Yang Berhormat Jasin menyebut tentang gejala menghidu bahan-bahan yang mengkhayalkan di kalangan pelajar, Yang Berhormat Santubong menyentuh tentang gejala sosial, Yang Berhormat Greek tentang kempen budi bahasa.

Saya ingin menyatakan di sini buat sekian kalinya bahawa saya sentiasa memberi keutamaan yang tinggi terhadap aspek pembentukan sahsiah murid. Saya tidak akan berkompromi sama sekali terhadap mereka yang sengaja melanggar peraturan dan melanggar disiplin. Dalam hal ini Yang Berhormat bagi Dungun dan Yang Berhormat bagi Putatan ada menyatakan bahawa pembentukan sahsiah dan nilai murni perlu bermula daripada peringkat sekolah rendah.

Bagaimanapun jangan kita lupa akan hadis Rasulullah s.a.w, yang menyatakan bahawa ia sepatutnya bermula lebih awal lagi iaitu melalui didikan ibu bapa di rumah. Saya bersetuju bahawa peranan guru, kaunselor, kurikulum, dan kokurikulum mungkin boleh membantu ibu bapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri. Saya ada juga mencelah di dalam tajuk pembangunan gejala sosial di peringkat sekolah ini. Adakah Yang Berhormat Menteri ingin mencadangkan bahawa satu *syllabus* ataupun satu bab tentang bagaimana pelajar-pelajar boleh diajar untuk mengenali. Contohnya dalam kes ini adalah dadah di sekolah-sekolah dan



menjadikan ia satu perkara wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar di peringkat menengah rendah dan menengah atas. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu merangkap Pengerusi Biro Anti Dadah Gerakan Pemuda UMNO. Sama ada kita perlukan satu mata pelajaran atau pendekatan khusus sebenarnya sekarang ini pun pendekatan yang merentasi kurikulum sedang dijalankan. Saya lebih tertarik dan juga lebih mirip kepada kita mengadakan program-program pengisian di sekolah-sekolah.

Di sini kerjasama atau dari segi *smart partnership* atau.....[Ketawa] perkongsian pintar atau perkongsian tulen - perkongsian pintar dan perkongsian tulen, tidak tahu dalam bahasa Mandrin apa dia. Tetapi yang paling penting ialah kerjasama yang niatnya jelas, iaitu untuk menanganinya melalui program-program yang dapat sampai kepada objektif yang disebutkan itu. Ini sedang kita fikirkan kerana saya sendiri percaya bahawa melalui kempen-kempen sahaja tidak mencukupi, lebih-lebih lagi ia berhubung kait dengan masalah gejala dadah ini. Menularnya dadah di dalam kawasan sekolah kita, kita boleh bendung, Yang Berhormat tetapi masalahnya kadangkala ianya menular dan tabiat penagih najis dadah ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sepanggar.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:**....mereka terjebak itu di luar kawasan sekolah. Sebab itu kita bekerjasama melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang saya wujudkan selepas kematian Allahyarham adik Farid baru-baru ini. Kita tidak akan kompromi lebih-lebih lagi dalam perkara yang wujud di dalam kawasan sekolah kita. Sila.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya telah menyentuh khasnya mengenai pendidikan ini di mana saya telah mencadangkan supaya kalau boleh, kita masukkan dalam satu kurikulum pengajaran kerohanian, keagamaan ibunda masing-masing. Adakah ini boleh dijalankan? Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sepanggar tadi memang merupakan....saya rasalah, cara yang terbaik kerana pencegahan program mungkin boleh kita bedung gejala ini, tetapi akhirnya sama ada

anak-anak kita terjebak kepada dadah dan juga pada gejala ini banyak berkisar kepada pengaruh rakan sebaya dan suasana persekitaran. Ini bermakna bahawa ketahanan dalaman itu sendiri mekanisme untuk menapis dan mengenal pasti mana yang baik yang tidak dan mempunyai keyakinan diri untuk menolak apabila tekanan diberikan oleh rakan sebaya merupakan kaedah yang terbaik untuk memelihara dan mempertahankan mereka.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Isu disiplin dan gejala sosial ini tidak boleh lari daripada isu ponteng, Yang Berhormat Menteri. Kita harus cuba menyelesaikan masalah ini bermula daripada pelajar ponteng, khususnya di sekolah-sekolah menengah. Saya pernah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa ponteng ini sebenarnya kita boleh kurangkan, malah kita boleh sifarkan sebab menjelang pukul 8 pagi sebenarnya kita tahu siapa pelajar yang ponteng. Oleh kerana itu, saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri keperluan untuk mengadakan satu kerjasama yang rapat antara tiga pihak, iaitu pihak sekolah, pihak PIBG dan pihak JKKK.

Kalau ini dilaksanakan Yang Berhormat Menteri, umpamanya pelajar itu ponteng menjelang pukul 8 pagi, maka pihak sekolah bersama PIBG boleh menghubungi kampung ataupun rumah yang berkenaan dan dengan serta merta pelajar yang berkenaan akan dapat dikesan dan ini dapat mengelakkan seperti yang selalu dilaporkan oleh pihak Polis. Apabila pelajar itu ponteng, mereka tangkap dan lepas itu mereka berjumpa dengan ibu bapa, ibu bapa kata dia tidak tahu yang anak dia ponteng dan yang jadi paling merbahaya, Yang Berhormat Menteri ialah, apabila ada pelajar ponteng dalam seminggu secara terancang, selang seli selang seli, dalam sebulan dia boleh ponteng 10 hari. Bayangkan kalau tiga bulan, maknanya 30 hari dan masa dia ponteng ini biasanya Yang Berhormat Menteri, pastinya namanya pun ponteng dia akan berbuat sesuatu yang negatif.

Kalau dia bersama dengan rakan sebaya, lagi berbahaya. Oleh kerana itulah, dalam Yang Berhormat Menteri nanti akan datang ke Sabak Bernam pada 17hb, saya harap dapat terus merasmikan Program Kasih Ke arah Sifar Ponteng. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Apa Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, apa yang kita bincangkan terdahulu telah pun kita ambil kira dalam rancangan yang akan digubal dan akan diumumkan tidak lama lagi. Isu menangani gejala ini daripada pakar-pakar psikologi pun telah menyatakan kepada saya yang mereka susah untuk kawal disiplin mereka ialah, mereka yang ponteng merupakan sasaran yang paling mudah untuk kita mengenal pasti. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi memang tepat dan apa yang kita telah bincangkan tadi pun, saya telah bawa di dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang telah pun diwujudkan selepas kes kematian Allahyarham adik Farid. Ini semua menunjukkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ya.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Menteri. Memang kita tidak nafikan bahawa masalah disiplin ini merupakan satu masalah yang amat menyakitkan dan mengambil masa yang banyak dan mensia-siakan. Apa yang saya hendak juruskan di sini ialah berkaitan dengan iaitu anak-anak kita sebenarnya memang mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat, melalui media massa dan terutamanya media elektroniklah. Boleh dikatakan kes rambut telah pun sebenarnya menjadi satu masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar di sekolah, di mana anak-anak kita hari ini berambut panjanglah, tercacak macam duri landak dan diwarna-warnikan. Setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri sekiranya kalau Yang Berhormat Menteri sebagai model di mana anak-anak kita di sini terutamanya anak-anak lelaki di sekolah ini gunting rambut seperti Yang Berhormat Menteri, segak juga.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** *[Ketawa]*

**Cik Tan Lian Hoe:** Sebab, ok sekurang-kurangnya dapat mengurangkan masalah disiplin di mana guru-guru disiplin tidak dapat masuk ke kelas disebabkan

kerana hendak menyelesaikan masalah disiplin dan ini memang merugikan anak-anak yang hendak belajar di sekolah. Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, sebenarnya rambut saya sebegini rupa sebab banyak sangat masalah, *over heating*. Sebenarnya apa yang dibincangkan, yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat.....[Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Larut] Yang Berhormat hendak bercakap?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak pergi pada masalah disiplin ini. Saya hendak tanya kepada kementerian, tentang sekolah-sekolah yang sudah lengkap dengan kemudahan, dari segi prasarananya, komputernya, projektorinya semua lengkap...dengan gurunya, tidak perlu saya sebut satu persatu. Cuma masalahnya Kementerian hanya melakukan sesuatu kajian selepas berlakunya kegagalan biasanya selepas pengumuman keputusan peperiksaan daripada UPSR, PMR, SPM, dan STPM. Tetapi apabila sesuatu kejayaan dicapai, kita tidak buat sesuatu. Saya ambil contoh macam Nur Amalina, seorang pelajar Melayu, saya boleh katakan cemerlang dalam dunialah, mendapat 17A1 daripada Negeri Johor.

Kita pernah berbincang dalam ini dari segi latar belakangnya, ibu bapanya konon kata berpisah, wallahu a'lam mengatakan rakan-rakan dari Kelantan dia berasal dari Kelantan, dan saya pula tidak mahu mengalah mengatakan toknya mungkin daripada Perak. Tidak bolehkah kementerian melihat perkara ini dan satu kajian dibuat menjadikan pelajar ini sebagai pelajar contoh supaya dibuat satu *road show* .mungkin tidak ke semua sekolah, bagaimana dia boleh mencapai kejayaan dalam situasi di sebuah sekolah luar bandar di Ulu Tiram, tidak silap saya di dalam Parlimen Tebrau. Tetapi mungkinlah Yang Berhormat dapat nama setelah pokok benih ditanam dahulu, macam kita tanam durianlah, tetapi syabas jugalah. Kenapa tidak kementerian melihat perkara ini? Kita selalunya sudah gagal, baru kita hendak buat kajian, baru kita hendak mengambil tindakan. Tidakkah boleh pihak Yang Berhormat dalam hal ini kita mendahului, sesuatu kejayaan pun kita buat sesuatu kajian, gagal pun kita buat, kedua-duanya sekali supaya dalam hal-hal yang tertentu senang. Pembangkang terutamanya tidak payah tanya *soksek soksek* dia sudah faham. Bila sebut sekolah kebangsaan, dia

tahu, sekolah kebangsaan ini bukan untuk orang Melayu sahaja. Sekolah kebangsaan ini untuk semua. Kalau tidak cukup ruang bangunan, masuklah sekolah kebangsaan, umpama kata. Sebab saya lihat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tanyalah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, soalan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Panjang lagikah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa sekolah kebangsaan di negara mana yang ada macam di Malaysia ini – tidak ada! Singapura pun tidak ada. Thailand tidak ada.

**Tuan M. Kula Segaran:** Ada, ada, ada...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Nantilah.

**Tuan M. Kula Segaran:** ...di Singapore. Tidak tahu jangan cakap.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak faham, jangan tanya. *[Disampuk]* Dengar dahulu, baru hendak bertanya. Tetapi tidak payah layanlah mereka ini. Jadi Yang Berhormat, boleh tidak kajian dibuat ke atas pelajar Nur Amalina ini supaya menjadi satu motivasi kepada pelajar-pelajar lain. Macam dahulu kita menang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ...Azhar Mansor, kita buat satu *road show*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan sudah cukup panjang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ha, itu soalnya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam isu disiplin berkaitan dengan pembentukan sahsiah memang semakin kompleks. Memang saya tidak nafikan sukar ditangani. Kementerian Pelajaran tidak boleh bersendirian dan tidak boleh dibiarkan bersendirian untuk menanganinya. Salah laku pelajar bukan sahaja berlaku di dalam sekolah malah berlaku di luar sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dalam kes tertentu ada juga kumpulan kongsi gelap atau gengster yang akan memeralatkan anak-anak sekolah. Sebab itu apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi ialah apa yang saya cuba lakukan dalam konteks disiplin daripada kes kematian Adik Farid sebelum saya angkat sumpah lagi di mana kita telah wujudkan satu jawatankuasa induk menangani gejala disiplin dan empat jawatankuasa bertindak.

Jawatankuasa bertindak mengenai isu-isu di sekolah berkaitan dan berhubung kait dengan disiplin dan gejala sosial yang berhubung kait dengan sekolah, saya mempengeruskannya sendiri. Jawatankuasa bertindak bagi pendekatan perundangan dan penguatkuasaan di mana kita tengok dari segi undang-undang, *cyber cafe* sama ada kita boleh mengambil dan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada supaya anak-anak kita yang di bawah umur ini tidak dibenarkan ponteng sekolah, membuang masa mereka di *cyber cafe* berkenaan.

Jawatankuasa bertindak bagi pendekatan masyarakat dan jawatankuasa bertindak berkaitan dengan psikologi dan kesihatan di mana saya libatkan kedua-dua timbalan menteri saya dan juga setiausaha Parlimen dan kesemua ini juga melibatkan pelbagai pihak dan pelbagai kepakaran di dalam dan di luar kementerian untuk mengkaji dan menangani isu-isu yang saya sebutkan tadi.

Sebab itu saya sudah nyatakan awal-awal tadi, dalam hal ini saya tidak kompromi dan cadangan-cadangan saya sudah pun umumkan kepada khalayak ramai, harapan saya bila sekiranya saya sudah tidak ada lagi, pegawai-pegawai yang wujudkan jawatankuasa ini sudah tidak ada lagi, saranan Yang Berhormat bagi Larut tadi kita belajar daripada insiden ini melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang kita harap dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

Mengenai Nur Amalina, saya tahu Yang Berhormat bagi Larut telah menyentuh satu hakikat yang amat penting walaupun adik Nur Amalina Che Bakri belajar di sekolah menengah harian, beliau masih boleh mencapai kejayaan yang amat cemerlang. Lebih membanggakan Nur Amalina bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik malah turut

cemerlang dalam kokurikulum. Saya percaya, Yang Berhormat, Nur Amalina mampu cemerlang dalam kedua-dua bidang kerana motivasi beliau yang betul. Kita buat kajian, saya tanya dia sendiri, saya tengok kerana beliau bijak menguruskan masanya, mempunyai disiplin diri yang cemerlang, bimbingan daripada ibu bapa, sahsiah sebeginilah yang mahu dibentuk oleh Kementerian Pelajaran melalui pendidikan *holisticnya*.

Tetapi hendak menyatakan bahawa dalam masa tertentu saya dapat mewujudkan lima juta Nur Amalina Che Bakri, saya hari ini *surrender*lah, mustahil! Tetapi yang paling penting ialah untuk kita belajar formula yang terbaik dan jelas daripada kes Nur Amalina ini bahawa tidak merupakan sekolah, lokasi sekolah, jenis sekolah, aliran sekolah yang menjadi formula kejayaan beliau. Inilah yang saya harap dengan penggembengan semua pihak dengan perancangan yang rapi, dengan institusi-institusi yang kita wujudkan untuk membawa dan mendukung aspirasi ini, jika sikap dan motivasi pelajar betul, jika mereka mendapat galakan dan sokongan penuh daripada ibu bapa mereka, dibimbing dengan baik oleh guru-guru mereka, percayalah di dalam kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada Nur Amalina.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, boleh saya tambah sedikit, Yang Berhormat?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Boleh.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak tahulah sama ada kementerian melihat dengan insentif sebagai satu dorongan dan galakan sama ada kalau sudah buat, alhamdulillah. Kalau tidak ada, mungkin ia boleh dipertimbangkan kepada pelajar ini satu galakan insentif yang berbentuk supaya pelajar lain dapat melihat sebagai satu daya dorongan macam mana yang dibuat oleh jawatankuasa Kabinet mengenai sukan ke atas mereka yang akan berjaya dalam sukan-sukan yang tinggi.

Kerana dahulu pernah berlaku kita melahirkan seorang pelajar cerdas membaca. Saya tidak ingat nama dia tetapi akhirnya sekarang ini dia boleh membaca surat khabar dalam peringkat usia yang begitu kanak-kanak tetapi kononnya akhir-akhir ini dia sudah bukan lagi bijak dan sebagainya tetapi menjual kertas surat khabar pula. Jadi mungkin kementerian boleh menimbang supaya memberi satu galakan, hadiah atau apa jugalah kepada pelajar contoh ini. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Insya-Allah, tetapi bila saya tanya Nur Amalina apa dia hendak buat selepas ini, dia kata dia hendak pergi kolej matrikulasi dan apa jua sumbangan yang hendak diberi mesti berkisar kepada kehendak dan kemahuan Nur Amalina dan keluarganya sendiri. Minggu depan hari Rabu, seluruh Jemaah Menteri akan meraikan bukan sahaja Nur Amalina, tetapi *the top 100*, dengan izin, yang telah cemerlang dalam SPM. Semuanya merupakan contoh kepada murid-murid yang lain tetapi pada masa yang sama kita kena fikir ada juga guru-guru mereka yang tidak berkesempatan, tidak mempunyai kelebihan yang ada kepada murid-murid ini, jadi mereka inilah yang seharusnya kita tengok. Tetapi cadangan Yang Berhormat akan saya ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya perjelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran...

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi peluang, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya ada bangkit beberapa perkara mengenai sekolah-sekolah Tamil di mana unsaved, berbahaya dan sepatutnya tidak selamat. Sepatutnya murid-murid tidak patut berada di sekolah-sekolah tersebut dan kerajaan sendiri telah mengakui di antaranya adalah dikatakan lebih kurang 50 sekolah Tamil. Apakah yang terjadi kepada perkara tersebut? Adakah tindakan segera akan diambil?

Dan perkara kedua yang saya telah bangkit adalah mengenai kekurangan guru-guru Tamil di sekolah Tamil dan di sekolah kebangsaan. Dan juga *POL classes* di mana ada dikatakan di sekolah kebangsaan di mana ada 15 murid yang ingin bahasa Tamil diajar akan tetapi tidak ada guru Tamil langsung. Ini banyak kali berlaku di Sitiawan, di Pulau Pinang dan perkara ini telah dirujuk kepada kementerian. Walaupun sekarang sudah lebih kurang empat bulan, hingga sekarang tidak ada guru-guru Tamil dalam sekolah-sekolah kebangsaan. Apakah tidak kita memberi perhatian yang sewajarnya?

Sebagai akhirnya, saya juga telah membangkitkan mengenai 21 Februari, Hari Bahasa Ibunda di mana Malaysia adalah salah satu di antara negara yang menjadi *signatory* dan apakah kita tidak memberi apa-apa keutamaan kepada hari tersebut untuk memperingati hari tersebut.



**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya akan kembali kepada Yang Berhormat. Saya tidak ada maklumat berhubung kait dengannya. Tetapi berhubung kait dengan kekurangan guru Tamil, sama sahaja hujah yang saya sebutkan berhubung kait dengan kekurangan guru kita, bukan sahaja guru Mandarin tetapi juga guru bahasa Inggeris, guru di luar bandar dan apa yang kita bincangkan tadi juga menjurus kepada masalah di sekolah jenis kebangsaan Tamil dan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Berkaitan dengan sekolah-sekolah yang tidak selamat, sememangnya kalau tidak selamat memang tindakan segera akan diambil. Selain daripada disiplin tadi, saya tidak mahu anak-anak kita berada dalam sekolah-sekolah yang tidak selamat. Perkara ini kalau betul-betul ada perkara-perkara yang tidak dibangkitkan, kita boleh bawa untuk dikaji dan diteliti. Tetapi dengan membawa satu keratan akhbar dalam keadaan 10 ribu sekolah, hari-hari saya boleh berkata. Saya juga yang saya boleh kata bahawa setiap hari saya boleh tunjukkan sekolah kita 101% selamat.

Sebab itu membawa satu-satu kes tertentu dalam Dewan yang mulia ini bagi saya tidak merupakan satu perkara yang menghairankan kepada Pembangkang tetapi kalau ada kes-kes spesifik, bawa kepada saya sendiri, tidak perlu bawa kepada Dewan ini dan kita tengok sama ada benar atau tidak apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Kula Segaran:** Setiausaha Parlimen sendiri telah memberikan pengiktirafan, mengaku bahawa perkara ini wujud. Saya hairan Menteri tidak tahu mengenai perkara ini..

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Bagi saya, apa yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri saya merupakan mengikat saya sebagai Menteri Pelajaran dan saya beri ruang seluas-luasnya. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen melihatkan perkara ini sebagai satu perkara yang serius dan perlu diperbaiki, beliau boleh mengambil tindakan, bukan kerana ia sekolah Tamil tetapi empat bulan untuk melahirkan guru-guru Tamil dalam masa terdekat untuk mengatasi

sekolah yang sudah berpuluh tahun tidak selamat, bukan satu perkara yang boleh kita laksanakan dan jayakan dengan sekelip mata.

Jadi saya akan bincang dengan Setiausaha Parlimen saya dan kita tengok kepada sekolah yang dibangkitkan oleh keratan akhbar.

**Puan Chong Eng:** Ada soalan yang belum dijawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Kalau kata untuk Yang Berhormat, tidak ada soalan, saya pun cukup jawab, okey last.

**Puan Chong Eng:** Saya hendak bertanya, semasa saya membahaskan di dalam Dewan ini, mengapa pelajar empat tahun di SRJK(C) ini belajar pendidikan moral dan juga sivik? Ini adalah langkah yang baru, mengapa perlunya belajar kedua-dua mata pelajaran ini kerana memang isi kandungannya adalah lebih kurang sama dan bertindih. Ia lebih membebankan murid-murid ini.

Yang Berhormat juga ada mengatakan bahawa kalau pada tahun depan di SRJK(C), pelajar empat, kalau pelaksanaan mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris melebihi 50 *period*, itu adalah maksimumnya dan ia akan mencari jalan untuk mengatasinya. Jadi apakah *in the next year, in SRJK(C) if there's a* peringkat kedua mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Jadi *period* dalam satu minggu akan melebihi 50 dan 50 ialah maksimum *period*. Jadi apakah penyelesaiannya kerana tempoh hari Yang Berhormat Menteri kata, sekiranya di dalam parti-parti komponen Barisan Nasional kalau ada yang menimbulkan masalah ini jadi kementerian Yang Berhormat akan cuba menyelesaikannya? Jadi adakah MCA, Gerakan atau SUPP telah berbincang dengan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan PPSMI ini masih lagi berkisar kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan pelaksanaannya di SJK(C) dan telah pun dibangkitkan kepada saya untuk memikirkan, satu dari segi tempoh masa dan juga pelaksanaan peperiksaan dwibahasa yang telah ditetapkan 2008, masih lagi dalam perbincangan dan masih lagi dalam pemikiran. Sekali lagi saya hendak nyatakan, ia bergantung kepada kajian yang kita hendak

lakukan dari segi keberkesanan dan pelaksanaan penggunaan alat-alat yang dibekalkan.

Keduanya berhubung kait dengan subjek Moral dan Sivik yang baru diperkenalkan bulan Januari 2005, tahun ini. Ia merupakan satu usaha baru dan datangnya dari cadangan orang ramai dan saya akan telitikan sekiranya kurikulum yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tidak sesuai, kita akan fikirkan kaedah yang lain tetapi untuk berhujah hari ini, sebab penyebabnya mata pelajaran itu diperkenalkan, saya rasa terlalu panjang untuk saya bawa dan saya boleh menceritakannya dan memanjangkannya kepada Yang Berhormat secara bertulis dalam hal ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas perhatian, keprihatinan, teguran, sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Insya-Allah kita akan laksanakannya yang terbaik demi anak bangsa, tanah air dan agama kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, terima kasih. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Yang Berhormat Menteri, sila.

#### **6.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkisar kepada tiga isu iaitu berkaitan dengan dadah, hal ehwal polis dan bahan lucah. Bagi isu-isu yang disentuh ini saya akan cuba memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Pertama mengenai isu dadah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gombak dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam telah menyatakan bahawa program rawatan dan pemulihan di pusat serenti tidak berkesan sebaliknya penghuni dari pusat serenti mengalami *relapse* yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak menafikan dakwaan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian ini melalui pusat serenti telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memulihkan penghuni-penghuni tersebut. Bagaimanapun, punca kegagalan adalah disebabkan penghuni-penghuni yang mendapat rawatan di pusat-pusat serenti merupakan penagih-penagih yang dipaksa mengikut pemulihan melalui perintah mahkamah. Mereka tidak mempunyai kesungguhan dan komitmen untuk memulihkan diri mereka. Kementerian ini sentiasa memandang berat terhadap masalah gejala penagihan semula yang tinggi di kalangan bekas-bekas penagih yang telah menjalani rawatan dan pemulihan dan kini sedang mempergiatkan usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan program rawatan dan pemulihan dengan mengambil beberapa pendekatan dan strategi yang baru. Antaranya ialah;

- menjadikan pusat serenti sebagai anak angkat IPTA. Ini bertujuan membantu meningkatkan dan memantapkan keberkesanan program rawatan dan pemulihan melalui aktiviti yang sesuai termasuk mengadakan latihan dan juga penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan;
- menyediakan latihan yang profesional kepada pegawai dan juga kakitangan pusat serenti,
- menggiatkan program pemulihan bersama NGO dan kumpulan sokongan bantu;
- menempatkan penghuni fasa akhir di pusat serenti dan bekas penagih dalam pengawasan di sektor pekerjaan yang sesuai dan meningkatkan serta mempelbagaikan kaedah aktiviti pemulihan bagi penagih-penagih dalam komuniti dengan menubuhkan pusat khidmat di setiap daerah.

Kita bercadang untuk menubuhkan sebanyak 93 pusat khidmat komuniti di setiap daerah di seluruh negara. Di samping itu, pihak kementerian juga mengharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat membantu menyelitkan dalam ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat di mana juga aktiviti yang dihadiri, iaitu ucapan antidadah ini supaya semua peringkat dapat memainkan peranan. Kami juga berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu kementerian membanteraskan dadah seperti

yang dibuat oleh Ahli Parlimen Sabak Bernam, di mana Ahli Parlimen Sabak Bernam telah menubuhkan satu bilik gerakan dan bilik gerakan tersebut terdapat setiap nama penagih dadah dalam kawasan Parlimen Sabak Bernam. Begitu juga di Kuala Terengganu, tahniah saya ucapkan kerana telah memainkan peranan yang begitu aktif dan juga beberapa Ahli- ahli Parlimen yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran mencadangkan supaya penagih-penagih dadah perlu ditempatkan di sebuah pulau khasnya untuk mengasingkan mereka daripada masyarakat dan pengedar-pengedar dadah. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk menempatkan penagih-penagih dadah di satu tempat yang berasingan seperti di pulau atau dipulaukan. Ini kerana tindakan pengasingan..

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak bagi habiskan dahulu Yang Berhormat. Ini kerana tindakan pengasingan tidak selaras dengan matlamat program rawatan dan pemulihan yang dijalankan serta usaha untuk mengintegrasikan semula mereka di dalam masyarakat. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan *relapse* ini, kita dapati seperti yang dinyatakan bahawa lebih 75% bekas pelatih daripada pusat serenti ini kembali menagih dan kita lihat salah satu daripada sebabnya ialah masalah kerja.

Intan

Jadi, oleh kerana itu, kita mencadangkan supaya pihak AADK mewujudkan unit kerjaya dan ini harus ditubuhkan dengan serius bukan setakat, umpamanya, pihak kerajaan, pihak AADK menyarankan dan menyuruh, umpamanya syarikat ataupun maknanya orang-orang tertentu, usahawan untuk menerima mereka. Unit ini harus memastikan bahawa ada satu bentuk agenda, maknanya rancangan khusus untuk menempatkan mereka dalam kerjaya-kerjaya yang bersesuaian sebagai, contohnya umpamanya seperti yang berada di ladang Pulau Carey di mana kita dapati bahawa bekas penagih itu dapat hidup dengan begitu baik sekali.

Kemudian, yang keduanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapati bahawa ramai ibu bapa yang kita temui ini dan yang anaknya yang berada di pusat serenti, memang mereka takut hendak menerima balik anak mereka. Sebab anak mereka ini bukan macam anak mereka dahulu. Jadi, oleh kerana itu, kita menyarankan supaya ibu bapa yang bakal menerima anak yang telah sakit ini supaya diberikan satu bentuk kursus dengan modul yang tertentu. Pasti dalam konteks ini aspek *psychology* dan aspek-aspek yang kena mengenali pelatih ini dari segi *charactermya* berubah perlu dikenal pasti.

Dan, yang ketiga. Saya ucap tahniah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat kena minta penjelasan, Yang Berhormat telah beri ucapan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Satu lagi, satu lagi sahaja, minta maaf. Satu lagi ialah seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, dia menyarankan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan-ucapan mengenai hal anti-dadah ini supaya menyebarkannya. Saya harap satu perkara yang harus diberikan perhatian ialah supaya penyebaran berkaitan dengan hal dadah ini jangan sampai ia menimbal balik. Contohnya, debat perdana itu begitu bagus tetapi saya dapati ada di antara pendebat itu menyatakan bahawa dadah ini memang boleh menyebabkan ia tahan lama, dadah ini bagus kerana ia boleh menimbulkan keseronokan yang begitu hebat.

Jadi, saya rasa ini, Tuan Yang di-Pertua, malah saya difahamkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Keterah, pegawai AADK sendiri apabila memberi ceramah itu dia kata ada dadah Syabu itu lebih baik daripada viagra katanya. Jadi, ini boleh memberikan kesan yang menimbal balik. Oleh sebab itu, kita berharap pihak kerajaan, khususnya Timbalan Menteri dapat memberikan perhatian mengenai perkara-perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dari pandangan-pandangan dan sesungguhnya dari pandangan Yang Berhormat amat positif dan kita dari pihak kementerian memang sedang ke arah tersebut seperti pegawai-pegawai penagih kita akan wujudkan satu pusat serenti vokasional di mana mereka ini akan dilatih dalam bidang kemahiran dan kita akan melantik mentor-mentor mereka untuk memastikan mereka bekerja. Mereka ini bila

diberi kerja bukan sahaja boleh lepas begitu sahaja, mereka mesti diberikan pekerjaan dan dipantau.

Unit kerjaya ini memang dalam usaha kita, di mana kita sedar dalam masalah negara menghadapi kekurangan tenaga-tenaga pekerja ini, kita akan cuba mewujudkan tenaga-tenaga penagih dadah ini untuk bekerja di ladang-ladang sebagai contoh dan telah pun dibuat di Pulau Carey dan kita sedang berusaha dengan beberapa syarikat untuk kita memberi ruang kepada pekerjaan ini. Kita juga telah menubuhkan PENDAMAI. Pendamai ini adalah satu badan alumni bekas-bekas penagih-penagih dadah dan melalui PENDAMAI inilah akan kita mendapat kesan di manakah rakan-rakan mereka setelah mereka keluar daripada pusat serenti.

Yang kedua, mengenai peranan ibu bapa ini memanglah di dalam perancangan kita, kita akan mewujudkan satu sistem MAYANG. MAYANG ini bermaksud masih ada yang sayang. Dalam program ini bukan sahaja ibu bapa yang kita akan panggil, kita akan tanya penagih dadah ini dengan pusat serenti, siapa yang paling rapat dengan dia dan siapa yang mampu untuk menjaga mereka apabila mereka keluar. Kalau dia kata ibu bapa, kita akan panggil ibu bapa. Kalau dia kata boyfriend dia atau girlfriend dia atau pakcik dia, kita akan panggil dan kita akan berikan latihan ketahanan kepada mereka yang bakal menerima penghuni-penghuni pusat serenti kerana memang sukar untuk kita menjaga dan memantau bekas-bekas penagih dadah ini.

Yang ketiga, saranan Yang Berhormat saya akan ambil kira dan terima kasih dengan pandangan Yang Berhormat dan saya bersetuju, kadang-kadang bila kita terlampau kuat berkempen kita terlupa, kita sebenarnya *provoke* ataupun menggalakkan mereka untuk mencuba. Jadi, pandangan Yang Berhormat, kementerian akan mengambil kira. Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Razali bin Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu, Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, sila Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya cukup tertarik baru-baru ini apabila kementerian Yang Berhormat telah mengambil pendekatan mendekati dan juga menghebohkan kepada seluruh rakyat tentang jahanamnya dadah-

dadah ini dengan konsep 6 Jahanam. Malah, di Kuala Terengganu sendiri satu perhimpunan yang agak besar yang telah berjaya menghimpunkan penduduk dan remaja-remaja dan di celah-celah itu pula dimasukkan kempen-kempen antidadah ini dan ini satu tindakan yang cukup baik.

Cuma, ketika itu kadang-kadang pemilihan artis, melibatkan pemilihan artis ini bagus tetapi dalam masa yang sama pula, keluar dalam berita, seorang artis terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan dibawa ke mahkamah. Jadi ini kadang-kadang dia membawa kesan sebaliknya pula. Perkara-perkara serupa inilah harus kita teliti juga memilih dan juga supaya kita dapat mengenali dan kena pada sasarannya. Selain daripada apa yang dibuat itu adalah cukup menarik perhatian saya apabila Menteri sendiri turun mendekati penagih-penagih dadah sampai ke night club, ini saya cukup kagumi. Terima kasih, Yang Berhormat di atas usaha yang gigih itu.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ini pendekatan yang baru kita cuba buat di mana kita tidak lagi menunggu orang ramai ataupun belia-belia datang ke majlis-majlis kita. Sebaliknya, kementerian akan turun ke padang mencari tempat dan lokasi di mana mudah kita menyampaikan mesej antidadah ini. Kita juga telah membuat langkah dalam 6 Jahanam ini, di samping kita ada forum, ceramah agama dan juga artis dan saya ambil kira cadangan Yang Berhormat tetapi artis ini bukan semua yang terlibat.

Saya sudah beri contoh salah seorang artis, *Ezlyn* namanya. *Ezlyn* ini dia sanggup beli tiket kapal terbangnya sendiri dan semasa dia buat persembahan tidak ada apa-apa bayaran. Jadi, ini menunjukkan ada artis dan ramai artis sebenarnya yang hendak memberikan sumbangan kepada masyarakat dan mereka juga hendak membuktikan bahawa artis ini juga ialah golongan yang boleh mendapat sanjungan di kalangan masyarakat. Ada artis-artis seperti *Betty Benafi*, dia tidak meminta sumbangan pun, *Nash* dan yang lain-lainnya hanya memberikan sumbangan kerana mereka ingin memberikan sumbangan kepada masyarakat untuk penagih dadah.

Di samping kita pergi ke kelab-kelab malam untuk kita menyampaikan kempen dan mesej ini kita juga akan berjumpa dengan tuan punya-tuan punya, pemilik-pemilik kelab-kelab malam kerana kita berpendapat tidak ada maknanya kita berkempen bermati-matian sedangkan hari ini kita lihat keadaan dadah ini sudah berubah. Kalau



dahulu menggunakan dadah-dadah tradisional berada di tepi kaki-kaki lima tetapi sekarang sudah mula masuk ke kelab-kelab malam dan sebab itu kita akan berjumpa. Dua hari lepas saya pergi ke Pulau Pinang dan kita memberikan amaran dan juga memberikan penerangan kepada tuan punya kelab malam, di mana mereka tidak terlepas daripada undang-undang. Selama ini kalau kita lihat polis membuat serbuan di pusat-pusat hiburan, mereka hanya menahan pengunjung-pengunjung tetapi tuan punya kelab-kelab malam tidak didakwa. Jadi, di bawah Seksyen 13 (c) pendakwaan ini boleh dibuat kepada tauke tuan punya kelab malam dan juga kalau tidak cukup bukti, kita akan ambil tindakan di bawah (LLPK) Langkah-langkah Pencegahan Khas.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Ya! Yang Berhormat bagi Jasin, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jasin, sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih, *Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih*, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan tahniahlah atas kerja-kerja kita hari ini menerangkan sampai sudah warning kepada pusat-pusat hiburan yang menyediakan barang-barang ini. Kerana kita teringat, Yang Berhormat, kita sudah usaha macam-macam, pusat serenti sudah 28, jadi sudah sampai masa dan ketikanya kita kena keras sedikit lagi. Yang MAYANG ini, PENYAYANG, sampaikan hari ini saya dengar, kampung saya itu, dekat Melaka, Kampung Morton. Mungkin orang Melaka kenal, saya dibesarkan di situ. *Hendak* cari orang muda yang tidak kena dadah saya ingat 10% pun susah cari, Yang Berhormat. Hari ini dia sudah menyanyi. Saya balik kampung hari itu, dia nyanyi, "One, two, three. Satu, dua, tiga, lagi banyak surat berhenti, itu kita punya syurga." katanya. *[Ketawa]*

Itulah sebabnya ada di kalangan kami hari ini minta supaya diadakan berasingan kerana kita pernah dahulu menghadapi masalah gengsterisme, tahun 60-an, 70-an, tahun 80-an.

Kita ada Pulau Jerjak, *gangster* boleh hilang Datuk, orang jahat dalam pekan boleh hilang fasal takut nak masuk Pulau Jerjak. Ini dia kata lebih banyak Pusat Serenti itu kami punya syurga, itu yang saya tak boleh tahan Datuk.

Kita kena adakan, macam yang dibuat di Pulau Cary, kita kan ada Datuk kat Keratong ni, ladang-ladang Felda ini, Felda estet bukan yang mempunyai peneroka tetapi Felda estet yang ini tempatkan penagih dadah ini. Kita suruh dia kerja, kita suruh dia jolok kelapa sawit ini biar dia rasa sikit. Jadi bila kita buat dia macam tu kemungkinan akan ada keinsafan antara mereka.

Kita tengok penghibur-penghibur kita, sekejap masuk lepas itu keluar, saya sudah bertaubat. Dua tiga bulan lagi masuk lagi, bertaubat, berapa banyak kali taubat Datuk. Kita ajar ni masalah ini, masyarakat kita ni kadang-kadang kita kena *force* sedikit barulah dia sedar Datuk. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita memang memikirkan bagaimana Yang Berhormat fikirkan, *better* langkah yang pertama ni kita akan buat *grading* dulu sebab Pusat Serenti ada 28 buah. 28 buah ini pertama kita telah pun menjalankan untuk buat *grading*, Gred A, Gred B, Gred C kerana kita sedia maklum bahawa yang masuk dalam penagih dadah ini dalam Pusat Serenti ini bukannya dia punya tahap ketagihannya sama. Ada yang pertama kali masuk, ada yang sudah lima kali masuk, ada dua kali masuk, ada yang dah masuk penjara 5 atau 6 kali pun masuk juga.

Langkah yang pertama kita kena asingkan dan juga ada yang berpenyakit jadi saya Insya-Allah pandangan Yang Berhormat dan memang kita sedang berbincang dengan Universiti Selangor (UNISEL) untuk membuatkan satu program seperti yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam masa yang sama, saya dah katakan tadi *grading* mesti dibuat. Kadang-kadang kita tengok ada penagih yang memang tiada harapan dah, penyakit AIDS, orang kata dah jadi bangkai bernyawa. Orang macam ini tak kan kita nak buang dekat pulau, kita mesti cari satu jalan. Kalau dia orang Islam sebagai contoh, sekurang-kurangnya kita mestilah cari jalan biarlah dia mati dalam iman, bukannya dia mati terbiar macam itu.

Perkara-perkara seperti ini kita akan buat kajian. Jadi terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tangga Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat Timbalan Menteri ini amat kuat bekerja, sekali panggil ke Melaka melalui telefon saja datang, merasmikan Ekspo Antidadah. Sekali lagi jumpa pukul 2 pagi di *airport* nak rasmikan program dadah juga.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ini seolah-olah berada apabila memerangi dadah ini berada dalam satu keadaan yang dipanggil *loosing battle*. Tangkap sana terlepas sini, tangkap sini terlepas sana dan sebagainya. Apa yang saya nak kaitkan di sini, baru-baru ini pergerakan Pemuda UMNO, Biro Antidadah ada memberi satu kenyataan yang mungkin agak keras tentang laluan masuk dadah ini yang terbuka luas, baik Laut Cina Selatan, Selat Melaka dan berbagai-bagai laluan tikus lagi di mana dadah ini dibawa masuk tanpa kawalan.

Seperkara lagi yang saya nampak di sini ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dok kejar yang bawah ini, ini *down stream* - hiliran, samalah buat kerja sana sini, rasmi sana, lihat sana, lihat sini, cuba nak menunjukkan keseriusan kita dalam menangani gejala dadah ini tetapi apabila dilihat pula daripada tangkapan yang dibuat pada pengedar-pengedar ini, di peringkat *middle managers* saja. *Middle manager* ini pun ditangkap 7,000 orang sudah berapa puluh tahun, 25 tahun baru dihukum dalam 200 orang. Yang atas lagi ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri betul-betul adakah gejala dadah yang menular di negara kita ini sudah berada di peringkat yang dipanggil mafia, *organized crime* ataupun *semi organized crime* ataupun *none organized crime at all* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Ini mungkin kalau kita dapat kategorikan gejala dadah di negara kita ini dalam kategori tersebut mungkin cara kita menanganinya pun berubah. Dari peringkat kita nak buat kerja penat siang malam, 24 jam tak selesai kerja, mungkin kerja kita akan lebih spesifik, *measurable, achievable, realistik and maybe time bound* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya kasihanlah tengok Timbalan Menteri kerja teruk siang malam nak bantu masyarakat ini bersih daripada najis dadah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, bukan saya saja Yang Berhormat yang membuat kerja kuat, Pengerusi Biro Anti Dadah, Pemuda UMNO Malaysia, terima kasihlah Pemuda UMNO pun bekerja kuat memberi sokongan kepada program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan telah membuat beberapa program. Saya percaya kalau semua pihak terlibat dan mengadakan program-program anti dadah ini, sebenarnya kita boleh mengurangkan dadah.

Mengenai persoalan yang pertama oleh Kawalan Keselamatan, kita memang sedar bahawa kalau kawalan keselamatan tidak dikawal dengan rapi maka apa kerja kita dibuat di dalam ini akan menjadi sia-sia kerana dadah ini bagi saya ada 4 peringkat. Yang pertama, kawalan keselamatan mesti kena jaga, kalau terlepas kawalan keselamatan undang-undang dan penguatkuasaan mesti ketat. Kalau terlepas juga daripada kawalan penguatkuasaan dan juga undang-undang kenalah pencegahan. Kalau cegah juga tidak mampu, barulah kita boleh buat pemulihan dan juga rawatan. Jadi langkah yang pertama ialah kawalan keselamatan.

Oleh itu pagi tadi, saya telah memanggil satu mesyuarat yang dianggotai oleh daripada MAB, Kastam, Imigresen, UPP, semua pegawai-pegawai, ataupun penguat kuasa yang diamanahkan untuk menjaga sempadan kita mengadakan mesyuarat pagi tadi dan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kawalan Pintu Masuk telah pun diwujudkan dipengerusikan oleh KSU Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan daripada perbincangan tadi kita sedar bahawa kita harus mempertingkatkan lagi bukan sahaja kawalan tapi kerjasama di antara penguat kuasa-penguat kuasa menjaga sempadan ini juga telah mendapat satu persefahaman supaya kita bekerja dengan lebih bersepadu tidaklah masing-masing agensi mengikut prioriti apa yang telah diamanahkan kepada mereka.

Kita harap semua agensi apa juga tugas yang diberikan kepada mereka, langkah yang pertama ialah mesti memastikan kawalan keselamatan kita tidak mudah dicerobohi oleh mana-mana penyeludupan ataupun pendatang asing dan sebagainya.

Yang kedua mengenai kawalan sama ada tahap kita ini sudah bahaya atau tidak. Saya berani katakan negara kita belum sampai ke tahap yang bahaya, belum ada geng-geng mafia. Ini kita berada di dalam keadaan yang terkawal ialah kerana kita ada satu undang-undang iaitu langkah-langkah pencegahan khas (LLPK) tahun 1985 di mana di bawah LLPK ini pihak polis boleh menahan mana-mana pengedar selama 60 hari, kemudian selepas 60 hari kita akan hantar kepada kementerian dan menteri boleh mereka yang disyaki ini selama dua tahun di Simpang Renggam. Kalau *hard core*, kalau lagi kita tengok dia ini bahaya, kita hantar ke Muar. Kalau kurang bahaya, kita hantar ke Batu Gajah. Ada tiga tempat yang kita tempatkan LLPK. LLPK ini senang cakap ISA lah, kalau cakap ISA ahli Yang Berhormat lebih faham ISA, tangkap tanpa bicara.

Tahun lepas lebih 4,000 orang kita tangkap, tahun ini tahun 2004 lebih 2,000 orang dan ada yang ditangkap ini bukan sahaja rakyat Malaysia termasuk warga negara asing dan daripada menghidu perancangan *international* ini, kita lihat polis kita begitu cekap kerana awal tahun ini kita lihat satu kilang syabu yang terbesar di dunia telah dapat dikesan, sedangkan kilang syabu ini belum sempat proses pun. Dia mula bertapak bulan Ogos, bulan Februari kalau tak silap, polis telah dapat kesan dan kilang syabu ini pun tak sempat dia hendak proses. Tapi kalau kita tak dapat hidu kilang syabu ini maka Malaysia mungkin akan menjadi negara terbesar pengeksport syabu di dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri. Saya pun *follow* juga Timbalan Menteri ini memang seorang yang bekerja kuat, syabas.

Sudah tentu juga Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa kerja kuat Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tidak akan berjaya jika tidak ada satu bentuk *collective responsibility* dengan izin daripada semua pihak. Saya ingin mengambil beberapa contoh Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya memberikan penghargaan kepada Ketua Polis Melaka dan juga Ketua Polis Negeri Sembilan yang memberikan cadangan

kepada pihak kerajaan supaya memikirkan sewarasnya tentang pemberian premis terhadap kelab-kelab malam ini. Kerana statistik yang dikeluarkan menunjukkan memang inilah tempat pengedaran dadah jenis 'syabu' yang sedang mengancam remaja kita.

Saya juga ingin memberikan tahniah menyebut seorang dua tokoh polis yang saya rasa perlu diberikan satu penghormatan yang sekarang ini telah pun menjawat jawatan Timbalan Ketua Polis Negara, Dato' Musa Hassan. Sewaktu dia menjadi Ketua Polis Negeri Johor, sewaktu dia mendedahkan terdapatnya beberapa kelab malam, disko-disko di Johor Baharu yang menjadi tempat pengedaran dadah yang begitu serius di negeri Johor dan beliau telah diberikan ugutan oleh beberapa orang politik. Mujurlah orang-orang seperti Dato' Musa Hassan ini anggota polis yang ada prinsip dan ada pendirian.

Begitu juga saya melihat Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri keseluruhannya juga melihat ada kemungkinan terdapat orang-orang tertentu yang melindungi pengedaran dadah sebagai contohnya ataupun *business* dadah ini. Ini yang saya minta supaya kerja kuat seorang dua sahaja belum tentu boleh menyelesaikan masalah dadah tetapi saya harap dapat dilihat jangan ada, sebagai contoh disko-disko di Kuala Lumpur ini bila berlaku tangkapan ada Menteri yang seolah-olahnya yang memberikan perlindungan dan memberikan sokongan. Ini saya rasa perkara yang mesti diperhatikan. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada beberapa orang tokoh polis yang memberikan contoh yang terbaik supaya semua anggota polis kalau begini sikapnya kita akan dapat kalau tidak 100% kita akan dapat meminimumkan masalah dadah dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih di atas penghargaan Yang Berhormat daripada Kubang Kerian. Saya ingin menjelaskan bahawa bagi kita *nobody above the law*. Bagi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri kita telah diarahkan tidak ada sesiapa akan terlepas daripada undang-undang dan juga seperti yang selalu diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua perkara yang kita tidak boleh bertolak ansur. Pertama rasuah dan kedua salah guna kuasa. Tetapi saya juga melihat bahawa

dengan adanya keberkesanan kempen dadah ini ialah kerana kepekaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana kita telah di peringkat Kabinet menubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri turun ke padang untuk bersama-sama berkempen memerangi dadah dan di dalam Jawatankuasa Kabinet ia terdiri dari beberapa menteri. Kemudian di bawah Jawatankuasa Kabinet diwujudkan pula dipanggil MTMD iaitu Majlis Tindakan Membanteras Dadah. Ia dipengerusikan pula oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga dianggotai oleh beberapa orang menteri. Di peringkat negeri pula ditubuhkan MTMD di peringkat negeri yang mana ia dipengerusikan oleh Menteri-menteri Besar.

Dengan adanya penyelarasan kerja-kerja dan perpaduan di antara semua kementerian maka saya lihat keberkesanannya ada kita memerangi dadah. Kalau selama ini kita sebut dadah kita dapati orang menuding jari kepada polis sahaja ataupun kepada AADK tetapi pada hari ini saya lihat semua kementerian, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perumahan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi semua bercakap soal dadah.

Hasil daripada kempen yang saya lihat yang dibuat secara bersepadu nampak ada memberikan hasil yang baik kerana kalau kita lihat perbandingan .....

**Timbalan Tuan Yan di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak habiskan ini sedikit. Saya lihat perbandingan antara penagih-penagih baru di antara bulan Januari hingga Februari 2004 dengan tahun 2005 dua bulan yang pertama. Pada Januari hingga Februari 2004 dalam tempoh dua bulan ada penagih baru 3,928 orang tetapi pada tahun ini dalam tempoh Januari hingga Februari ia telah turun kepada 1,909 orang iaitu berkurangan sebanyak 51.4% penagih baru. Bagi penagih berulang pula, pada tahun 2004 ada 3,674 orang tetapi pada tahun ini untuk dua bulan yang pertama ia turun kepada 2,141 orang. Ini bermakna ada turun 41.7%. Keseluruhan penagih berulang dan penagih baru ini pada Januari hingga Februari 2004 ada seramai 7,602 orang tetapi pada tahun ini dua bulan yang pertama Januari hingga Februari turun kepada 4,050 orang iaitu ada penurunan sebanyak 46.7%. Jadi angka dua bulan ini nampaknya cantik tetapi saya

tidak berani jamin 10 bulan yang akan datang sama ada ia akan menurun ataupun tidak tetapi kita harap kalau semua pihak memainkan peranan saya yakin angka ini akan terus menurun dan kita akan capai negara bebas dadah pada tahun 2015.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semalam kita mendengar di mana seorang doktor pengedar dadah. Kalau ini sampai ke tahap doktor yang mengedar dadah saya rasa ini sudah terlalu ketara perjalanannya. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini di mana kalau doktor memang doktor mudah sekali dapat semua ubat-ubatan ini yang dipanggil dadah. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu kerajaan mengisytiharkan dadah ini musuh nombor satu negara. Sebab dadah tidak kenal doktor tidak kenal *lawyer* dan tidak kenal anak siapa pun sama ada anak orang Pas atau anak orang DAP, dia tidak akan kenal siapa musuhnya. Musuhnya ialah semua rakyat Malaysia sebab itu kita mesti melihat dadah sebagai musuh nombor satu negara. Saya percaya bukan sahaja dalam kes polis ada beberapa orang doktor yang kita telah ditangkap dan kita tahan kerana menyalahgunakan, jual ubat batuk dan menyalahgunakan pil-pil tertentu. Sebab itu kita akan terus mempertingkatkan Penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang .....

**Timbalan Tuan Yan di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Subang Jaya bangun.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik kepada respons awal yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terbaca dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh UN AIDS sebuah badan di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai AIDS dalam laporan pada tahun 2004 yang mengatakan bahawa di antara 56,677 orang yang dijangkiti HIV atau AIDS selepas dijalankan ujian didapati bahawa 75% adalah terlibat dalam masalah penagihan dadah dan dalam jawapan respons Timbalan Menteri mengatakan *grading* untuk 28 Pusat Serenti dan juga pengasingan tentang penagih-penagih yang berpenyakit. Saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah program-program yang khusus untuk penagih-penagih dadah yang dijangkiti HIV atau



AIDS kerana AIDS sama juga dengan dadah tidak kenal siapa, tidak kenal kaum, tidak kenal Melayu, Cina, India ataupun jantannya. Maka di dalam Pusat Serenti ini apakah pihak kementerian ada menyediakan program-program khusus untuk penagih dadah yang terjangkit HIV atau AIDS ini?. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita ada satu program untuk penagih-penagih yang dijangkiti AIDS. Sebab itu saya katakan tadi sekarang kita sedang membuat *grading* ini kerana masalah AIDS ini semasa dia hendak masuk itu kita tidak tahu. Apabila dia masuk bila kita buat ujian barulah kita dapat kesan yang dia dapat AIDS. Apabila kita dapat kita akan asingkan mereka dan mereka akan diberikan bentuk perubatan tetapi saya kena mengakui bahawa rawatan yang dia dapat di Pusat Serenti tidaklah sama seperti rawatan yang sepatutnya dia dapat kerana kita juga menghadapi masalah kekurangan pegawai-pegawai untuk menguruskan AIDS ini. Juga kita melihat pegawai-pegawai di Pusat Serenti mereka pun kadang-kadang dia takut juga kerana mereka juga kena melindungi diri mereka untuk mereka mendekati penagih-penagih yang ada penyakit AIDS. Tetapi pandangan Yang Berhormat memang dalam perancangan kita untuk kita pastikan mereka yang kena AIDS ini tidak bercampur dengan lain-lain penagih yang tidak ada penyakit.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita ada satu program untuk penagih-penagih yang dijangkiti AIDS. Sebab itu, saya kata tadi, sekarang kita sedang membuat *grading* ini kerana masalah AIDS ini, kalau kita masuk pusat serenti, masa dia hendak masuk itu, kita tidak tahu. Bila dia sudah masuk itu, bila kita buat ujian, barulah kita dapat kesan, dia ini dapat AIDS. Jadi, bila kita dapat, kita akan asingkan mereka dan mereka akan diberikan bentuk perubatan.

Tetapi, saya kena mengakui bahawa rawatan yang dia dapat di dalam pusat serenti tidak samalah seperti rawatan yang sepatutnya dia dapat kerana kita juga menghadapi masalah kekurangan pegawai-pegawai untuk menguruskan AIDS ini dan juga kita lihat pegawai-pegawai dari pusat serenti, mereka pun kadang-kadang dia takut juga, kerana mereka juga mesti melindungi diri mereka untuk mereka mendekati penagih-penagih yang ada penyakit AIDS. Tetapi, pandangan Yang Berhormat memang di dalam perancangan kita untuk kita pastikan mereka yang kena AIDS ini tidak bercampur dengan lain-lain penagih yang tidak ada penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang mencadangkan supaya pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah di negara ini dipasang mikrochip untuk membolehkan mereka dikesan dan dipantau secara lebih berkesan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk memasang mikrochip kepada pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah untuk membolehkan mereka dikesan dan dipantau secara lebih berkesan. Walau bagaimanapun, kementerian perlu meneliti dan mengkaji cadangan Yang Berhormat bagi Sekijang ini secara lebih mendalam dan terperinci untuk menentukan kesesuaian dan keberkesanannya serta implikasinya dari segi undang-undang dan juga *human right*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Untuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tadi, teringatlah fasal belah petang sikit saya hendak tanya yang cadang hendak bubuh mikrochip. Hendak bubuh benda itu, hendak selit tang mana mikrochip itu? *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Hak itu saya hendak tahu. Kalaulah kerajaan bersetuju hendak bubuh, kita hendak bubuh tang mana? Fasal tinggal kuli dan tulang sahaja. Cip pun tidak boleh lekat dah. Bagi *potato chip* boleh dekat depa. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Sebab itu Yang Berhormat saya hendak cakap tadi, kita sedang kajilah. Kita sedang kaji kita hendak bubuh dekat mana dan selain daripada itu, kesan undang-undang sama ada supaya dia tidak bertentangan dengan hak kebebasan seseorang. Jadi, cadangan ini kita akan kajilah kesannya daripada pelbagai sudut dan juga sama ada boleh ataupun tidak kita laksanakan.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan telah pun mempunyai satu sistem maklumat dadah kebangsaan iaitu NADI yang berupaya merekodkan maklumat dan profil penagih-penagih dadah yang dikesan di negara ini. Bagi pengedar-pengedar pula, yang tidak dihadapkan ke mahkamah, mereka akan ditahan mengikut undang-undang di bawah Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Jasin telah mempersoalkan mengenai PEMADAM yang hendak dipadamkannya dan juga masalah menghidu gam. PEMADAM adalah merupakan sebuah badan sukarela yang mempunyai sumber kewangan yang

terhad. Banyak aktiviti yang telah dilaksanakan oleh PEMADAM. Antaranya ialah menjalankan kempen-kempen pendidikan pencegahan dadah dalam masyarakat dan mengadakan program pencegahan dadah kepada pelajar sekolah melalui sahabat PEMADAM, program pendidikan pencegahan dadah melalui seni, pencegahan dadah untuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru, pencegahan dadah di kalangan wanita, pencegahan dadah di tempat kerja, pencegahan dadah di kalangan belia, pencegahan dadah di kalangan pelajar dan juga pendidikan dan pencegahan *relapse*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah menghidu gam, kementerian telah pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 23 Mac 2005 dalam sesi Menjawab Soal Lisan yang lepas bahawa kerajaan memang mempunyai cadangan untuk mewujudkan satu akta untuk mengawal dan mencegah gejala ini. Buat masa ini, draf rang undang-undang berkaitan telah pun siap oleh Jabatan Narkotik PDRM yang akan dikemukakan kepada pihak Urus setia Majlis Membanteras Dadah. Ini hanya baru cadangan daripada kementerian tetapi terpulang kepada pihak-pihak tertentu terutamanya pejabat Peguam Negara kerana mesti jelas. Kita hidu gam ini kerana khayal. Jadi, kalau kita kata gam pun khayal, saya bimbang di Sabah. Di Sabah saya difahamkan tahi lembu yang panas-panas itu Yang Berhormat, kalau disedut pun boleh jadi khayal. Itu bagi penagih yang tidak ada duitlah, dia hendak beli pil.

Jadi, sebab itu setiap benda yang mengkhayalkan ini, kita akan mengkaji. Petrol pun ada juga. Dia hidu petrol, dia boleh jadi khayal. Jadi, perkara-perkara yang mengkhayalkan ini akan diberikan tafsiran yang sejelasnya supaya nanti lebih jelas mana yang bahaya, mana yang tidak bahaya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jasin.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan. Agak-agak berapa lama lagi Yang Berhormat, fasal tentang hidu gam ini, saya boleh bawa Yang Berhormat datang ke kawasan saya, dah 10 sah gila. Gila. Bila dia hendak menyanyi, dia menyanyi. Bila dia hendak ketawa, dia ketawa dan saya pernah cakap dalam Dewan ini, bukan kata tahi lembu sekarang ini, air kencing yang diperamkan pun, dia sudah minum dah, 10 orang. Saya takut kalau kita lambat

lagi buat rang undang-undang ini, saya takut besok separuh daripada orang Jasin ini gila. Ini, yang saya tidak hendak ini. Fasal saya tengok Singapura.....

**Seorang Ahli:** Ahli Parlimen macam mana? Ahli Parlimen? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** ..... Singapura Yang Berhormat, oleh kerana dia tidak hendak tempat dia kotor, dia boleh mengharamkan *chewing gum*. Dia tidak hendak tempat dia kotor, dia boleh haramkan durian masuk Singapura. Ini pula gam yang berleluasa pada hari ini. Kedai runcit jual, semua jual dan 10 orang dah sah gila. Takkan ya lah orang Jasin sanggup tunggu Yang Berhormat Dato'. Saya hendak balik Jasin minggu depan ini, hendak jawabkan Yang Berhormat Dato' kata sedang dikaji, sedang dikaji, hendak hantar sini, hendak hantar sana. Lama-lama saya takut Ahli Parlimen Jasin gila pula Dato'. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya sudah nyatakan tadi, kita kena tengok menyeluruh kerana soalnya ialah perkara yang mengkhayalkan. Jadi, hidu gam ini boleh khayal. Sebab itu, kita hendak tengok lain-lain perkara, lain-lain bahan. Macam Yang Berhormat kata, air kencing peram itu pun, kalau besok khayal, kita kena wartakan sebagai dadah berbahaya. Daun ketum saya bagi contoh, pun kita belum lagi wartakan. Saya kata minyak petrol pun sama. Jadi, ini semuanya sedang dikaji secara menyeluruh daripada segi undang-undang yang kita akan laksanakan. Tetapi, untuk Yang Berhormat bagi Jasin ini, kena balik kempen pencegahan lah. Saya percaya mencegah lebih baik. Kalau dia sudah mula hidu gam, sudah mula gila Yang Berhormat, itu sukar kita hendak atasi. Jadi, kempen pencegahan hendak kena banyaklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Kita sudah mula. Di Jasin di peringkat Parlimen kita sudah mula bekerjasama dengan JASA. Kita sudah mula dua bulan. Kita gunakan peruntukan daripada JASA ..... orang-orang saya satu minggu satu DUN dua kali tiap-tiap minggu. Yang saya suruh tutup PEMADAM itu, di Melaka PEMADAM ini tidak buat apa. ADK dekat Jasin ada satu pegawai. Kadang-kadang kita satu malam buat dua kampung, tiga kampung. Saya kasihankan pegawai ADK ini, berkejar sini, berkejar sana. Kita berharap bantuan daripada PEMADAM tetapi, apa yang

PEMADAM pada hari ini Yang Berhormat Dato', yang dia tahu tiap-tiap tahun hendak buat jamuan PEMADAM, hendak minta peruntukan wakil rakyat, dapat duit, dia buat baju korporat jawatankuasa PEMADAM. Pergi makan angin, lawatan sini, lawatan sana. Yang Dato' cakap itu, mungkin PEMADAM di peringkat kebangsaan, tetapi di daerah Dato' inilah rupanya. Tidak ada menolong pun kita dari segi kempen ini. Minta Dato' tolong tengokkanlah. Kalau tidak ada, kita padam Dato' senanglah.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. PEMADAM ini salah satu badan pertubuhan NGO dan saya rasa ada di antara Ahli Parlimen yang menjadi Pengerusi PEMADAM. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tahniahlah Pengerusi PEMADAM negeri Selangor. Jadi, saya percaya soal PEMADAM ini, mereka boleh bincang di dalam Mesyuarat Agung PEMADAM yang akan diadakan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Putatan mempersoalkan keberkesanan berkaitan dengan kempen-kempen yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa dan badan-badan lain yang berkaitan dengan dadah. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa tidak semua kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan dan badan-badan lain tidak berkesan. Terdapat beberapa kempen yang dilaksanakan diiktiraf berkesan seperti Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) di mana penilai bebas ahli-ahli akademik universiti mengiktirafnya.

Bagi program-program yang lain, sungguhpun belum ada penilaian profesional dilakukan, tetapi berdasarkan kepada kajian dan juga pemerhatian yang dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab, didapati bahawa ianya juga berkesan dari aspek memberikan pengetahuan dan *skill* asas mengenai cara-cara menjauhi dadah. Walau bagaimanapun, daripada aspek penghayatan individu berkenaan, adalah sukar kita tentukan. Tetapi, saya telah nyatakan tadi, bahawa dengan kempen yang bersepadu melibatkan semua pihak, maka kita telah dapat mengurangkan bilangan dadah ini dalam tempoh dua bulan yang pertama, jika dibandingkan dengan dua bulan pertama tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Sulong mencadangkan supaya menubuhkan Jawatankuasa Antidadah di setiap kawasan Parlimen. Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong adalah satu cadangan yang baik. Kementerian ini

mengucapkan tahniah dan mengharap agar Ahli-Ahli Parlimen yang lain dapat mencontohi usaha murni Yang Berhormat. Saya tahu bahawa Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipanggil Skwad Antidadah yang diberikan kelengkapan. Dia ada jaket dia sendiri dan diberikan kursus.

Jadi, kalau semua kawasan Parlimen boleh tubuh dan mengikut cara Yang Berhormat bagi Parit Sulong melaksanakan Kempen Antidadah, mungkin kita boleh dapat mengurangkan lagi dadah di kawasan Parlimen masing-masing, kerana dalam penagihan dadah, kita mesti ada spesifik. Dadah musuh nombor satu negara. Tetapi, kalau kita tidak tahu di mana musuh kita, kita akan rambang. Kita berperang dalam keadaan tidak tahu di mana musuh kita.

Sebab itu, yang saya nyatakan tadi, macam di Parlimen Sabak Bernam, sebut sahaja, katakan dalam Parlimen Sabak Bernam ada 300 orang. Sebut 300. Dia sudah tahu di kampung ini, kampung A, kampung B, kampung C. Kalau kita tidak ada perangkaan di peringkat Parlimen, ini yang menjadikan masalah. Kita buat program besar-besaran tentang dadah di kampung A, tetapi sebenarnya kampung A tiada pun dadah, yang *black areanya* di kampung B. Jadi sebab itu, kalau boleh ditubuhkan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Parit Sulong dan juga bilik operasi menentang dadah di Parlimen masing-masing, saya yakin hasrat kerajaan akan mudah tercapai.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Sekejap lagi, saya hendak habiskan sedikit Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Parit Sulong juga menyatakan kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM3,300 untuk memulihkan seorang penagih dadah, di mana pada pandangan beliau, hanyalah satu pembaziran, kerana usaha-usaha pemulihan didapati tidak berkesan untuk mereka. Tuan Yang di-Pertua,..... ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri tentang Jawatankuasa Anti Dadah. Setakat yang saya tahu sebelum ini, sebenarnya pada tahun 80-an dahulu, kita ada di peringkat negeri dan juga peringkat daerah Jawatankuasa Anti Dadah negeri dan daerah. Di peringkat daerah

Jawatankuasa Anti Dadah ini disetiausahakan oleh Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Daerah, di mana pengerusinya ialah pegawai daerah sendiri. Akhir-akhir ini saya lihat, Jawatankuasa ini tidak bergerak lagi, walaupun cadangan ada dikemukakan oleh salah seorang Ahli Parlimen, tetapi saya kira apa telah terjadi kepada Jawatankuasa ini kerana kita dapati Jawatankuasa ini tidak bergerak dengan cergas dan satu lagi Jawatankuasa yang berada di peringkat daerah yang pernah saya menganggotai ialah Jawatankuasa Pemulihan Dadah daerah. Saya minta pandangan Timbalan Menteri. Sila, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang ini di peringkat daerah kita panggil Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD). Yang mana di bawah arahan Perdana Menteri nombor satu telah pun diberikan garis panduan yang baru. Bagaimana cara dan siapakah ahli-ahli yang boleh dilantik di dalam MTMD di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah sendiri. Jadi saya lihat, sekarang ini arahan itu telah pun dikeluarkan dua bulan yang lepas, di peringkat negeri kita dapati semua MTMD di peringkat negeri telah pun mulakan mesyuarat. Sekarang kita tengah menunggu laporan, sama ada MTMD di peringkat daerah telah pun melantik ahli-ahli jawatankuasa dan kita telah pun meletakkan syarat supaya Ahli-ahli Parlimen hendaklah dilantik duduk dalam MTMD ini di peringkat daerah-daerah ini .

Ia sama seperti Jawatankuasa Pembangunan Daerah, ahli-ahli jawatankuasa itu. Kerana kita percaya tanpa sokongan yang kuat daripada ahli-ahli politik, Ahli Parlimen terutamanya, sudah tentu sukar untuk kita menyampaikan mesej-mesej ini kepada peringkat bawahan. Sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bagi cadangan Yang Berhormat, dahulu saya minta supaya pusat serenti ini ditutup, satu pembaziran dari segi wang yang kita belanja. Kemudian menggalakkan lagi, apabila penagih dadah melihat ada pusat-pusat untuk memulihkan mereka, seolah-olah ada tempat perlindungan. Ini mungkin akan menggalakkan lagi.

Saya ingin mencadangkan supaya peserta di pusat-pusat serenti ini, digunakan sebagai memenuhi guna tenaga, masalah bekerja selepas kita menghantar pulang pendatang asing tanpa izin ini, mungkin kita menghadapi masalah sekarang ini, di sektor pengilangan. Oleh itu, kenapa tidak mereka ini digunakan untuk membuat kerja-kerja di

bawah kawalan dan pada waktu yang sama, mungkin mereka ada perasaan rasa malu sebab umum tahu, yang ini adalah muka penagih dadah. Kalau itu cara boleh menyelesaikan masalah penagih dadah ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah nyatakan tadi, itulah cadangan yang insya-Allah, kita akan menuju ke arah itu dan saya sudah kata tadi, kita telah bincang dengan UNICEF untuk mendapatkan satu panduan. Yang Berhormat, saya hendak terangkan juga daripada Yang Berhormat siapakah yang mesti masuk pusat serenti? Kita sedia maklum bahawa sesiapa yang dihantar ke pusat serenti ini, ini adalah atas arahan Mahkamah. Apabila seseorang itu, didapati *urinenya* positif, maka mereka yang didapati positif akan didakwa di mahkamah di bawah Akta Rawatan dan Pemulihan Akta Dadah Berbahaya. Majistret ada dua pilihan sahaja. Sama ada hendak hantar dia ke pusat serenti, ataupun letakkan di bawah penguasaan polis di atas cadangan yang dibuat oleh pegawai ADK. Jadi, kalau kita tutup pusat serenti Yang Berhormat, kita tidak ada tempat. Dari mula kita katakan tadi bahawa, kadang-kadang kita tengok kurang berkesannya kita hantar ke pusat serenti, kerana mereka ini terpaksa dihantar ke pusat serenti bukannya mereka secara sukarela masuk.

Tetapi kita dapati ada pusat-pusat rawatan pemulihan yang ditubuh secara sukarela. Kita ada lebih kurang 66 di seluruh negara Persada dan juga Pengasih yang terkenal. Kita juga ada pusat-pusat pemulihan secara tradisional. Kita dapati bahawa, mereka yang masuk ke pusat-pusat swasta agak berkesan kerana mereka masuk secara sukarela dan mereka sanggup membayar kerana mereka memang hendak berhenti. Jadi ini ada beza sedikit di antara pusat serenti dengan pusat-pusat yang ditubuhkan secara sukarela ataupun di bawah swasta. Yang Berhormat bagi Jerai hendak tanya ke?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Yang Berhormat kita bincang panjang pasal hendak beri selesaikan masalah dadah ini. Itu yang hendak selesai waktu ini. Jadi adakah dalam rancangan antidadah ini, kita merancang daripada budak itu di tadika, iaitu menceritakan tentang bahananya dadah. Generasi ini tidak payah buatlah Yang Berhormat. Kita bagi apa pun dia sudah hanyut. Tetapi generasi yang dok mai daripada tadika, sekolah rendah sampai sekolah menengah, sampai universiti saya nampak hak



ini sahaja. Macam kita letak *sign board* rokok dekat sekolah itu, apa salahnya kita letak manusia yang macam kita tunjuk Kempen Kemalangan Jalan Raya, tunjuk putus kaki, tunjuk kepala lari daripada badan. Jadi orang takut. Jadi budak-budak tadika inilah kita kena latih mereka bagi depa tengok dadah jijik. Depa tengok tahi lembu dia takut. Ini jenuh kena sampai peringkat tahi lembu ini, jenuh ikut punggung lembu. *[Ketawa]* Tahu apa yang ada. Hak ini kita buat ala kadar. Lepas itu hamba pilah, hamba pekira dengan Tuhan. Hak yang hendak mai ini, saya sudah takut hendak mai. Saya duduk bincang dengan Yang Berhormat bagi Arau. 'Anak cucu kita macam mana Yang Berhormat bagi Arau?' Dia kata 'aku pun tidak tahu'. Kita tidak tahu. Pasal apa, kalau kita tidak jaga daripada tadika, lagi bahaya. Hak ini kita kepong tidak lepas, hak dok mai. Laratkah Yang Berhormat hendak masuk *night club*, keluar *night club*? Gamak tidak larat, bawa kami sama.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kami tumpang hendak perbetul orang dadah ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat pasal dadah ini?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang mengambil pandangan tersebut. Sebab itu program ini sedang disusun di bawah Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan dan juga publisiti yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri dan dalam Jawatankuasa tersebut terdapat beberapa kementerian yang lain termasuklah Kementerian Yang Berhormat Lembah Pantai juga duduk di dalam Jawatankuasa tersebut. Jadi telah disusun program-program ini di peringkat sekolah rendah ataupun di peringkat tadika. Kita baru mengadakan dua kali mesyuarat Jawatankuasa tersebut untuk perancangan di masa yang akan datang. Jadi pandangan Yang Berhormat sebenarnya kita ada bincang dalam mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke isu yang kedua pulalah. Isu polis. Isu dadah habis. Satu jam kita bincang isu dadah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ada lagi isu dadah ini?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sedikit lagi.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak ada dah. Kita pergi isu polis pula.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya sudah minta sahabat saya bagi Jasin menarik balik kenyataan PEMADAM ini dipadamkan. Saya lebih memilih Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya badan-badan yang ada, yang selama ini berjuang untuk membanteras dadah ini supaya maknanya diadakan satu mesyuarat supaya dibugarkan dan dinilai semula. Macam PEMADAM ini sebenarnya jasanya sudah begitu jelas. Jadi oleh kerana itu, saya bersetujulah suatu penilaian semula termasuklah dari sahabat saya dari Larut supaya pusat serenti itu sendiri, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri supaya dinilai semula.

Kalau saya hendak ambil contoh, waktu saya pergi ke bengkel. Setelah berada selama satu jam di situ, saya bertanya dengan pegawai-pegawai yang ada di pusat serenti itu, 'puas hatikah anda bekerja di sini?' *straight away* jawapannya mereka tidak berpuas hati, Timbalan Menteri. Jadi oleh kerana itu ini pun satu perkara yang sangat penting yang boleh memberi kesan kepada agenda kita untuk menangani dadah. Tetapi yang lebih penting Timbalan Menteri, ialah kita telah mencadangkan supaya kuasa rakyat ini *people's power* ini digunakan. Kita minta supaya JKKK itu diperkasakan.

Maknanya dijadikan satu agenda tetap di mana mesyuarat JKKK mesti dalam agendanya ialah mengenai membanteras dadah. Ini harus disediakan satu bentuk modul atau borang umpamanya, supaya apabila mereka bermesyuarat, mereka tidak sahaja bercakap mengenai pembangunan fizikal tetapi akan bercakap mengenai pembangunan insan, khusus mengenai anak-anak kita ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita juga telah membuat kenyataan dan saya difahamkan Kerajaan Negeri Selangor telah pun mewajibkan bahawa dalam mesyuarat JKKK mesti ada satu agenda iaitu agenda mengenai dadah mesti dibincangkan. Jadi, perkara ini akan diambil kira. Oleh kerana JKKK ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tetapi kita akan memohon kerjasama daripada kementerian yang berkaitan yang berkuasa ke atas JKKK ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu polis, Yang Berhormat bagi Pendang telah mencadangkan agar polis menubuhkan satu unit agama di dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), seperti Ko-Agama Angkatan Tentera ataupun KAGAT dalam Angkatan Tentera

Malaysia. PDRM memang mempunyai cadangan untuk menubuhkan unit agama yang buat masa ini telah merangka unit tersebut yang dinamakan Unit Pembangunan Kerohanian dan juga Moral dalam fungsi khasnya memberi tumpuan kepada pengukuhan rohani yang berasaskan nilai-nilai murni dan moral yang tinggi.

Ianya akan menjadi jentera penggerak kursus kerohanian yang lebih mantap yang berasaskan Islam dan kursus moral yang berasaskan prinsip-prinsip moral universal bagi Islam dan bukan Islam semasa menjalani latihan kepolisan.

Yang Berhormat bagi Pendang juga ingin mengetahui mengenai penglibatan pegawai dan anggota polis dalam jenayah. Berdasarkan rekod pegawai dan anggota polis yang terlibat dalam jenayah bagi tempoh empat tahun, bermula dari tahun 2000 hingga 2004 adalah seperti berikut:

Kes yang melibatkan samun, rogol, dadah dan juga yang mendatangkan kecederaan, seramai 233 orang telah pun diambil tindakan di mana daripada 233 orang, pegawai seramai 18 orang dan anggota berpangkat rendah seramai 215 orang. Kes-kes yang melibatkan mereka ini adalah kes-kes jenayah kekerasan seperti samun, rogol dan juga mendatangkan kecederaan serta kes dadah. Daripada perangkaan ini jika dibandingkan dengan jumlah keanggotaan sebenar PDRM, ianya menunjukkan hanya segelintir anggota yang terlibat iaitu kurang daripada 1% sahaja setiap tahun.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya pula ingin mengetahui berkaitan cadangan pembinaan Balai Polis, Ibu Pejabat Daerah Polis Subang Jaya. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini pihak polis telah mencadangkan agar pembinaan Balai Polis, Ibu Pejabat Polis Subang Jaya dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Cadangan pelaksanaannya telah pun dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah mempersoalkan tindakan...

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan isu penggunaan tapak rizab balai polis ini. Saya masih ingat, tahun lepas di dalam persidangan Dewan ini

pada bulan September 2004, Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa menjawab satu soalan telah menyatakan bahawa kesediaan pihak kerajaan memperkenalkan sistem *build, lease and transfer* (BLT), dengan izin, untuk membina balai-balai polis, khususnya di kawasan perumahan di Lembah Klang yang harus diberi keutamaan.

Dengan itu, saya hendak mohon agar Timbalan Menteri dapat melihat balik, agar pembinaan balai USJ di atas tapak balai polis ini dapat digunakan menggunakan sistem yang dijalankan oleh pihak kerajaan, iaitu konsep *build, lease and transfer*. Bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan kerana di kawasan ini memang kawasan kritikal dari segi keselamatan dan ketenteraman awam? Maka, haruslah diberi keutamaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita sedar bahawa di kawasan Subang Jaya memang perlukan balai polis. Tetapi, saya ingin nyatakan bahawa ada dua isu. Yang pertama ialah IPD Subang Jaya. IPD Subang Jaya, saya ingin maklumkan bahawa kita juga ada masuk RMK9 dan tapaknya bukan di tapak USJ8, yang menjadi isu kontroversi tersebut. Isu yang kedua ialah Balai Polis USJ8. Itu satu isu yang lain.

Tetapi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kedua-dua Balai Polis USJ dan juga IPD Subang Jaya telah pun kita masukkan dalam RMK9 dan terpulanglah kepada EPU untuk menentukan. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan bahawa kedua-dua ini, Balai Polis USJ dan juga IPD Subang Jaya, pihak kementerian telah pun menerima beberapa cadangan daripada syarikat-syarikat tertentu untuk dibina secara penswastan dan ada juga yang menghantar *proposal* untuk mengadakan konsep BLT.

Permohonan-permohonan tersebut telah pun kita majukan di peringkat EPU kerana yang boleh meluluskan, sama ada projek ini boleh dibuat dengan BLT ataupun penswastan, hanya bidang kuasa EPU. Jadi, perkara ini telah pun kita hantar kepada pihak EPU.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong, sila.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak memberi sedikit statistik IPD Subang Jaya ini. Apa yang dikata oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya mengenai USJ8 itu, memang saya menyokong, memang kawasan itu kawasan yang kritikal. Bagi saya, / *think* satu rancangan kritikal yang mesti dijalankan ialah kalau boleh di kawasan USJ8 kita binakan balai dahulu, balai USJ. Okey, di kawasan yang telah disediakan itu.

Tentang IPD Subang Jaya - Untuk makluman Yang Berhormat, di IPD Subang Jaya terdapat lapan balai. Lima daripada lapan balai polis itu adalah terletak di kawasan Puchong dan juga satu di kawasan Serdang. Maka secara logiknya, saya mencadangkan bahawa IPD Subang Jaya seharusnya mesti diletak di kawasan Puchong kerana lebih daripada 65% daripada penduduk di bawah IPD Subang Jaya ini terletak di Puchong.

Maka, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh panjangkan cadangan daripada Puchong ini ke kementerian Yang Berhormat supaya cadangan saya untuk membina IPD Subang Jaya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dapat diluluskan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, terima kasih. Ini soal Puchong dengan Kelana Jaya. [*Ketawa*] Dahulu dia berebut nama IPD yang baru. Yang Berhormat bagi Puchong suruh cadangkan nama IPD Puchong, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya pula cadangkan nama IPD Subang Jaya. Jadi, kita pilih IPD Subang Jaya. Tetapi di Subang Jaya, USJ8 ini kita tengok ada lebih kurang tiga ekar, tidak cukup untuk buat IPD. Jadi, kemungkinan besar cadangan yang saya dapat dan kementerian dapat ialah untuk dibuat di Kinrara. Itu lebih luas tetapi ini masih di dalam pertimbangan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak.. .

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Larut tidak ada berkaitan. [*Ketawa*]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak, pasal ibu pejabat polis ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Duduk sat. *[Ketawa]*  
Tahniah Yang Berhormat kerana sebagai seorang Timbalan Menteri begitu prihatin, turun ke bawah, buat lawatan, hebat dan kita harap perkara ini *consistent*, dengan izin.

Saya hendak minta tolong sedikit sahaja, Yang Berhormat, masalah ibu pejabat polis di kawasan saya dahulu. Dahulu, Selama ini, Yang Berhormat, mintalah tolong ambil ingatan, adalah merupakan tempat kawasan hitam sewaktu darurat dan juga semasa kita ada pengganas komunis. Masalahnya bangunan cantik, besar dan hebat tetapi surau tidak ada, Yang Berhormat.

Tadi, Yang Berhormat bercakap soal hendak mengembangkan dakwah yang hendak dipertimbangkan. Jadi, saya mintalah kalau boleh masalah yang kecil ini, surau, depa sembahyang dalam stor, Yang Berhormat. Imej polis hendak kena jaga. Saya cukup rapat dengan polis ini. Jadi, kalau boleh minta perkara kecil, Yang Berhormat, tolonglah tengok dan lihat di Balai Polis Selama ini, wujudkanlah satu surau.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini yang berbunyi sebelah sana, pasal apa? Sekejap lagi kalau saya payung, marah. Inilah pembangkang, kita hendak bercakap soal keselamatan, mereka main-main. Besok, kalau polis tidak jaga pembangkang, dia marah, Yang Berhormat.

Jadi, minta tolong, Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau setuju dapat melawat di tempat saya ini, stor, Yang Berhormat. Kita hendak buat bangunan baru, kita setuju, kita mengalu-alukan, tetapi yang hak bangunan lama ini pun, kalau surau tidak ada, Yang Berhormat, apa salahnya didirikan satu surau, mereka sembahyang dalam stor. Jadi, minta sangatlah kalau boleh esok tolong buatlah surau ini, tidak mahal, dalam RM200 ribu sahaja. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli Yang Berhormat, yang soal balai polis kawasan masing-masing itu, berhubung teruslah. Kalau semua hendak cakap di sini, sampai pagi pun tidak selesai Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, saya pun setuju *[Ketawa]* sebab saya akui bahawa di balai-balai polis memang banyak yang uzur. Pondok polis pun, saya tahu tempat Yang Berhormat pun kita tengok pondok-pondok polis menyewa rumah-rumah

yang usang. Saya juga lihat bahawa balai-balai polis dalam RMK8 masih banyak lagi yang kita tidak dapat laksanakan, ini kita bawa kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Memang kita sedar bahawa kebanyakan IPD memang tidak ada dibuat surau, tempat saya pun sama – Kuala Selangor pun mempunyai masalah yang sama. Kita akan beri *priority* dahulu untuk pembinaan balai-balai dan juga IPD-IPD. Dalam masa yang sama, masalah yang dibangkitkan, soal surau ini juga kita akan berikan perhatian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, fasal Yan ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, saya sabar lama, saya beri kawan-kawan, maklumlah budi bahasa Dato'. Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan pasukan Polis Diraja Malaysia adalah pasukan polis yang terbaik di dunia [*Disampuk*]  
Ya, yang ini ..... YB ..... yang terbaik, dan akhir-akhir ini kita tengok kes-kes; hari ini bunuh, besok cekup, bunuh, tangkap, kita cepat bertindak. Pasukan kita ..... saya ucapkan tahniah kepada Menteri, Timbalan Menteri dan juga IGP dan seluruh anggota pasukan polis. Tetapi Yang Berhormat, kita kena juga melihat dari segi keperluan-keperluan pasukan polis sama ada alat kelengkapannya, kenderaannya, kemudahan-kemudahan yang harus kita beri supaya prestasi mereka ini akan lebih baik lagi. Dalam keadaan dunia yang agak tidak menenteramkan, kita takut ada benda-benda yang tidak mahu berlaku dan pasukan polis kita tidak mempunyai alat kelengkapan yang canggih.

Begitu juga dari segi *welfare* mereka ini harus kita ambil kira kerana mereka menjaga ketenteraman, barulah Ahli Parlimen Bukit Mertajam boleh tidur lena, boleh mengeruh sampai ke siang, barulah Ketua Pembangkang dia tidak tidur dalam Dewan Rakyat, dia tidur lena di rumah. Jadi ini semua ....Oh! dia tidak tidur, dia jaga, *sorry* ya, tarik balik [*Ketawa*].

Ini semua adalah disebabkan oleh pasukan polis. Kita kena jaga depa, depa ini jaga kita. Kalau tidak kita tidak boleh aman dan tenteram. Saya minta kepada Timbalan Menteri sebab masih ada lagi, kasihan pada polis ini. Tengoklah patut padan, gaji-gaji itu bagilah patut padan. Saya faham ada seorang anggota polis, anak dia pergi universiti, gaji kecil.

**Puan Chong Eng:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tidak payahlah bawa di sini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak apa, nanti kita sembang di luar ya, kita sembang di luar. *Welfare* ini kita kena jaga supaya mereka, macam saya kata, bila depa keluar bertugas, depa bertugas untuk negara, bertugas untuk rakyat, depa tidak fikir masalah-masalah lain dan balai polis di Yan ini, bila Yang Berhormat?

Saya sudah tidak tahan, penswastaaan, *privatization* – bunyi cukup sedap, dia sapu habis balai polis, tidak naik-naik sampai hari ini. Kesian OCPD saya, kesian pegawai-pegawai saya. Bukan setakat surau, hak itu tidak kisahlah, saya kata hangpa sembahyanglah tang mana pun, dalam Islam ini, asal ada tempat bersih, hangpa hadap kiblat, hangpa buatlah kan? Benda ini, Yang Berhormat kena beritahu ICU supaya memastikan dua balai polis IPD ini; di Pendang dan Yan kerana tauke itu sudah *develop* tanah itu, ambil untung dan Dato' sendiri sudah melawat, pi tengok rumah polis macam sangkar, hendak suruh polis duduk dengan anak empat, lima orang macam sangkar burung.

Yang Berhormat, benda ini saya tahulah, saya bercakap dengan Yang Berhormat di luar tetapi hendak beritahu pegawai-pegawai yang ada, tolong tengok dan tolong buat laporan – pergi ke UPU atau mana-mana U, tidak kiralah, kalau boleh tahun depan, mulalah projek di Yan itu, kalau tidak saya pun tidak tahu hendak berkata apa. Jadi yang itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tidak tanya lepas ini  
[Ketawa]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas simpati Yang Berhormat, sokongan Yang Berhormat kepada polis. Segala pandangan Yang Berhormat, kita juga sedang menunggu laporan daripada Suruhanjaya Penambahbaikan Polis. Kemungkinan di dalam laporan tersebut ada dan akan dimasukkan cadangan-cadangan ini, kemungkinan, saya tidak tahu, tetapi...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya sudah tidak mahu bercakap tetapi saya hendak tanya, Suruhanjaya ini sudah berapa tahun, Yang Berhormat? Tidak selesai lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat..



**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Suruhanjaya ini, saya difahamkan kita sedang menunggu laporan.

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, saya hendak jawab dahulu, saya hendak jawab. Ini kita sedang tunggu laporan tetapi saya percaya kemungkinan ada beberapa cadangan tersebut. Kerajaan memberikan perhatian, sebab itu Kabinet telah meluluskan RM740 juta untuk polis tetapi masalah yang kita hadapi ialah kelulusan itu berperingkat-peringkat. Macam tahun lepas dia bagi RM120 juta, jadi kita kena belanja semampu yang ada. Tahun ini saya difahamkan, dia akan bagi pula RM200 juta, tahun depan dia bagi sedikit. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin untuk membantu polis dan saya percaya kalau ada laporan daripada Suruhanjaya Penambahbaikan Polis, kemungkinan segala masalah ini mungkin akan lebih cepat dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Yang kedua mengenai Balai Polis Yan, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa ini masalah syarikat yang membangunkan IPD Kuala Muda yang mana kita lihat rumahnya begitu kecil dan sebagainya tetapi alhamdulillah saya telah dimaklumkan bahawa satu pegawai boleh dapat dua buah rumah, kalau anak lebih daripada empat supaya lebih selesa kalau tidak saya pun pergi melawat, amat menyedihkan. Hasil daripada itu, saya difahamkan pihak syarikat ini telah tidak mahu membangunkan sebab pulangan daripada itu, dia ambil tanah polis, dia kena buat IPD Kuala Muda dan telah pun siap dan dua balai polis; Yan dan juga Pendang. Sekarang ini, saya difahamkan, syarikat ini mungkin akan tidak mahu meneruskan projeknya dan dalam bulan lepas, kita ada mesyuarat, kita telah mengarahkan supaya dibatalkan penswastaaan ini dan kita akan cari syarikat lain untuk menyambung projek tersebut. Yang Berhormat hendak kena sabar, kita..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tetapi tanah itu diambil oleh dia.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, tanah yang kita bagi berperingkat-peringkat. Ertinya peringkat tanah yang dia bagi, kalau macam kita 100 ekar, kita bahagikan tanah ini mengikut peratus nilai yang dibuat, jadi ada *balance* lagi. Saya difahamkan ada *balance* lebih kurang 30%, masih ada *balance* yang kita belum serahkan kepada syarikat tersebut. Itu sebabnya, kita mungkin akan sambung konsep itu tetapi syarikat yang lain mungkin akan sambung. Ini telah pun kita buat keputusan dan kita sedang menunggu jawapan daripada EPU. Baiklah Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, terima kasih. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa kalau kita ada polis yang terbaik di dunia, tidak perlulah ada Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia ditubuhkan tetapi kita mahu polis yang terbaik di dunia untuk membanteras jenayah, untuk menjaga keselamatan setiap warganegara Malaysia dan atas sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan oleh kerana Suruhanjaya Polis Diraja akan menyampaikan laporan pada minggu pertama bulan depan, bulan Mei bahawa laporan itu akan diumumkan dan bukan macam Intrim Report di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada buat jaminan, janji dalam Dewan yang mulia ini akan beri kepada saya untuk diumumkan tetapi akhirnya ditarik balik, bahawa ia akan diumumkan supaya boleh menjadi satu kajian orang ramai mengikut proses *transparency* dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bersetuju bahawa perlu satu sidang khas Parlimen untuk membahaskan Laporan Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia itu supaya kita ada satu pasukan polis yang terbaik di dunia. Tidak guna mengadakan satu *Police of Law Commission* tetapi laporan tidak diberikan perhatian dan keutamaan yang sewajarnya.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya *reserve* komen saya sebab itu sebagaimana Yang Berhormat nyatakan, ini lambat lagi, laporan pun tidak siap lagi, jadi kita tunggu dululah. Kita sedia maklum bahawa laporan ini akan dihantar ke Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, *first week of May* akan dibentangkan, saya tahu bahawa dalam *first of May*, tetapi adakah ia akan diumumkan apabila ia dibentangkan kepada Yang di-Pertuan Agong? Tidak adakah disimpan sulit, *confidential*, *official secret*.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak, laporan ini dihantar ke Yang di-Pertuan Agong, jadi kita belum tahu lagi, saya ingat kita tunggu laporan tersebut sebab Suruhanjaya ini melaporkan terus kepada Yang di-Pertuan Agong. Bermakna, saya ingat adalah tidak adil kalau laporan yang belum lagi disiapkan, belum lagi dihantar, kita hendak bincang. Saya ingat Yang Berhormat sabarlah, tunggu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak kata bincang tetapi satu keputusan dan pendirian bahawa laporan itu akan diumumkan supaya ia boleh dibincangkan oleh orang ramai dan satu sidang khas Parlimen diadakan. Saya bukan cadangkan kita bincang mengenai laporan itu, kita tahu belum siap. Tetapi saya tahu, akan siap dan akan dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong pada minggu pertama bulan Mei. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu, saya beritahu.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, Yang Berhormat lebih hebatlah daripada saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya [*Ketawa*]

**Puan Chong Eng:** [*Ketawa dan menyampuk*]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kalau Yang Berhormat lebih hebat daripada saya, Yang Berhormat boleh fikirilah, sama ada kita hendak bincang.... saya hendak berkata Suruhanjaya ini kita biar dahulu, apabila sampai masanya nanti kita biar Suruhanjaya serah kepada Yang di-Pertuan Agong dan pihak kerajaan akan menunggu apa juga arahan yang akan diberi kemudian. Sebab tentang laporan ini, Yang Berhormat pun sedia maklum, ia dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong.

Jadi kita tunggu laporan tersebut dan kita akan lihat apa tindakan yang kerajaan akan ambil. Bagi saya adalah tidak adil kalau saya hendak kata hendak berbincang dan sebagainya. Kita pun tidak tahu apa yang terkandung di dalam laporan tersebut. Pasal Suruhanjaya ini kita tengah berbincanglah, tunggu bila sudah dilaporkan nanti, bila sudah dibincangkan dalam akhbar dan sebagainya, mungkinlah pada masa itu tetapi sekarang ini saya tidak mahu sentuh pasal Suruhanjaya ini.

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Pasal Suruhanjaya kah?

**Puan Chong Eng:** Tidak!

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Suruhanjaya saya tidak mahu layanlah.

**Puan Chong Eng:** Jenayah!

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Jenayah okey, sila.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa apa yang kami di sini cuma mencadangkan bahawa apabila laporan itu diumumkan dia di bahas kerana pada waktu sekarang, lihatlah di dalam Dewan di sini, dari pihak sana pun banyak masalah tentang polis, tentang jenayah. Saya rasa satu hari pun tidak cukup kalau hendak betul-betul membahaskan dan saya hendak bertanya, saya terbaca dalam surat khabar bahawa dikatakan kadar jenayah tentang kes ragut di Kuala Lumpur telah turun lebih kurang 26%, ini adalah sangat baik. Tetapi kes ragut ini masih banyak lagi.

Baru-baru ini di Johor ada seorang pemuda mati kerana kes ragut dan di Kuala Lumpur pelancong dari negeri China diragutnya 17 pasport dan di Pulau Pinang di mana tempat-tempat pelancongan, dia *target* pelancong dari luar negara sebagai *target* untuk meragut. Ini akan mengancam atau menjejaskan pelancongan. Saya rasa adalah perlu kita mendapat satu laporan bagaimana boleh terus menurun kerana dikatakan sebabnya ialah dengan penambahan polis ronda. Bolehkah kita tambah di semua tempat yang ada jenayah ragut? Di Bukit Mertajam pun selalu ada jenayah ragut. Jadi pohonlah macam mana kementerian boleh terus membanteras semua kes jenayah, khususnya ragut. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, kita hendak membincangkan soal polis, mengenai jenayah. Kita menyatakan bahawa jenayah ragut turun, tahun 2002 - 11.4%, tahun 2003, dia turun kepada 11.8% kemudian tahun 2004 dia turun pada 8.5%. Ini bermakna masih ada jenayah ragut, kita tidak kata langsung tidak ada ragut. Ini bermakna kita berjaya mengurangkan kes-kes ragut setelah kita membuat kempen secara besar-besaran. Kes-kes jenayah yang lain seperti kes bunuh pun kita lihat perangkaannya semakin menurun. Kes samun berkawan dan bersenjata api juga turun. Hanya kes jenayah yang meningkat ialah kes menculik motosikal, itu yang naik sampai 38%. Kes-kes jenayah hanya ada 19.1% sahaja. Kalau orang ramai boleh jaga motosikal maka kadar jenayah kita semakin kurang, kerja kita pun semakin kurang.

Mengenai jenayah di kalangan polis seperti Yang Berhormat mengatakan memang saya sudah baca perangkaan hanya lebih kurang 1% sahaja yang melibatkan

polis yang melakukan kes-kes jenayah kerana kita tidak nafikan bahawa polis mempunyai anggota yang ramai.

Walau bagaimana pun saya ingin menyatakan bahawa laporan Suruhanjaya itu tidak patut kita bincang selagi ianya belum diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Tan Kok Wai:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat pasal apa?

**Tuan Tan Kok Wai:** Jenayah, jenayah.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Jenayah ya. Bukan sebab tol ya?

**Tuan Tan Kok Wai:** Okey terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk mencapai matlamat bandar selamat dan untuk mencegah jenayah adalah digalakkan supaya *neighbourhood* polis ataupun penubuhan sebanyak mungkin pondok-pondok polis di kebanyakan kawasan perumahan tetapi adalah biasanya pihak polis menolakan permintaan walaupun kawasan-kawasan yang *prone* kepada jenayah berlaku dan permintaan biasanya lumrahnya ditolak adalah disebabkan tiga alasan utama yang diberikan oleh pihak polis iaitu;

- i) ketiadaan tapak untuk membina pondok polis;
- ii) kekurangan dana; dan
- iii) kekurangan anggota

Tetapi saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini mengenai satu kes spesifik yang saya minta satu jawapan bertulis jika tidak dapat menjawab pada hari ini, kerana kes ini sangat unik di mana di kawasan saya ada sebuah dewan orang ramai yang baru dibina tetapi terbiar. Ia terletak di satu kawasan perumahan di panggil Taman Kobena.

Untuk mencegah jenayah di kawasan persekitarannya saya ada memohon kepada pihak polis supaya menjadikan dewan orang ramai ini sebagai sebuah pondok polis tetapi ditolak dan saya meminta Jabatan Perdana Menteri supaya menyerahkan bangunan ini kepada polis dan dijadikan pondok polis.

Saya dengan sukacitanya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa Jabatan Perdana Menteri meluluskan permohonan ini dan secara bertulis memaklumkan kepada pihak polis bahawa Jabatan Perdana Menteri bersetuju untuk menyerahkan bangunan itu kepada pihak polis untuk dijadikan pondok polis. Untuk mengatasi masalah tabung,

Jabatan Perdana Menteri dalam jawapannya juga memberitahu pihak polis bahawa sekiranya pihak polis mengalami masalah kekurangan wang untuk melengkapkan balai itu, Jabatan Perdana Menteri rela menimbangkan dan meluluskan peruntukkan kepada polis tetapi walaupun masalah yang paling besar dapat diatasi tetapi pihak polis sehingga kini tidak dapat menerima bangunan yang sedia ada dan enggan menjadikan dewan itu sebagai sebuah pondok polis. Ini membayangkan sikap polis begitu tidak mementingkan konsep bandar selamat ini.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita lihat polis Kuala Lumpur telah membuat berbagai-bagai program, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP semasa pelancaran rakan COP datang bersama-sama memberi sokongan kepada polis. Ini menunjukkan bahawa pihak polis sentiasa memikirkan secara proaktif bagaimana cara untuk kita mengurangkan kadar jenayah. Seperti di Kuala Lumpur dengan usaha Rakan COP sebagai contoh, kadar jenayah kita dapat kurangkan. Walau bagaimana pun spesifik kes Yang Berhormat nyatakan saya harap Yang Berhormat boleh berhubung dengan saya. Saya akan lihat dan saya juga ingin tahu sebab apa pihak polis tidak mahu menerima dewan tersebut sebagai tempat, saya percaya mungkin ada sebab-sebab lain yang kita tidak tahu. Walau bagaimana pun Yang Berhormat bolehlah memberi surat Jabatan Perdana Menteri dan surat Yang Berhormat kepada saya untuk saya ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, saya beri Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan:** Pendek sahaja soalan, ketika soal jawab Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa keselamatan belum sampai ke tahap yang perlu dibimbangkan. Dia kata tidak perlu bimbang. Jadi saya hendak tahu walaupun statistik menunjukkan kadar jenayah telah menurun kecuali yang curi motosikal. Tetapi apakah pihak kementerian pernah membuat sebarang kajian on the ground dengan izin

berkenaan persepsi, perasaan orang ramai berkenaan keselamatan, apakkah kementerian pernah membuat kajian sedemikian?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tak buat kajian pun kita tahu bahawa mungkin rakyat masih takut sebab kita kata bukan tidak ada jenayah, jenayah berlaku tetapi ia dapat kita kurangkan. Walau bagaimanapun ada berlaku jenayah tapi masih terkawal. Ertinya kita masih bebas di negeri kita tidaklah sampai ke satu tahap orang nak keluar malam takut, nak keluar makan di gerai pun takut jadi maksudnya ialah kita jangan fikir, jenayah berlaku tetapi yang boleh kita nyatakan kita berjaya mengurangkan kadar jenayah dan daripada tindakan polis kalau dibandingkan peringkat antarabangsa seperti *Interpol* sebagai contoh dia meletakkan 20% kalau boleh selesaikan kes sudah mencapai satu kejayaan.

Tapi kita di Malaysia, kita pihak polis boleh menyelesaikan kes sehingga ke 46% jadi sebab itu Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa kawalan keselamatan di negara kita masih terjamin jadi kalau nak berlaku pun mungkin kerana sebab itu kita minta media-media massa tertentu, ada kala media-media massa tertentu menjadikan sensasi sesuatu kes bunuh seolah-olah menggambarkan itu keadaan dekat Malaysia, tapi kita tidak menafikan bahawa jenayah masih lagi berlaku tapi dalam keadaan yang terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, ya Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Sabak Bernam ingin menafikan kita ada masalah dengan polis malah Sabak Bernam sebenarnya kita mempunyai bukan sahaja hubungan yang akrab tetapi saya lihat OCPD nya tiga kali bertukar dalam tempoh saya menjadi wakil rakyat, semuanya naik pangkat dan kemudian keadaan keselamatan di Sabak Bernam adalah dalam keadaan yang cukup baik.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita harus membela pihak polis yang telah menjalankan perkhidmatan dengan cukup baik. Kita difahamkan bahawa keanggotaan polis ini kurang 23,000 orang, saya difahamkan begitu. Ramai di peringkat pegawai, saya ingin mengesyorkan supaya siswazah-siswazah menganggur kita ini yang mempunyai pendidikan ilmu ini supaya diberikan keutamaan, mungkin ada permuafakatan dengan Kementerian Sumber Manusia supaya mereka ini diberikan latihan yang bersesuaian secara khusus supaya mereka ini dapat memegang jawatan.

Selain daripada itu, saya nak menyampaikan pesan daripada sahabat saya dari Setiu, IPD di sana telah tergendala sejak beberapa tahun, Setiu dan Besut. Dan oleh kerana ini perlu diberi perhatian dan akhir sekali saya nak ke belakang sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari segi kemudahan dan kelengkapan ini saya lihat ADK di negeri Selangor sebenarnya daripada 9 daerah hanya 3 sahaja yang mempunyai pejabat sebagai pusat operasi mereka. Oleh sebab itu, kelengkapan ini untuk perkhidmatan yang lebih baik daripada pegawai-pegawai kerajaan kita polis dan AADP harus diperlengkapkan segera. Terima kasih

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai ADK ke belakang sikit, Yang Berhormat kita dalam perancangan. Bila kita tubuhkan Pusat Khidmat Komuniti, kita akan letak pejabat ADK, itu sebab Khidmat Komuniti.

Yang kedua mengenai, siswazah penganggur ini satu cadangan yang baik dan memang polis sedang menuju ke arah tersebut untuk memberi ruang kepada siswazah-siswazah ini sekurang-kurangnya biar mereka tahu undang-undang dan sebagainya. Tapi masalah yang kita hadapi ialah untuk mengambil mereka berkhidmat kerana tempoh latihan, kita ada standard, dulu 9 bulan sekarang dah turun kepada 6 bulan. Kita saya percaya tidak mahu lebih dari tiga bulan kerana di samping kita nak mengatasi masalah kekurangan polis, kita juga inginkan polis yang ada kualiti, jadi masalah tempoh kursus dan tempat latihan juga adalah terhad. Sekarang ini kita hanya mampu dalam satu intake lebih kurang 6,000 orang saja yang kita mampu ambil. Jadi sebab itu sekarang ni kita ambil pengambilan setahun dua kali untuk kita mencari jalan mengatasi masalah kekurangan polis.

Dan mengenai masalah IPD Setiu ini, saya faham, saya pernah pergi melawat kita telah lantik kontraktor yang baru dan insya-Allah akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Yang Berhormat daripada Bukit Bintang telah mempersoalkan tindakan polis menggunakan kekerasan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, panjang lagi ke? Yang Berhormat telah menjawab selama 90 minit.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ha, saya ingat nak habiskan polis ini. Yang Berhormat Bukit Bintang telah mempersoalkan tindakan polis menggunakan kekerasan dan bertindak kasar dan juga menangkap beliau semasa bertindak dalam meleraikan



perhimpunan awam pada 1 Mac 2005. Semasa DAP melancarkan Kempen Kembalikan Undi Ke-3 memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kejadian yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat yang berlaku pada 1 Mac 2005 pada jam lebih kurang 10.10 pagi adalah satu perhimpunan haram dianjurkan oleh DAP. Terdapat 7 peserta perhimpunan ditangkap apabila mereka mengingkari arahan pihak polis untuk mereka bersurai. Mereka ditangkap di bawah Seksyen 27(5) Akta Polis 1967 kerana kesalahan mengadakan perhimpunan. Pertama kerana tanpa kebenaran dan yang kedua berkumpul tiga orang atau lebih dan tidak mengendahkan arahan untuk bersurai.

Yang Berhormat Bukit Bintang juga mempersoalkan mengapa pihak polis telah membuat pengawasan ke atasnya semasa beliau mengadakan taklimat untuk penduduk Kampung Brunei pada 2 Mac 2005.

*[Yang Berhormat Bukit Bintang bangun]*

Nanti Yang Berhormat, bagi habis you punya kes dulu. Yang Berhormat ya, saya bagi habis Yang Berhormat punya isu dulu.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini kementerian ini ingin memaklumkan bahawa pihak polis telah menerima maklumat yang mengatakan Yang Berhormat Bukit Bintang sedang mengumpulkan orang ramai untuk membuat protes terhadap kerajaan di atas isu perpindahan penduduk setinggian Kampung Brunei ke Puchong. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa tindakan pengawasan adalah merupakan satu tanggungjawab polis untuk memantau segala aktiviti terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan dan juga ketenteraman awam.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang 1 Mac ada satu kita melancarkan satu pilihan raya kerajaan tempatan di Dataran Merdeka. Dataran Merdeka ialah satu simbol untuk negara kita bebas daripada jajahan British. Adakah Yang Berhormat sedar, kita sudah beritahu kepada polis, tiga hari ada war-warkan kepada Timbalan Ketua Polis Wilayah Persekutuan dan juga OCPD Dang Wangi bahawa kita ada satu upacara melancarkan satu pilihan raya kerajaan tempatan hanya setengah jam untuk melepaskan belon dan satu sidang akhbar.

Kalau ini dijadikan satu kesalahan kepada ahli Parlimen menjalan tugas di kawasan saya, saya rasa ini amatlah kejam dan tidak bertanggungjawab polis. Kita melancarkan ini, melepaskan belon ini, kita bukan melepaskan bom seperti yang terjadi di Hatnyai baru-baru ini, adakah ini satu kesalahan yang besar? Dan juga kepada 2 Mac, bila saya memberi taklimat kepada penduduk-penduduk setinggian tentang pemindahan mereka ke tempat baru ialah PPRT. Hujung, 25 km jauh dari Kuala Lumpur yang asal mereka tinggal. Saya beri taklimat sahaja kepada mereka bahawa DBKL tangguhkan tindakan pemindahan ini. Memberitahu kepada setinggian-setinggian, ini satu kesalahan kah? Polis menggunakan tenaga untuk memantau ahli-ahli Parlimen menjalankan tugas, satu tugas yang diamanahkan oleh Parlimen sebagai kewajipan membela rakyat jelata. Tetapi amat aneh kerana pihak polis menggunakan tenaga yang ramai ini untuk memantau aktiviti-aktiviti ahli Parlimen.

Sepatutnya Kuala Lumpur salah satu tempat jenayah indeks yang kedua tertinggi dalam negara ini selain negeri Selangor. Sepatutnya mereka memberi lebih tenaga untuk membanteras jenayah yang berlaku di Kuala Lumpur ini bukan untuk memantau aktiviti-aktiviti ahli Parlimen di kawasan beliau. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, kita ada undang-undang, kita bertindak mengikut undang-undang. Kalau misal kata perhimpunan berkehendakkan kebenaran polis, kita kena minta kebenaran. Kalau polis tidak beri kebenaran janganlah buat, ini kena. Ini dalam undang-undang kata oleh sebab Dataran Merdeka ini tempat yang bersejarah kita boleh buat. Dia tidak ada sebut, kalau undang-undang kata macam tu boleh lah.

Kalau Dataran Merdeka ini satu tempat *free, freedom of speech*, boleh berhimpun macam di *London Hyde Park Corner*, okay, it's okay, tetapi sekarang ini kita belum gazet pun lagi Dataran Merdeka ini sebagai *Hyde Park Corner*. Jadi, oleh sebab tidak ada kebenaran polis maka sepatutnya Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, yang membuat undang-undang, Yang Berhormat yang membuat undang-undang ini, kita patut menghormati undang-undang yang kita buat. Tetapi kalau kita sebagai Ahli Parlimen tidak menghormati undang-undang yang kita buat, bagaimana rakyat yang kita pimpin hendak menghormati undang-undang. Kalau rakyat tengok, "Haa, Ahli Parlimen pun tidak mengikut undang-undang", sebab itu Yang Berhormat kata Kuala Lumpur ini

jenayah semakin meningkat sebab Ahli Parlimen pun tidak mahu mengikut undang-undang, bagaimana rakyat hendak mengikut undang-undang? Jadi sebab itu Yang Berhormat kena mengakui bahawa Yang Berhormat tidak mengikut undang-undang maka polis menjalankan tugas di atas undang-undang yang kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Itu yang pertama.

Yang kedua tadi Yang Berhormat kata Yang Berhormat hendak bagi ceramah tetapi polis *follow*, polis tidak *follow*. Saya sudah kata tadi, polis mendapat maklumat bahawa Yang Berhormat sedang mengumpul orang, jadi bila kita mengumpul orang, polis kena buat pengawasan kerana tindakan polis kita ialah mencegah lebih baik daripada kita mengubati. Saya ingat kes Yang Berhormat ini sudah selesailah, Ahli Yang Berhormat pun sudah bercakap panjang-lebar dalam Dewan, saya pun sudah jawab, jadi saya harap Yang Berhormat boleh terima apa yang polis jelaskan. Kalau Yang Berhormat ikut undang-undang, tidak ada masalah.

Saya ingat sudah beberapa kali Yang Berhormat buat perhimpunan, adakah pada setiap kali perhimpunan Yang Berhormat hendak buat atau perjumpaan Yang Berhormat hendak adakan dengan penyokong-penyokong Yang Berhormat, dengan orang ramai, adakah setiap itu polis tidak bagi? Saya percaya banyak kali yang polis benarkan Yang Berhormat berjumpa dengan pengundi, dengan rakyat Yang Berhormat. Hanya dalam kes-kes tertentu - mungkin dalam tempat *public* seperti Dataran Merdeka yang mungkin tidak dibenarkan, dan mungkin juga polis melihat dari segi isu-isu sensitif Yang Berhormat hendak perjuangkan, mungkin dilihat boleh meninggalkan kesan yang kurang baik. Jadi, kalau kita menghormati undang-undang, tidak timbul masalah Yang Berhormat.

Saya pun, di kawasan saya, bila hendak buat mesyuarat UMNO Bahagian, lagi pula di buat dalam balai raya, buat dalam balai raya, saya kena minta kebenaran polis walaupun saya Timbalan Menteri yang menjaga polis. Ada berlaku keadaan di mana UMNO Bahagian Lipis datang mengadu kepada saya ..... Ahli Parlimen Lipis boleh *confirm*, OCPD tidak benarkan mereka membuat perjumpaan maka mereka tidak buat perjumpaan walaupun UMNO. Jadi kalau UMNO boleh menghormati undang-undang, tak kan DAP tidak boleh ikut undang-undang. Itu yang saya hendak maklumkan.

**Tuan Tan Kok Wai:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat tidak dapat permit polis juga nak berkumpul?

**Tuan Tan Kok Wai:** Lain hal.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Lain hal boleh.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Inilah sikap sebuah kerajaan *authoritarian* – begitu keras, ganas terhadap wakil rakyat, terhadap rakyat biasa di tempat umum, di mana orang ramai berkumpul tetapi parti pembangkang tidak boleh walaupun ia hanya satu persidangan akhbar sahaja dengan melepaskan belon sahaja, itu pun dilarang dan bukan sahaja menangkap Ahli Parlimen, menangkap ADUN tetapi juga menangkap belon. Apakah perbuatan itu? *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ini satu.

Sepatutnya pegawai, anggota polis yang menghalang Ahli Parlimen menjalankan tugas harus diambil tindakan kerana menghalang perhimpunan penduduk dengan Wakil Rakyat di Kampung Brunei itu. Satu perkara biasa sebagai Wakil Rakyat kami berjumpa rakyat hampir setiap hari. Ini adalah tugas harian, tugas yang sepatutnya dijalankan oleh seorang Ahli Parlimen. Kalau pada setiap kali kami bertemu dengan penduduk, sama ada di tepi jalan, di tengah-tengah kawasan setinggan, di mana-mana pun, untuk memberi taklimat, untuk memberi nasihat, untuk memberi bantuan pun dianggap sebagai perhimpunan haram, macam mana seorang Ahli Parlimen, Wakil Rakyat dapat mengotakan janjinya?

Sebelum itu kita semua mengangkat sumpah dalam Dewan Rakyat untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara. Apa yang berlaku di Kampung Brunei itu ataupun di Dataran Merdeka, adalah aktiviti sebuah parti politik yang sah, yang dijalankan secara aman dan tenteram. Kami memaklumkan kepada pihak polis – Ketua Polis di peringkat negeri, Ketua Polis di peringkat daerah, memberikan agenda program kepadanya dan kebanyakan yang hadir adalah Wakil Rakyat, mengapakah begitu keras dan ganas sehingga menjadikan Malaysia imej *police state*.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang itu juga yang diperkatakan oleh Yang Berhormat, pusing-pusing yang itu juga, bagi saya jawablah. Saya lihat Yang Berhormat sudah banyak penggal ada dalam Parlimen – saya ingat ini penggal yang keempat dalam Parlimen kalau saya tidak silap ..... empatkah, lima ..... enamlah, bagilah

banyak kali pun, [*Ketawa*] saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehkah bagi jawapan kepada saya .... selepas inilah, selama Yang Berhormat berkhidmat sebagai Wakil Rakyat, berapa kali, berapa banyak Yang Berhormat minta permit polis, polis tidak bagi, Yang Berhormat berjumpa dengan rakyat? Kalau Yang Berhormat tidak boleh berjumpa dengan rakyat, saya ingat Yang Berhormat pun tidak boleh menang hingga sudah empat kali jadi Wakil Rakyat.

Ini menunjukkan bahawa polis mempunyai budi bicara tentang mana yang boleh dan mana yang tidak boleh. Saya sudah nyatakan tadi, bukan sahaja DAP malahan UMNO hendak mengadakan mesyuarat pun kita minta kebenaran. Saya sendiri pun hendak buat perhimpunan Belia 4B, hendak buat perjumpaan di padang, pun kena minta kebenaran, apa lebihnya DAP ini? Kalau hendak bagi lebih, UMNO patut lebih daripada DAP sebab DAP ini, masalahnya pembangkang ini, kalau apa yang pembangkang minta diberi, oh bagus tetapi kalau tak bagi, tak bagus. Inilah sikap pembangkang. Kalau macam ini sifat pembangkang, sampai bila pun pembangkang tidak boleh menang dalam pilihan raya. Okay Yang Berhormat. Kalau sikap Yang Berhormat macam ini, *no way in the next election* Yang Berhormat boleh hadir lagi dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat bagi Seputeh mendakwa pihak polis telah mengambil tindakan terhadap syarikat Invin Tayar di bawah seksyen 1 di bawah Akta *Anti-Money Laundering Act 2001* dan beliau ingin tahu apakah sebenar yang berlaku. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kes ini sedang disiasat oleh pihak polis di bawah peruntukan undang-undang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dan undang-undang lain yang berkaitan. Penyiasatan terhadap kes ini masih belum selesai. Oleh itu, pihak kementerian ini tidak dapat memberikan maklumat lanjut bagi mengelakkan sebarang unsur prejudis terhadap kes ini.

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah membangkitkan tentang kes pembunuhan peguam Fabian Lim. Di dalam kes ini terdapat tiga orang suspek yang ditangkap. Seorang dituduh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan manakala dua orang lagi dituduh di bawah seksyen 118 Kanun Keseksaan. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tidak berpuas hati dengan tuduhan terhadap dua suspek ini. Beliau mendakwa kemungkinan pegawai tinggi polis dirasuah untuk menurunkan pertuduhan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Siasatan Jenayah Sarawak telah mengemukakan kertas siasatan kes tersebut kepada Yang Arif Peguam Kanan Persekutuan Sarawak dengan cadangan bahawa ketiga-tiga suspek tersebut dituduh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34, iaitu niat bersama dalam melakukan pembunuhan ke atas peguam Fabian Lim.

Walau bagaimanapun keputusan mendakwa dua orang tertuduh di bawah seksyen 118 Kanun Keseksaan bukan keputusan polis tetapi dibuat oleh Yang Arif Peguam Kanan Persekutuan Sarawak setelah meneliti keterangan yang ada. Keputusan pendakwaan tersebut tidak wajar dipertikaikan oleh pihak polis sendiri atau mana-mana pihak lain kerana kuasa untuk memutuskan sebarang pendakwaan adalah di bawah kuasa Yang Arif Peguam Kanan Persekutuan yang mewakili Yang Amat Arif Peguam Negara, selaras dengan kuasa yang diturunkan mengikut Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 376(1) Kanun Prosedur Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, andaian Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bahawa kemungkinan pegawai tinggi polis dirasuah untuk menurunkan pertuduhan ke atas dua orang tertuduh tersebut adalah merupakan satu andaian yang tidak bertanggungjawab. Tohmahan liar seperti ini boleh menjejaskan imej polis Sarawak, khasnya yang telah bertungkus-lumus dalam menyelesaikan kes pembunuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir ialah isu bahan lucah, Yang Berhormat .....

**Tuan Chong Chieng Jen:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kes mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun ...

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Sabahkah, Sarawak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ah ya, okay. *[Memberi jalan kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching untuk bercakap]*

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya kata bukan polis “dibeli” tetapi pegawai peringkat tinggi yang dibeli – itu adalah satu kesalahan yang disebutkan. Kedua, ini bukanlah satu tuduhan yang dibuat oleh saya tanpa asas. Ini adalah persepsi orang ramai, yang penting kerana persepsi orang ramai adalah merupakan batu asas peraturan sosial kita.

Tanpa itu, keyakinan orang ramai terhadap penguatkuasaan undang-undang negara kita, mekanisme tidak dapat dijalankan. Itu adalah *point number 2*. Yang ketiganya, adalah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa banyak Yang Berhormat?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa banyak? Cukuplah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ohh, ini penting, ini penting. Ini kerana, orang itu ditangkap. Apa kena dengan orang yang di sebaliknya. Yang ditangkap itu adalah *assassin*, upahan, dibayar untuk membunuh orang dan orang yang di belakangnya ada siasatan dijalankan?

Point number 4, bilakah perbicaraan kes-kes ini akan diselesaikan? Akan adakah kerajaan memberi *priority* terhadap kes-kes yang saya telah sebut? Bukan satu sahaja, saya punya *name* sahaja. Ada tiga kes. Tiga kes pembunuhan secara terbuka di *public place*, di tempat awam dalam tempoh satu bulan. Sila jawab.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, saya ingat saya tidak perlu jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, berapa minit lagi hendak habiskan?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya sudah habis dah. Ini, saya hendak jawab. Saya hendak masuk bahan lucu, yang last.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya bagi peluang untuk habiskan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya. Yang Berhormat, perkara yang ini kalau Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat faham konsep *separation of power*, *legislature* apa peranan dia, *judiciary* apa peranan dia, *executive* apa peranannya. Yang Berhormat tidak akan mendakwa seperti Yang Berhormat berucap. Kita sedia maklum, tugas polis hanya menyiasat. Terpulang kepada DPP ataupun Peguam Kanan Persatuan atau Peguam Negara menentukan sama ada, ada kes ataupun tidak. Polis tidak ada kuasa untuk buat *an envy* ataupun hendak buang kes.

Yang Berhormat kerana faham. Jadi, yang masalahnya ialah DAP tidak faham tetapi bila bercakap dengan rakyat, konon hendak jadi jaguh kepada rakyat. Ini masalah yang kita hadapi. Memesongkan pemikiran rakyat dan pemahaman rakyat mengenai sistem Demokrasi Perlembagaan di dalam Malaysia. *[Tepuk] [Dewan gamat seketika]*

**Tuan Chong Chieng Jen:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Jadi, saya tidak mahu bagi jalan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Daripada ucapan Yang Berhormat, jelas Yang Berhormat memang tidak faham *the policy, the principal separation of power*, Yang Berhormat memang tidak faham. Yang Berhormat kena belajar dengan Ketua Pembangkang, bagi kursus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya faham.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Jangan, ya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat....

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *Last.* Saya sudah hendak habis. *Last.* Haa, bagi boss you. Boss you jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Penghabisan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Saya ada masa akhirnya. Pendek pun. Sungguh pun saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa itulah budi bicara Peguam Kanan Persekutuan mengenai membuat keputusan mengenai apa dakwaan dikemukakan.

Tetapi, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah ada mengesahkan apa Yang Berhormat bagi Bandar Kucing kata bahawa perakuan pihak polis mengenai caj ada dipinda oleh DPP, bukankah daripada segi *accountability*, sungguhpun ia satu *discretion*, tetapi ia pun perlu ada prinsip *accountability* kepada Parlimen, kamar yang tertinggi mengenai asas keputusan dan saya percaya bukannya untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawablah tetapi untuk Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai bidang ini untuk datang menjawab.



Saya harap bahawa esok Menteri yang berkenaan akan datang untuk memberi satu jawapan yang memuaskan oleh kerana ini melibatkan prinsip *accountability* di negara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya ucap terima kasihlah. Yang Berhormat sudah faham bukan saya sepatutnya yang menjawab. Jadi, saya tidak boleh jawablah. Tetapi, saya minta Yang Berhormat tolong beri penerangan kepada Ahli-ahli DAP yang baru ini supaya dia faham sikit prinsip-prinsip Demokrasi Perlembagaan ini.

Jadi Yang Berhormat, saya sudah tidak bagi jalan dah. Saya sudah *last*, isu barang lucah. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam membangkitkan mengenai isu majalah dan gambar-gambar separuh lucah yang mengghairahkan yang terdapat banyak di pasaran. Beliau meminta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri membanteras masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kawalan Penerbitan dan juga Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sentiasa membuat pemantauan dan penguatkuasaan di atas penerbitan bahan-bahan yang tidak diingini terutamanya bahan-bahan yang berunsur lucah di premis-premis penerbitan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah pun mengenal pasti beberapa penerbitan yang berunsur lucah di mana 280 tindakan telah diambil sepanjang tahun 2004 hingga April 2005 ke atas penerbitan majalah-majalah berkenaan di atas kesalahan melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan garis panduan penerbitan kementerian dan ini termasuklah majalah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam iaitu majalah Variasi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, majalah Variasi ini telah pun dikenakan beberapa tindakan termasuklah yang terbaru iaitu tindakan surat tunjuk sebab di mana penerbit, jika didapati meneruskan penerbitan berunsur lucah, tindakan drastik seperti penarikan permit dan tindakan mahkamah akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya. Sekiranya masih terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh, pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian Sumber Manusia, Yang Berhormat Menteri hendak datang lagi besokkah tidak? Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**8.35 malam.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membangkitkan isu mengenai Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sambung besoklah Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.36 malam.***

21 Mac 2005

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. *Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO*
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. *Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA*
4. “ *Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC*
5. “ *Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN*
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ *Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO*
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ *Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO*
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ *Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO*
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ *Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO

33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji Aman** (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

- 
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
  20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
  21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
  22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
  23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
  24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
  25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
  26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
  27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
  28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
  29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
  30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
  31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
  32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
  33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
  34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
  35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
  36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
  37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
  38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

## SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/ S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC



- 
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
  28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
  29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
  30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
  31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
  41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
  42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
  43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
  44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
  45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
  46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
  47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
  48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
  49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
  50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
  51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
  52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
  53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
  54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
  55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
  56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
  57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
  58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
  59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
  60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP

- 
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
- 64.** “ **Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA**
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS

95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha  
Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang  
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha  
Muhd Sujairi bin Abdullah  
Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin  
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK  
Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

BENTARA MESYUARAT  
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER  
Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor